

**MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR NIKAH  
DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI SELANGOR: KAJIAN  
PELAKSANAAN DAN MASALAH**

**NURUL HUSNA BINTI MANSOR**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR  
NIKAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI  
SELANGOR: KAJIAN PELAKSANAAN DAN MASALAH**

**NURUL HUSNA BINTI MANSOR**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2016**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **NURUL HUSNA BINTI MANSOR** (No. K.P/Pasport: [REDACTED])

No. Pendaftaran/Matrik: **IHA 100051**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR  
NICAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI SELANGOR:  
KAJIAN PELAKSANAAN DAN MASALAH**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon [REDACTED]

Tarikh **28.11.2016**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,



Tarikh **29.11.2016**

Nama:

Jawatan: **DR. FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR**  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

## **ABSTRAK**

“Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah.” Kajian ini menggariskan tiga objektif iaitu; pertama, mengkaji bentuk pengisian dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Kedua, menganalisis pendekatan dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Ketiga, menganalisis bentuk masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Kajian kes kualitatif ini menggunakan tiga teknik pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen. Seramai tujuh belas informan telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dari tiga buah pusat perlindungan wanita di Selangor. Enam orang dari Taman Seri Puteri Cheras, tujuh orang dari Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan empat orang dari Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah. Seterusnya, data kajian dianalisis secara deskriptif dan bertema. Dapatan kajian menunjukkan pengisian yang terkandung dalam modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor menjurus kepada pengukuhan akidah meliputi enam rukun iman, penghayatan ibadah meliputi sebahagian rukun Islam serta pemulihan akhlak pelatih yang dijalankan secara formal dan tidak formal dengan menggunakan kaedah penyampaian berbentuk lisan dan bukan lisan. Selanjutnya, kajian mendapati keenam-enam bentuk pendekatan praktikal yang telah dikemukakan oleh Islam iaitu contoh teladan, beransur-ansur, pembiasaan, nasihat dan bimbingan, pengawasan serta hukuman dan ganjaran diaplikasikan oleh pusat perlindungan wanita di Selangor melalui lima platform secara bervariasi. Akhirnya,

dapatan kajian mendedahkan terdapat tujuh masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor membabitkan pelatih, pengurusan modul, tenaga pengajar, kewangan, ibu bapa dan keluarga pelatih serta masyarakat. Secara keseluruhannya, meskipun pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor dilihat selari dengan saranan Islam, namun ia belum berlaku secara menyeluruh. Justeru, implikasi kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa kualiti pelaksanaan modul keagamaan sedia ada di pusat perlindungan wanita di Selangor masih boleh dipertingkatkan dengan membuat penambahbaikan terhadap aspek kandungan pengisian, pendekatan serta menyelesaikan tujuh masalah berbangkit yang telah dikenal pasti berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini.

## **ABSTRACT**

“Religious Module for Unwed Pregnant Teenagers at Women’s Shelter in Selangor: A Study on its Implementation and Problems.” This study outlines three objectives, where firstly it seeks to study the content of religious module for unwed pregnant teenagers at women’s shelter in Selangor. Second, to analyze the approaches in religious modules implementation for unwed pregnant teenagers at women’s shelter in Selangor. Third, to analyze the problems in the implementation of religious modules for unwed pregnant teenagers at women’s shelter in Selangor. This qualitative case study applies multiple data collection methods which are interview, observation and documentation. A total of 17 informants were selected through purposive sampling technique from three women's shelters in Selangor. 6 informants were from Taman Seri Puteri Cheras, 7 informants from Baitul Ehsan and 4 informants from Darul Wardah. The data were then analyzed descriptively and thematically. The results of the study reveal that the content of the religious modules at women's shelters in Selangor are inclined towards the strengthening of belief through the six articles of faith, practicing religious worships of the five pillars of Islam and the formal and informal moral rehabilitation of the residents through verbal and non-verbal methods. Subsequently, the study has found that the six practical approaches as prescribed by Islam, namely good examples, gradual approach, establishing beneficial habits, admonition and guidance, observation and appropriate punishment and reward are practiced by women's shelters in Selangor through five varied platforms. Finally, the study has shown that there are seven issues in the implementation of religious modules which involve the residents, management of

module, teaching staff, finance, parents and family of the residents, and community. Although the implementation of religious modules in women's shelters in Selangor is in line with Islamic recommendation, it is yet to be carried out fully. The implications of this research indirectly demonstrates that the quality of implementation for the existing religious modules at women's shelters in Selangor can still be improved in terms content, approaches and resolving the seven issue that have identified, based on the suggestions of this study.

## **PENGHARGAAN**

Segala puja dan puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, sembah sujud dan syukur dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua kajian ini dapat disempurnakan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua penyelia merangkap mentor saya iaitu Dr. Fakhrul Adabi b. Abdul Kadir dan Profesor Datin Dr. Raihanah bt. Haji Abdullah di atas bimbingan, teguran, nasihat dan tunjuk ajar yang berterusan sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Rasa penghargaan tidak terhingga juga saya ucapkan kepada barisan Panel Pemeriksa tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Che Zarrina bt. Sa'ari, Prof. Dr Siti Rugayah bt. Hj. Tibek dan Prof. Dr Khairul Anwar b. Mastor dan seluruh barisan pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan di atas tunjuk ajar, perkongsian ilmu dan sokongan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak dilupakan insan yang banyak berjasa kepada saya dalam mengharungi pahit getir sepanjang menggalas amanah ini iaitu Dr. Khairul Hamimah Mohammad Jodi, terima kasih tidak terhingga di atas sokongan penuh baik secara fizikal maupun spiritual.

Seterusnya, sekalung apresiasi buat pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), seluruh kakitangan Taman Seri Puteri Cheras, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), seluruh warga Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan serta kakitangan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah yang sangat komited, membantu dan memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih istimewa buat kedua-dua ibu bapa saya, Encik Mansor b. Ismail dan Puan Ma bt. Harun serta seluruh ahli keluarga dan saudara mara yang sentiasa menyokong dan mendoakan diri ini tanpa jemu dan bosan. Hanya Allah yang mampu membalsas segala pengorbanan masa, tenaga, perhatian dan wang ringgit yang dilaburkan sepanjang diri ini berjuang mengharungi pelbagai cabaran sepanjang menyiapkan kajian ini.

Buat rakan-rakan, Nur Shahidah Paad, Nur Hanisah Senin, Nur Diyana Sallehudin, Nurliyana Juhan, Siti Fairuz dan ramai lagi, terima kasih kerana tidak pernah lokek dengan doa dan kata-kata semangat buat diri ini agar sentiasa kuat dalam menempuh cabaran dalam menuntut ilmu, terima kasih atas segala-galanya dan teruskan berjuang. Akhir kata, harapan saya semoga usaha kecil ini memberikan manfaat untuk masyarakat dan agama serta dihitung sebagai ibadah di sisi-Nya. Insya-Allah.

Nurul Husna binti Mansor  
108, Taman Melur, Jalan Wang Tepus,  
06000, Bandar Darulaman,  
Jitra Kedah.  
[nurulhusna@um.edu.my](mailto:nurulhusna@um.edu.my) (01114391402)

## **ISI KANDUNGAN**

ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Definisi Tajuk	13
1.6 Skop Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	22
1.8 Metodologi Kajian	22
1.8.1 Pendekatan Kajian	23
1.8.2 Reka bentuk Kajian	24

1.8.3	Lokasi Kajian	25
1.8.4	Informan Kajian	26
1.8.5	Pengumpulan Data	29
1.8.6	Analisis Data	37
1.9	Sorotan Literatur	39
1.10	Struktur Kajian	60

## **BAB 2: ISU KEHAMILAN LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA**

2.1	Pengenalan	62
2.2	Faktor Kehamilan Luar Nikah	62
2.2.1	Diri Remaja	64
2.2.2	Ibu bapa dan Keluarga	69
2.2.3	Rakan Sebaya	78
2.2.4	Media dan Kecanggihan Teknologi	80
2.2.5	Masyarakat	82
2.3	Implikasi Kehamilan Luar Nikah	84
2.3.1	Hak Penamaan dan Pewarisan Harta Anak Tak Sah Taraf	85
2.3.2	Pengguguran Janin	86
2.3.3	Pembuangan Bayi	89
2.3.4	Risiko terhadap Kesihatan	92
2.3.5	Penyisihan Sosial	93

2.4	Peruntukan Undang-undang berhubung Kes Kehamilan Luar Nikah di Malaysia	94
2.4.1	Kanun Keseksaan (Akta 574)	95
2.4.2	Akta/Enakmen/Ordinan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia	97
2.5	Mekanisme Perlindungan Remaja Hamil Luar Nikah di Malaysia	103
2.5.1	Penggubalan Dasar dan Akta	104
2.5.2	Penubuhan Institusi Perlindungan dan Pemulihan	111
2.6	Kesimpulan	117

**BAB 3: MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR NIKAH  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

3.1	Pengenalan	118
3.2	Konsep Modul Keagamaan	118
3.2.1	Definisi Modul	118
3.2.2	Definisi Keagamaan	120
3.3	Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah	128
3.3.1	Matlamat Pelaksanaan Modul Keagamaan	128
3.3.2	Pengisian dalam Modul Keagamaan	135
3.3.2.1	Pengukuhan Akidah	137
3.3.2.2	Penghayatan Ibadah	144
3.3.2.3	Pemulihan Akhlak	161

3.3.3	Pendekatan dalam Modul Keagamaan	167
3.3.3.1	Pendekatan Contoh Teladan	167
3.3.3.2	Pendekatan Beransur-ansur	170
3.3.3.3	Pendekatan Nasihat dan Bimbingan	174
3.3.3.4	Pendekatan Pembiasaan	180
3.3.3.5	Pendekatan Pengawasan	184
3.3.3.6	Pendekatan Hukuman dan Ganjaran	188
3.4	Masalah Pelaksanaan Modul Keagamaan	194
3.5	Kesimpulan	198

## **BAB 4: PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI SELANGOR**

4.1	Pengenalan	199
4.2	Latar Belakang Pusat Perlindungan Wanita	200
4.2.1	Sejarah dan Objektif Penubuhan	200
4.2.2	Kategori Pelatih dan Tempoh Perlindungan	205
4.3	Latar belakang Modul	211
4.4	Pengisian dalam Modul Keagamaan	215
4.4.1	Pengukuhan Akidah	215
4.4.2	Penghayatan Ibadah	224
4.4.3	Pemulihan Akhlak	240
4.5	Pendekatan dalam Modul Keagamaan	255
4.5.1	Pendekatan Contoh Teladan	251

4.5.2 Pendekatan Beransur-ansur	258
4.5.3 Pendekatan Nasihat dan Bimbingan	263
4.5.4 Pendekatan Pembiasaan	270
4.5.5 Pendekatan Pengawasan	274
4.5.6 Pendekatan Hukuman dan Ganjaran	281
4.6 Kesimpulan	289

**BAB 5: MASALAH DALAM PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN  
REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI  
SELANGOR**

5.1 Pengenalan	290
5.2 Masalah dalam Pelaksanaan Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor	290
5.2.1 Masalah Tenaga Pengajar	291
5.2.2 Masalah Kewangan	294
5.2.3 Masalah Pengurusan Modul	295
5.2.4 Masalah Kekangan Masa	297
5.2.5 Masalah Pelatih	303
5.2.6 Masalah Ibu bapa dan Keluarga	307
5.2.7 Masalah Masyarakat	311
5.3 Kesimpulan	314

## **BAB 6: PENUTUP**

6.1	Pengenalan	315
6.2	Rumusan	315
6.2.1	Pengisian dalam Modul Keagamaan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor	315
6.2.2	Pendekatan dalam Modul Keagamaan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor	317
6.2.3	Masalah dalam Pelaksanaan Modul Keagamaan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor	318
6.3	Implikasi Kajian	321
6.4	Cadangan Penambahbaikan	322
6.4.1	Pusat Perlindungan Wanita	323
6.4.2	Pihak Bertanggungjawab	332
6.4.3	Ibu bapa dan Keluarga Pelatih	333
6.4.4	Masyarakat	335
6.5	Kajian Akan Datang	336
<b>RUJUKAN</b>		338
<b>LAMPIRAN</b>		

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 :	Informan Kajian
Jadual 1.2 :	Pelatih Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 1.3 :	Maklumat Kunjungan ke Pusat Perlindungan Wanita
Jadual 4.1 :	Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.2 :	Pengisian Akidah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.3 :	Pengisian Ibadah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.4 :	Pengisian Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.5 :	Pendekatan Contoh Teladan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.6 :	Pendekatan Beransur-ansur di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.7 :	Pendekatan Nasihat dan Bimbingan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.8 :	Pendekatan Pembiasaan Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.9 :	Pendekatan Pengawasan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 4.10 :	Pendekatan Hukuman dan Ganjaran di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 5.1 :	Masalah dalam Pelaksanaan Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 5.2 :	Tempoh perlindungan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
Jadual 6.1 :	Pengisian bagi Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah menurut Islam
Jadual 6.2 :	Pendekatan dalam Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah menurut Islam

## **SENARAI RAJAH**

- Rajah 4.1 : Statistik Kemasukan Pelatih ke Taman Seri Puteri, Cheras 2011-2013
- Rajah 4.2 : Statistik Kemasukan Pelatih ke Baitul Ehsan, 2010-2013
- Rajah 4.3 : Statistik Kemasukan Pelatih ke Darul Wardah, 2010-2013

## **SENARAI KEPENDEKAN**

AS	:	<i>'Alaihissalam</i>
ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
ABJZ	:	Anda Bijak Jauhi Zina
BES	:	Baitul Ehsan
BMG	:	Bahagia Menjadi Gadis
CRC	:	<i>Convention on the Right of the Child</i>
DARWA	:	Darul Wardah
ISTAC	:	<i>International Institute of Islamic Thought and Civilization</i>
JKMM	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
JKWS	:	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
KKM	:	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPWKM	:	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	:	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
NGO	:	<i>Non-Government Organization</i>
OSTPC	:	<i>One-Stop Teenage Pregnancy Committee</i>
PAKK	:	Pusat Aktiviti Kanak-kanak
PEKERTI	:	Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan
PERKID	:	Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor
PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
PPKK	:	Pasukan Perlindungan Kanak-kanak

PPW	:	Pusat Perlindungan Wanita
PPAR	:	Pusat Pemulihan Akhlak Remaja
RA	:	<i>Radiyallahu 'Anha/hu</i>
SAW	:	<i>Salla Allahu 'Alayhi Wa Sallam</i>
SWT	:	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
TSP	:	Taman Seri Puteri
UNFPA	:	<i>United Nations Population Fund</i>
UNICEF	:	<i>United Nations Children's Fund</i>
WAO	:	<i>Woman's Aid Organisation</i>
WHO	:	<i>World Health Organization</i>

## PANDUAN TRANSLITERASI

Sistem transliterasi tulisan Arab ke tulisan rumi dalam tesis ini menggunakan *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Edisi Ketiga*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, 45-46 iaitu:

### 1. Konsonan

Arab	Roman	arab	roman	arab	Roman
ء	a,’	ز	z	ق	Q
ب	B	س	s	ك	K
ت	T	ش	sh	ل	L
ث	Th	ص	ṣ	م	m
ج	J	ض	ḍ	ن	n
ح	H	ط	ṭ	ه	h
خ	Kh	ظ	ẓ	و	w
د	D	ع	‘	ي	y
ذ	Dh	غ	gh	ة	h,t
ر	R	ف	f		

### 2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
◌(fathah)	a	ا، ى	ā
◌(kasrah)	i	ي	ī
◌(dommah)	u	و	ū

### 3. Diftong

Diftong	Transliterasi
ُو	aw
ِي	ay
ُوِي	aww
ِيِي	iy, ī

Catatan:

Kalimah Bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu tidak ditransliterasikan seperti hadis, al-Quran, Islam, Iman dan seumpamanya kecuali apabila perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *muqaddam*, *Imām*, *qādī*, *hākim* dan seumpamanya.

## **LAMPIRAN**

- Lampiran A : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- Lampiran B : Jadual Waktu Harian Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
- Lampiran C : Modul Pusat Perlindungan Wanita di Selangor
- Lampiran D : Lain-lain: Pamplet, Risalah Pusat Perlindungan Wanita; Borang Penilaian Pelatih di Pusat Perlindungan Wanita
- Lampiran E : Soalan Temu bual

## BAB 1 : PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab pendahuluan yang akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, definisi tajuk, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, sorotan literatur serta ringkasan struktur penulisan tesis ini.

### 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam proses penciptaan manusia, nafsu menjadi faktor survival yang menumbuhkan kemahuan manusia untuk makan, minum dan perkahwinan bagi tujuan meneruskan kewujudan dan kelangsungan hidup manusia di muka bumi ini dan seterusnya mencapai keselesaan hidup.<sup>1</sup> Motivasi ke arah keperluan nafsu seksual turut diakui dalam dunia psikologi<sup>2</sup> dan diiktiraf oleh agama Islam berdasarkan firman Allah SWT:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ  
مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Al-Rūm 30:21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara

<sup>1</sup>Rohana Hamzah, *Mengenali Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti* (Skudai: Penerbit UTM Press, 2010), 47-48.

<sup>2</sup>Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 302.

kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memperakui penciptaan manusia lelaki dan wanita serta mengiktiraf keperluan seksual manusia. Namun, pada masa yang sama Islam juga menitik beratkan soal kesucian maruah dan kehormatan diri, selain mengiktiraf hak manusia untuk hidup tanpa berlakunya sebarang penindasan atau kezaliman. Memandangkan manusia adalah sebaik-baik makhluk ciptaan Allah, maka segala keperluan termasuk keperluan seks mestilah dipenuhi dengan cara yang terhormat iaitu melalui jalan pernikahan.<sup>3</sup> Secara prinsipnya, Islam melihat tujuan utama pernikahan ialah bagi mendapatkan ketenteraman hati, terhindar dari kegelisahan dan keimbangan yang tidak berkesudahan serta melahirkan zuriat yang soleh dan solehah.<sup>4</sup>

Selain pernikahan, penghayatan cara hidup beragama juga menjanjikan pelbagai manfaat dalam mengekang keinginan seksual. Secara jelasnya juga, antara salah satu tujuan syariat Islam itu sendiri ialah untuk memelihara salah satu daripada keperluan asas manusia yang paling utama iaitu memelihara nasab atau keturunan.<sup>5</sup>

Walau bagaimanapun, isu kehamilan luar nikah pada hari ini memaparkan bahawa kebanyakan remaja lebih memilih untuk menyalurkan keinginan tersebut dengan cara yang dilarang oleh Islam sedangkan Islam berpandangan seks hanya dibicarakan dalam konteks perkahwinan sahaja. Sebarang ekspresi seks di luar

---

<sup>3</sup>Mohamad Quraish Shihab, *Wawasan al-Quran: Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat* (Bandung: Mizan 1996), 505.

<sup>4</sup>Yatimin, *Etika Seksual dan Penyimpangannya dalam Islam: Tinjauan Psikologi Pendidikan dari Sudut Pandang Islam* (Jakarta: Amzah, 2003), 29-30.

<sup>5</sup>Al-Shāfi‘ī, Abī Ishāq Ibrāhim bin Mūsā bin Muḥammad al-Lakhāmī, *Al-Muwāfaqāt*, Jil. 2 (Saudi: Dar Ibn ‘Affan, 1997), 19-20.

perkahwinan adalah dilarang sama sekali serta diklasifikasikan sebagai perbuatan zina.<sup>6</sup>

Hakikatnya, naluri berbentuk tarikan seksual terhadap pasangan berlainan jantina bukan sesuatu yang luar biasa bahkan dalam al-Quran sendiri telah dirakam oleh Allah mengenai kisah cinta Zulaikha terhadap Nabi Yusuf AS sehingga berlaku pergolatan, pertarungan dan fitnah yang akhirnya membawa kepada pemenjaraan baginda Nabi.<sup>7</sup>

Muhammad Quṭb menjelaskan, Islam mengiktiraf keperluan seks dan tidak melihat ia sebagai sesuatu yang jijik. Walau bagaimanapun, manusia diperintahkan agar mengawal kehendak tersebut supaya tidak menjadi hamba kepada tuntutan seks.<sup>8</sup> Berhubung salah laku seksual, laporan tahunan Institut Belia Malaysia pada tahun 2010 mendapati beberapa bentuk kegiatan salah laku seks seperti seks bebas, pornografi, jenayah rogol serta pembuangan bayi merupakan sebahagian dari gejala sosial yang menjadi kebimbangan golongan belia di negara ini.<sup>9</sup> Berdasarkan statistik, tangkapan kes salah laku seks seperti persetubuhan haram dan persediaan melakukannya termasuk kesalahan tangkapan kes khalwat di negeri Selangor sahaja dalam empat bulan pertama tahun 2015 mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 476 kes mengatasi kes lain seperti penahanan peminuman arak sebanyak 10 kes dan kesalahan berjudi 93 kes.<sup>10</sup> Kajian menunjukkan gejala perzinaan dan persetubuhan haram telah menjadi satu

---

<sup>6</sup>Jas laile Suzana Jaafar dan Haslina Muhammad, “Pengaruh Media ke atas aktiviti seksual remaja yang melakukan seks sebelum nikah,” dalam *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*, ed. Mohd. Fauzi Yaacob (Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd., 2009), 95-12.

<sup>7</sup>Surah Yusuf, 12: 21-36. Lihat juga Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyah, *al-Jawāb al-Kāfi li Man Sāala ‘an al-Dawā’i al-Shāfi* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1987), 14.

<sup>8</sup>Muhammad Quṭb, *al-Insān Bainā al-Māddiyah wa al-Islām* (Beirut: Dar al-Syuruq. 1989), 165-124.

<sup>9</sup>Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. *Kajian Gejala Sosial di Kalangan Belia Malaysia*. 2010.

<sup>10</sup>Bahagian Pengukuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), laman sesawang *Selangor Kini*, dicapai 02 Jun 2013 <http://bm.selangorku.com/74663/tangkapan-kes-berkaitan-zina-lebih-banyak-daripada-arak/>

kesalahan jenayah syariah yang mencatatkan angka tertinggi berbanding kesalahan jenayah yang lain.<sup>11</sup>

Menurut Menteri Kesihatan Malaysia, Dato' Seri S. Subramaniam, terdapat 18,000 kes remaja hamil di Malaysia dilaporkan pada setiap tahun dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan kerajaan. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 25 peratus atau 4,500 kes membabitkan remaja hamil luar nikah. Secara purata pula, terdapat 1,500 kes remaja hamil berlaku pada setiap bulan dan dianggarkan 50 kes sehari di seluruh negara. Berdasarkan kaji selidik Kesihatan Pelajar Berasaskan Sekolah Global (*Global School-Based Student Health Survey*) kendalian Kementerian Kesihatan pada tahun 2012 pula, sebanyak 50.4 peratus remaja mengakui sudah mula melakukan hubungan seks kali pertama sebelum usia mencecah 14 tahun.<sup>12</sup>

Akhbar *New Strait Times* melaporkan dari tahun 2010 hingga Mac 2013 terdapat 10,974 kes kehamilan luar nikah. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan kira-kira lebih dari tiga ratus kes kehamilan luar nikah berlaku setiap bulan yang menjadikan secara purata berlakunya 12 kes kehamilan pada setiap hari.<sup>13</sup> Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan, Toh Puan Dr. Safurah Jaafar menyuarakan kebimbangan mengenai peningkatan kes masalah seksual remaja. Hal ini kerana, remaja hamil yang berumur di bawah 15 tahun mempunyai risiko komplikasi dan kematian lima kali ganda lebih tinggi berbanding wanita dewasa yang berusia lebih 20 tahun. Malah bayi yang dikandungkan oleh remaja hamil pada usia sama juga berhadapan risiko kematian lebih tinggi. Kes kematian remaja hamil juga

<sup>11</sup>Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari, "Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia, *Global Journal Al-Thaqafah* 2, no. 1 (June 2012), 69-82.

<sup>12</sup>"Purata 18,000 remaja hamil setiap tahun", laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 29 Oktober 2015, <http://www.bharian.com.my/node/92792>.

<sup>13</sup>Laman sesawang *New Straits Times*, dicapai 11 Ogos 2015, <http://www2.nst.com.my/nation/general/more-unwed-teen-pregnancies-1.461045>

turut membimbangkan dengan kadar kematian remaja hamil yang berumur 15 hingga 19 tahun meningkat kepada 18.5 pada tahun 2007 kepada 38.2 peratus pada tahun 2012. Justeru, beliau menegaskan selain aspek kesihatan, beberapa aspek lain perlu diberi penekanan sebagai kesinambungan termasuk pendidikan, kemahiran hidup, sokongan sosial, ekonomi dan agama bagi memperkasakan remaja ke arah masa hadapan yang lebih cerah.<sup>14</sup>

Presiden Pertubuhan Pembangunan Wanita Malaysia (*MyWomen*), Datuk Geethanjali G menyuarakan kebimbangan ekoran peningkatan kes remaja hamil yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 18, 652 kes remaja bawah 19 tahun melahirkan anak sehingga tahun 2014 berbanding pertengahan tahun 2010 berjumlah 5, 962 kes.<sup>15</sup> Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri di seluruh Malaysia pula mendapati negeri Sarawak mencatatkan kes tertinggi membabitkan kehamilan remaja berusia 10 hingga 19 tahun bagi tempoh tiga tahun iaitu tahun 2012 hingga 2015 berjumlah 5,246 kes diikuti negeri Johor berjumlah 2,427 kes dan negeri Selangor sebanyak 1,603 kes.<sup>16</sup> Jumlah ini tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan disebabkan rasa takut dan malu yang membelenggu masyarakat. Berdasarkan kajian, kes paling banyak yang menjadi punca remaja ditempatkan di pusat perlindungan wanita sememangnya melibatkan kesalahan seksual termasuk kehamilan luar nikah.<sup>17</sup>

<sup>14</sup>Azmi Abdul Malek, Berita Harian, 29 Oktober 2015 (Khamis). Toh Puan Dr Safurah Jaafar merupakan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Program Kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF).

<sup>15</sup>“Peningkatan Kes Kanak-kanak, Remaja Hamil Membimbangkan,” laman sesawang Utusan Online, dicapai 09 Oktober 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/peningkatan-kes-kanak-kanak-remaja-hamil-membimbangkan-1.122227>

<sup>16</sup>“Setengah Juta Anak Tidak Sah Taraf,” laman Sesawang Harian Metro, dicapai 10 November 2016, <http://www.hmetro.com.my/node/180793>

<sup>17</sup>Khairul Hamimah Mohd. Jodi, “Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Modul Pembangunan Wanita Bermasalah di Malaysia: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (tesis kedoktoran usuluddin, Universiti Malaya, 2013).

Manakala, majoriti kes kehamilan luar nikah di pusat perlindungan wanita membabitkan individu yang berbangsa Melayu dan beragama Islam.<sup>18</sup>

Ekoran gejala kehamilan luar nikah yang berlaku, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) melaporkan jumlah kelahiran anak tak sah taraf di institusi kendalian tersebut sahaja berjumlah 803 kes semenjak 2010 hingga 2013.<sup>19</sup> Jabatan Pendaftaran Negara turut mendedahkan jumlah pendaftaran anak tak sah taraf dalam tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2005 sehingga tahun 2015 sebanyak 532,158 orang.<sup>20</sup> Pada tahun 2012, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang pernah mencatatkan kira-kira 12,000 kes kelahiran anak luar nikah, selain turut berlaku di enam buah hospital pakar lain di Selangor. Manakala remaja termuda yang melahirkan anak di hospital tersebut berusia 12 tahun. Pada tahun yang sama, pihak hospital tersebut menguruskan sekurang-kurangnya satu kes remaja hamil luar nikah setiap hari dan bilangan tertinggi yang pernah dicatatkan adalah 14 kes sehari melibatkan remaja.<sup>21</sup>

Secara asasnya, kehamilan luar nikah merupakan antara cabaran yang dilalui oleh sebahagian remaja perempuan dan digolongkan sebagai salah satu dari konflik sosial yang dirujuk sebagai delinkuen iaitu situasi di mana perlakuan seseorang remaja yang melanggar peraturan, undang-undang negara dan agama atau berkelakuan yang tidak boleh diterima oleh norma masyarakat.<sup>22</sup> Kehamilan melibatkan remaja di kebanyakan negara maju biasanya berlaku di luar perkahwinan dan dalam kebanyakan

<sup>18</sup>Norhasmah Mohd Zain, Low Wah Yun dan Sajaratulnisah Othman, “Risk Factors that Influence Unwanted Pregnancy among Unmarried Mothers in Malaysia,” *Journal of Community Health Supplement*, no.1 (2012)

<sup>19</sup>Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (Kuala Lumpur:Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014).

<sup>20</sup>Bahagian Statistik Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia.

<sup>21</sup> “Kes Remaja Hamil Luar Nikah: Satu Kelahiran Setiap Hari,” laman sesawang *Mstar Online*, dicapai 13 Jun 2013,

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar\\_berita/20120922100653&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar_berita/20120922100653&sec=mstar_berita)

<sup>22</sup>Azizi Yahaya. *Psikologi Sosial Alam Remaja* (Bentong:PTS Publications, 2006), 52.

komuniti dan budaya ia membawa kepada berlakunya stigma sosial.<sup>23</sup> Kehamilan luar nikah dikatakan antara masalah yang paling ditakuti ketika zaman remaja kerana ia secara tidak langsung mendorong kepada berlakunya pengguguran, pembuangan dan perdagangan bayi yang tidak berdosa.<sup>24</sup>

Selain kelahiran anak tak sah taraf, kemelut kehamilan luar nikah juga sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan kes pembuangan bayi.<sup>25</sup> Berdasarkan Statistik Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia Bukit Aman menunjukkan secara keseluruhan terdapat 421 kes dilaporkan berkaitan pembuangan bayi di seluruh Malaysia dalam tempoh hampir lima tahun bermula dari tahun Januari 2010 sehingga Julai 2014.<sup>26</sup> Statistik ini dikukuhkan lagi oleh berita-berita pembuangan bayi yang dilaporkan di media massa dan elektronik yang mewarnai masyarakat Malaysia. Misalnya berita penemuan mayat bayi di sungai, tali air, longkang, tempat pembuangan sampah sarap, dalam semak dan tempat lain yang tidak selamat serta mengancam nyawa bayi yang tidak berdosa.<sup>27</sup> Menurut Timb. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Datuk Azizah Mohd. Dun berkata, pembuangan bayi merupakan penyakit sosial yang menggambarkan kerapuhan pegangan agama dan ketandusan nilai kemanusiaan masyarakat kerana sikap manusia yang lebih mengejar keseronokan dunia sehingga akur kepada nafsu serta perasaan

<sup>23</sup>Sofiah Sulaiman et al., “Obstetric and Perinatal Outcome in Teenage Pregnancies,” *SAJOG* 19, no. 3 (September 2013), 74-77.

<sup>24</sup>Merry Magdalena, *Melindungi Anak dari Seks Bebas*, (Indonesia: Grasindo, 2010), 36-37.

<sup>25</sup>Zakiyah Jamaludin, Md. Zawawi Abu Bakar dan Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. Adolescent Pregnancy: Factors and Solution in Islamic Perspective, *Advances in Natural And Applied Sciences*, 7(4) Special 2013, 373-376.

<sup>26</sup>Statistik Rasmi Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia Bukit Aman Kuala Lumpur, 2014.

<sup>27</sup>Rujuk perbincangan di bab dua, sub-topik 2.3.3 “Pembuangan bayi”.

negatif yang ada dalam diri.<sup>28</sup> Berhubung isu kehamilan luar nikah pula, Menteri Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah berkata sekiranya isu ini tidak ditangani segera, ia boleh mengakibatkan kemusnahan institusi keluarga dan membawa pelbagai masalah sosial yang lain.<sup>29</sup>

Berikut pelbagai kekalutan yang berlaku daripada kehamilan luar nikah, maka pelbagai mekanisme telah diwujudkan di Malaysia khususnya dalam aspek perlindungan, pencegahan dan pemulihan sama ada di institusi atau sebaliknya. Kewujudan pusat perlindungan wanita pada hari ini merupakan salah satu platform yang diwujudkan bagi menjalankan usaha tersebut. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat dengan lebih dekat bagaimana pusat perlindungan wanita melaksanakan modul keagamaan bagi memberikan kefahaman, kesedaran serta bimbingan mengenai agama terhadap pelatih hamil luar nikah. Hal ini kerana bekalan agama yang mencukupi bukan sahaja menjadi asas penting dalam proses perubahan akhlak remaja bermasalah malah ia juga akan menjadi benteng pencegahan dalam diri mereka setelah menamatkan tempoh perlindungan kelak.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Penubuhan pusat perlindungan wanita telah dinyatakan secara jelas dalam Akta Kanak-kanak 2011 (Akta 611) berdasarkan Seksyen 41 iaitu untuk memberikan perlindungan segera kepada kanak-kanak di atas sebab-sebab yang munasabah termasuk kanak-kanak

---

<sup>28</sup>Nik Jasni Che Jaafar. Utusan Borneo. “Gejala Buang Bayi Rentetan Masalah Sosial” dicapai 9 Disember 2011.

<sup>29</sup>“Program Kesedaran Menangani Kehamilan Luar Nikah,” laman sesawang *Berita Astro Awani*, dicapai 12 Jun 2014, <http://www.astroawani.com/video-malaysia/program-kesedaran-menangani-kehamilan-luar-nikah-56402>.

perempuan yang sedang hamil luar nikah.<sup>30</sup> Menurut mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil luar nikah di Malaysia telah ditubuhkan sejak tahun 1975, namun tidak di uar-uarkan kerana menghormati sensitiviti budaya dan agama masyarakat setempat di negara ini. Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah perbelanjaan untuk menubuhkan pusat perlindungan bagi menempatkan remaja hamil di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dengan mendapat bantuan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengendalikan remaja bermasalah dengan aktivitinya dipantau oleh kerajaan.<sup>31</sup>

Selain memberikan perlindungan, beberapa kajian menunjukkan pelaksanaan modul bercorak keagamaan yang dijalankan di pusat perlindungan wanita sangat signifikan dan memberikan kesan positif terhadap proses pemulihan akhlak remaja hamil luar nikah.<sup>32</sup> Sehubungan itu, beberapa kajian lain turut mengetengahkan pelaksanaan modul bercorak keagamaan sebagai asas dalam proses rawatan dan

---

<sup>30</sup>Akta Kanak-Kanak, 2001 (Akta No. 611, 2001).

<sup>31</sup>“Kerajaan Sedia Rumah Perlindungan Gadis Hamil Luar Nikah Sejak 1975, laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 12 Julai 2013,

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)

<sup>32</sup>Khairul Hamimah Mohd. Jodi, “Penerapan Nilai-Nilai Islam;” Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek dan Adawiyah Ismail, “Bimbingan Agama dan Metodologi Dakwah di Institusi Pemulihan: Kajian Kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor,” *Jurnal ILIM* 2 (2009), 9-20; Ahmad Esa, Zalina @ Siti Aishah Abd Aziz dan Nurul Haerani Mohamad, “Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja,” *JurnalKajian Pendidikan* 4, no. 1, (Jun 2014). Mohd. Zaliridzal Zakaria dan Dini Farhana Baharuddin, “Ketagihan Seks Siber:Pengalaman Kaunselor Di Malaysia” (makalah, Konvensyen Kaunseling Kebangsaan, PERKAMA, 22-23 Jun 2011), Fauziah Ibrahim et al., “Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera”, 84-93; Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. “Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar: Satu Kajian Kes.” *Jurnal of Islamic and Arabic Education*1, no. 2, (2009); Md. Noor Saper. “Pembinaan Modul Bimbingan ‘Tazkiyah An-Nafs’ dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja.” (tesis kedoktoran kaunseling, Universiti Utara Malaysia, 2012).

pemulihan salah laku seksual remaja.<sup>33</sup> Ini membuktikan bahawa pelaksanaan modul keagamaan seharusnya tidak terpisah dengan proses pemulihan yang dijalankan di pusat perlindungan wanita.

Menurut Roslee Ahmad et al., meskipun banyak kajian telah memperakui keupayaan pusat perlindungan wanita dalam menjalankan modul keagamaan secara berkesan, pusat perlindungan wanita pada hari ini dikatakan belum menyediakan suatu modul keagamaan yang mengaplikasikan pendekatan tertentu sama ada dalam bentuk pendekatan tradisional, konvensional mahupun keagamaan Islam yang direka secara khusus bagi menangani masalah tingkah laku seksual remaja sahaja. Aspek keagamaan yang ditekankan oleh kebanyakan pusat perlindungan wanita juga tidak banyak berbeza dan hanya berkisar tentang pendidikan fardu ain dan fardu kifayah.<sup>34</sup> Selain itu, dapatan kajian Azlina Muhammad pula menunjukkan terdapat beberapa aspek melibatkan pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita masih perlu diperbaiki dari semasa ke semasa khususnya dari aspek pengisian dan juga pendekatan yang bersesuaian.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup>Salmi Ahmad Sudan, “Premarital Sex Among School-Going Malay Female Teens: A Case Study In Selangor” (tesis kedoktoran pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2013); Roslee Ahmad et al., “Amar Makruf Nahi Mungkar approach to handle sexual misbehavior and awareness for pregnancy female inmates in Taman Seri Puteri Cheras, Selangor,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 97 (2013), 160-166; Faizah Abd Ghani et al. “Phenomena of Love, Nafs And Illicit Sexual Behaviors Amongst Teenagers In South Malaysia.” *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 143 (2014). 732-736; Nor Azah Ab. Aziz. “Pengawalan Diri ke atas Pelayaran Laman Web Pornografi Pada Peringkat Remaja di Lembah Klang, Malaysia dari Sudut Psiko-spiritual Islam” (tesis kedoktoran usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009).

<sup>34</sup>Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Ahmad Jazimin Jusoh dan Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, “Strategi Intervensi Menangani Penyelewengan Tingkah Laku seksual Berdasarkan Model al-Ghazālī,” (makalah, Persidangan Kaunseling Kebangsaan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Palace of the Golden Horses, Serdang Selangor, 3-5 November 2009).

<sup>35</sup>Azlina Muhammad, “Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salah Laku” (disertasi sarjana usuluddin, Universiti Malaya, 2012); Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhru Adabi Abd. Kadir, “Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis Persepsi Pelatih Terhadap Pelaksanaan, *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1, no. 1 (2015), 87-100.

Berbalik kepada peranan pusat perlindungan wanita, kajian mendedahkan masih terdapat ibu bapa atau keluarga yang tidak jelas tentang fungsi pusat perlindungan wanita khususnya dalam konteks pemulihan akhlak berteraskan agama, sebaliknya lebih bermotifkan perlindungan berbentuk fizikal semata-mata. Segelintir ibu bapa menempatkan anak-anak mereka di pusat perlindungan wanita akibat didesak dan didorong oleh perasaan malu, marah dan bertujuan untuk menutup aib keluarga daripada pengetahuan jiran, saudara mara dan rakan terdekat.<sup>36</sup>

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim menegaskan penubuhan pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil bukan bertujuan menggalakkan perbuatan tersebut tetapi demi menjaga kebajikan dan keselamatan diri remaja terbabit memandangkan terdapat ibu bapa yang tidak bersedia untuk menerima anak remaja mereka yang hamil. Justeru, menjadi tanggungjawab kementerian untuk memainkan peranan dalam situasi sedemikian.<sup>37</sup> Realitinya, keputusan serta tindakan yang diambil oleh ibu bapa telah memberikan kesan ke atas remaja tersebut. Pelatih yang ditemui di pusat perlindungan wanita mengakui selain perlu melalui pengalaman hamil dan bersalin yang agak sukar dengan pelbagai pergolakan emosi di antara perasaan sedih dan takut, mereka juga tertekan dan rasa tersisih setelah ditempatkan oleh ibu bapa di pusat perlindungan wanita.<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Umadevi Rajah Rendram, *Woman's Aid Organisation Annual Statistic 2013*, (Selangor: Petaling Jaya, 2013); Nor Jana Saim, "Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home," (tesis kedoktoran psikologi, Umeå University, Sweden, 2013).

<sup>37</sup> "Ada Ibu Bapa Tak Terima Anak Hamil Luar Nikah," laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 09 Oktober 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ada-ibu-bapa-tak-terima-anak-hamil-luar-nikah-1.446391>.

<sup>38</sup> Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharitol Ahmad Shah, "Adolescent With an Unwanted Pregnancy: An Experience," *Counseling, Psychotherapy and Health* 8 (2013), 8-21; Su Xu Vin et al., "Physical and Psychosocial Impacts of Pregnancy on Adolescents And Their Coping Strategies: A Descriptive Study In Kuala Lumpur, Malaysia," *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 14, no. 3 (2014), 71-80.

Berikut kebimbangan pelbagai pihak terhadap gejala kehamilan luar nikah, reaksi ibu bapa serta keluhan yang disuarakan oleh remaja hamil luar nikah, maka sebagai sebuah institusi yang begitu signifikan dalam usaha perlindungan dan pemulihan, satu kajian diperlukan bagi melihat sejauh mana pihak pusat perlindungan wanita berusaha meningkatkan keyakinan masyarakat khususnya ibu bapa dan remaja terhadap keupayaan pusat tersebut khususnya dalam proses pemulihan akhlak remaja berasaskan keagamaan bermasalah seksual. Bagi mengetahui secara lebih dekat realiti pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita, sekurang-kurangnya terdapat tiga persoalan penting perlu dijawab melalui kajian ini:

1. Bagaimakah bentuk pengisian yang terkandung dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita?
2. Bagaimakah pendekatan yang digunakan oleh pusat perlindungan wanita dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah?
3. Bagaimakah bentuk masalah yang dihadapi oleh pusat perlindungan wanita dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah?

#### **1.4    OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat tiga objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu:

1. Mengkaji bentuk pengisian dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor.
2. Menganalisis pendekatan dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor.

3. Menganalisis bentuk masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor.

## 1.5 DEFINISI TAJUK

Definisi tajuk akan menjelaskan secara khusus beberapa istilah penting yang perlu difahami secara operasional berhubung beberapa isu penting berkaitan kajian ini:

### 1.5.1 Modul Keagamaan

Terdapat beberapa definisi yang menjelaskan maksud modul. Modul diertikan sebagai pelajaran yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.<sup>39</sup> Selain itu, modul ditakrifkan sebagai salah satu bahagian yang boleh digabungkan dengan bahagian lain, contohnya untuk membuat atau membina sesuatu.<sup>40</sup> Modul juga diistilahkan sebagai salah satu komponen, kurikulum,<sup>41</sup> set lengkap hasil daripada kombinasi daripada program kecil<sup>42</sup> dan kursus pembelajaran yang diajar di universiti dan kolej.<sup>43</sup>

James D. Russell menjelaskan modul sebagai satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit mata pelajaran dan merupakan satu usaha untuk pengajaran secara individu dan membolehkan seseorang pelajar menguasai satu unit kandungan mata pelajaran sebelum bergerak kepada unit lain.<sup>44</sup> Modul juga ditakrifkan sebagai satu

---

<sup>39</sup>Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 67.

<sup>40</sup>BBC English Dictionary. (London : Harpercollins Publishers, 1993), 716.

<sup>41</sup>Betty Kirkpatrick M. A, *Rogert's Thesaurus Of English Word And Phrases* (London: Longman, 1987), 983.

<sup>42</sup>*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 3rd Edition (New York: Cambridge University Press, 2008), 918.

<sup>43</sup>Ibid. Lihat juga BBC English Dictionary (1993), 716. Oxford English Dictionary (2006), Eleven Edition, New York: Oxford University Press, 919.

<sup>44</sup>James D.Russell, *Modular Instruction: A Guide To The Design, Selection, Utilization And Evaluation Of Modular Materials*. (United States: Publishing Company, 1974).

pakej pengajaran dan pembelajaran atau pukal belajar sendiri yang lengkap dengan komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara sistematik supaya pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah.<sup>45</sup>

Menurut Nik Azis Nik Pa, modul merujuk kepada bahan yang dihasilkan bagi tujuan pembelajaran. Ia merupakan satu unit pengajaran yang lengkap dan cukup kendiri, serta satu pakej pembelajaran yang mengandungi komponen tertentu bagi mencapai objektif pembelajaran tentang perkara yang khusus.<sup>46</sup> Modul direka supaya pengguna modul dapat mengenal pasti objektif pembelajaran yang hendak dicapai, memilih pembelajaran yang sesuai, mengikuti satu urutan pembelajaran dengan kelajuan sendiri.<sup>47</sup> Modul mengandungi bahan pembelajaran yang disusun rapi berdasarkan ciri pembelajaran terancang yang dianggap bermanfaat, dengan usaha dibuat untuk mengetepikan beberapa kelemahan yang terkandung dalam aktiviti pemrograman. Antara ciri penting modul ialah bersifat fleksibel, menggunakan mod pengajaran yang dapat diadaptasi kepada situasi pembelajaran secara individu atau berkumpulan.<sup>48</sup> Berdasarkan definisi di atas, modul dapat difahami sebagai satu bentuk perancangan yang dirangka dan disusun atur bagi memandu sejumlah aktiviti melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran oleh sekumpulan pelaksana dan sasaran bagi mencapai objektif tertentu.

<sup>45</sup>Kamdi Kamil, “Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia Secara Bermodul untuk Murid-Murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima,” (disertasi sarjana pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 1991), 6.

<sup>46</sup>Nik Azis Nik Pa, “Pembinaan Modul Pengajaran bagi Pengembangan Nilai dalam Matematik Sekolah” (makalah, Bengkel Pengembangan Nilai dalam Pendidikan Matematik, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1-2 Ogos 2009), 2.

<sup>47</sup>Nik Azis Nik Pa, *Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Matematik* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 223.

<sup>48</sup>Nik Azis Nik Pa, *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1.

Selanjutnya, keagamaan pula berakar umbi dari kata asal agama atau *religion* dalam bahasa Inggeris yang bermaksud kepercayaan, penyembahan dan Tuhan.<sup>49</sup> Di dalam al-Quran, agama diistilahkan sebagai *al-Dīn* yang dengan membawa maksud yang pelbagai iaitu keesaan (*tawḥīd*), perhitungan (*hisāb*), peraturan (*al-ḥukm*), agama yang benar,<sup>50</sup> hal-hal yang berhubung dengan balasan serta sifat taat dan ketundukan terhadap syariat.<sup>51</sup> Konsep keagamaan menurut Islam juga boleh difahami sepertimana yang terakam dalam sebuah hadis meliputi tiga elemen penting yang saling terintegrasi iaitu Islam, Iman dan Ihsan yang juga berkait terus dengan konsep akidah, ibadah dan juga akhlak.<sup>52</sup> Justeru, dalam konteks kajian ini, modul keagamaan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah modul yang melibatkan sejumlah aktiviti yang bercorak keagamaan sahaja meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak.

### 1.5.2 Remaja Hamil Luar Nikah

Menurut Zakiah Daradjat, tempoh umur remaja tidak dapat diklasifikasikan oleh ahli psikologi secara tepat memandangkan proses keremajaan itu sendiri bergantung pada seseorang individu dan di mana mereka membesar. Walau bagaimaanapun, zaman remaja telah dikatakan bermula sebaik sahaja berlaku beberapa perkembangan terhadap aspek mental, fizikal, biologi dan reproduktif. Konsep keremajaan turut dikaitkan dengan perkembangan biologi individu secara umum yang dibahagikan kepada dua

<sup>49</sup>Federal-Chambers Advanced English Dictionary (Singapore: Federal Publications Sdn. Bhd., 2000 ), 950

<sup>50</sup>Al-Husayn Ibn Muhammad al-Damaghani, *Qamus al-Quran: Islah al-Wujuh al-Nadhair fi al-Quran*. Tahqiq ‘Abd al-‘Aziz Sayyid al-Ahal (Beirut: Dar al-‘Ilm lil Malayin, 1977) 178.

<sup>51</sup>Al-Raghib al-Asfahani, *Mu’jam Mufradat Alfaz al-Quran*, Tahqiq Ibrahim Shamsuddin (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Imiah, 1997), 197.

<sup>52</sup>Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān al-Imān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa Wujūb al-Imān bi Ithbāt Qadara Allāh Subḥānahū wa Ta’ālā wa Bayān al-Dalīl ‘alā al-Ṭabarī Mimman Lā Yu’minu bi al-Qadari, wa Ighlāzī al-Qawl fi Haqqihi, no hadith. 93, “*Sahih Muslim*,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 68.

peringkat iaitu peringkat awal remaja 13 hingga 18 tahun dan peringkat akhir remaja 19 hingga 24 tahun. Namun angka ini tidak mewakili keseluruhan remaja kerana perbezaan persekitaran yang mempengaruhi remaja.<sup>53</sup> Zakiah Daradjat mengkategorikan remaja kepada tiga peringkat yang berbeza mengikut jantina. Awal remaja (peringkat usia lelaki antara 14 hingga 15 tahun dan perempuan antara 13 hingga 14 tahun), pertengahan remaja (peringkat usia lelaki 16 hingga 18 tahun dan perempuan 15 hingga 17 tahun), dan akhir remaja (peringkat usia lelaki 18 hingga 21 tahun dan perempuan 18-20 tahun). Kadangkala perkataan juvenil juga sering digunakan sebagai merujuk kepada remaja.<sup>54</sup>

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mendefinisikan individu berusia 10 hingga 19 tahun sebagai ‘adolescents’ dan ‘young people’, manakala individu yang berumur 15 hingga 24 tahun dirujuk sebagai ‘youth’. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan individu berusia 10 hingga 24 tahun masih dikelompokkan sebagai ‘young people’. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula mendefinisikan remaja dalam lingkungan umur 15 hingga 18 tahun.<sup>55</sup> Secara umumnya peringkat umur yang diterima oleh UNICEF, WHO dan UNFPA adalah individu lelaki dan wanita yang berumur 10 hingga 19 tahun. Di Malaysia, populasi berumur 10 hingga 19 berjumlah 4,119.1 orang.

Khadijah Haidi Khalid menjelaskan, tempoh bagi usia remaja dibahagikan kepada tiga peringkat mengikut jantina iaitu peringkat awal remaja bagi jantina lelaki berlaku dalam lingkungan umur 10 hingga 15 tahun, manakala bagi jantina perempuan adalah ketika berumur 9 hingga 12 tahun. Bagi peringkat pertengahan remaja lelaki

<sup>53</sup>Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar, *Membentuk jati diri remaja* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2003), 20.

<sup>54</sup>Zakiah Daradjat, *Ilmu Jiwa Agama* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1970), 64-66.

<sup>55</sup>“Adolescent Pregnancy: Issues in Adolescent Health and Development,” laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 11 Mac 2012,  
[http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/topics/maternal/adolescent\\_pregnancy/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/topics/maternal/adolescent_pregnancy/en/)

pula berlaku sekitar umur 14 hingga 18 dan perempuan sekitar 13 hingga 17 tahun. Manakala peringkat akhir bagi remaja bagi lelaki bermula di usia 19 hingga 24 tahun, sebaliknya perempuan dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun.<sup>56</sup>

Di Malaysia, individu yang berumur 18 tahun dan ke bawah dirujuk sebagai kanak-kanak sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kanak-kanak dan diguna pakai oleh JKMM.<sup>57</sup> Namun, dalam prosiding jenayah, kanak-kanak ditakrifkan sebagai individu yang berumur di bawah 10 tahun, atau seseorang di antara umur 10 hingga 12 tahun yang tidak memahami sifat dan kesan perbuatan yang dilakukannya.

Seterusnya hamil luar nikah bermaksud mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks di antara dua pasangan tanpa ikatan yang sah.<sup>58</sup> Hubungan seks tersebut boleh berlaku sama ada secara sukarela, menjadi mangsa rogol atau sumbang mahram.<sup>59</sup> Berdasarkan maksud sub-seksyen (3) Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995), hamil luar nikah merujuk kepada seseorang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahan.<sup>60</sup> WHO melaporkan kira-kira 16 juta kanak-kanak perempuan berumur dalam lingkungan 15 hingga 19 tahun melahirkan anak pada setiap tahun.<sup>61</sup> Berdasarkan kepadauraian di atas, remaja hamil luar nikah dalam konteks kajian ini merujuk kepada penghuni pusat perlindungan yang terdiri daripada kesemua peringkat

---

<sup>56</sup>Khadijah Haidi Khalid, *Meneroka Alam Remaja* (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994), 13-16.

<sup>57</sup>Laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, dicapai 02 Februari 2013, <http://www.jkm.gov.my/>.

<sup>58</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 131-140.

<sup>59</sup>Laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai 9 Januari 2014, <http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/akibat-seks-luar-nikah>

<sup>60</sup>Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (1995).

<sup>61</sup>World Health Organization (WHO), *WHO Guidelines on Preventing Early Pregnancy and Poor Reproductive Outcomes*, (Switzerland, WHO, 2011), 3.

remaja awal, pertengahan dan akhir yang mendapatkan perlindungan sementara di pusat perlindungan wanita yang dirujuk sebagai ‘pelatih’.

### **1.5.3 Pusat Perlindungan Wanita**

Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, pusat perlindungan wanita diklasifikasikan sebagai salah satu tempat bernaung yang ditubuhkan bagi tujuan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak atau remaja bermasalah moral.<sup>62</sup> Di Malaysia, sejarah penubuhan pusat perlindungan wanita oleh pihak kerajaan sejak 50 tahun yang lalu, manakala bagi pusat perlindungan wanita bukan kerajaan pula dikenal pasti wujud kira-kira 20 tahun yang lalu.<sup>63</sup> Menurut sumber lain, pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil luar nikah telah ditubuhkan sejak tahun 1975 namun tidak diuar-uarkan bagi menghormati sensitiviti budaya dan agama masyarakat setempat di negara ini. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang untuk menubuhkan Pusat Perlindungan bagi remaja hamil di bawah kelolaan JKM dengan mendapat bantuan daripada 14 NGO yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengendalikan remaja bermasalah dengan aktivitinya dipantau oleh kerajaan.<sup>64</sup>

Dalam konteks kajian ini, pusat perlindungan wanita merujuk kepada institusi yang diwujudkan bagi menempatkan sejumlah wanita termasuk remaja hamil luar nikah bagi tujuan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan sama ada kendalian kerajaan atau bukan kerajaan.

---

<sup>62</sup>Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

<sup>63</sup>Nor Jana Saim et al., “Listen to the Voices of Unwed Teenage Mothers in Malaysian Shelter Homes: An Explorative Study,” *Global Journal of Health Science* 5, no. 5 (2013), 20-30.

<sup>64</sup>“Kerajaan Sedia Rumah Perlindungan Gadis Hamil Luar Nikah Sejak 1975,” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 14 Mac 2015,

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)

#### **1.5.4 Pelaksanaan dan Masalah**

Pelaksanaan bermaksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan, menjalankan, mengusahakan rancangan atau tugas,<sup>65</sup> pekerjaan serta perlakuan.<sup>66</sup> Menurut Westa, pelaksanaan merupakan aktiviti atau usaha-usaha bagi menjalankan semua pelan, rancangan dan dasar yang telah digubal dan ditetapkan dengan dilengkapi segala keperluan, alat-alat yang diperlukan, siapa yang melaksanakan, di mana tempat pelaksanaannya mulai dan bagaimana cara yang harus dilaksanakan.<sup>67</sup> Pelaksanaan diertikan sebagai proses penilaian atau penerapan serta perluasan aktiviti yang saling memberikan penyesuaian.<sup>68</sup> Proses pelaksanaan sentiasa melibatkan tiga unsur iaitu pertama, adanya program atau dasar. Kedua, kelompok masyarakat yang menjadi sasaran dan manfaat dari program perubahan dan peningkatan. Ketiga, unsur pelaksanaan sama ada berbentuk organisasi atau perseorangan yang bertanggungjawab sebagai pelaksana atau pengawas ke atas proses pelaksanaan tersebut.<sup>69</sup>

Selanjutnya, masalah sinonim dengan maksud kesulitan, kerumitan, kesukaran, kemosykilan, isu, hal<sup>70</sup> dan persoalan.<sup>71</sup> Satu perkara yang tidak diingini dan berbahaya serta perlu ditangani dan diatasi, satu perkara yang sukar untuk mencapainya, suatu

---

<sup>65</sup>Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 02 Jun 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pelaksanaan>.

<sup>66</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka ,*Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 468.

<sup>67</sup>Westa, *Psikologi Pengajaran* (Jakarta: Media Abadi, 1985), 17.

<sup>68</sup>Nurdin Usman, *Konteks Implementasi Berbasis Kurikulum*. (Jakarta:PT. Raja Grafindo Persada, 2002), 70.

<sup>69</sup>Abdullah Syukur, *Studi Implementasi: Latar belakang konsep pendekatan dan relevansinya dalam pembangunan daerah*, (Persadi: Ujung Pandang, 1987 ), 19-20.

<sup>70</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 550.

<sup>71</sup>Song Huat Cheng dan Bicheng, *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris* (Selangor:Penerbitan Daya Sdn. Bhd., 1998), 895.

bentuk siasatan bagi menunjukkan sesuatu.<sup>72</sup> Masalah juga digambarkan sebagai sesuatu yang menimbulkan pertikaian, dilema, teka-teki, kebimbangan dan kebingungan.<sup>73</sup> Dalam konteks kajian ini pelaksanaan boleh difahami sebagai usaha yang dijalankan bagi merealisasikan matlamat modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita.

Secara keseluruhannya, berdasarkan huraihan ringkas beberapa definisi di atas, kajian ini secara umumnya bermaksud untuk menganalisis usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pusat perlindungan wanita dalam merealisasikan modul berbentuk keagamaan terhadap remaja hamil luar nikah. Aspek penting yang akan diberikan tumpuan dalam konteks pelaksanaan merangkumi pengisian dan pendekatan yang diguna pakai. Selain itu, beberapa isu berbangkit atau sebarang bentuk permasalahan yang menjadi kekangan dan kesulitan serta menjelaskan pelaksanaan modul keagamaan akan turut dianalisis. Perbincangan mengenai masalah dalam kajian ini tidak hanya dibincangkan secara serpihan malah ia akan diketengahkan sebagai isu penting berserta dengan beberapa solusi yang perlu diambil pehatian selaras dengan kehendak Islam.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian kes kualitatif ini dijalankan di tiga buah pusat perlindungan wanita di Selangor iaitu Taman Seri Puteri Cheras, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Perlindungan Wanita dan Pemulihan Darul Wardah. Justifikasi pemilihan ketiga-tiga pusat perlindungan wanita ini memandangkan setiap pusat perlindungan mewakili tiga pihak yang berbeza iaitu Kerajaan Persekutuan, Majlis Agama Islam Negeri dan juga

---

<sup>72</sup>Soanes, C. dan Stevenson, A., *Concise Oxford English Dictionary* (New York: Oxford University Press, 2006), 1143.

<sup>73</sup>Alan Spooner, *The Oxford School Thesaurus* (Berlin: Oxford University Press, 1996), 373-374.

persendirian. Seterusnya pemilihan negeri Selangor dibuat kerana negeri Selangor menempatkan pusat perlindungan wanita hamil luar nikah yang paling lama di Malaysia yang telah ditubuhkan sejak sedekad yang lalu. Antara lain, negeri Selangor juga mencatatkan statistik pembuangan bayi tertinggi yang begitu signifikan dengan kes kehamilan luar nikah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Selain itu, kedudukan negeri Selangor yang bersebelahan dengan ibu negara Kuala Lumpur turut dilihat menerima kesan daripada proses urbanisasi dan modenisasi yang membawa kepada perubahan landskap sosial dan seterusnya menjadi faktor penting kepada perlakuan delinkuen seperti seks bebas yang menyebabkan kehamilan. Bagi tujuan pengumpulan data, sebanyak tujuh belas orang kakitangan mewakili pusat perlindungan wanita di Selangor telah dipilih sebagai informan kajian melalui teknik pensampelan bertujuan untuk ditemu bual secara bersemuka. Pemilihan informan melalui teknik pensampelan bertujuan dibuat kerana ia memberikan peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan informan yang benar-benar memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi berkongsi maklumat mengenai pelaksanaan modul keagamaan. Antara kriteria yang digariskan meliputi aspek pengalaman serta berautoriti dan terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan modul keagamaan tersebut.<sup>74</sup>

Selain itu, enam orang pelatih hamil luar nikah dengan masing-masing dua orang pelatih telah dipilih secara rawak dari setiap pusat perlindungan wanita untuk ditemu bual secara tidak formal bagi mengukuhkan beberapa dapatan kajian ini. Selain temu bual, proses pengumpulan data kajian ini juga melibatkan dua teknik lain iaitu pemerhatian turut serta dan dokumentasi. Selanjutnya, perbincangan dan analisis dalam kajian ini dibuat berpandukan kepada teori pelaksanaan modul keagamaan yang telah

---

<sup>74</sup>Maklumat mengenai 17 informan boleh dirujuk di dalam Jadual 1.2, muka surat 29.

dikemukakan oleh beberapa tokoh ilmuwan Islam yang signifikan dalam bidang pendidikan anak-anak, pendidikan akhlak serta kerohanian. Tempoh kajian ini berjalan selama tiga tahun bermula Jan 2012 sehingga Jan 2014.

### **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dijangka memberikan manfaat terhadap beberapa pihak. Pertama, menyumbang kepada penambahbaikan terhadap modul keagamaan sedia ada di pusat perlindungan wanita terutamanya dalam aspek perancangan dan pelaksanaan terhadap remaja hamil luar nikah secara holistik dan produktif. Kedua, kajian ini dianggap sebagai usaha memenuhi tanggung jawab sosial serta satu bentuk sokongan terhadap dasar dan usaha-usaha yang telah diwujudkan oleh kerajaan dalam menangani isu sosial masyarakat khususnya isu seksualiti dan reproduktif remaja. Ketiga, kajian ini penting sebagai satu usaha bagi memperbaiki kefahaman ibu bapa dan masyarakat tentang fungsi pusat perlindungan wanita dalam menjalankan pemulihan ke atas remaja bermasalah seksual berteraskan keagamaan. Keempat, bagi mengisi beberapa kelompongan kajian terdahulu berhubung pelaksanaan modul keagamaan dalam pemulihan remaja bermasalah seksual.

### **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Secara umumnya kajian kes kualitatif ini melibatkan beberapa peringkat iaitu pertama, penentuan reka bentuk. Peringkat kedua, persediaan, pengumpulan dan analisis data.

Peringkat terakhir proses analisis serta membuat rumusan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Yin.<sup>75</sup>

### 1.8.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif. Menurut Othman Lebar, pendekatan kualitatif merupakan suatu proses penyiasatan untuk memahami masalah sosial dan masalah manusia berdasarkan kepada gambaran yang menyeluruh dan kompleks melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan semula jadi.<sup>76</sup> Selain itu, pendekatan kualitatif juga sering menjadi pilihan apabila pengkaji berminat untuk meneroka, membuat tafsiran serta mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes selain memfokuskan kepada penerangan yang holistik.<sup>77</sup> Antara kelebihan pendekatan kualitatif adalah maklumat yang diperoleh lazimnya lebih mendalam dan menyeluruh berikutan kepelbagaian kaedah pengumpulan data yang boleh yang digunakan.<sup>78</sup>

Berdasarkan beberapa pandangan di atas, kajian kualitatif dilihat paling ideal memandangkan kajian ini memerlukan pengkaji untuk turun terus ke lapangan dan melihat sendiri bagaimana pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil di pusat perlindungan wanita di Selangor dijalankan. Pengkaji juga percaya bahawa kes yang ingin dikaji begitu kompleks dan sukar untuk difahami sekiranya pengkaji tidak melihat sendiri realiti yang berlaku. Selain itu, tidak semua maklumat yang diperlukan boleh difahami secara mendalam dalam bentuk angka sebagaimana pendekatan kuantitatif.

<sup>75</sup>Robert K. Yin, *Case Study Research: Design and Methods*, 2nd Edition (London: SAGE Publications, 1994), 49.

<sup>76</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 109-110.

<sup>77</sup>*Ibid.*

<sup>78</sup>Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2010), 287.

Bukan sekadar itu, gabungan pelbagai teknik pengumpulan data yang boleh digunakan melalui pendekatan kualitatif juga memberikan peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang kaya berhubung pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita yang telah dipilih.

### **1.8.2 Reka bentuk kajian**

Kajian kes juga merupakan pilihan yang ideal sekiranya suatu penyelidikan secara mendalam diperlukan.<sup>79</sup> Kajian kes juga dapat menyediakan maklumat yang kaya dan mendalam yang biasanya tidak terdapat pada lain-lain metode. Ia juga merupakan metode kajian yang fleksibel selain menggabungkan penggunaan pelbagai metode pengumpulan data.<sup>80</sup>

Menurut Noraini Idris, kajian kes dipilih apabila sesuatu kajian memerlukan jawapan terhadap persoalan seperti “Bagaimana” atau/dan “Apa sebenarnya yang berlaku?” Namun kajian tidak hanya terhad kepada persoalan bagaimana, apa dan kenapa kerana kajian kes juga boleh digunakan untuk melihat fenomena kompleks yang diselidiki.<sup>81</sup> Dalam kajian ini, kes kehamilan remaja di luar nikah dilihat sebagai isu yang begitu kompleks. Justeru, usaha-usaha mengendalikan remaja sebegini wajar didalami dan difahami dengan teliti. Berhubung perkara ini, pemilihan reka bentuk kajian kes adalah wajar. Tujuan kajian ini pula berbentuk penerokaan sejajar dengan kehendak objektif yang ingin dicapai di akhir kajian iaitu untuk memahami dan mendapatkan penjelasan atau gambaran secara mendalam mengenai pelaksanaan modul keagamaan serta masalah yang dihadapi oleh pusat perlindungan wanita.

<sup>79</sup>Hisham Dzakiria, *Pragmatic Approach to Qualitative Case Study Research, learning by doing: A Case of Distance Learning Research in Malaysia*, (Sintok: UUM Press, 2008), 85.

<sup>80</sup>Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005), 155.

<sup>81</sup>Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 349.

### **1.8.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini melibatkan tiga buah pusat perlindungan wanita. Pusat perlindungan wanita dipilih kerana ia merupakan institusi yang dinyatakan secara khusus dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 serta Akta Kanak-Kanak 2001 bagi menjalankan tanggungjawab melindungi kanak-kanak serta wanita yang terlibat dengan pelbagai kes salah laku termasuk kes hamil luar nikah di Malaysia. Selain itu, justifikasi pemilihan ketiga-tiga pusat perlindungan iaitu Taman Seri Puteri Cheras, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah kerana ia mewakili tiga institusi yang dikendalikan kendalian Kerajaan Persekutuan, Majlis Agama Islam Negeri dan juga NGO.

Pemilihan negeri Selangor kerana berdasarkan sejarah negeri Selangor merekodkan penubuhan pusat perlindungan wanita pertama di Malaysia lebih sedekad yang lalu melalui penubuhan Taman Seri Puteri kendalian JKMM. Berhubung kes kehamilan luar nikah, negeri Selangor juga telah mencatatkan jumlah pembuangan bayi serta pendaftaran anak tak sah taraf yang agak tinggi berbanding negeri lain. Kedudukan negeri Selangor yang berhampiran dengan ibu negara Kuala Lumpur turut mengakibatkan ia menerima kesan daripada proses urbanisasi dan industrialisasi yang diakui menyumbang kepada kegiatan salah laku dalam kalangan remaja.<sup>82</sup> Proses urbanisasi dan industrialisasi yang melibatkan kebanjiran pendatang asing sebagai tenaga buruh iaitu sebanyak 2.8 juta termasuk kira-kira 1.3 juta pendatang asing tanpa izin ke negara ini dikatakan menyumbang kepada pelbagai implikasi dan perubahan

---

<sup>82</sup>Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah laku Remaja Punca dan Rawatan* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2012), 204-205.

terhadap institusi sosial dan keluarga serta pelbagai jenayah dan gejala sosial yang dilaporkan meningkat dan mencetuskan kebimbangan.<sup>83</sup>

#### **1.8.4 Informan Kajian**

Dalam kajian ini, pemilihan informan dibuat dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Menurut Sabitha Marican, lazimnya individu yang dipilih menggunakan teknik ini akan meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji terhadap situasi, individu atau tingkah laku yang dikaji. Teknik pensampelan ini merupakan salah satu reka bentuk pensampelan bukan kebarangkalian yang tidak memberikan penekanan kepada peluang agar semua elemen dalam populasi itu dipilih. Sebaliknya ia lebih tertumpu pada pemilihan bercorak mudah dan bertujuan. Ia juga bergantung kepada kebijaksanaan dan keperluan pengkaji.<sup>84</sup>

Stewart dan Cash menjelaskan, terdapat beberapa kriteria yang boleh dipertimbangkan dalam menentukan informan iaitu tahap pengetahuan dan pengalaman, kesediaan untuk ditemu bual, kesanggupan untuk mengambil bahagian serta kebolehan memberikan maklumat secara tepat.<sup>85</sup>

Berdasarkan garis panduan yang telah dinyatakan, teknik ini dilihat paling ideal untuk diguna pakai dalam pemilihan informan kajian ini. Pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria dalam pemilihan informan untuk ditemu bual bagi kajian ini. Setiap informan yang telah dipilih merupakan individu berautoriti, berpengalaman serta terlibat

---

<sup>83</sup>“9,496 Kes Jenayah Libatkan Warga Asing,” laman sesawang *Berita Utusan Online*, dicapai 27 Julai 2015,

<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/9-496-kes-jenayah-libatkan-warga-asing-1.24437>

<sup>84</sup>Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 105-106.

<sup>85</sup>Charles Stewart, dan William Cash, *Interviewing: Principles and Practices* (10th ed), (Boston: McGraw Hill, 2003), 6.

secara langsung dalam pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor.

Bagi penentuan jumlah informan pula, Othman Lebar menjelaskan jumlah informan bagi kajian kualitatif tidak dapat ditentukan dari awal kajian sebagaimana kajian kuantitatif. Pemilihan informan berjalan serentak dengan proses analisis data hingga sampai ke satu tahap di mana tidak lagi ditemui maklumat yang baru atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya.<sup>86</sup> Selain tidak tertakluk kepada jumlah tertentu, ia juga tidak memerlukan kepada jumlah yang besar memandangkan kajian dilakukan secara mendalam. Hanya setelah mencapai titik ketepuan daripada data yang telah dikumpul baru pengkaji akan merasa pasti bahawa kajian telah dijalankan secara menyeluruh. Kajian yang dijalankan dengan teliti melalui pemilihan yang dibuat secara bertujuan akan berkembang dan berurutan yang boleh mencapai titik ketepuan apabila jumlah informan mencapai jumlah dua belas orang dan mungkin tidak lebih dari dua puluh orang.<sup>87</sup>

Dalam kajian ini, keseluruhan jumlah informan yang dipilih untuk ditemui bual berjumlah 17 orang yang terdiri daripada kakitangan pusat perlindungan wanita iaitu 6 dari Taman Seri Puteri Cheras, 7 orang dari Baitul Ehsan dan 4 orang dari Darul Wardah. Bilangan informan berbeza kerana bergantung kepada jumlah kakitangan dan perjawatan yang sedia ada di setiap pusat perlindungan wanita, selain bergantung kepada ketepuan data yang telah dicapai dan dianggap mencukupi. Jadual 1.1 menjelaskan butiran maklumat 17 informan yang telah dipilih.

---

<sup>86</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 70.

<sup>87</sup>Ibid.

**Jadual 1.1:** Informan Kajian  
(Teknik Pensampelan Bertujuan)

Pusat perlindungan wanita	Informan	Jumlah
Taman Seri Puteri	Pengetua Timbalan Pengetua Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam Pegawai Psikologi Kaunselor Pelatih x 2	6
Baitul Ehsan	Penguasa Kaunselor Sambilan Guru x 5	7
Darul Wardah	Penasihat Pengurus Guru x 2	4
Jumlah Keseluruhan		17

Di samping 17 orang informan, 6 orang pelatih hamil luar nikah iaitu masing-masing dua orang pelatih mewakili setiap pusat perlindungan wanita turut dipilih secara rawak untuk ditemu bual secara tidak formal bagi menyokong dapatan kajian ini. Walau bagaimanapun, butiran lengkap kesemua pelatih yang ditemu bual tidak akan dinyatakan dalam kajian ini bagi menghormati kerahsiaan pelatih.

**Jadual 1.2:** Pelatih Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Teknik Pensampelan Rawak)

Pusta Perlindungan Wanita	Pelatih	Umur	Usia Kandungan	Tempoh Menghuni	Asal
Taman Seri Puteri	1	18 tahun	9 bulan	3 bulan	Klebang, Melaka
	2	15 tahun	8 bulan	1 bulan	Ampang, Kuala Lumpur
Baitul Ehsan	3	20 tahun	6 bulan	4 bulan	Gombak, Selangor
	4	22 tahun	8 bulan	3 bulan	Klang, Selangor
Darul wardah	5	20 tahun	9 bulan	5 bulan	Jeli, Kelantan
	6	15 tahun	2 bulan	3 hari	Yon Peng, Johor

### 1.8.5 Pengumpulan Data

Kajian kes kualitatif ini melibatkan penggunaan beberapa teknik pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Penggabungan pelbagai teknik pengumpulan data dipilih memandangkan ia berpotensi menjadikan dapatan kajian yang disajikan lebih tepat.<sup>88</sup>

#### i. Temu Bual

Penggunaan teknik temu bual membolehkan pengkaji menyoal bagi mendapatkan jawapan atau respons secara terus daripada informan.<sup>89</sup> Teknik temu bual juga membolehkan pengkaji mendapatkan persepsi informan terhadap makna atau

<sup>88</sup>Siti Uzairiah Mohd. Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*, (Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2014), 26.

<sup>89</sup>Syed Arabi Idid, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 69.

pemahaman tentang sesuatu situasi dan gambaran realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami oleh informan.<sup>90</sup>

Selain itu, temu bual memberikan lebih banyak peluang untuk penemu bual beramah mesra dan membentuk hubungan baik dengan informan serta dapat mengagak keadaaan atau situasi sama ada informan ingin terlibat dalam kajian atau tidak. Ini dapat dipastikan dengan melihat kepada emosi yang dilahirkan ketika temu bual berlangsung selain mengenal pasti tahap kefahaman informan terhadap persoalan kajian yang telah diajukan.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun, teknik temu bual dalam kajian kualitatif agak berbeza dengan kajian kuantitatif kerana ia tidak berlaku seperti soal jawab, tetapi mirip kepada sesuatu perbualan.<sup>92</sup>

Berdasarkan kepada beberapa justifikasi di atas, pengkaji memilih untuk menggunakan teknik temu bual bersemuka bersama informan yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan terperinci berhubung pelaksanaan modul keagamaan terhadap remaja hamil serta masalahnya di pusat perlindungan wanita yang dipilih di Selangor. Teknik ini banyak membantu pengkaji mendapatkan sebanyak mungkin maklumat secara langsung daripada individu-individu yang berautoriti.

### **Prosedur temu bual**

Sebelum temu bual dijalankan, proses pertama yang dilakukan ialah menentukan individu yang akan ditemu bual serta merangka bentuk soalan yang bersesuaian. Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, pengkaji telah memilih beberapa pihak

---

<sup>90</sup>Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan*, 275.

<sup>91</sup>Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 123.

<sup>92</sup>*Ibid.*, 133.

pelaksana modul keagamaan di dalam kajian ini untuk ditemui bual menggunakan jenis soalan temu bual separa berstruktur.

Menurut Othman Lebar, jenis soalan temu bual separa berstruktur mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual separa berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan informan.<sup>93</sup> Jenis soalan ini juga mampu meningkatkan nilai komprehensif data dan teknik yang lebih sistematik. Penemu bual boleh menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut tahap kesesuaian informan yang ditemui bual. Pengkaji juga tidak terikat dengan soalan yang memungkinkan jawapan yang diperoleh mungkin agak terhad.<sup>94</sup>

Justeru dalam konteks kajian, pengkaji memilih menggunakan jenis soalan temu bual separa berstruktur supaya informan dapat berkongsi apa sahaja isu berkaitan pelaksanaan modul keagamaan secara bebas.<sup>95</sup> Namun begitu, dalam sesetengah situasi pengkaji masih memastikan sesi temu bual dalam keadaaan terkawal sekiranya mana-mana informan didapati membincangkan beberapa isu yang kurang bertepatan dengan topik kajian.

Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji memastikan tempat temu bual selesa untuk pengkaji dan informan tanpa sebarang gangguan. Pengkaji juga membuat perjanjian bersama informan serta memaklumkan beberapa perkara penting berkenaan etika temu bual khususnya membabitkan aspek kerahsiaan.

<sup>93</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 122.

<sup>94</sup>M. Puvenesvary et al., *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*, (Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2011), 23.

<sup>95</sup>Lihat soalan temu bual di bahagian Lampiran E.

Bagi menjayakan sesi temu bual, beberapa etika temu bual turut diberikan perhatian dalam kajian ini. Pengkaji memulakan temu bual dengan memperkenalkan diri, menjelaskan secara ringkas tujuan temu bual, keperluan temu bual serta tempoh temu bual yang akan berlangsung. Menurut Stewart dan Cash, langkah ini akan menjadikan penemu bual dan informan lebih selesa dan mesra.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah memperuntukkan kira-kira 1 hingga 2 jam bagi setiap sesi temu bual yang dijalankan. Memandangkan temu bual dalam kajian ini menggunakan bentuk soalan separa berstruktur, maka pengkaji memberikan kebebasan kepada setiap informan bagi meluahkan pandangan, namun pengkaji masih bertanggungjawab memastikan topik yang dibincangkan terkawal dan tidak lari dari tujuan asal kajian.

Butiran temu bual direkodkan dengan menggunakan alat perakam suara digital bagi memudahkan pengkaji supaya lebih fokus terhadap setiap butiran perkataan yang dikongsi oleh informan. Walau bagaimanapun, ia dijalankan setelah mendapat persetujuan daripada semua informan terlebih dahulu. Pada masa yang sama, pengkaji juga membuat catatan ringkas bagi merekodkan reaksi informan yang berbentuk bukan lisan seperti nada suara, bahasa badan, hubungan mata dan mimik muka informan. Semua ini akan membantu memperkayakan maklumat kajian dan membantu pengkaji semasa proses analisis supaya lebih tepat. Selanjutnya, pengkaji mengakhiri sesi temu bual dengan membuat rumusan dari inti pati perbualan.

Sebaik sahaja selesai temu bual, bahan temu bual yang telah direkodkan melalui alat perakam suara digital akan dipindahkan secepat mungkin ke dalam bentuk transkrip. Proses transkripsi penuh bagi setiap sesi temu bual telah mengambil masa

kira-kira 6 hingga 10 jam untuk disiapkan. Proses ini amat penting untuk menyusun data bagi memudahkan proses selanjutnya iaitu proses analisis.

## ii. Pemerhatian

Pemerhatian merupakan teknik pengumpulan data melalui pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian bertujuan melengkapkan data dan mengetahui kesahihan maklumat yang diperoleh melalui teknik pengumpulan data yang lain. Cara pemerhatian ini amat berkesan sekali untuk melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku ke atas perkara yang diperhatikan.<sup>96</sup> Dalam penyelidikan kualitatif, pemerhatian merupakan teknik utama yang sangat penting kerana ia merupakan proses yang dilakukan setiap hari sama ada secara sedar ataupun tidak sedar bagi memahami apa yang berlaku di sekeliling serta mengkaji interaksi yang kompleks dalam latar sosial yang sebenar. Pemerhatian membolehkan pengkaji merekodkan perlakuan yang sedang berlaku, melihat sesuatu peristiwa secara langsung dan menggunakan pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam membuat interpretasi tentang apa yang diperhatikan.<sup>97</sup> Pemerhatian turut serta yang dijalankan membantu pengkaji mendokumentasikan dan menjelaskan tindakan serta interaksi yang kompleks yang ditemui.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji memilih untuk membuat pemerhatian ke atas pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil luar nikah dengan memfokuskan kepada kandungan pengisian dan juga pendekatan serta

---

<sup>96</sup>Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah, *Panduan Menulis Tesis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982), 33.

<sup>97</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 109-110.

masalah yang berbangkit. Bagi tujuan tersebut, pengkaji telah terlibat secara langsung dengan beberapa siri pembelajaran pelatih serta beberapa kegiatan harian pelatih yang bercorak keagamaan.

Pengkaji membuat kunjungan antara 5 hingga 7 kali ke setiap pusat perlindungan wanita untuk tujuan pemerhatian mengikut keperluan maklumat yang dikehendaki. Setiap kali kunjungan dibuat, pengkaji meluangkan masa bermula pukul 8 pagi sehingga petang sebaik sahaja kegiatan pelatih selesai. Tempoh masa yang panjang membolehkan pengkaji merekodkan keseluruhan aktiviti pelatih sama ada yang berlaku di dalam kelas atau beberapa kegiatan lain yang bercorak keagamaan di luar kelas. Jadual 1.3 menyenaraikan maklumat ringkas berhubung kunjungan pengkaji ke pusat perlindungan wanita di Selangor bagi tujuan pemerhatian.

**Jadual 1.3:** Maklumat Kunjungan ke Pusat Perlindungan Wanita

Pusat Perlindungan Wanita	Aktiviti	Tarikh
Taman Seri Puteri Cheras	Perhimpunan Pagi, Kelas Pengajian Tilawah al-Quran, Agama dan Ibadah, Kegiatan Harian Pelatih	10 Julai 2013 25 Oktober 2013 14 Mac 2014 18 Mac 2014 05 Jun 2014 06 Jun 2014 20 Jun 2014
Baitul Ehsan	Kelas Pengajian Akidah, Adab dan <i>Fiqh</i> Wanita, Ibadah, Slot Tazkirah Maghrib, Kegiatan Harian Pelatih	03 Januari 2013 05 Februari 2013 11 Mei 2013 25 Ogos 2014 26 Ogos 2014 27 Ogos 2014 28 Ogos 2014
Darul Wardah	Kelas Pengajian Akidah, Sirah Nabawiyah, Kelas Pengajian al-Quran, Slot Tazkirah, Usrah, Kegiatan Harian Pelatih	14 Jun 2013 16 Ogos 2013 07 September 2013 13 Ogos 2014 14 April 2015

## **Prosedur pemerhatian**

Sebelum turun ke lapangan, pengkaji terlebih dahulu merancang apa yang ingin direkodkan serta bagaimana ia direkodkan. Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji memilih untuk merekodkan pemerhatian dalam bentuk nota lapangan. Antara perkara penting yang direkodkan dalam nota lapangan kajian merangkumi huraihan tentang pelaksana, pelaksanaan modul keagamaan merangkumi bentuk pengisian serta pendekatan, masalah semasa pelaksanaan, masa, tempat, tarikh dan sebagainya.

### **iii. Penelitian Dokumen**

Penelitian dokumen merujuk kepada proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap pelbagai dokumen yang relevan dengan masalah yang diteliti.<sup>98</sup> Othman Lebar menjelaskan, penelitian ke atas maklumat yang diperoleh daripada dokumen boleh menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang telah diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian.<sup>99</sup>

Dalam kajian ini, pengkaji membuat penelitian ke atas beberapa dokumen penting yang dikumpul dari pusat perlindungan wanita seperti modul, silibus, laporan, rekod pusat perlindungan wanita, pamphlet serta beberapa bahan bertulis lain yang berkait rapat dengan pengisian keagamaan. Proses pembinaan kerangka konsep dan kerangka teori juga diperoleh melalui penelitian ke atas bahan-bahan ilmiah seperti tesis, buku, jurnal, majalah, ensiklopedia dan seumpamanya sama ada dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan lain-lain. Teks al-Quran dan Hadis juga dijadikan sebagai rujukan utama.

---

<sup>98</sup>Charles Issawi, *Filsafah Islam Tentang Sejarah*, terj. Ali Mukti (Jakarta: Tinta Mas, 1962), 36.

<sup>99</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 138.

## ***Triangulasi***

Data kualitatif merupakan sumber maklumat yang sangat luas, terperinci dan kaya dengan keakraban maklumat dalam konteksnya. Bagi memastikan maklumat yang diperoleh lebih tepat dan sah serta boleh dipercayai, maka maklumat yang diperoleh dari satu sumber boleh disahkan dengan merujuk kepada perkara yang sama dari sumber yang lain. Kaedah ini amat digalakkan dalam sesebuah kajian kualitatif dan dikenali sebagai proses triangulasi data.<sup>100</sup>

Proses triangulasi data boleh dilakukan dengan beberapa kaedah iaitu triangulasi ke atas pelbagai sumber data serta triangulasi terhadap teori.<sup>101</sup> Dalam konteks kajian ini, ketiga-tiga kaedah triangulasi yang disarankan telah digunakan. Data yang dikumpul dan diproses diperoleh dari pelbagai sumber iaitu temu bual, audio, pemerhatian serta penelitian dokumen penting termasuk membuat rujukan serta asas perbincangan terhadap sumber yang pelbagai selain menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai asas rujukan utama bagi memastikan keaslian serta kesahihan maklumat serta teori yang dibahaskan.

Dalam membentuk kerangka konsep juga pandangan daripada pelbagai sumber yang signifikan dengan kajian ini difahami dan dibincangkan dengan menyeluruh supaya asas perbincangan menjadi lebih kukuh dan mendalam melalui penelitian ke atas beberapa kajian terdahulu. Seterusnya, dalam menjalankan kajian ini juga pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada beberapa pengkaji lain yang berpengalaman luas khususnya dalam bidang yang dikaji.

---

<sup>100</sup>Siti Uzairiah Mohd. Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*, 29.

<sup>101</sup>M. Puvenesvary et al., *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*, 11.

Selain proses triangulasi, pengkaji juga mengaplikasikan strategi penilaian rakan serta individu yang berpengalaman luas dan berpengetahuan dalam bidang yang sama bagi mendapatkan komen, kritikan serta pandangan berhubung isu kajian ini. Apa yang lebih penting, pemilihan dibuat berdasarkan kepada kesanggupan individu tersebut untuk membaca, meneliti dan memberikan pandangan yang bernalas khususnya berkaitan kaedah atau reka bentuk kajian, penganalisisan data serta sorotan yang telah dibuat sama ada relevan atau tidak untuk digunakan.

Secara keseluruhannya, proses pengumpulan dan analisis data bagi kajian kes kualitatif ini berjalan dalam mod induktif di mana konsep dan teori yang dibina akan terus berkembang meskipun setelah data dikumpul.<sup>102</sup> Mod induktif yang digunakan dalam kajian ini bermula seawal perbincangan di dalam bab dua dan tiga dengan menumpukan kepada aspek kerangka kajian secara khusus, selanjutnya perbincangan mengenai kerangka konsep menjadi lebih mendalam dan luas seiring dengan dapatan kajian yang diperoleh dari setiap pusat perlindungan wanita.

### **1.8.6 Analisis Data**

Analisis data merupakan proses penting dalam menyempurnakan sesuatu kajian bagi mencari makna yang terkandung dalam data.<sup>103</sup> Dalam kajian kualitatif, menganalisis data merupakan proses yang berjalan berterusan dan serentak dengan pengumpulan data. Proses ini membolehkan reka bentuk kajian kualitatif berkembang dan memberi hala tuju kepada pengumpulan data seterusnya. Bagi menyiapkan kajian kes kualitatif ini, kaedah analisis utama yang digunakan ialah analisis kandungan yang dilakukan

---

<sup>102</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*, 28.

<sup>103</sup>Siti Uzairiah Mohd. Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*, 29.

secara manual bagi menginterpretasikan kesemua data yang telah diperoleh melalui teknik temu bual, dokumentasi dan pemerhatian.

Secara khususnya, proses analisis data telah melalui beberapa peringkat. Pada peringkat pertama, data mentah yang diperoleh akan difahami terlebih dahulu melalui semakan, bacaan dan mendengar semula data-data yang telah dikumpul seperti bahan rakaman temu bual dalam bentuk audio, nota lapangan dari pemerhatian serta penelitian ke atas beberapa dokumen penting seperti modul, rekod atau laporan bertulis pusat perlindungan. Keseluruhan data tersebut seterusnya dipindahkan ke dalam bentuk transkrip. Kemudian, keseluruhan transkripsi yang telah siap dibuat akan melalui proses pengekodan bagi tujuan menyusun atur dan membuat indeks ke atas data untuk memudahkan proses mencari dan mengenal pasti data, pada masa yang sama membuat saringan bagi melindungi data yang sensitif.

Setelah selesai proses pengekodan, pengkaji membuat pengenalpastian tema-tema ke atas data tersebut dan membentuk kategori awalan seterusnya meneroka hubungan antara kategori serta membuat penambahbaikan ke atas tema dan kategori. Proses membentuk kod dan sistem kategori ditentukan oleh bentuk soalan kajian.

Di peringkat seterusnya, pengkaji menginterpretasikan data dengan memberi makna ke atas setiap teks yang telah ditranskripsikan. Peringkat terakhir ialah penulisan laporan. Othman lebar menjelaskan tidak terdapat cara, gaya atau format yang standard bagi penulisan laporan dalam kajian kualitatif. Hal ini kerana ia banyak bergantung kepada tujuan kajian serta kepada siapa dapatan kajian disasarkan.<sup>104</sup> Oleh itu, dalam kajian ini, dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk tema dengan membuat

---

<sup>104</sup>Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod,*

perbincangan secara deskriptif serta menyeluruh supaya isu yang dibentangkan menjadi lebih tersusun, bersifat mendalam serta mudah difahami.

## **1.9 SOROTAN LITERATUR**

Perbincangan mengenai sorotan literatur telah dibahagikan kepada dua tema utama iaitu beberapa kajian yang menyentuh tentang kehamilan luar nikah dan salah laku seksual serta pelaksanaan modul keagamaan dalam pemulihan salah laku seksual dalam kalangan remaja.

### **1.9.1 Kehamilan Luar Nikah dan Salah Laku Seksual**

Isu kehamilan remaja telah menarik perhatian ramai pemikir dan pembuat dasar termasuk para pengkaji tempatan mahupun antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti klinikal, agama. Secara umumnya, dalam konteks penyelidikan ilmiah, tinjauan mendapati terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang faktor kehamilan luar nikah, pengalaman remaja hamil sepanjang kehamilan serta aspek sokongan sosial yang diwujudkan.

Kajian PhD terkini mengenai kehamilan luar nikah dilakukan oleh Nor Jana Saim. Beliau telah membincangkan kes kehamilan luar nikah dari aspek sokongan sosial melibatkan 17 orang remaja perempuan berusia 12 hingga 18 tahun di pusat perlindungan wanita sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Sebahagian remaja hamil disebabkan menjadi mangsa rogol dan sebahagian yang lain adalah akibat dari hubungan intim secara rela. Remaja juga berdepan dengan beberapa situasi berisiko yang cukup memberikan tekanan sepanjang tempoh kehamilan. Bentuk tekanan yang dihadapi di peringkat awal kehamilan berlaku apabila rata-rata remaja mengakui

terpaksa merahsiakan kandungan dan mengelak untuk berhubung secara terus sama ada dengan keluarga, saudara mara, rakan-rakan mahupun kakitangan sekolah. Tekanan meningkat apabila kandungan diketahui oleh ibu bapa atau pasangan supaya kerana majoriti dipaksa untuk menggugurkan kandungan tersebut sama ada menggunakan kaedah tradisional ataupun klinikal. Bukan setakat itu, remaja juga berhadapan dengan keadaan penolakan dari keluarga lantaran rasa malu dan bimbang. Analisis kajian mendapati pusat perlindungan wanita yang terlibat masih tidak menepati piawai yang ditetapkan undang-undang Malaysia dan konvensyen bangsa-bangsa bersatu mengenai hak kanak-kanak sedunia memandangkan terdapat beberapa isu yang dibangkitkan oleh remaja, antaranya layanan staf ke atas mereka menggunakan panggilan yang tidak wajar seperti ‘anak haram’ sehingga membuatkan mereka tersinggung. Akibatnya hubungan antara pelatih dan kakitangan menjadi renggang. Pelatih juga mengakui mereka jarang berkongsi masalah dengan rakan-rakan senasib. Maka suara anak-anak ini perlu diambil kira bagi memantapkan pemulihan.<sup>105</sup>

Kajian kes Azmawaty Mohamad Nor et al. meneroka pengalaman tiga remaja yang sedang hamil enam bulan ke atas pusat perlindungan wanita. Terdapat tiga dapatan utama yang telah dikenal pasti iaitu pertama, kajian mendapati ketika awal kehamilan remaja tidak boleh menerima kenyataan dan berusaha menggugurkan kandungan dengan menggunakan pelbagai cara. Namun, keinginan tersebut mula berkurangan apabila kandungan semakin membesar seterusnya menumbuhkan sifat keibuan dalam diri mereka. Dapatan kedua menunjukkan remaja mengalami rasa sangat kesunyian dan berharap agar keluarga dapat memahami apa jua keputusan yang bakal dibuat serta memberikan sokongan. Manakala dapatan terakhir pula mendedahkan bahawa antara

---

<sup>105</sup>Nor Jana Saim, “Social Support, Coping”.

perubahan positif yang dialami di saat-saat kehamilan ialah remaja lebih banyak meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT dan mendekatkan diri kepada-Nya sebagai sumber ketenangan melalui solat dan membaca al-Quran. Selain berserah dan berdoa kepada Allah terhadap kebaikan anak yang bakal dilahirkan kelak. Ringkasnya, kajian merumuskan remaja menjadi lebih positif dan bertanggungjawab dalam membuat keputusan. Pengalaman, pergolakan emosi yang dialami serta rasa takut disingkirkan oleh masyarakat dan keluarga telah mendorong remaja untuk berusaha mendapatkan ketenangan jiwa bagi mengekalkan kewarasan akal.<sup>106</sup>

Kajian kes kualitatif Khadijah Alavi et al. telah menemu bual enam orang pelatih yang menghuni pusat perlindungan wanita serta menganalisis bentuk hubungan antara ibu bapa terhadap tingkah laku remaja hamil luar nikah serta pengalaman sepanjang kehamilan. Hasil kajian menunjukkan remaja hamil luar nikah tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa sehingga mendorong mereka terlibat dalam aktiviti seksual yang tidak sihat. Selain itu, hampir semua remaja hamil didapati tidak berpegang kepada agama sebagai landasan hidup dan mengabaikan solat walaupun telah dinasihati oleh ibu bapa. Lebih membimbangkan, ibu bapa dikenal pasti tidak mengambil tindakan jika anak-anak enggan mengerjakan solat. Dari aspek gaya keibubapaan mendapati bahawa kurang pengawasan, kurang kawalan, aktiviti harian anak-anak amat bebas dan kurang mendidik anak dalam aspek keagamaan. Bahkan kesibukan ibu bapa dalam mengejar harta dunia, kurang komunikasi dengan anak-anak dan jarang berada di rumah serta kurang sokongan sosial merupakan antara punca kehamilan luar nikah. Namun begitu, persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan

---

<sup>106</sup>Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharitol Ahmad Shah, “Adolescent with an Unwanted Pregnancy: An Experience,” *Counseling, Psychotherapy and Health* 8 (2013), 8-21.

sebaya dan pendedahan mengenai aktiviti seksual secara berleluasa dalam internet juga mempengaruhi remaja sehingga terjebak dalam hamil luar nikah.<sup>107</sup>

Mengikut kajian Salhah Abdullah et al., kebanyakan kes kehamilan remaja antara umur 15 hingga 17 tahun adalah hasil hubungan seks yang dilakukan bersama pasangan yang dikenali termasuk teman lelaki. Remaja berisiko tinggi untuk terlibat dengan teman lelaki mereka secara seksual kerana tidak memiliki kesedaran, perasaan bersalah mahupun malu. Ibu bapa dan rakan sebaya dikesan sebagai agen tambahan yang penting dalam menyemai nilai-nilai moral dalam kalangan remaja serta membantu mereka memilih strategi mengatasi yang membina untuk menguruskan emosi. Kajian ini juga mencadangkan supaya pengetahuan tentang kesihatan seksual serta kemahiran keibubapaan dijadikan sebagai pendidikan wajib bagi pasangan muda yang sudah berkahwin. Manakala pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dicadangkan agar mengkaji semula program pemulihan dengan pelbagai dimensi modul psiko-pendidikan untuk memperbaiki program pemulihan. Seterusnya, penelitian lebih lanjut dari persepsi remaja dan ibu muda diperlukan untuk melaksanakan peraturan dan peraturan Akta Kanak-kanak dengan berkesan. Kajian akan datang perlu menggunakan pendekatan kualitatif serta memberi tumpuan kepada reka bentuk eksperimen untuk campur tangan bagi membangunkan kesedaran seks sebelum berkahwin untuk tidak menggalakkan hubungan seks. Tidak kurang juga, para guru dan kaunselor sekolah harus berperanan dalam membantu remaja meningkatkan nilai-nilai moral mereka dengan mendidik

---

<sup>107</sup>Khadijah Alavi et al., "Hamil Luar Nikah,"131-140.

mereka dan meningkatkan rasa hormat diri mereka dan harga diri untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap penyakit jangkitan kelamin.<sup>108</sup>

Selanjutnya kajian Salasiah Hanin Hamjah et al. ke atas 50 orang remaja hamil luar nikah di dua buah pusat perlindungan wanita iaitu Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah dan Pertubuhan Kebajikan Darul Islah, Selangor telah mengenal pasti empat faktor yang menyumbang kepada penglibatan remaja perempuan Islam dengan seks bebas sehingga mengakibatkan kehamilan luar nikah iaitu lemah pegangan agama, menjadi mangsa penipuan, komunikasi yang lemah dengan ibu bapa serta keinginan yang kuat dari dalam diri untuk mencuba sesuatu yang baru khususnya melibatkan perkara seksual. Namun, kajian ini menyimpulkan bahawa faktor utama ialah kurang penghayatan keagamaan dan pengamalan agama dalam kalangan remaja perempuan Islam. Kajian ini mencadangkan agar kesemua faktor ini diambil kira oleh pihak yang ingin menjalankan program intervensi khususnya bagi tujuan pencegahan kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja Islam. Mereka juga ada menegaskan bahawa masih terdapat ramai lagi remaja Muslim yang hamil di luar nikah belum mendapat perlindungan yang sewajarnya seperti mana remaja yang ditempatkan di pusat perlindungan wanita.<sup>109</sup>

Dalam kajian sarjana Azlina Muhammad di lima buah pusat perlindungan wanita Raudhatus Sakinah yang terletak di Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor dan Melaka mendapati antara kesalahan utama pelatih ditempatkan di institusi sememangnya berpunca daripada perbuatan zina dan hamil luar nikah. Manakala faktor utama penglibatan mereka ialah pujuhan teman lelaki dan inginkan keseronokan serta

<sup>108</sup>Salhah Abdullah et al., “Relationship of Parent and Peer Attachment with Coping Strategy among Teenagers Pregnancy,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114 ( 2014 ), 334-338.

<sup>109</sup>Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating to Premarital Pregnancy Amongst Muslim Adolescents in Malaysia,” *Research Journal of Medical Sciences* 6, no. 6 (2012), 266-271.

kemewahan dunia. Kajian juga menunjukkan 86.5 peratus remaja hamil luar nikah pernah mendapat pendidikan agama secara formal. Namun begitu, remaja mengakui masih gagal mengawal diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang disebabkan sistem pengajaran dan pembelajaran agama yang sedia ada tidak memikat serta tidak memberikan contoh teladan. Pada masa yang sama terdapat beberapa kelemahan yang harus segera diatasi oleh pihak pusat perlindungan wanita terutama dalam aspek kepuasan pelatih seperti kemudahan penginapan, suasana kelas serta beberapa program yang dilihat kurang mendapat sambutan.<sup>110</sup>

Kajian deskriptif oleh Su Xu Vin et al. pada tahun 2014 mengkaji bentuk masalah yang dihadapi oleh 26 orang remaja hamil luar nikah yang berusia antara 12 hingga 18 tahun di sebuah pusat perlindungan wanita kendalian kerajaan. Hasil kajian menunjukkan masalah paling utama yang dialami oleh majoriti remaja hamil ialah gangguan emosi yang turut mengakibatkan beberapa remaja mengalami gangguan tidur yang kronik sehingga menjelaskan perkembangan kognitif mereka. Akhirnya remaja hilang minat untuk belajar dan tercicir dari persekolahan. Kajian merumuskan bahawa masalah fizikal dan psikososial sebenarnya saling berkait rapat antara satu sama lain. Bagi menangani masalah yang dihadapi, kebiasaan remaja dikenal pasti memilih untuk mengasingkan diri akibat rasa takut dengan stigma yang dibentuk oleh masyarakat terhadap mereka. Remaja juga mendapatkan bantuan atau sokongan sosial khususnya dari individu yang mereka kenali seperti keluarga dan rakan-rakan berbanding mendapatkan nasihat doktor.<sup>111</sup>

---

<sup>110</sup>Azlina Muhammud, “Penghuni Raudhatus Sakinah.”

<sup>111</sup>Su Xu Vin et al., “Physical and Psychosocial,”71-80.

Khairani Omar et al. melalui satu kajian kes telah menilai faktor berisiko dan implikasi terhadap remaja hamil di dua buah hospital utama di Malaysia. Kajian mendapati kehamilan remaja dikaitkan dengan tahap pendidikan yang rendah, status sosioekonomi yang rendah, dibesarkan oleh ibu atau bapa tunggal, tidak terlibat dengan aktiviti kokurikulum di sekolah, bahkan terlibat dengan aktiviti tidak terkawal bersama rakan sebaya selepas waktu sekolah serta terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang. Rekod perubatan menunjukkan kehamilan di usia remaja merupakan kehamilan yang berisiko seperti menghidap anemia, tidak jelas mengenai tempoh kelahiran, kurang menghadiri kelas pra-kelahiran serta lewat menempah tarikh untuk melahirkan selain terdedah dengan pelbagai komplikasi semasa melahirkan bayi. Justeru kajian beliau mencadangkan penumpuan terhadap penjagaan kesihatan seksual sebagai strategi yang baik.<sup>112</sup>

Selanjutnya artikel Norulhuda Sarnon et al. membincangkan mengenai pendekatan intervensi keluarga dalam membendung gejala kehamilan luar nikah melibatkan remaja. Keadaan yang tidak sepatutnya terjadi ialah apabila terdapat ibu bapa yang tidak terlibat atau mengambil peduli semasa anak mereka berada di pusat perlindungan wanita, justeru mereka tidak bersedia untuk berperanan sebagai datuk dan nenek kepada cucu yang dilahirkan. Oleh itu, pertemuan dengan ibu bapa pasangan remaja hamil tersebut merupakan satu keperluan kerana remaja hamil begitu memerlukan sokongan yang kuat bagi meredakan tekanan yang dirasai selain mengharapkan penerimaan masyarakat.<sup>113</sup>

---

<sup>112</sup>Khairani Omar et al., “Adolescent Pregnancy Outcomes and Risk Factors in Malaysia,” *International Journal of Gynecology and Obstetrics*, 111 (2010), 220–223.

<sup>113</sup>Norulhuda Sarnon et al., “Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 121-130.

Kajian Salamatussaadah dan Nor Ba'ayah telah mendapatkan pandangan remaja hamil luar nikah mengenai makna hubungan romantik serta hubungannya dengan motif sosial. Kajian mendapati remaja hamil mentakrifkan hubungan romantik dari segi hubungan intim yang dikaitkan dengan hubungan seksual sementara motif sosial pula dilihat sebagai pengalaman bercinta dan dicintai serta kegembiraan dengan golongan dewasa. Rata-rata remaja melahirkan perasaan inginkan pasangan dan kasih sayang daripada teman lelaki. Kepercayaan yang kukuh dan keinginan untuk rasa dicintai dan mencintai mendorong mereka melakukan hubungan seks. Kajian turut mendapati kebanyakan remaja hamil luar nikah mempunyai latar belakang keluarga yang kurang sempurna dan berpisah daripada bapa sebelum umur mencecah 11 tahun, mempunyai bilangan adik beradik yang ramai, status ibu yang berkahwin semula dan juga datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah.<sup>114</sup>

Kajian Faizah Abd. Ghani et al. pula mendapati majoriti remaja hamil luar nikah yang berdaftar di bawah program penjagaan ibu hamil luar nikah di Johor mengakui faktor penyumbang berpuncu daripada perasaan cinta, pengaruh rakan sebaya serta bentuk pergaulan. Dari aspek kekerapan atau pola hubungan, majoriti informan mengakui lakukan hubungan seks antara lima hingga sepuluh kali manakala segelintir remaja mengakui melakukan seks dengan lebih dari lima orang yang berbeza. Sepanjang tempoh kehamilan, 11 orang remaja melahirkan rasa takut, sedih dan kecewa, 7 orang remaja mahu gugurkan kandungan dan selebihnya menyatakan rasa gembira. Dari aspek persediaan bersalin pula, 6 orang remaja tidak bersedia dan merancang serah bayi kepada orang lain manakala 8 orang remaja menunjukkan

---

<sup>114</sup>Salamatussaadah Abd. Ghadur dan Nor Ba'ayah Abdul Kadir, "Hubungan Romantik dan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan," *Jurnal E-Bangi* 4, no. 1 (2009), 106-113.

kesediaan untuk melahirkan dan membesarakan bayi mereka sendiri. Selanjutnya, kajian mendapati 5 orang remaja tidak jelas dengan hala tuju selepas bersalin dan 9 orang remaja merancang untuk memperbaiki kehidupan ke arah yang lebih baik. Implikasi kajian ini telah mendedahkan kepada masyarakat mengenai realiti penglibatan remaja dalam aktiviti seks bebas selain menawarkan penyelesaian.<sup>115</sup>

Kajian kualitatif Nasrudin Subhi et al. ke atas penghuni Asrama Bahagia Kg. Pandan mendapati remaja perempuan cenderung melakukan hubungan seksual bermula dengan tujuan mendapatkan cinta dan kasih sayang daripada pasangan. Namun akhirnya perasaan tersebut berubah menjadi keinginan seksual atau nafsu sebaik sahaja mereka mula aktif melakukan hubungan seksual. Mereka mentakrifkan hubungan seksual sebagai cara untuk menyatakan perasaan cinta dan kasih kepada pasangan. Dari aspek pertimbangan agama dan moral, kesemua informan dikenal pasti mengetahui dengan jelas bahawa melakukan hubungan seksual sebelum nikah merupakan perbuatan zina dan perbuatan tersebut merupakan salah satu daripada dosa besar. Namun, kesemua informan mengakui bahawa mereka terlalu mengikut nafsu menyebabkan mereka tidak memikirkan tentang dosa yang telah mereka lakukan. Begitu juga dengan aspek menjaga keperawanahan, mereka menyedari kepentingan memelihara perawan namun masih tidak dapat mengawal diri. Secara amnya kajian ini mendapati bahawa nafsu yang tidak terkawal telah mendorong keinginan melakukan hubungan seksual tanpa batasan. Remaja-remaja terbabit dianggap sudah tidak mampu mempertimbangkan baik buruk melakukan hubungan seksual sebelum bernikah. Walaupun remaja-remaja ini keseluruhannya mempunyai tahap pendidikan agama yang baik dan mengetahui

---

<sup>115</sup>Faizah Abd. Ghani dan Azian Abd. Aziz, "Illegitimate Childbearing Scenario Among Adolescents", *Research Journal in Organizational Psychology and Educational Studies* 2, no. 5 (2013), 260-265.

mengenai risiko-risiko menghidap penyakit kelamin, namun disebabkan keinginan seksual yang tinggi mereka telah sanggup mengetepikan didikan asas agama dan moral yang telah diterima sejak dari kecil.<sup>116</sup>

Siti Nor Yaacob et al. mengenal pasti perkaitan antara jantina, bangsa dan kepercayaan terhadap tahap pengetahuan seksual. Informan terdiri daripada 860 orang pelajar sekolah yang berumur 13 hingga 18 tahun daripada kawasan bandar di semenanjung Malaysia. Dalam kajian ini, skala pengetahuan seks berdasarkan sensitiviti budaya dibina dan diuji untuk mengukur tahap pengetahuan informan terhadap pengetahuan seks. Kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan lelaki dan wanita mengenai seks. Namun, remaja yang lebih berusia dikenal pasti mempunyai pengetahuan seks yang lebih baik berbanding remaja yang lebih muda. Remaja berbangsa Cina lebih terdedah dengan pengetahuan seksualiti berbanding remaja Melayu, manakala remaja Melayu pula lebih tinggi berbanding remaja India. Perbezaan berlaku disebabkan faktor kepercayaan yang dianuti. Walau bagaimanapun, penemuan kajian tersebut akan membantu memperbaiki pemahaman remaja terhadap pengetahuan seksual dan sedikit sebanyak menyumbang input terhadap perancangan program pembangunan diri remaja yang sedia ada khususnya dalam aspek seksualiti dan kesihatan sistem reproduktif manusia.<sup>117</sup>

Kajian Fatimah Abdullah et al. pada 2013 mengenal pasti latar belakang remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita serta faktor kehamilan. Kajian mendapati sebahagian besar remaja hamil luar nikah mempunyai ibu bapa yang tidak berpendidikan tinggi dan mempunyai pendapatan yang rendah serta berasal dari

<sup>116</sup>Nasrudin Subhi et al., "Hubungan Seksual Remaja: antara Cinta dan Nafsu, *Journal of Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 15-25.

<sup>117</sup>Siti Nor Yaacob et al., "Factors Related To Sexual Knowledge Among Malaysian Adolescents," *Jurnal Kemanusiaan* 16, (Disember 2010), 21-32.

keluarga yang berpecah belah. Remaja hamil pula tidak mempunyai pekerjaan tetap, tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, tidak memiliki pengetahuan yang mencukupi mengenai kesihatan reproduktif serta tidak mempunyai sebarang perancangan tentang masa depan mereka dan anak yang bakal dilahirkan. Selain menjadi mangsa rogol, kajian mendapati kebanyakan kes kehamilan adalah disebabkan ketelanjuran bersama pasangan sehingga membawa kepada hubungan seks.<sup>118</sup>

Kajian Norshidah Nordin et al. bertajuk “Psychological Well-Being of Young Unwed Pregnant Women: Implications for Extension Education and Programs”, mendapati keadaan psikologi remaja hamil luar nikah di Kem Modal Insan (KEWAJA) berada dalam keadaan yang baik. Justeru, ia memberikan implikasi terhadap pelaksanaan pelbagai program pendidikan dengan lebih lanjut.<sup>119</sup> Faizah Abd. Ghani et al. telah menganalisis penyimpangan seksual dalam kalangan remaja berdasarkan fenomena cinta dan *nafs* yang diasaskan oleh al-Ghazālī dan teori Cinta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan informan berada dalam kategori *nafs mulhimah* dalam konteks aktiviti seksual yang ditandai dengan perlakuan memegang tangan diikuti dengan memeluk, mencium, membela, seks oral atau melancap dan seks terlarang. Kajian juga menunjukkan bahawa majoriti remaja yang terlibat dalam seks haram adalah perempuan berbanding lelaki. Remaja yang terlibat dalam seks haram berasal dari latar belakang keluarga dengan ibu bapa yang bekerja sendiri bekerja dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM1000.00. Kajian ini mencadangkan dilakukan kajian lanjutan yang memfokuskan kepada pembentukan satu model atau

---

<sup>118</sup>Fatimah Abdullah, Khaidzir Ismail dan Suraiyah Harun, “Menjadi Ibu di Usia Remaja: Kes Ibu Tanpa Nikah di Sebuah Rumah Perlindungan,” *Jurnal Sarjana* (2013), 12-14.

<sup>119</sup>Norshidah Nordin, Rohaya Abd. Wahab dan Farhana Wan Yunus, “Psychological Well-Being of Young Unwed Pregnant Women: Implications for Extension Education and Programs,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 68 ( 2012 ), 700 – 709.

modul bagi membantu remaja yang terlibat dengan salah laku seksual menyalurkan dorongan seks.<sup>120</sup>

### **1.9.2 Pelaksanaan Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita**

Tinjauan mendapati kajian mengenai pelaksanaan modul keagamaan secara khusus untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita masih kurang dibincangkan. Walau bagaimanapun, beberapa kajian telah dijalankan bagi menguji keberkesanan serta kesesuaian pelaksanaan beberapa modul bercorak keagamaan meliputi aspek pengisian dan pendekatan terhadap individu bagi tujuan pemulihan dalam institusi khusus remaja yang terlibat dengan kes salah laku termasuk salah laku seksual seperti kehamilan luar nikah.

Analisis kajian Ahmad Esa et al. merumuskan program pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam di enam lokasi Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia berhasil memberikan kesan positif kepada pelatih. Satu garis panduan yang lengkap dan seragam juga telah dicadangkan supaya dimurnikan oleh pihak yang terlibat dalam mengaplikasikan program pengintegrasian latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam. Hal ini kerana, ilmu dan kemahiran yang tinggi sahaja tidak mencukupi bagi seorang remaja, tetapi mereka juga perlu disuntik dengan pendidikan Islam sebagai makanan rohani dan agama yang akan membantu mereka ke arah pembangunan diri yang lebih holistik. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa dalam menyediakan latihan kepada remaja terlanjur, PPAR wajar mempunyai

---

<sup>120</sup>Faizah Abd Ghani et al., “Phenomena Of Love, Nafs And Illicit Sexual Behaviors Amongst Teenagers In South Malaysia,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 143 (2014). 732 – 736.

model latihan yang sistematik yang mengintegrasikan antara latihan vokasional dan pendidikan agama.<sup>121</sup>

Kajian Saedah A. Ghani et al. telah dijalankan bagi mencari hubungan antara nilai-nilai murni Islam dan strategi menangani masalah dalam kalangan remaja perempuan yang terlibat dalam seks sebelum nikah. Kajian ini juga melihat demografi dan profil psikologi daripada peserta kajian yang terdiri daripada 238 penghuni dari empat pusat perlindungan wanita dan pemulihan kerajaan. Melalui Inventori Nilai-nilai moral untuk remaja ‘*Moral Values Inventory for Muslim Adolescences*’ (MVIMA) dan *Inventori Coping Strategy* yang telah diguna pakai, kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai moral dan strategi menangani permasalahan remaja yang terlibat dalam seks sebelum nikah. Hasil kajian ini juga memberi implikasi bahawa remaja perempuan dan ibu bapa harus dilengkapi dengan pendidikan seks sebagai langkah awal untuk mengelakkan seks sebelum perkahwinan serta implikasi yang berkaitan dengannya. Implikasi kajian ini juga menunjukkan keperluan pencegahan dan juga program pemulihan untuk remaja kumpulan berisiko tinggi. Remaja perlu mengembangkan nilai-nilai positif ke arah pembinaan rasa hormat diri dan harga diri serta strategi menangani melalui latihan tegas. Kajian ini membahas had pengumpulan data dari pusat-pusat pemulihan di bawah peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu kajian masa depan harus merangkumi pusat perlindungan wanita untuk anak perempuan remaja hamil yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Kajian masa depan juga perlu mempertimbangkan pendekatan kualitatif

---

<sup>121</sup>Ahmad Esa, Zalina @ Siti Aishah Abd Aziz dan Nurul Haerani Mohamad, “Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja,” *Jurnal Kajian Pendidikan* 4, no. 1, (Jun 2014).

untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang seks sebelum kahwin dalam kalangan remaja ke arah menghasilkan strategi dan pendekatan pemulihan yang lebih efektif.<sup>122</sup>

Kajian PhD oleh Khairul Hamimah Mohd. Jodi telah menganalisis keberkesanan penerapan sebelas nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan modul pemulihan ke atas wanita bermasalah di institusi pemulihan seperti penjara dan pusat perlindungan wanita. Dapatan kajian menunjukkan penerapan sebelas nilai-nilai Islam melalui modul pemulihan di pusat perlindungan wanita telah dilaksanakan secara berkesan sehingga mendorong kepada perubahan tingkah laku remaja wanita bermasalah menjadi lebih baik termasuk remaja yang terlibat dengan kes salah laku seksual seperti kehamilan luar nikah.<sup>123</sup>

Kajian kes oleh Jawiah Dakir et al. melihat kesan aplikasi modul bimbingan agama dan penggunaan metodologi dakwah dalam proses pemulihan banduan di Penjara Wanita Kajang. Modul bimbingan agama yang dikenalpasti merangkumi pengajian akidah, fikah, tilawah al-Quran, tafsir, hadis, sirah, akhlak dan kesejahteraan insan. Manakala metodologi dakwah yang digunakan ialah mengenal dan memahami latar belakang dan personaliti banduan, beransur-ansur, lemah lembut, memberikan pujian dan memaafkan, memberi panduan, teguran dan arahan, memberikan harapan dan peringatan, memahami persekitaran banduan, memujuk dan mempertahankan pesalah yang insaf. Hasilnya, bimbingan agama dan metodologi dakwah yang telah diguna pakai dikenal pasti memberikan kesan positif terhadap banduan dalam melakukan

---

<sup>122</sup>Saedah A. Ghani et al., “Muslim Adolescent Moral Values and Coping Strategies Among Muslim Female Adolescents Involved In Premarital Sex,” *Procedia-Social And Behavioral Sciences 114* ( 2014 ), 637-643.

<sup>123</sup>Khairul Hamimah Mohd. Jodi, “Penerapan Nilai-Nilai Islam.”

perubahan tingkah laku selain berupaya memastikan kesilapan yang sama tidak lagi berulang di masa akan datang.<sup>124</sup>

Seterusnya, kajian kuantitatif oleh Noor Hafizah dan Fakhrul Adabi telah mendapatkan persepsi 286 orang pelatih yang terdiri daripada remaja bermasalah di pusat perlindungan wanita kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia iaitu Taman Seri Puteri. Hasil soal selidik serta beberapa siri temu bual mendapati pelaksanaan program agama di pusat perlindungan wanita tersebut berada pada tahap memuaskan, namun beberapa aspek melibatkan pelaksanaan program agama masih perlu diperbaiki dan dibuat penilaian semula terutamanya dari aspek kualiti modul serta penyediaan tenaga pengajar. Kajian mendapati pihak JKMM tidak menyediakan buku panduan khusus mengenai pelaksanaan modul kepada tenaga pengajar, justeru bahan pengajaran dan penyampaian isi kandungan modul dilaksanakan mengikut inisiatif tenaga pengajar sendiri. Selain itu, kajian mendapati kekurangan jumlah tenaga pengajar turut menjadi faktor yang menyebabkan program agama tidak dapat dijalankan secara efektif dan holistik. Kajian ini mencadangkan beberapa penyelesaian seperti mempertingkatkan kualiti modul serta jumlah guru.<sup>125</sup>

Melalui kajian PhD Salmi Ahmad Sudan, beberapa faktor penglibatan remaja dengan perlakuan seks sebelum nikah telah dikenal pasti membabitkan sikap remaja sendiri, gaya keibubapaan, ciri-ciri keluarga, pengaruh rakan sebaya, hubungan romantik, pornografi serta tahap penghayatan agama yang rendah. Remaja mengakui menerima pendidikan agama namun aspek penghayatan begitu lemah sehingga

---

<sup>124</sup>Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek dan Adawiyah Ismail, "Bimbingan Agama."

<sup>125</sup>Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhrul Adabi Abd. Kadir, "Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis Persepsi Pelatih Terhadap Pelaksanaan, *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1, no. 1 (2015), 87-100.

mengakibatkan mereka sukar mengawal diri dari terus terlibat dengan kegiatan berbentuk seksual seperti pornografi dan seterusnya seks sebelum kahwin. Kajian beliau juga merumuskan bahawa pendekatan pendidikan berteraskan agama Islam yang dijalankan sekian lama masih tidak begitu efektif. Pendidikan agama yang diterima dari ibu bapa atau di sekolah pula berkemungkinan bersifat asas sahaja sehingga tidak mampu menyentuh hati remaja untuk mempraktikkannya dalam kehidupan dan tidak menjadikannya sebahagian dari sistem kepercayaan mereka. Berdasarkan kepada pelbagai faktor yang telah dikenal pasti, kajian ini telah mencadangkan beberapa pendekatan Islam dalam mengendalikan permasalahan seksual sebelum nikah untuk tindakan pelbagai pihak. Antara pendekatan yang diberikan tumpuan meliputi pendidikan seks, pendidikan keimanan, asas-asas pendidikan anak-anak sejak kecil, pengamalan solat harian, bimbingan terhadap aspek seksualiti, kawalan anak-anak dalam bersosial, contoh teladan, mewujudkan sokongan emosi serta komunikasi yang baik. Peranan sekolah pula dari aspek penyediaan polisi pendidikan, pendidikan seks, peranan sebagai guru, kaunselor, manakala peranan kerajaan dari aspek mewujudkan pemerintahan berdasarkan dasar moral dan kerohanian, penguatkuasaan undang berteraskan Islam, mewujudkan platform khusus bagi merealisasikan usaha amar makruf nahi mungkar, mengoptimumkan penggunaan media dengan sebaiknya.<sup>126</sup>

Kajian PhD Nor Azah Aziz memberikan penekanan kepada pelaksanaan modul bercirikan keagamaan melalui satu pendekatan praktikal yang dikenali sebagai psiko-spiritual bagi merawat masalah ketagihan pornografi dalam kalangan remaja berpandukan saranan tokoh sufi terkemuka iaitu al-Qushayri. Melalui set soal selidik ke atas 400 orang remaja berusia antara 12 hingga 25 tahun mendapati 87 peratus remaja

---

<sup>126</sup>Salmi Ahmad Sudan, “Premarital Sex.”

yang melayari laman sesawang pornografi mengakui pernah mendapat pendidikan agama secara formal di sekolah agama separuh masa atau sepenuh masa. Justeru, rawatan psiko-spiritual yang dibincangkan merupakan suatu bentuk proses pembersihan jiwa yang boleh dilakukan secara bertahap bagi mengekang ketagihan tersebut. Tahap pertama merupakan proses mencari ilmu pengetahuan. Pada tahap kedua pula ialah tahap mengaplikasikan ilmu. Manakala tahap terakhir ialah penghayatan atau usaha mengekalkan amalan-amalan yang telah dilakukan. Antara ilmu penting ditekankan ialah ilmu fardu ain dan fardu kifayah seperti ilmu mengenal Allah atau tauhid, ilmu syarak dan ilmu tasawuf serta ilmu. Manakala amalan-amalan berbentuk kerohanian pula meliputi amalan zahir dan batin seperti solat, berpuasa, zakat, mengerjakan haji, zikir diikuti sifat ikhlas, syukur, taubat, tawakal, reda dan sabar.<sup>127</sup>

Kajian Siti Balqis Mohd. Azam et al. telah membincangkan beberapa pendekatan yang dikategorikan sebagai Konsep Pemulihan Sosial Berasaskan Terapeutik ke atas remaja hamil luar nikah. Salah satu pendekatan berkesan yang dicadangkan adalah teknik kaunseling berkumpulan. Teknik tersebut merangkumi beberapa aktiviti berbentuk kerohanian, penentuan hala tuju diri, program masa lapang dan program yang bertemakan kasih sayang. Program kerohanian dijalankan melalui penyucian dalaman atau pemulihan jiwa dan rohani individu yang melibat beberapa aktiviti seperti pelaksanaan ibadah seperti solat, galakan berbuat amal kebajikan dan pendidikan moral.<sup>128</sup>

Kajian Mohd. Zaliridzal Zakaria dan Dini Farhana Baharuddin menumpukan kepada pelaksanaan modul keagamaan menerusi penerokaan ke atas pengalaman

<sup>127</sup>Nor Azah Ab. Aziz, "Pengawalan Diri."

<sup>128</sup>Siti Balqis Mohd Azam, Haris Abdul Wahab dan Siti Hajar Abu Bakar Ah. "Ciri-Ciri Pemulihan Terapeutik Berkesan untuk Anak Gadis Hamil Luar Nikah." *Jurnal Sarjana* 28, no. 1 (June 2013), 181-194.

beberapa orang kaunselor di Malaysia dalam merawat klien yang mengalami masalah ketagihan seks siber. Hasil temu bual mendapati keupayaan mengawal sistem kepercayaan diri serta amalan psiko spiritual yang dilaksanakan berterusan mampu membantu klien menghadapi isu ketagihan seks siber dengan lebih berkesan selain kaunseling perkahwinan dan keluarga serta bentuk-bentuk pencegahan lain. Kajian ini merumuskan bahawa meskipun dapatan yang diperoleh kurang tepat untuk mewakili keseluruhan kaunselor di Malaysia, namun ia dapat memberikan input kepada bidang kaunseling di Malaysia, khususnya kepada latihan, persediaan dan amalan kaunselor. Pemahaman yang jelas tentang situasi yang berlaku dalam amalan dan kaedah membantu yang dipraktikkan oleh para kaunselor pakar yang telah ditemu bual berpotensi untuk dimanfaatkan oleh kaunselor-kaunselor dan pelbagai pihak lain dalam menangani kes seumpamanya. Kajian ini juga telah dapat mengumpulkan kaedah-kaedah efektif dalam merawat satu ancaman besar kepada kesejahteraan sistem kekeluargaan dan pasangan di Malaysia khususnya dalam membantu ketagihan seks siber.<sup>129</sup>

Seterusnya, kajian PhD Fauziah Mohd Sa'ad menganalisis pelaksanaan modul keagamaan dengan melihat kesan rawatan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan (KKPPI) dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din (KKPKAD) terhadap pembentukan tahap konsep kendiri, kemurungan serta daya tahan remaja hamil luar nikah. Kajian melibatkan 55 orang remaja berusia 13 hingga 21 tahun dari tiga buah pusat perlindungan wanita iaitu Raudhatus Sakinah, Taman Seri Puteri Cheras dan KEWAJA. Dapatan kajian menunjukkan intervensi

---

<sup>129</sup>Mohd. Zaliridzal Zakaria dan Dini Farhana Baharuddin, "Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia" (makalah, Konvensyen Kaunseling Kebangsaan, PERKAMA, 22-23 Jun 2011), 1-8.

Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din memberi kesan kepada peningkatan konsep kendiri, mengurangkan kemurungan dan meningkatkan daya tahan remaja hamil luar nikah. Walau bagaimanapun, Kaunseling Kelompok Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din dikenal pasti mempunyai kekuatan memandangkan ia melibatkan beberapa kaedah yang berteraskan amalan kerohanian.<sup>130</sup>

Hasil kajian kes Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan menunjukkan pendekatan keagamaan Islam melalui pemantapan keimanan serta ibadah solat dan tazkirah agama telah berkesan merawat masalah kenakalan remaja dalam tempoh selama 11 bulan. Ibu bapa juga berpuas hati dengan perubahan yang dialami oleh anak-anak mereka. Meskipun kajian dilakukan dalam skala yang agak kecil, namun ia menjadi titik tolak kepada kajian lanjutan ke atas skala yang lebih besar memandangkan hasil yang diperoleh menunjukkan perkembangan positif. Justeru, rawatan kenakalan remaja menggunakan pendekatan agama tidak boleh dipandang remeh dan dianggap begitu relevan dan membantu mengurangkan penyelewengan moral.<sup>131</sup>

Kajian PhD Md. Noor Saper telah membina dan menguji kesan pelaksanaan modul keagamaan iaitu Modul Bimbingan Tazkiyah al-Nafs (MBTN) terhadap penghayatan agama serta ketahanan diri remaja. Hasil kajian menunjukkan penggunaan MBTN begitu signifikan dalam meningkatkan ketahanan diri remaja melalui bimbingan

---

<sup>130</sup>Fauziah Mohd Sa'ad, "Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Konsep Kendiri, Kemurungan dan Daya Tahan Remaja Hamil Luar Nikah" (tesis kedoktoran sains sosial dan kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014).

<sup>131</sup>Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar: Satu Kajian Kes," *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 2, no. 1, (2009), 9.

dan latihan. Justeru, modul yang telah diketengahkan berpotensi digunakan dalam usaha intervensi.<sup>132</sup>

Fazilah Idris et al. menguji kepercayaan agama dalam mengawal salah laku. Berpandukan kepada instrumen yang terkandung dalam Inventori Penghayatan Akhlak Sekolah Menengah, satu set soal selidik telah dirangka dan diedarkan kepada 600 pelajar sekolah berbangsa Melayu yang berumur antara 19-23 tahun di seluruh Kelantan. Aspek kepercayaan agama merangkumi rukun iman iaitu keimanan kepada Allah, Nabi, Malaikat, Kitab, hari akhirat serta qada' dan qadar. Manakala bentuk salah laku pula berkait rapat dengan lima aspek yang terkandung dalam *Maqasid Syariah* iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Kajian menunjukkan kepercayaan kepada Allah diikuti dengan kepercayaan kepada al-Quran merupakan aspek yang paling berpengaruh dalam menangani kelima-lima bentuk salah laku. Justeru, ibadah solat dilihat sebagai kaedah pencegahan paling berkesan dalam menjauhkan seseorang daripada kenakalan.<sup>133</sup>

Roslee Ahmad et al. menguji pelaksanaan satu modul keagamaan berasaskan pendekatan Amar Makruf Nahi Mungkar (AMAR) ke atas pembentukan perilaku seks dalam kalangan pelatih berusia 14 hingga 18 tahun yang sedang menantikan saat melahirkan anak di Taman Seri Puteri Cheras. Modul AMAR yang diketengahkan meliputi beberapa aspek seperti kebesaran Allah, balasan azab neraka, muhasabah diri, batasan pergaulan, batasan pancaindera, batasan aurat, pemilihan rakan dan tanggung jawab penjagaan diri. Hasil kajian mendapati modul tersebut yang diaplikasikan melalui lapan kali sesi kaunseling begitu signifikan dalam mengurangkan

<sup>132</sup>Md. Noor Saper, "Pembinaan Modul Bimbingan."

<sup>133</sup>Fazilah Idris et al., "A Path Analysis Approach on the Effects of Faith-Based Behavior on Religious Delinquent Behavior Among Youth", *Research Journal of Applied Sciences* 8, no. 1, (2013), 89-95.

salah laku seksual pelatih serta meningkatkan kesedaran mereka tentang perbuatan salah laku seks. Secara keseluruhan, pelatih menjadi lebih yakin untuk tidak mengulangi tingkah laku seksual serta berjanji untuk mengubah diri mereka dengan mendekatkan diri kepada Allah selain terus konsisten dalam berbuat baik meskipun meninggalkan pusat pemulihan.<sup>134</sup>

Berdasarkan sorotan yang telah dibuat, isu kehamilan luar nikah telah dibincangkan dari pelbagai bidang seperti pendidikan, perubatan, psikologi, sosiologi, agama dan sebagainya. Isu ini juga turut dibincangkan dari pelbagai skop dan dimensi seperti faktor penglibatan, bentuk-bentuk risiko yang dihadapi, cabaran dan pengalaman sepanjang kehamilan, tahap pengetahuan seksualiti remaja serta bentuk-bentuk intervensi yang telah dijalankan. Dari aspek pelaksanaan modul keagamaan pula, kajian sedia ada telah membincangkan mengenai keperluan serta keberkesanan beberapa pendekatan berorientasikan keagamaan dalam proses pemulihan remaja bermasalah seksual. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pelaksanaan modul keagamaan secara khusus terhadap remaja hamil luar nikah masih kurang dibincangkan.

Kebanyakan kajian lepas juga dikenal pasti menggunakan pendekatan kuantitatif dengan memilih remaja hamil sebagai informan. Justeru, kajian ini memilih untuk mengaplikasikan pendekatan kualitatif bagi menganalisis pelaksanaan modul keagamaan melalui pemilihan pihak pelaksana sebagai informan utama kajian. Berdasarkan kepada beberapa kelompongan yang telah dikenal pasti, pengkaji yakin bahawa kajian ini penting untuk direalisasikan sebagai tanda sokongan terhadap usaha-

---

<sup>134</sup>Roslee Ahmad et al., “Amar Makruf Nahi Mungkar approach to handle sexual misbehavior and awareness for pregnancy female inmates in Taman Seri Puteri Cheras, Selangor,” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 97 (2013), 160-166.

usaha pencegahan, intervensi dan juga pemulihan sekaligus meningkatkan kesedaran masyarakat dalam mengendalikan remaja bermasalah.

## **1.10 STRUKTUR KAJIAN**

Keseluruhan tesis ini mengandungi enam bab. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, definisi tajuk kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian serta sorotan literatur. Bab kedua merupakan bab sorotan literatur yang membincangkan tentang isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja khususnya di Malaysia. Antara perkara yang disentuh ialah faktor kehamilan luar nikah, implikasi kehamilan luar nikah, peruntukan undang-undang berhubung isu kehamilan luar nikah serta mekanisme perlindungan yang diwujudkan secara khusus bagi menangani masalah kehamilan luar nikah. Bab ketiga pula membincangkan secara khusus teori pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Perbincangan dilakukan berpandukan kepada beberapa saranan Islam yang seterusnya dijadikan landasan kepada kajian ini dijalankan.

Selanjutnya, bab keempat merupakan bab analisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian pertama dan kedua iaitu berhubung pengisian serta pendekatan dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Manakala, bab kelima menganalisis dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian yang ketiga dan terakhir iaitu berhubung permasalahan yang berkait rapat dengan pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Akhirnya bab enam merupakan bab penutup yang

mengandungi rumusan keseluruhan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan penambahbaikan serta cadangan untuk kajian akan datang.

## **BAB 2 : ISU KEHAMILAN LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA**

### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini menghuraikan tentang isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Perbincangan bermula dengan tinjauan mengenai gejala kehamilan luar nikah khususnya di Malaysia. Perbincangan seterusnya menyentuh tentang faktor kehamilan luar nikah, implikasi kehamilan luar nikah, peruntukan undang-undang terhadap kes salah laku seksual serta mekanisme perlindungan yang telah diwujudkan berhubung isu ini. Secara umumnya, bab ini dianggap penting untuk dikemukakan dalam kajian ini memandangkan pelaksanaan modul keagamaan yang dibincangkan menyentuh secara khusus kepada kelompok remaja hamil luar nikah sebagai sasaran. Justeru, pemahaman mengenai isu kehamilan luar nikah khususnya di Malaysia adalah menjadi keperluan.

### **2.2 FAKTOR KEHAMILAN LUAR NIKAH**

Kehamilan luar nikah merupakan isu global yang dialami oleh semua masyarakat merentasi batas agama, bangsa, warna kulit dan lapisan umur. Kehamilan luar nikah bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia, bahkan di negara-negara membangun turut menghadapinya sebagai satu bentuk masalah sosial yang serius serta menjadi keimbangan masyarakat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengklasifikasikan kehamilan remaja dengan merujuk kepada kehamilan yang berlaku melibatkan individu berusia antara 10 hingga 19 tahun. Terdapat 10 peratus daripada kanak-kanak perempuan yang mengadakan hubungan seks kali pertama sehingga hamil dikenal pasti berusia belum

mencecah 15 tahun dan mengakui melakukannya secara terpaksa.<sup>135</sup> Di Malaysia, kajian menunjukkan kehamilan luar nikah membabitkan remaja seawal usia 13<sup>136</sup> dan 14 tahun.<sup>137</sup> Lebih mengejutkan, baru-baru ini negara dikejutkan dengan berita kehamilan seorang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun yang membawa kepada kelahiran seorang bayi lelaki.<sup>138</sup> Walau bagaimanapun, JKMM merekodkan remaja yang berada berumur dalam lingkungan 15 hingga 17 tahun paling ramai melahirkan anak tanpa nikah.<sup>139</sup> Selain di Malaysia, negara-negara yang berpendapatan tinggi juga mencatatkan kadar kehamilan luar nikah yang tinggi. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat terdapat kira-kira 625,000 remaja hamil berumur bawah 21 tahun sehingga tahun 2010. Daripada jumlah tersebut seramai 614,000 orang dikenal pasti berumur dalam lingkungan 15 hingga 19 tahun dan selebihnya berumur 14 tahun dan ke bawah.<sup>140</sup>

Secara umumnya, kehamilan luar nikah dirujuk sebagai kehamilan yang berlaku disebabkan berlakunya hubungan seks berlainan jantina di luar ikatan pernikahan.<sup>141</sup> Hubungan seks pula boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Menurut Zainal Maadon, hubungan seksual boleh berlaku akibat dirogol.<sup>142</sup> Manakala Kementerian Kesihatan menjelaskan dalam banyak keadaan hubungan seksual berlaku melalui kegiatan

<sup>135</sup>Laman sesawang *World Health Organization*, Adolescent Pregnancy: Issues in Adolescent Health and Development,” dicapai 11 Mac 2012,

[http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/topics/maternal/adolescent\\_pregnancy/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/topics/maternal/adolescent_pregnancy/en/)

<sup>136</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah,”131-140.

<sup>137</sup>Faizah Abd. Ghani dan Azian Abd. Aziz, Illegitimate Childbearing Scenario Among Adolescents, 260-265.

<sup>138</sup>“Kanak-kanak 11 Tahun Lahirkan Bayi,” laman sesawang *Berita Utusan Malaysia*, dicapai 5 September 2015, <http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/kanak-kanak-11-tahun-lahirkan-bayi-1.120865>

<sup>139</sup>Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2011-2013.

<sup>140</sup>Kathryn Kost and Stanley Henshaw, *U.S. Teenage Pregnancies, Births and Abortions, 2010: National and State Trends by Age, Race and Ethnicity*, Guttmacher Institute, May 2014.

<sup>141</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>142</sup>Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden*, (Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2004), 222-228.

sumbang mahram dan gila syahwat<sup>143</sup> seks bebas serta penderaan seksual.<sup>144</sup> Kehamilan luar nikah turut disifatkan sebagai kehamilan yang tidak diingini kerana ia berlaku bukan pada masa yang sepatutnya dan tidak dijangka.<sup>145</sup> Secara khususnya, terdapat lima aspek yang sering dibincangkan menjadi faktor penyumbang kepada kegiatan salah laku seks sehingga mengakibatkan kehamilan luar nikah iaitu, diri remaja, ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, media dan kecanggihan teknologi serta masyarakat.

### 2.2.1 Diri Remaja

Kajian mendapati remaja yang terlibat dengan masalah sosial mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru serta sentiasa menginginkan kebebasan dalam setiap perkara yang dilakukan. Kedua-dua aspek ini menunjukkan peratusan yang agak tinggi iaitu sebanyak 80.2 peratus.<sup>146</sup> Berdasarkan kajian ke atas 25 orang remaja perempuan luar bandar, 52 peratus responden mengakui melakukan hubungan kali pertama seawal usia 14 tahun. Majoriti melakukan seks dengan seorang lelaki.<sup>147</sup>

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Ong Chin Lan, selepas siasatan dilakukan ke atas kes rogol yang diterima polis mendapati

<sup>143</sup>Laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai 11 Oktober 2014, <http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/akibat-seks-luar-nikah>. Gila Syahwat juga dikenali sebagai nimfomania bermaksud keinginan luar biasa yang ketara pada wanita untuk melakukan hubungan seks terutamanya dengan ramai lelaki. Rujuk Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka* dicapai 02 Jun 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=nimfomania>.

<sup>144</sup>“Pembuangan Bayi,” laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai 2 Januari 2013, <http://www.myhealth.gov.my/index.php/my/pembuangan-bayi>

<sup>145</sup>Mia Zolna dan Laura Lindberg, *Unintended Pregnancy: Incidence and Outcomes among young adult unmarried women in the united states, 2001 and 2008*, (New York: Guttmacher Institute, April 2012).

<sup>146</sup>Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, “Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka,” *Journal of Education Psychology & Counselling* 1 (Mac 2011), 115-140.

<sup>147</sup>Maryam Ahmadan et al., “Risky Sexual Behavior among Rural Female Adolescents in Malaysia: A Limited Role of Protective Factors,” *Global Journal of Health Science* 6, no. 3 (2014), 165-174.

lebih 60 peratus kes melibatkan remaja bawah umur yang melakukan seks dengan kerelaan sendiri bukan secara terpaksa. Hanya 40 peratus sahaja yang benar-benar dipaksa atau dirogol. Tindakan membuat laporan dan mendakwa dirogol dibuat apabila kegiatan tidak bermoral terbongkar dan diketahui keluarga.<sup>148</sup>

Dalam konteks salah laku seks, kajian mendedahkan remaja perempuan didapati berisiko tinggi untuk terlibat dengan teman lelaki secara seksual kerana mereka tidak memiliki kesedaran dan perasaan bersalah mahupun rasa malu.<sup>149</sup> Walau bagaimanapun, kajian lain mendedahkan gadis remaja yang pernah melalui sejarah penderaan seksual mempunyai lapan kali lebih kecenderungan untuk melibatkan diri dalam hubungan seks secara sukarela.<sup>150</sup>

Perbezaan tahap umur baligh yang berbeza antara remaja lelaki dan perempuan juga dikatakan menyebabkan perkembangan kelenjar seks remaja perempuan menjadi lebih cepat serta menjadikan perempuan lebih awal memiliki kehendak seksual dan inginkan perhatian.<sup>151</sup> Walau bagaimanapun, Michael L. Jaffe menjelaskan sesetengah remaja menganggap hubungan seks kali pertama sebagai saat-saat yang cukup bermakna serta menjadi simbol kematangan dan kedewasaan dalam fasa kehidupan mereka.<sup>152</sup>

Menurut Azizi Yahaya et al., hubungan intim antara pasangan kekasih yang belum berkahwin biasanya berlaku dalam kalangan remaja lantaran wujudnya perasaan ingin mencintai dan dicintai. Manakala cinta semasa zaman remaja pula hanya mengikut

<sup>148</sup>“Seks Suka Sama Suka, 60 Peratus Kategori Bawah Umur Lakukan dengan Kerelaan,” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 03 Februari 2016, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/seks-suka-sama-suka-1.185858>

<sup>149</sup>Salhah Abdullah et al., “Relationship of Parent,” 334-338.

<sup>150</sup>Mee-Lian Wong et al., “Multilevel Ecological Factor Premarital Sexual Intercourse Among Adolescents in an Asian Country,” *Pediatrics* 124, no. 1 (Jun 2009), 44-52.

<sup>151</sup>Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar, *Membentuk Jati Diri Remaja*, 54.

<sup>152</sup>Michael L. Jaffe, *Adolescence*, (New York: John Wiley and Sons, Inc, 1998) 334.

perasaan dan tidak mempunyai matlamat yang jelas kecuali untuk kepuasan dan keseronokan. Cinta inilah yang mudah menjuruskan remaja melakukan perzinaan seandainya tiada keimanan yang kuat dalam diri pasangan masing-masing.<sup>153</sup>

Berbalik kepada proses perkembangan remaja, hormon seks<sup>154</sup> dikatakan mula meningkat semasa proses akil baligh seterusnya mencetuskan perasaan berahi terhadap individu yang berlawanan jantina yang menimbulkan dorongan seks. Perasaan berahi sebenarnya sudah tertanam dalam diri semenjak bayi, namun pada peringkat tersebut ia masih tersembunyi dan tidak disedari dan ia kekal terpendam sepanjang dalam tempoh kanak-kanak. Manakala sebahagian besar keinginan seks ditentukan oleh bagaimana seseorang mempelajarinya ketika zaman kanak-kanak serta bagaimana bentuk kepercayaan tentang seks yang telah dipelajari dari orang tua atau dewasa. Ketika permulaan remaja, sikap terhadap seks itu turut dipengaruhi pula oleh nilai-nilai atau pemahaman teman-teman yang digauli terhadap seksual. Oleh sebab itu, perkembangan semasa kanak-kanak juga dikatakan penting dalam membentuk sikap menjelang usia remaja.<sup>155</sup>

Secara asasnya, perspektif psikologi melihat proses perkembangan hubungan antara remaja lelaki dan perempuan dikatakan berlaku dalam tujuh peringkat seiring pertambahan usia. Ketika usia bayi, kedua-dua jantina lelaki dan perempuan digambarkan lebih berperasaan teruja dengan diri sendiri. Memasuki fasa awal kanak-kanak pula, kanak-kanak lelaki dan perempuan akan mula mencari rakan untuk bermain tanpa mengira jantina dengan rasa penuh kegembiraan. Namun, apabila mencecah usia

<sup>153</sup>Azizi Yahaya et al. *Penyelewengan Tingkah laku Remaja: Punca & Rawatan* (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 22.

<sup>154</sup>Hormon seks yang dimaksudkan ialah hormon testosteron bagi pertumbuhan organ reproduktif bagi jantina lelaki manakala hormon estrogen bagi pertumbuhan organ reproduktif jantina perempuan.

<sup>155</sup>W.S. Turambi, *Remaja Harus Mengetahuinya*, (Singapore: Southeast Asia Publishing House, 1996), 153-154.

8 tahun iaitu usia pertengahan, kanak-kanak lelaki dan perempuan dikatakan akan lebih memilih untuk berkawan dengan rakan sejantina. Sebaik sahaja usia mencecah 10 hingga 12 iaitu awal remaja, kanak-kanak lelaki dan perempuan dikatakan mula menunjukkan perasaan tidak selesa terhadap rakan-rakan daripada jantina berlainan. Namun begitu, di usia remaja perempuan di usia 13 hingga 14 dan remaja lelaki di usia 14 hingga 16 tahun sudah mula menunjukkan minat untuk berdamping dengan jantina berlainan. Akhirnya pada usia mencecah 16 hingga 17 tahun, remaja lelaki dan perempuan akan bersedia untuk menjadi pasangan dan tampil di hadapan khalayak.<sup>156</sup>

Berhubung penciptaan manusia, al-Ghazālī menjelaskan kejadian manusia sebagai kombinasi antara unsur roh dan jasad. Al-Ghazālī mengkategorikan nafsu manusia kepada tiga peringkat, Pertama, *Nafs al-Ammārah* pula merupakan naluri kejahatan yang sentiasa menuntut individu melakukan tindakan yang bertentangan dengan etika yang mulia dalam kehidupan. Al-Ghazālī mengatakan nafsu ini sangat berpengaruh ke atas tingkah laku individu yang bertujuan memuaskan nafsu syahwat. Kedua, *Nafs al-Lawwāmah* atau jiwa penyesalan adalah komponen al-nafs yang berada di tengah-tengah struktur naluri manusia. Ada yang menyebutnya sebagai nafsu yang mencela kerana ia mencela individu yang lalai untuk mengingati tuhannya. Ia merupakan satu keadaan jiwa yang tidak mencapai ketenangan yang sepenuhnya. Nafsu ini disifatkan sebagai jiwa yang tidak tetap dan cenderung untuk bergerak dalam dua arah sama ada ke arah kebaikan atau kejahanan. Dengan kata lain, nafsu ini adalah pengawal antara dua ekstrem dalam dimensi naluri seseorang manusia. Ketiga, *Nafs al-Muṭmainnah* atau jiwa yang tenang merupakan komponen jiwa yang baik dalam

---

<sup>156</sup>Luella Cole, *The seven stages of boy and girl relationship: psychology of adolescence*, fourth edition, (New York: Rinehart and Company, Inc, 1955), 134-135.

keseluruhan struktur naluri seseorang individu. Ia merupakan sifat ketenangan, kemuliaan dan ketinggian.<sup>157</sup>

Melihat dari perspektif psikologi juga, penyaluran keinginan seks di luar perkahwinan dikatakan sebagai salah satu bentuk perlakuan memberontak yang terhasil akibat daripada pergolakan emosi disebabkan tidak memiliki pemahaman agama yang sempurna atau nilai-nilai yang diterima atau dipelajari tidak selari dengan kenyataan agama disebabkan tidak disampaikan secara wajar.<sup>158</sup> Kehamilan luar nikah juga natijah daripada kecelaruan tingkah laku yang boleh dilihat dari sifat kurang memiliki sifat empati, kurang berperasaan, kurang bergaul dengan orang lain, bersifat agresif, tidak memahami akan perhatian orang lain, menganggap orang lain sebagai musuh, tiada perasaan menyesal, bersedia menyalahkan orang lain atas segala kejahatan yang dilakukan, memiliki penghargaan kendiri yang rendah walaupun penonjolan diri nampak seperti seorang yang gagah, mudah marah dan tidak berhati-hati dalam tingkah laku.<sup>159</sup>

Kerosakan akhlak berpunca daripada ketidakseimbangan potensi yang ada pada diri manusia serta wujudnya jurang yang luas antara aspek lahiriah dan batiniah, akal dan hati, ilmu dan akidah, hilang jati diri, lemah keyakinan dan putus harapan, pudarnya keyakinan terhadap agama dan Allah, akal menjadi cetek serta hati keras dari menerima kebenaran, agama, siasah, akal dan hatinya hanya berlegar di sekitar kebendaan dan hidup diselubungi kebekuan dan kepincangan. Meluasnya kemaksiatan di dalam

---

<sup>157</sup> Fariza Md. Sham, Salasiah Hamin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin, *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*, (Bangi: Penerbit UKM, 2013), 30-32.

<sup>158</sup> Masganti Sit, *Psikologi Agama*, (Medan: Perdana Publishing, 2011), 69-70.

<sup>159</sup> Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah laku Remaja: Punca dan Rawatan*, (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 6.

masyarakat pada hari ini adalah gambaran dari kepincangan nilai akhlak dalam diri manusia.<sup>160</sup>

Penelitian terhadap proses perkembangan remaja memperlihatkan bahawa zaman keremajaan memiliki tempoh yang bervariasi dan bersifat sementara, namun tempoh tersebut cukup penting dalam perkembangan hidup setiap manusia. Setiap remaja pasti melalui proses menuju kematangan, namun pengalaman sepanjang proses tersebut juga berbeza bagi setiap remaja kerana terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi. Justeru, zaman remaja sememangnya tempoh yang perlu diberikan perhatian rapi memandangkan mereka belum mencapai kematangan yang sempurna sebagaimana golongan dewasa. Mereka dianggap sebagai individu yang sedang belajar menyesuaikan diri serta menimba pengalaman-pengalaman baru dalam hidup, di mana setiap fasa yang dilalui secara berbeza akan meninggalkan kesan yang begitu besar terhadap perkembangan mereka pada masa hadapan.

### **2.2.2 Ibu bapa dan Keluarga**

Berdasarkan kajian, remaja yang lahir dalam keluarga yang memiliki taraf sosioekonomi yang rendah lebih terdedah dengan jenayah dan kegiatan seks bebas di usia yang muda.<sup>161</sup> Perkara yang sama turut dijelaskan oleh Nāsiḥ ‘Ulwān kemiskinan hidup akan mendorong anak-anak untuk meninggalkan kehidupan yang serba

---

<sup>160</sup>Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri, “Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini,” *Jurnal YADIM* 9, (Januari 2007), 24-25.

<sup>161</sup>Ilika, Amobi, dan Anthony, Igwegbe., “Unintended Pregnancy among Unmarried Adolescents and Young Women in Anambra State, South East Nigeria,” *African Journal of Reproductive Health* 8, no. 3 (Dec 2004), 99; Hasan Bahrom, *Remaja, Kemiskinan dan Juvana Suatu Realiti?* (makalah, Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (Sivic 2004)), 4 – 6 September 2004 Anjuran: Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia; Rachel M. Shattuck and Rose M. Kreider, Social and Economic Characteristics of Currently Unmarried Women With a Recent Birth: 2011, *American Community Survey Reports*, Issued May 2013.

kekurangan setelah tidak mendapat keperluan yang mencukupi. Justeru, kesempatan tersebut sering digunakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan anak-anak dengan cara yang menyeleweng.<sup>162</sup>

Selain faktor kemiskinan, kajian mendedahkan hubungan yang renggang dengan ibu bapa juga menjadi salah satu penyumbang kepada kes kehamilan luar nikah.<sup>163</sup> Menurut Muhammad al-Mighwar, hubungan yang renggang sememangnya boleh berlaku akibat perceraian ibu bapa, kesibukan ibu bapa bekerja, status ibu atau bapa tunggal, ibu bapa yang tidak memahami tentang tugas perkembangan remaja serta remaja sendiri yang tidak memahami tentang tanggungjawab mereka dalam keluarga.<sup>164</sup> Perkara ini telah dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Khairani Omar et al.<sup>165</sup>

Berbalik kepada isu perceraian, Azizi Yahaya menjelaskan status ibu atau bapa tunggal telah memaksa mereka berkerja lebih masa sehingga masa berkurangan untuk bersama dengan anak-anak. Akibatnya, kemesraan dan kasih sayang berkang sehingga anak-anak bertindak memenculkan diri dan menghabiskan banyak masa di luar.<sup>166</sup> Selanjutnya, bentuk kawalan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak termasuk mengambil tahu di mana mereka berada, dengan siapa mereka bergaul serta apakah bentuk kegiatan yang dilakukan oleh mereka juga menentukan kecenderungan anak-anak untuk terlibat dengan kegiatan salah laku.<sup>167</sup> Terdapat kajian yang membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara corak pendidikan dengan

---

<sup>162</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām* Juz. 1 (Jeddah: Dar al-Salam, t.t) 122.

<sup>163</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>164</sup>Muhammad al-Mighwar, *Psikologi Remaja*, (Bandung: Pustaka Setia Bandung, 2006), 202.

<sup>165</sup>Khairani Omar et al., “Adolescent Pregnancy,” 220–223.

<sup>166</sup>Azizi Yahaya. *Tip Menangani Buli di Sekolah* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2007), 10-11.

<sup>167</sup>Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah laku Remaja: Punca dan Rawatan*, (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 200.

pembentukan tingkah laku anak-anak. Sebagai contoh, kajian Thomas J. Mowen mendapati corak autoritatif sering dikaitkan dengan pencapaian akademik anak-anak.<sup>168</sup>

Berdasarkan kajian Nooraini Othman dan Salasiah Khairullah, corak pendidikan autoritatif dan autoritarian dikatakan mempengaruhi pembentukan personaliti positif dalam kalangan anak-anak. Corak pendidikan ini sememangnya digunakan bagi membentuk disiplin pelajar dari segi kepatuhan kepada ibu bapa khususnya budaya masyarakat Melayu yang lebih mementingkan kepatuhan anak terhadap ibu bapa tanpa mempersoalkannya selain hukuman yang perlu dikenakan bagi mereka yang enggan mematuhi perintah agama seperti perlaksanaan solat. Selain itu, kajian mendapati semakin tinggi tahap pengamalan corak pendidikan permisif menjadikan tahap personaliti Islamik anak-anak semakin rendah. Oleh sebab itu, dalam membentuk tingkah laku dan kebiasaan beragama, sikap tegas ibu bapa diperlukan agar anak-anak merasa takut untuk meninggalkan hal-hal yang melibatkan solat, puasa dan amalan-amalan fardu yang lain.<sup>169</sup> Walau bagaimanapun, bentuk komunikasi dalam institusi kekeluargaan dikatakan perlu berlaku secara dua hala dan melibatkan peranan kedua-dua pihak antara ibu bapa dan anak.<sup>170</sup>

Bentuk interaksi antara ibu bapa dan anak-anak turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti budaya, sikap, orientasi keluarga asal, matlamat asuhan keibubapaan serta persekitaran. Sebagai contoh, perbezaan kelas sosial mempunyai hubungan yang signifikan dalam pola penjagaan anak seterusnya menghasilkan anak yang berbeza dari segi personaliti dan tingkah laku. Ibu bapa yang memiliki status sosioekonomi yang

<sup>168</sup>Thomas J. Mowen, *Shifting Parenting Styles And The Effect On Juvenile Delinquency*, Master of Arts, College Of Arts And Sciences Department Of Sociology University Of Louisville, 2011.

<sup>169</sup>Nooraini Othman dan Salasiah Khairullah, "Eksplorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan," *International Journal Of Islamic Thought* 4 (December 2013), 48-57.

<sup>170</sup>Che Hasniza Che Noh, *Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan*, (Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), 2009.

tinggi memiliki luas pengetahuan mengenai keibubapaan kerana berkemampuan untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dengan menghadiri kursus.<sup>171</sup>

Selain faktor di atas, Yatimin menjelaskan kehamilan luar nikah dikatakan berpunca daripada kelalaian ibu bapa dalam menerapkan asas-asas agama yang kuat terhadap anak-anak.<sup>172</sup> Kajian menunjukkan akibat daripada hubungan yang renggang dengan ibu bapa menyebabkan ibu bapa tidak mempedulikan anak-anak dan tidak menghukum atau ambil sebarang tindakan jika anak mereka mengabaikan ajaran agama.<sup>173</sup> Menurut Harlina Halizah Siraj dan Noralina Omar, didikan agama yang kuat dipercayai membentuk sikap dan kepercayaan anak-anak bahawa satu-satunya jalan memenuhi keperluan naluri seksual hanyalah melalui ikatan perkahwinan. Sebaliknya, kelalaian dalam menghayati ajaran agama akan membuka ruang kepada anasir yang tidak baik untuk meracuni pemikiran seterusnya mendorong manusia bertindak secara tidak wajar tanpa mengambil kira pertimbangan moral. Manakala, ketiadaan pengetahuan dan kegagalan ibu bapa, orang dewasa dan para pendidik menyampaikan pengetahuan seks yang baik akan menghasilkan anak-anak yang jahil dan mempunyai persepsi buruk terhadap hukum-hukum agama.<sup>174</sup> Penelitian yang telah dibuat di Barat turut mendapati penghayatan agama menjadikan seorang remaja bersikap tidak permisif terhadap sebarang bentuk aktiviti seksual sebelum nikah berbanding remaja yang mengabaikan agama.<sup>175</sup>

---

<sup>171</sup>Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, (Serdang: Penerbit UPM, 2002), 87-88.

<sup>172</sup>Yatimin, *Etika Seksual dan Penyimpangannya dalam Islam: Tinjauan Psikologi Pendidikan dari sudut pandang Islam*, 3.

<sup>173</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>174</sup>Harlina Halizah Siraj dan Noralina Omar, *Berbicara Mengenai Kesihatan Reproduktif Remaja: Panduan untuk Ibu bapa dan Guru* (Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007), 9-12.

<sup>175</sup>John W. Santrock, *Adolescence 10th ed*, (Boston, Mass. : McGraw-Hill, 2005), XX, terjemahan.. 461

Selanjutnya, kajian mendedahkan kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja turut berpunca daripada tahap pengetahuan remaja yang rendah berhubung seksualiti, fungsi badan serta sistem reproduktif,<sup>176</sup> dan penyakit menular seksual.<sup>177</sup> Remaja juga dikatakan kurang mempunyai kemahiran diri dalam melindungi diri dari terjebak dalam aktiviti salah laku seksual.<sup>178</sup> Berdasarkan penelitian, remaja yang memiliki tahap pengetahuan berhubung kesihatan reproduktif yang rendah dikatakan membesar dalam keluarga yang kurang mempedulikan perkembangan seksual anak-anak semasa mereka meniti tempoh penting dalam kematangan. Isu-isu berhubung seksualiti juga tidak dibincangkan secara terbuka kerana dianggap sebagai sesuatu yang tabu. Justeru, remaja melakukan hubungan seks akibat didorong oleh perasaan ingin memenuhi keperluan seksual semata-mata tanpa adanya kesedaran untuk pencegahan kehamilan.<sup>179</sup>

Berhubung pendidikan seks dan reproduktif, Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir menegaskan pendidikan seks tidak perlu dijadikan sebagai subjek khas di sekolah-sekolah kerana ia sudah terdapat dalam pengajaran agama Islam, subjek khas mengenai seks tidak perlu tetapi memadai dengan menjelaskannya dengan baik mengenainya supaya anak-anak faham dan tidak mudah terpengaruh dengan nafsu.

---

<sup>176</sup>Laman sesawang *UKM News Portal*, dicapai 2 Disember 2012, <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyelidikan/345.html>

<sup>177</sup>Siti Rohani Mahat, “Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja,” (Disertasi Sarjana, Pendidikan Psikologi, Universiti Teknologi Malaysia, 2013).

<sup>178</sup>Laman sesawang *Kementerian Kesihatan Malaysia*, dicapai 9 Januari 2013, <http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/akibat-seks-luar-nikah>.

<sup>179</sup>Cecep Heriana et al., *Faktor-Faktor yang Berhubungan dengan Kehamilan Pranikah di Kalangan Pelajar di Desa Setianagara Kecamatan Cilimus Kabupaten Kuningan, 2008*, (<http://www.stikku.ac.id/wp-content/uploads/2011/02/ARTIKEL-ILMIAH.pdf>)

Dalam subjek agama Islam boleh dimasukkan perkara-perkara yang mengajar anak-anak berdisiplin dan mengawal nafsu kerana ia sebahagian daripada ajaran Islam.<sup>180</sup>

Lebih menarik, Mustafa Daud mengaitkan salah laku anak-anak berpunca daripada kegagalan ibu dalam menyempurnakan tanggungjawab penyusuan ketika anak mereka masih kecil. Beliau berpandangan bahawa penyusuan merupakan keperluan asas yang sangat diingini semasa bayi untuk membesar dengan sihat. Justeru, keperluan yang tidak dipenuhi mengakibatkan anak-anak membesar dengan kekurangan dan seterusnya memberikan kesan kepada jiwa dan pertumbuhan anak-anak.<sup>181</sup>

Berhubung isu penyusuan, beberapa kajian dan penelitian yang dijalankan mendapati penyusuan secara eksklusif dalam tempoh lebih dari enam bulan bukan sahaja dapat meningkatkan keakraban antara ibu dan anak, bahkan membekalkan nutrisi yang baik kepada pertumbuhan anak-anak serta memberikan kesan positif terhadap pertumbuhan saraf dan mental anak. Anak-anak akan membesar dengan sihat dari aspek sosial, mental-emosi, kognitif dan seterusnya mengurangkan risiko untuk terlibat dalam pelbagai masalah perilaku apabila menjengah usia dewasa. Antara manfaat lain dari penyusuan termasuk mengurangkan risiko kanak-kanak untuk menghadapi beberapa masalah lain membabitkan perkembangan seperti hiperaktif, autisme, bipolar, anxiety

---

<sup>180</sup>“Pendidikan Seks di Sekolah Tidak Perlu-Dr Mahathir,” laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 18 Jun 2011,  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0420&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_24.htm#ixzz3pH9zWI4l](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0420&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_24.htm#ixzz3pH9zWI4l).

<sup>181</sup>Mustafa Daud, *Perkahwinan Menurut Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors), 170-176.

dan banyak lagi.<sup>182</sup> Hakikatnya, saranan memberikan penyusuan dengan sempurna telah dijelaskan dalam al-Quran sejak dahulu. Firman Allah:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَئِنَّ هُنَّ حَوَلَيْنِ كَمِيلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاةَ وَعَلَىٰ  
الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Al-Baqarah 2:233

Terjemahan: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Berhubung perkara ini, Sa'īd Ḥawā menjelaskan manusia dilahirkan dengan fitrah yang baik dan dalam keadaan paling sempurna iaitu hati berbekalkan hati yang bersih serta roh yang begitu mengenal Allah selain mengakui status dirinya sebagai hamba. Namun, kealpaan atau penyimpangan akan berlaku sebaik sahaja bermulanya penyusuan seorang anak dari ibunya. Semenjak itulah manusia mula bergaul dengan persekitarannya dalam hal akhlak, etika, akidahnya dan lain-lainnya yang dapat membawa mereka jauh dari fitrah.<sup>183</sup> Pandangan ini berkait rapat dengan peranan ibu bapa dalam soal pendidikan. Ini dijelaskan melalui sebuah hadis daripada Abi Hurairah RA, katanya Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يُهُودِانِهِ، وَيُنَصَّرَانِهِ، وَيُمَجَّسَانِهِ

<sup>182</sup>Jianghongliu, Patrick Leung dan Amy Yang, “Breastfeeding and Active Bonding Protects Against Children’s Internalizing Behavior Problem,” *Nutriens* 6, no. 1, (January 2014), 76-89; Ruth A. Lawrence, “Supporting Breastfeeding/Early Childhood Social and Emotion Development,” *Encyclopedia on Early Childhood Development* (2008), 1-5; Wendy H. Oddy et al., “The Long-Term Effects of Breastfeeding on Development,” *Contemporary Pediatrics* (2012), 58-78.

<sup>183</sup>Sa'īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10 (Kaherah: Dar al-Salam, 2009), 111.

Terjemahan: Tidak dilahirkan seorang bayi (ke dunia ini) melainkan ia berada dalam keadaan suci (fitrah). Kemudian kedua orang tuanya yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi.<sup>184</sup>

Seks bebas dikatakan sebagai satu bentuk kenakalan yang berpunca daripada aspek biologi iaitu genetik keturunan. Ibu bapa yang bermasalah dikatakan berkecenderungan untuk mewariskan genetik yang sama kepada anak-anak. Namun, ia tetap bergantung pada bagaimana cara anak-anak dibesarkan.<sup>185</sup> Berbalik kepada pandangan Islam, aspek keturunan sememangnya begitu diberikan perhatian. Sehubungan itu, Rasulullah SAW mengingatkan umat manusia agar menitik beratkan soal pemilihan pasangan hidup kerana ia menjamin lahirnya generasi yang baik. Perkara ini dapat dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA berkata: Nabi SAW bersabda:

تُنْكِحُ النِّسَاءُ لِأَرْبَعٍ لِلَّدِينِ وَالْجَمَالِ وَالْمَالِ وَالْحَسَبِ فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَّتْ  
يَدَاكَ

Terjemahan: Wanita dinikahi karena empat hal, iaitu; karena agamanya, kecantikannya, hartanya dan keturunannya. Maka carilah yang baik agamanya, nescaya engkau akan beruntung.<sup>186</sup>

Perkembangan manusia dari perspektif Islam bukan sekadar dipengaruhi oleh faktor persekitaran mahupun keturunan, akan tetapi turut berkait rapat dengan ketentuan Allah SWT. Meskipun manusia diberikan kebebasan untuk memilih dalam tindakan serta

<sup>184</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Qadr, Bāb Ma'nā Kullu Mawlidū 'alā al-Fiṭrat wa Ḥukm Mawt Atfāl al-Kuffār wa Atfāl al-Muslimin, no. 2658, "Şahih Muslim," dalam Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1141.

<sup>185</sup> Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif, Membentuk identiti Remaja, (Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2006), 108-109.

<sup>186</sup> Hadith Riwayat al-Dārimī, "Sunan Dārimī," Kitāb al-Nikāh, Bāb Tunkahū al-Mar'ah 'alā-'Arba', no Hadith. 2076.

menerima akibat baik atau buruk. Namun akhirnya setiap apa yang berlaku adalah dengan keizinan dan kehendak Allah SWT juga.<sup>187</sup>

Menurut Khadijah Haidi Khalid, keadaan keluarga seperti corak kawalan ketat ibu bapa, tekanan ekonomi dan kemiskinan keluarga sememangnya mendorong remaja lari meninggalkan rumah seterusnya berpotensi terlibat dengan aktiviti pelacuran serta menjadi mangsa penipuan yang menjanjikan pekerjaan glamor sebagai pelayan di kelab-kelab malam, tukang urut di rumah urut serta pengiring sosial. Disebabkan dorongan inginkan sumber kewangan yang lumayan serta kemewahan hidup tanpa perlu berusaha keras ditambah lagi dengan kurangnya didikan agama, maka remaja dengan mudah akan membelakangkan Tuhan dan mengabaikan larangan agama. Kejahilan ini akhirnya mengakibatkan berlakunya pergaulan seks bebas tanpa mengambil kira kesan daripada perbuatan tersebut.<sup>188</sup>

Ringkasnya, pelbagai faktor yang berkait rapat dengan kerapuhan institusi keluarga menjadi faktor penolak remaja untuk membebaskan diri daripada keadaan sedia ada sehingga membawa mereka terlibat dengan pelbagai aktiviti yang tidak baik bagi memperbaiki taraf hidup. Sehubungan itu, remaja yang tidak mendapat sokongan dan bimbingan yang sewajarnya akan terlibat dengan pelbagai aktiviti perekonomian dengan cara yang salah dan berisiko.

---

<sup>187</sup>Salisu Shehu, “Toward an Islamic Perspective of Developmental Psychology,” *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15, no. 4 (1998), 41-70.

<sup>188</sup>Khadijah Haidi Khalid, *Meneroka Alam Remaja*, 208-209.

### **2.2.3 Rakan Sebaya**

Kajian menunjukkan remaja mengakui lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan yang mempunyai latar belakang masalah keluarga yang sama di luar rumah seterusnya mendorong mereka mencuba dan mencari kelainan dalam aktiviti harian.<sup>189</sup>

Selain itu, remaja mengakui mengikuti aktiviti luar bersama rakan secara tidak terkawal sehingga terjebak dengan beberapa aktiviti berisiko seperti penyalahgunaan dadah, merokok dan seks luar nikah sehingga mengakibatkan kehamilan.<sup>190</sup> Kajian mendedahkan majoriti remaja yang terlibat dengan seks bebas mengakui mendapatkan maklumat mengenai seks dari rakan sebaya.<sup>191</sup>

Berhubung peranan rakan sebaya, Abdullah Sani Yahya menjelaskan kumpulan rakan sebaya mempunyai peranan dalam aktiviti sosial kerana ia merupakan agen sosial tidak formal yang memberikan pelbagai pengalaman yang tidak diperoleh di sekolah mahupun keluarga. Rakan sebaya juga dijadikan sebagai pengganti ibu bapa untuk berkongsi masalah lebih-lebih lagi yang menghadapi masalah di rumah.<sup>192</sup> Menurut Zakaria Stapa et al., perhubungan dengan rakan yang berlaku di luar persekitaran keluarga secara jelas menunjukkan bahawa anak-anak sedang melalui transisi daripada interaksi sosial di dalam keluarga kepada peranan dan kedudukan sebagai orang dewasa. Ini adalah kerana rakan sebaya mempunyai sub-budaya yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam perkembangan kanak-kanak, khasnya dari perkembangan intelek, sahsiah, emosi dan sosial. Misalnya, kanak-kanak bergaul dengan rakan sebaya yang rajin belajar akan mendorong perkembangan intelek

<sup>189</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>190</sup>Khairani Omar et al., “Adolescent Pregnancy,” 220–223.

<sup>191</sup>Li Ping Wong, “Qualitative Inquiry into Premarital Sexual Behaviours and Contraceptive Use among Multiethnic Young Women: Implications for Education and Future Research,” *Public Library of Science (PLOS)*7 no. 12 (December 2012), 1-10.

<sup>192</sup>Abdullah Sani Yahaya, *Mengurus Disiplin Pelajar* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2005), 49.

dan potensinya ke tahap optimum. Kanak-kanak yang bersosialisasi dengan rakan sebaya yang bersopan santun akan menyerap nilai-nilai murni yang positif daripada mereka.<sup>193</sup>

Meskipun rakan sebaya dikaitkan dengan perlakuan seks bebas remaja, namun Garza. N. melalui kajiannya mendapati bahawa rakan sebaya bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi tindakan remaja untuk berkelakuan delinkuen.<sup>194</sup> Namun begitu, pengaruh rakan dalam kehidupan secara jelas disebutkan oleh Nabi SAW dalam hadis berikut:

مَثَلُ الْجَلِيلِ الصَّالِحِ كَمَثَلِ الْعَطَّارِ إِنَّ لَا يُحِدِّيَكَ يَعْبُقُ بِكَ مِنْ رِيحِهِ وَمَثَلُ الْجَلِيلِ  
السُّوءِ كَمَثَلِ صَاحِبِ الْكِيرِ

Terjemahan: Perumpamaan teman yang soleh seperti seorang penjual minyak wangi, meskipun kamu tidak mendapatkan minyak wanginya, namun kamu akan mendapatkan semerbak wanginya. Sedangkan perumpamaan teman yang buruk adalah laksana tukang besi.<sup>195</sup>

Hadis ini memberikan panduan yang jelas mengenai keutamaan memilih teman yang baik kerana individu yang baik akan berkongsi kebaikan dan manfaat bagi sesiapa yang berteman dengannya. Walau bagaimanapun, rakan sebaya masih mempunyai peranan yang begitu signifikan dalam kehidupan individu sama ada dari sisi positif maupun negatif.

<sup>193</sup>Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf, “Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri,” *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas, (2012) 155-172.

<sup>194</sup>Garza. N. “Risk Factors That Lead To Juvenile Delinquency,” (disertasi sarjana sains, Universiti Texas-Kingsville, 2011).

<sup>195</sup>Hadis Riwayat Ahmad, Musnad Ahmad, Kitab Musnad al-Kuffiyyin, Bab Hadis Abu Musa al-Asya’ari Radiyallahuanhu, No hadis. 18829.

## 2.2.4 Media dan Kecanggihan Teknologi

Kajian menunjukkan majoriti pengguna media di Malaysia terdiri dari kalangan remaja,<sup>196</sup> manakala media pula menjadi faktor utama yang mendorong kepada amalan seks bebas dalam kalangan remaja.<sup>197</sup> Hal ini kerana, media yang sering menjadi pilihan ialah media yang berunsurkan pornografi.<sup>198</sup> Berdasarkan kajian Edwin Michael et al., antara gejala sosial yang ketara mencengkam para remaja ialah penyalahgunaan kafe siber. Remaja mengakui kafe siber lebih baik daripada rumah dan menghadiri sekolah. Tahap ketagihan mereka terhadap internet adalah amat tinggi dan sanggup melakukan apa sahaja semata-mata untuk menghabiskan masa di kafe siber.<sup>199</sup>

Meskipun penyalahgunaan media dikatakan menyumbang kepada salah laku seks remaja, namun kajian yang dilakukan oleh Mee-Lian Wong et al. mendapati ia lebih banyak berlaku dalam kalangan remaja lelaki. Sebaliknya, penglibatan remaja perempuan dengan salah laku seks dikenal pasti lebih berpunca daripada sejarah lampau antaranya menjadi mangsa penderaan seksual.<sup>200</sup> Walau bagaimanapun, menurut pandangan Mohd. Nor Mamat et al., peranan media sememangnya kian tersasar dari matlamat asal iaitu sebagai medium penyebaran maklumat sebaliknya ia kelihatan menjadi medan untuk mengaut keuntungan semata-mata. Lebih 95 peratus iklan serta 90

---

<sup>196</sup>Jas Laile Suzana Jaafar dan Haslina Muhammad, “Pengaruh Media ke atas Aktiviti Seksual Remaja yang melakukan Seks sebelum Nikah,” dalam *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial* ed. Mohd. Fauzi Yaacob (Shah Alam: Arah Publication, 2009), 95-102.

<sup>197</sup>Farahwahida Mohd. Yusof dan Norazila Sugiman, “Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks,” *Journal of Education Psychology and Counseling* 1, (Mac 2011), 94-114.

<sup>198</sup>Azimah Soebagijo, *Pornografi: Dilarang tapi Dicari* (Jakarta: Gema Insani, 2008), 80.

<sup>199</sup>Edwin Michael et al., “Kesan Kafe Siber Terhadap Golongan Remaja di Pulau Pinang,” *Malaysian Journal of Youth Studies* 5 (2011).

<sup>200</sup>Mee-Lian Wong et al., “Premarital Sexual,” 44-52.

peratus tayangan memaparkan eksplotasi aurat wanita untuk tontonan masyarakat sebagai pelaris.<sup>201</sup>

Lebih sedekad yang lalu, stereotaip tentang fungsi wanita sudah berlaku secara ketara dalam sektor pengiklanan di Malaysia. Fungsi wanita digambarkan hanya dalam aspek tertentu sahaja iaitu sebagai ibu, suri rumah dan simbol seks. Kebanyakan media massa menggunakan wanita sebagai umpan atau tarikan seks sekadar melariskan jualan dan perhatian pembaca meskipun kadangkala gambar wanita tersebut langsung tidak mempunyai kaitan dengan produk tersebut. Kewujudan dan penonjolan kaum wanita tidak lebih hanya sekadar perhiasan di muka depan majalah-majalah yang mengiklankan barang kosmetik dan penjagaan diri yang diiklankan.<sup>202</sup> Berhubung eksplotasi wanita, Muhammad Bukhari Lubis berpendapat, meskipun terdapat ayat-ayat di dalam al-Quran yang menunjukkan perbezaan antara lelaki dan wanita, namun ia bukan menjadi alasan kepada kelakuan membeza-bezakan antara dua jantina ini sehingga membawa kepada berlakunya eksplotasi bagi mendapatkan keuntungan di sebelah pihak sahaja.<sup>203</sup>

Menurut Nāṣīḥ ‘Ulwān, aktiviti tontonan dan pembacaan dari pelbagai majalah dan televisyen yang memaparkan berita-berita hiburan, artis-artis, kecantikan, gaya hidup moden dan fesyen akan merangsang remaja untuk mengekspresikan tingkah laku seks. Kekerapan didedahkan dengan filem-filem berbaur seks akan menjadikan pemikiran remaja sentiasa bermain dengan gambaran tentang seks lantas menjadikan remaja sangat sulit untuk menghakis dan melawan kehendak nafsu seks. Maka, remaja

<sup>201</sup>Mohd. Nor Mamat, “Media Massa: Dedah Aurat, Pengaruhi Fikiran dan Gaya Hidup,” *Muslimah*, Februari 1999.

<sup>202</sup>Kalaiyarasi Kathiraveloo, “*Potrayal of Women In Women’s Magazine Advertisement: Comparison Between Her World and Wanita*,” (disertasi sarjana sains, Universiti Putra Malaysia, Selangor, 2001).

<sup>203</sup>Muhammad Bukhari Lubis, “Argumen Kesetaraan Gender: Analisis Menurut Perspektif Al-Quran,” *SARI*, 24 (2006), 49-58.

akan membesar dengan gambaran-gambaran dan khayalan yang tidak sihat di dalam pemikiran mereka sehingga mendorong mereka menjadi liar seterusnya meniru perilaku tersebut.<sup>204</sup> Ringkasnya, penyalahgunaan media menjadi salah satu faktor penting yang tidak dapat dinafikan berhubung pembabitan remaja secara aktif dengan seks bebas. Namun, ia didorong bergantung kepada sejauh mana remaja mendapat bimbingan, pendidikan, perhatian dan kawalan yang mencukupi.

### 2.2.5 Masyarakat

Kebanyakan remaja yang berhijrah ke bandar sama ada untuk tujuan belajar atau bekerja akan tinggal bersendirian atau menyewa rumah bersama rakan dan kadangkala tinggal serumah dengan rakan berlainan jantina. Jika tidak menetap sebumbung sekalipun, kedudukan flat mereka yang berdekatan telah memudahkan remaja berlainan jantina keluar masuk ke rumah masing masing. Keadaan menjadi lebih parah apabila jiran tetangga khususnya di bandar pada hari ini sudah tidak lagi dapat berfungsi sebagai sistem kawalan sosial tidak formal yang berkesan kerana sentiasa sibuk dengan pekerjaan masing-masing sedangkan majikan yang menyediakan kemudahan perumahan kepada remaja pula tidak prihatin mengenai hal tersebut.<sup>205</sup>

Menurut Azizi Yahya et al., proses urbanisasi dan industrialisasi yang sedang berlaku telah mengendurkan kawalan sosial yang sedia wujud dalam masyarakat tradisi. Dalam tradisi masyarakat hubungan antara anggota masyarakat begitu erat. Perhubungan ini secara tidak langsung menjadi satu bentuk kawalan sosial yang dapat memelihara tingkah laku masyarakat. Namun, memandangkan proses urbanisasi dan

<sup>204</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 138.

<sup>205</sup>Laman sesawang UKM News Portal, dicapai 02 Disember 2012,  
<http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyeleidikan/345.html>

industrialisasi sangat mengangkat nilai individualistik dan materialistik, ia menyebabkan setiap anggota masyarakat membawa diri masing-masing dan akhirnya hubungan sesama kejiranannya menjadi rapuh dan sikap mengambil peduli semakin dipinggirkan amalannya.<sup>206</sup>

Realitinya, persekitaran merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mempengaruhi seseorang manusia. Persekitaran yang menjadi penyebab kenakalan remaja juga dikatakan merujuk kepada tingkah laku masyarakat setempat, kewujudan pusat-pusat internet, pusat-pusat hiburan, dan lain-lain lagi yang menyediakan pelbagai produk yang boleh menggalakkan dan meningkatkan rangsangan-rangsangan emosi.<sup>207</sup> Menurut Zakiah Daradjat, proses kematangan yang melibatkan perubahan biologi akan berpotensi dipandu oleh masyarakat sekiranya remaja tidak memiliki bekalan agama yang mencukupi. Oleh kerana itu, sekiranya masyarakat memiliki nilai-nilai negatif, maka ia secara tidak langsung akan memudahkan anggotanya termasuk remaja untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma tanpa rasa bersalah.<sup>208</sup> Kenyataan ini menunjukkan betapa masyarakat juga mempunyai peranan dan pengaruh yang cukup besar ke atas pembentukan tingkah laku seseorang remaja.

Berdasarkan penjelasan di atas, kehamilan luar nikah tidak mungkin berlaku melainkan wujudnya hubungan seks sama ada secara rela atau terpaksa yang didorong pula pelbagai faktor lain melibat peranan ibu bapa atau keluarga, diri remaja, rakan sebaya, media dan masyarakat. Walau bagaimanapun, institusi keluarga dilihat paling penting yang mencorakkan perlakuan remaja ketika berhadapan dengan pelbagai faktor pendorong lain. Hal ini kerana, corak pendidikan, kawalan dan perhatian yang diterima

<sup>206</sup>Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah laku Remaja Punca & Rawatan*, 204-205.

<sup>207</sup>Hairunnaja Najmuddin, *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 37.

<sup>208</sup>Zakiah Daradjat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, cet. 5 (Jakarta: Gunung Agung, 1980), 57.

oleh remaja secara wajar akan menjadikan mereka lebih matang dalam membuat pertimbangan sama ada untuk terus melibatkan diri dengan kegiatan yang menjurus kepada perlakuan seks sebelum nikah atau sebaliknya. Aspek penting yang dilibatkan ialah berkenaan ketidakupayaan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran, pendidikan serta perhatian yang sewajarnya semasa anak sedang membesar.

### 2.3 IMPLIKASI KEHAMILAN LUAR NIKAH

Islam mempunyai prinsip yang jelas berhubung larangan keras terhadap perbuatan zina.

Perkara ini dapat difahami sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَّ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Al-Isrā' 17:32

Terjemahan: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan Yang jahat (yang membawa kerosakan).

Berkenaan ayat ini, Ibn Kathir menjelaskan bahawa Allah bukan sahaja melarang hamba-Nya dari berzina bahkan juga menghampiri apa sahaja perbuatan yang mendorong kepada berlakunya perzinaan kerana ia merupakan dosa yang sangat besar.<sup>209</sup> Ibn Qayyim juga menyebut perbuatan zina sebagai sekeji-keji perbuatan kerana ia membawa pelaku kepada pelbagai implikasi termasuk kebinasaan, kehinaan, azab dan kerendahan di akhirat.<sup>210</sup> Realitinya, kehamilan luar nikah seringkali dikaitkan dengan beberapa implikasi melibatkan hak penamaan dan pewarisan anak tak sah taraf, pengguguran janin, pembuangan bayi, risiko terhadap kesihatan serta penyisihan sosial.

<sup>209</sup>Imām al-Jalīl al-Hafiz ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā’īl Ibn Kathīr al-Dimasyq, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 2000), 5.

<sup>210</sup>Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibnu Abī Bakr Ibnu Qayyim al-Jawziyah, *al-Jawāb al-Kāfi l Man Sāala ‘an al-Dawā’i al-Shāfi* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1987), 206.

### **2.3.1 Hak Penamaan dan Pewarisan Harta Anak Tak Sah Taraf**

Berdasarkan statistik yang telah dinyatakan di awal perbincangan tesis ini, kehamilan luar nikah sememangnya telah menyumbang kepada kelahiran 532,158 orang anak tak sah taraf di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun sahaja.<sup>211</sup> Meskipun aspek biologi tidak pernah dibangkitkan dalam soal penentuan kepada kelahiran anak tak sah taraf dalam dunia perubatan, namun status tersebut tetap dinilai dari aspek tradisi masyarakat setempat yang memerlukan seorang anak lahir daripada hubungan sosial antara seorang lelaki dan perempuan secara sah iaitu melalui perkahwinan, bukan sebaliknya. Begitu juga dalam konteks masyarakat beragama di Malaysia, seluruh dimensi kehidupan mestilah berpandukan kepada ketentuan agama. Justeru, apabila lahirnya seorang anak tanpa melalui ikatan pernikahan sebagaimana yang diajarkan oleh agama khususnya agama Islam, maka anak tersebut dianggap sebagai anak luar nikah serta tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan bapa biologinya. Oleh itu, anak tak sah taraf akan menerima dua implikasi iaitu pertama berhubung penamaan ‘bin’ atau ‘binti’ yang menunjukkan beliau anak siapa serta masalah pembahagian harta pusaka.<sup>212</sup>

Kanak-kanak yang dilahirkan kepada ibu bapa yang beragama Islam dalam tempoh enam bulan dari tarikh perkahwinan ibu bapa mereka adalah dianggap sebagai lahir di luar nikah. Bagi kanak-kanak ini, JPN memasukkan ‘bin atau binti Abdullah’ di tempat nama bapa. Tindakan ini boleh mengakibatkan kesan yang meluas kerana kanak-kanak dilabel secara umum sebagai ‘tidak sah’ menurut nama keluarga mereka. Masa depan kanak-kanak dan kesejahteraan emosi dan fizikalnya akan terjejas bukan sahaja

---

<sup>211</sup>Bahagian Statistik Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia.

<sup>212</sup>Paizah Ismail, “Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundungan Islam di Malaysia,” *Jurnal Fiqh*, no. 10 (2013), 78.

kerana stigma sosial ‘tidak sah’ tetapi juga kerana kehilangan pewarisan, pembayaran nafkah, dan hak penjagaan kepada bapa di bawah undang-undang Syariah. Justeru, diskriminasi terhadap kanak-kanak beragama Islam yang dilahirkan di luar nikah khususnya kekal menjadi satu masalah besar.<sup>213</sup>

### **2.3.2 Pengguguran Janin**

Kajian Shveta Kalyanwala et al., mendedahkan pengguguran berlaku akibat stigma dan tekanan yang diterima dari masyarakat. Wanita yang lebih berusia dan berpendidikan mempunyai kurang kecenderungan untuk terlibat dengan aktiviti pengguguran, manakala wanita yang tinggal di luar bandar serta tidak mendapat sokongan penuh daripada pasangan lebih tinggi kecenderungan untuk melakukan pengguguran.<sup>214</sup>

Berdasarkan penelitian Lukmanul Hakim Hanafi et al. pula, pengguguran juga boleh berlaku atas beberapa alasan iaitu pertama bagi wanita yang bersuami ia dilakukan sebagai salah satu kaedah merancang keluarga. Kedua, pengguguran yang dilakukan oleh wanita yang terlanjur hasil perzinaan manakala bagi kes ketiga, ia dilakukan disebabkan masalah kesihatan sama ada membabitkan ibu atau anak dalam kandungan. Walau bagaimanapun, masalah perzinaan menjadi penyumbang terbesar kepada aktiviti pengguguran.<sup>215</sup>

---

<sup>213</sup>Malaysian Child Resource Institute, *Laporan Mengenai Status Hak Kanak-kanak di Malaysia*, Kuala Lumpur: Child Rights Coalition Malaysia, 2012.

<sup>214</sup> Shveta Kalyanwala et al., “Abortion Experiences of Unmarried Young Women In India: Evidence from a Facility-Based Study In Bihar and Jharkhand,” *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 36, no 2, (June 2010), 62-71

<sup>215</sup>Lukmanul Hakim Hanafi et al., “Konflik Pengguguran Janin Berkeluarga dan Tidak Berkeluarga di dalam Masyarakat: Hukum, Fatwa, Undang-undang dan Penyelesaiannya,” *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37 (Jun 2011), 57-80.

Bagi kes kehamilan luar nikah, remaja dikenal pasti banyak mendapatkan maklumat mengenai kaedah pengguguran daripada internet dan juga rakan-rakan.<sup>216</sup> Mutakhir ini, aktiviti pengguguran kandungan dikatakan kesan daripada kecanggihan perubatan moden yang telah berjaya mengurangkan kos dan kesakitan kepada wanita yang telah bertekad menggugurkan janin. Situasi ini berlaku lebih-lebih lagi dalam kalangan wanita yang menjadi mangsa rogol dan mengandung di luar perkahwinan.<sup>217</sup> Pada hari ini, terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk tujuan pengguguran sama ada menggunakan kaedah tradisional melalui bidan seperti urutan tertentu, meminum herba atau makanan tajam, tidak kurang juga menggunakan benda tajam seperti paku, besi, buluh dan batang kayu. Manakala perubatan moden pula menggunakan alat penghisap (*suction*) bagi janin yang masih di peringkat awal, atau kaedah penyedutan dan pengkuretan (*Dilation & Extraction D&E*) bagi janin yang berusia 23 minggu atau lima bulan ke atas.<sup>218</sup>

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada setiap tahun terdapat kira-kira tiga juta kanak-kanak perempuan berusia 15 hingga 19 menjalankan pengguguran yang berisiko menyumbang kepada kematian ibu dan berhadapan dengan masalah kesihatan.<sup>219</sup> Manakala, statistik di Amerika Syarikat sahaja menunjukkan kadar pengguguran yang dilakukan oleh wanita hamil luar nikah

---

<sup>216</sup>Henry, Rebecca., dan Fayorsey, Clara., *Coping with Pregnancy Experiences of Adolescents in Ga Mashi, Accra* (USA: ORC Macro, 2002), xi.

<sup>217</sup>Siti Khatijah Ismail dan Mohd. Badrol Awang, “Pengguguran dan Justifikasi Perundangan Mengikut Undang-Undang Islam Dan Peruntukan Seksyen 312 Kanun Keseksaan,” *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 6 (Julai 2013), 13-24.

<sup>218</sup>Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari, “Pengguguran Bayi,” 69-82.

<sup>219</sup>“Adolescent Pregnancy,” laman sesawang *World Health Organization* (WHO), dicapai 13 Jun 2013, <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs364/en/>.

adalah lima kali ganda lebih tinggi dari kadar pengguguran membabitkan kandungan ibu yang berkahwin.<sup>220</sup>

Tidak kurang juga, kajian menunjukkan kebanyakan individu yang melakukan pengguguran kandungan mengalami kesan psikologi yang negatif seperti perasaan trauma, kemurungan, tekanan perasaan, gangguan tidur sehingga mendorong mereka untuk menyalahgunakan bahan terlarang di samping berhadapan dengan tekanan-tekanan dari masyarakat.<sup>221</sup>

Berhubung isu pengguguran, para fuqaha' telah bersepakat bahawa hukum pengguguran kandungan hasil zina bagi si pelaku yang normal iaitu akil, baligh, waras, matang adalah haram dalam semua keadaan kecuali jika mengekalkan kandungan akan memudaratkan nyawa ibu.<sup>222</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-26 pada 7-8 Mac 1990 telah bersetuju memutuskan seperti berikut: "adalah haram menggugurkan janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu." Pada 1 Julai 2002 pula, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-52 telah membincangkan isu hukum menggugurkan kandungan mangsa yang dirogol. Haram menggugurkan kandungan janin yang telah berumur lebih 120 hari kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu untuk menyelamatkan nyawa ibu. Pengguguran janin yang berumur

---

<sup>220</sup>Sally C. Curtin et al., "Pregnancy Rates for U.S. Women Continue to Drop," *National Center for Health Statistics*, no. 136 (Disember 2013), 1-8.

<sup>221</sup>Priscilla K. Coleman, "Resolution of Unwanted Pregnancy During Adolescence Through Abortion Versus Childbirth: Individual and Family Predictors and Psychological Consequences," *Journal Youth Adolescence* 35 (2006), 903–911.

<sup>222</sup>Anisah Ab. Ghani, "Hukum Menggugurkan Kandungan Dan Membekalkan Bahan Kontraseptif Kepada Penzina Remaja Dari Perspektif Islam," *Jurnal Fiqh*, No. 6 (2009) 67-86.

sebelum 120 hari adalah harus sekiranya janin itu cacat dan penyakit yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.<sup>223</sup>

### 2.3.3 Pembuangan Bayi

Kejutan demi kejutan mengenai berita pembuangan bayi yang dipaparkan hampir setiap hari oleh media menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan masyarakat dan kejadian tersebut merupakan tindakan yang begitu jijik, memalukan serta menyedihkan.<sup>224</sup> Menurut Statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) secara keseluruhan terdapat 526 kes pembuangan bayi yang dilaporkan di seluruh Malaysia dalam tempoh lima tahun bermula dari tahun 2010 sehingga Julai 2015. Berbanding tahun 2010 iaitu 91 kes, tahun 2014 mencatatkan penurunan kes pembuangan bayi iaitu berjumlah 53 kes. Walau bagaimanapun, daripada 53 kes bayi yang dibuang, hanya 15 orang bayi didapati masih hidup, 38 orang mati. Begitu juga pada tahun 2013, sebanyak 59 orang bayi yang ditemui dari 90 kes sudah tidak bernyawa, manakala hanya 31 orang bayi sahaja yang masih hidup.<sup>225</sup>

Statistik ini dikuatkan lagi oleh berita mengenai pembuangan bayi yang dihidangkan saban hari melalui media massa. Kebiasaannya bayi ditemui di lokasi-lokasi yang tidak selamat seperti di atas bonet kereta,<sup>226</sup> di longkang, sungai,<sup>227</sup>

---

<sup>223</sup>Laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 02 Mei 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/hukum-menggugurkan-kandungan>.

<sup>224</sup>Nazni Noordin et al., “The Voice of Youngsters on Baby Dumping Issues in Malaysia,” *International Journal of Trade, Economics and Finance* 3, no. 1 (February 2012), 66-72.

<sup>225</sup>Rekod Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia Bukit Aman Kuala Lumpur, 2014.

<sup>226</sup>“Bayi Lelaki Bertali Pusat ditinggalkan atas Bonet Kereta, laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 03 November 2014, <http://www.bharian.com.my/node/17643?df>.

<sup>227</sup>“Buang bayi dalam Sungai,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 Jun 2015, <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/Buangbayidalamitunggi/Article>

timbunan sampah, dalam semak, dalam tali air,<sup>228</sup> tandas,<sup>229</sup> loji kumbahan<sup>230</sup> serta tempat-tempat lain yang tidak selamat.

Menurut Hashim Bedu et al., pembuangan bayi dilakukan atas desakan hawa nafsu manusia itu sendiri yang terlibat dengan aktiviti perzinaan hasil daripada pergaulan bebas masyarakat pada hari ini. Perasaan malu, sedih serta buntu akibat terlanjur dan mengandung anak di luar nikah telah mendorong si pelaku memilih untuk melakukan pengguguran dan pembuangan bayi bagi menutup segala keaiban yang telah dilakukan oleh manusia itu sendiri,<sup>231</sup> selain takut dimarahi ibu bapa dan dikenakan tindakan undang-undang.<sup>232</sup>

Selain itu, pembuangan bayi juga didorong oleh rasa marah disebabkan pasangan tidak mahu bertanggungjawab selain tidak boleh menerima kandungan tersebut.<sup>233</sup> Pembuangan bayi turut dikatakan berlaku disebabkan si pelaku tidak tahu mengenai khidmat bantuan sokongan perlindungan yang disediakan oleh pusat perlindungan wanita kepada mereka dan anak yang bakal lahir. Remaja akhirnya membuat keputusan merahsiakan kandungan dan membuang bayi tersebut sebaik sahaja dilahirkan disebabkan status bayi tersebut adalah luar nikah.<sup>234</sup>

---

<sup>228</sup>“Pelajar Buang Bayi baru Lahir dalam Tali Air,” laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 28 November 2012, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20121025/je\\_09/Pelajar-buang-bayi-baru-lahir-dalam-tali-air](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20121025/je_09/Pelajar-buang-bayi-baru-lahir-dalam-tali-air).

<sup>229</sup>“Gadis Mengaku Buang Bayi dalam Tandas,” laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 25 Oktober 2012, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140508/ma\\_02/Gadis-mengaku-buang-bayi-dalam-tandas](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140508/ma_02/Gadis-mengaku-buang-bayi-dalam-tandas).

<sup>230</sup>“Mayat Bayi Dipotong 15 dalam Loji Kumbahan,” laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 20 Mei 2015, <http://www.bharian.com.my/node/55590>.

<sup>231</sup>Hashim Bedu et al., “Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga; Isu dan Cabaran,” (Makalah, Seminar Kaunseling Keluarga, 2008), 51-62.

<sup>232</sup>“Pembuangan Bayi,” Laman sesawang *Kementerian Kesihatan Malaysia*, dicapai 2 Januari 2013, <http://www.myhealth.gov.my/index.php/my/pembuangan-bayi>

<sup>233</sup>Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003), 48-50.

<sup>234</sup>“Save Heaven, Lindungi Bayi Luar Nikah,” Laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 14 Mac 2015, [http://www2.hmetro.com.my/articles/SafeHaven\\_\\_8217\\_lindungibayiluarnikah/Article/](http://www2.hmetro.com.my/articles/SafeHaven__8217_lindungibayiluarnikah/Article/)

Perspektif psikologi mengaitkan kes pembuangan bayi dengan gejala atau simptom yang berlaku akibat ketidakstabilan hormon bagi wanita sebaik sahaja selepas bersalin yang dirujuk sebagai ‘*post natal/post partum depression*’ atau juga lebih dikenali sebagai angin meroyan. Kajian menunjukkan wanita yang bersalin sebelum nikah sememangnya mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengalami gejala kemurungan ini.<sup>235</sup>

Perkara ini turut diakui oleh Pakar Psikologi yang juga Pensyarah di Klinik Kaunseling dan Psikoterapi Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr. Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor. Remaja yang berusia 20 tahun ke bawah juga berisiko untuk mengalami masalah ini. Pelaku sanggup membunuh bayi kerana berdepan dengan rasa ketakutan dahsyat kerana memikirkan bagaimana untuk berdepan dengan keluarga dan masyarakat sehingga sanggup bertindak luar kawalan.<sup>236</sup> Walau bagaimanapun penyakit ini masih boleh dirawat melalui kaedah kaunseling dan beberapa siri rawatan psikoterapi.<sup>237</sup>

Menurut Pengarah Institusi Pemulihan Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID), Masridzi Saat, kes pembuangan bayi yang dilakukan oleh wanita hamil luar nikah bukan sahaja disebabkan tidak wujud keinginan untuk memiliki anak tersebut, tetapi disebabkan oleh tekanan yang diterima dari masyarakat berhubung status anak berkenaan.<sup>238</sup> Kajian menunjukkan kesedaran mengenai akibat seks bebas dan

---

<sup>235</sup>Rabiah Abdul Latiff, Wan Shahrazad Wan Sulaiman dan Suzana Hoesni, “Pengaruh Tekanan Keibubapaan terhadap Kemurungan Postpartum dalam Kalangan Wanita Baru Bersalin,” *Journal of Psychology and Human Development* 1, no 1 (Jun 2013), 12-21.

<sup>236</sup>Laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 02 Jun 2015,  
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/potong-bayi-pelaku-individu-dekat-dengan-bayi-1.392168>

<sup>237</sup>Martina Corry, *Post Natal Depression: A Guide for Mothers and Families* (Ireland: Aware Publications,1991), 23.

<sup>238</sup>“Kes Pembuangan Bayi”, laman sesawang *Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn*, dicapai 14 Januari 2013, [http://www.iptho.edu.my/articles.php?article\\_id=4](http://www.iptho.edu.my/articles.php?article_id=4)

pengetahuan agama yang mencukupi dapat mengurangkan kecenderungan untuk pembuangan bayi. Pembuangan bayi mungkin tidak akan berlaku sekiranya remaja hamil mendapat sokongan yang sewajarnya dari keluarga, ibu bapa, teman lelaki dan masyarakat.<sup>239</sup> Walau apa pun alasan yang diberikan, pembuangan bayi yang menjadi tatapan masyarakat kini tetap menjadi satu kesalahan dan ia secara jelas menggambarkan tekanan yang dihadapi oleh pelaku sehingga menyebabkan mereka sanggup untuk bertindak di luar batas kemanusiaan.

### **2.3.4 Risiko terhadap Kesihatan**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana mencatatkan kira-kira 16 juta kes kanak-kanak perempuan berusia 15 hingga 19 dan 1 juta kanak-kanak perempuan di bawah umur 15 melahirkan anak pada setiap tahun. Manakala komplikasi semasa mengandung dan melahirkan menjadi punca kedua bagi kes kematian kanak-kanak perempuan berusia 15 hingga 19 tahun di seluruh dunia. Bayi yang dilahirkan oleh ibu muda yang berumur 20 tahun dan ke bawah pula berhadapan dengan risiko 50 peratus lebih tinggi kematian berbanding bayi yang dilahirkan oleh wanita yang berumur 20 hingga 24. Selain itu bayi tersebut juga berisiko mengalami kekurangan berat risiko jangka panjang yang lain seperti didera dan diabaikan,<sup>240</sup> hidup dalam kemiskinan serta melalui proses perkembangan yang tidak memberangsangkan.<sup>241</sup> Selain risiko semasa melahirkan, remaja yang telah terjebak dengan aktiviti seks bebas juga berisiko dijangkiti penyakit kelamin seperti *gonorea*,

---

<sup>239</sup>Nazni Noordin et al., “The Voice of Youngsters,” 66-72.

<sup>240</sup>Brown Sarah S, Eisenberg Leon, *Best Intentions: Unintended Pregnancy and the well-being of children and families*, (t.t: National Academies Press, 1995), 1.

<sup>241</sup>Rachel M. Shattuck and Rose M. Kreider, “Social and Economic Characteristics of Currently Unmarried Women With a Recent Birth: 2011,” *American Community Survey Reports*, Issued May 2013.

*herpes, sifilis, chlamydia, hepatitis, HPV* dan HIV atau AIDS.<sup>242</sup> Mereka turut mengalami tekanan yang dahsyat seperti tekanan, mencederakan diri sendiri, keadaan ekonomi yang teruk seterusnya memusnahkan pendidikan serta kerjaya.<sup>243</sup>

Nāṣīḥ ‘Ulwān menyenaraikan kehamilan luar nikah yang berpunca daripada aktiviti perzinaan memberikan kesan kepada buruk terhadap kesihatan jasmani. Antaranya ketagihan seks, penurunan berat badan, melemahkan penglihatan dan ingatan, merosakkan sistem penghadaman dan paru-paru, mengganggu perjalanan darah, menyumbang kepada kelemahan tenaga seksual dan lemah syahwat sehingga menjelaskan hubungan intim suami isteri apabila berumah tangga kelak. Tidak kurang juga, zina boleh mengakibatkan gangguan jiwa, melemahkan daya ingatan, gangguan emosi, sikap gemar bersendiri dalam keadaan serba salah, sentiasa kelihatan berdukacita dan banyak lagi.<sup>244</sup>

### 2.3.5 Penyisihan Sosial

Salah satu bentuk implikasi yang perlu dihadapi oleh remaja hamil luar nikah ialah penyisihan sosial. Penyisihan sosial berlaku apabila masyarakat meletakkan satu stigma terhadap kelompok remaja hamil memandangkan kehamilan yang berlaku di luar ikatan pernikahan dianggap sebagai bertentangan dan menyalahi norma dan adat kebiasaan masyarakat. Perkara ini akan lebih ketara lebih-lebih lagi dalam masyarakat yang begitu mementingkan adat, dan berpegang dengan nilai-nilai agama serta moral yang melarang keras aktiviti penyaluran seks di luar nikah. Realitinya penyisihan sosial bukan sahaja

---

<sup>242</sup>Yatimin, *Etika Seksual dan Penyimpangannya dalam Islam: Tinjauan Psikologi Pendidikan dari Sudut Pandang Islam*, 102-103.

<sup>243</sup>Brown Sarah S., dan Eisenberg Leon, *Best Intentions: Unintended Pregnancy and the well-being of children*, 1.

<sup>244</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 267-268.

dihadapi oleh remaja di Malaysia bahkan kajian menunjukkan kes kehamilan luar sebagai suatu isu yang berkait rapat dengan tindakan penyisihan sosial seperti yang berlaku di Nigeria,<sup>245</sup> India.<sup>246</sup> Akibat dari penyisihan sosial, remaja akan berhadapan dengan pelbagai kesukaran hidup dari pelbagai aspek yang boleh menjelaskan masa hadapan mereka. antaranya; sukar mendapat pekerjaan, tidak berpeluang melanjutkan pekerjaan. Ringkasnya penyisihan sosial yang berlaku bukan sahaja memberikan kesan jangka pendek bahkan juga jangka panjang.

Berdasarkan perbincangan di atas, kehamilan luar nikah memberikan implikasi ke atas perkembangan fizikal, psikologi, mental dan sosial remaja serta bayi yang dikandungkan dan bakal dilahirkan. Ini bermaksud, kehamilan luar nikah tidak hanya menjelaskan perkembangan di peringkat individu, tetapi juga memberi kesan secara tidak langsung terhadap pembangunan masyarakat. Keadaan ini jelas bertentangan dengan tujuan matlamat syariat Islam yang begitu menitikberatkan kemaslahatan manusia berbanding kemudaratannya.

## **2.4 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERHUBUNG KES KEHAMILAN LUAR NIKAH**

Dalam konteks pengamalan undang-undang di Malaysia, kes kehamilan luar nikah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574), manakala Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di seluruh

---

<sup>245</sup>Prriscilla Ndidi Asonye, “Experiences and Perceptions of Pregnant unmarried Adolescents in Nigeria,” (tesis kedoktoran kesihatan awam, Walden University, Nigeria, 2014).

<sup>246</sup>Shveta Kalyanwala et al., “Abortion Experiences of Unmarried Young Women In India: Evidence from a Facility-Based Study In Bihar and Jharkhand,” *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 36, no 2, (June 2010), 62-71.

Malaysia<sup>247</sup> melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) (Akta 355) pula telah digubal secara khusus bagi mengendalikan kes jenayah syariah termasuk kehamilan luar nikah yang membabitkan individu beragama Islam sahaja.<sup>248</sup>

#### **2.4.1 Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Hukuman yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) terhadap pesalah seksual bergantung kepada jenis kesalahan. Mana-mana individu yang menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian kanak-kanak tersebut sama ada berlaku sebelum, semasa dan selepas kelahiran pula akan disiasat di bawah seksyen 318 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Bagi kes pembuangan bayi, sekiranya menyebabkan kematian, pesalah akan dibicarakan mengikut seksyen 302 kanun keseksaan yang membawa kepada hukuman gantung sampai mati. Sekiranya melibatkan kes pembuangan bayi tetapi tidak melibatkan kematian namun terdapat cubaan membunuh, maka suspek akan disiasat mengikut seksyen 307 kanun yang membawa kepada hukuman penjara maksimum 20 tahun setelah disabitkan bersalah.<sup>249</sup> Sebarang hubungan seksual antara lelaki dengan wanita di bawah umur 16 tahun sama ada dilakukan dengan kerelaan wanita itu atau dirogol boleh disiasat di

---

<sup>247</sup>Enakmen Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995, Enakmen Kesalahan Syariah Johor 1997, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985.

<sup>248</sup>Akta 355 adalah undang-undang yang diluluskan Parlimen dan berkuat kuasa di seluruh negara. Apa-pada pindaan Akta 355 perlu mendapat persetujuan majoriti Ahli Parlimen.

<sup>249</sup>Kanun Keseksaan (Akta 574).

bawah seksyen 376 kanun keseksaan. Hukuman penjara tidak kurang dari 5 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan dikenakan sebatan.<sup>250</sup>

Bagi kes pengguguran janin pula, dalam konteks Malaysia, tidak terdapat satu peruntukan undang-undang yang khusus bagi mengawal aktiviti pengguguran ini sebagaimana yang terdapat dalam *Abortion Act 1967* di United Kingdom. Namun begitu, secara praktisnya terdapat sesetengah situasi pengguguran dibenarkan menurut alasan-alasan perubatan dengan batasan-batasan tertentu seperti yang disebutkan dalam akta itu. Peruntukan undang-undang mensyaratkan kehadiran tiga syarat perubatan sahaja yang mengharuskan pengguguran dilakukan iaitu untuk menyelamatkan nyawa ibu, berlaku kecacatan janin yang teruk dan kemungkinan berlaku kecederaan kesihatan fizikal dan gangguan mental yang teruk kepada ibu yang mengandung.<sup>251</sup> Penamatan kehamilan (*terminations of pregnancy*) tanpa mengikut indikasi perubatan adalah bercanggah dengan Kod Etika Amalan Profesional (*Code of Professional Conduct*) oleh Pertubuhan Perubatan Malaysia (*Malaysian Medical Council*). Walaupun tidak ada satu akta khusus berkait dengan undang-undang pengguguran janin di Malaysia, namun Seksyen 312 Kanun Keseksaan (Akta 574) telah menetapkan perbuatan menyebabkan seseorang perempuan yang hamil gugur sebagai satu kesalahan jenayah. Seksyen 312 ini memperuntukkan seperti berikut:

“Barang siapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang hamil gugur hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau denda atau kedua-duanya; dan jika perempuan itu mengandung anak yang telah bersifat, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.”

---

<sup>250</sup>Ibid.

<sup>251</sup>Siti Khatijah Ismail dan Mohd. Badrol Awang, “Pengguguran dan Justifikasi Perundangan,” 13-24.

#### **2.4.2 Akta/Enakmen/Ordinan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia**

Merujuk kepada Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, kes yang berkaitan dengan kehamilan luar nikah dinyatakan di bahagian iv sebagai kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan. Bagi kesalahan sumbang mahram, kes disiasat di bawah Seksyen 22 yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang *mahram* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”

Bagi kesalahan persetubuhan luar nikah pula, kes disiasat di bawah seksyen 25(1) yang memperuntukkan “Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.” Bagi seksyen 25 (2) pula memperuntukkan “Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.” Manakala, seksyen 25 (3) menyebut “Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya dan sedang dia sedar tentang perbuatannya adalah keterangan *prima facie* tentang perlakuan kesalahan di bawah sub-

seksyen (2) oleh orang perempuan itu.” Seksyen 25 (4) pula menyebut, “Manakala bagi maksud sub-seksyen (3), seseorang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.”

Seterusnya bagi kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Pelaku akan disiasat di bawah seksyen 26 yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

Manakala bagi kesalahan khalwat, kes disiasat di bawah seksyen 29 (a) yang memperuntukkan “Mana-mana orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya; atau 29(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya, di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

Kes kehamilan luar nikah yang melibatkan kesalahan jenayah seperti rogol, pengguguran bayi, kelahiran anak tak sah taraf dikendalikan oleh mahkamah sivil manakala kes kehamilan luar nikah yang membabitkan salah laku seperti khalwat, persetubuhan luar nikah termasuk percubaan merupakan bidang kuasa mahkamah

syariah. Manakala bentuk hukuman yang menanti pesalah berbentuk hukuman mental dan fizikal iaitu pemenjaraan, denda dan juga sebatan.

Mengulas mengenai pengamalan undang-undang syariah, Raihanah Abdullah berpandangan bahawa meskipun Undang-undang Jenayah Syariah hanya mengehadkan kesalahan-kesalahan tertentu yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan kesusilaan atau melanggar moral masyarakat, namun apa jua bentuk kesalahan yang boleh dianggap melanggar nilai-nilai kemanusiaan masyarakat sebenarnya merupakan suatu kesalahan moral. Contohnya; penganiayaan terhadap keluarga dalam bentuk penderaan fizikal, mental dan seksual, pembuangan bayi, penagihan dadah dan banyak lagi. Apa sahaja yang bertentangan dengan nilai-nilai akhlak Islam adalah sebenarnya suatu kesalahan meskipun tidak diendahkan oleh masyarakat.<sup>252</sup>

Dalam konteks pelaksanaan hukuman terhadap pesalah muda di Malaysia, Mohd. Al-Adib Samuri et al. mempunyai pandangannya yang tersendiri. Menurutnya mahkamah di Malaysia cenderung menjatuhkan hukuman terhadap pesalah juvana dengan menggunakan Teori Pencegahan berbanding pemulihan. Beliau menganggap kecenderungan tersebut merupakan kesilapan yang perlu diperbaiki kerana ia didapati masih gagal dalam memulihkan pesalah kanak-kanak bahkan berlakunya peningkatan dan kadar jenayah dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, matlamat utama Teori Pencegahan bukan bertujuan untuk memulihkan pesalah, sebaliknya bermatlamat untuk mencegah orang lain dari melakukan kesalahan yang sama. Menurut beliau lagi, hukuman pencegahan tersebut tidak sesuai diaplikasikan kepada kanak-kanak

---

<sup>252</sup>Raihanah Abdullah, "Permasalahan Moral Masyarakat Islam dari Perspektif Undang-undang," *Jurnal Syariah* 6 (1998), 94.

memandangkan kapasiti akal mereka yang berbeza serta kelemahan dari sudut teori dan aplikasinya.<sup>253</sup>

Meskipun bentuk-bentuk hukuman telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang, namun kadar hukuman sedia ada masih dibincangkan. Misalnya penelitian Anita Abdul Rahim et al. mendapati kebanyakan hukuman yang telah dijatuhkan bagi kesalahan seksual oleh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2005 sehingga 2010 masih tidak konsisten ke atas setiap pesalah, selain dianggap ringan serta tidak setimpal dan tidak pernah mencapai kadar hukuman maksimum selaras dengan Akta Persekutuan iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 iaitu penjara 3 tahun atau denda RM5000, atau sebatan 6 kali, atau mana-mana kombinasi. Oleh itu, hukuman tersebut tidak cukup memberikan pengajaran.<sup>254</sup>

Pernah suatu ketika, masyarakat Malaysia digemparkan dengan berita penyebaran gambar lucah yang dimuat turun melalui akaun laman sosial seorang pelajar wanita di salah sebuah Universiti Awam di Pahang menunjukkan beliau dalam keadaan berbogel bersama seorang lelaki yang dirakam di salah sebuah pusat peranginan di negeri tersebut. Akan tetapi, tanpa rasa takut dan malu beliau seolah-olah mencabar undang-undang negara dengan memuatkan kenyataan bahawa denda RM3,000.00 tidak akan menghalang beliau untuk terus melakukan kegiatan tersebut.<sup>255</sup> Pengakuan sedemikian jelas menunjukkan bahawa bentuk hukuman sedia ada masih tidak mampu

---

<sup>253</sup> Mohd. Al-Adib Samuri dan Noor Aziah Mohd. Awal, "Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan?," *Jurnal Undang-undang* 13, (2009), 35-54.

<sup>254</sup> Anita Abdul Rahim et al., "Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat" *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 16 (2012), 29-42.

<sup>255</sup> "JAIP Perlu siasat Gambar Lucah Pelajar," laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 12 Jun 2014, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JAIPperlusiasatgambarlucahpelajar/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JAIPperlusiasatgambarlucahpelajar/Article/index_html).

memberikan pengajaran kepada masyarakat atau menghalang mereka dari meninggalkan perbuatan maksiat serta dosa.

Dalam konteks Islam, penyaluran kehendak seks yang menyeleweng membawa kepada kekacauan keturunan, keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat, tersebarinya penyakit berjangkit serta berleluasa perlakuan tidak bermoral dirujuk sebagai perzinaan.<sup>256</sup> Zina di dalam Islam bukan sahaja dianggap sebagai satu perbuatan dosa besar, bahkan menjadi titik tolak kepada berlakunya pelbagai perlakuan lain yang lebih serius. Justeru, hukuman yang berat selayaknya dikenakan kepada pesalah zina. Jika tidak ia akan membawa implikasi yang buruk seperti keruntuhan institusi keluarga dan penularan pelbagai jenis penyakit fizikal mahupun rohani.<sup>257</sup>

Melihat kepada keburukan dan implikasi zina, maka setiap pelaku zina tanpa mengira status jantina tidak dikecualikan dalam penentuan hukum Islam yang mensabitkan pesalah kepada hukuman *had*. Terdapat dua jenis hukuman yang telah disepakati ulamak mengikut kategori pesalah iaitu kategori pertama; penzina yang pernah berkahwin akan dikenakan hukuman rejam sampai mati. Manakala kategori kedua pula, penzina yang belum pernah berkahwin dikenakan hukuman seratus kali sebatan dan buang daerah selama setahun. Asas kepada pelaksanaan hukuman sebat merujuk kepada Firman Allah SWT sebagaimana berikut:



Al-Nūr 24:2

<sup>256</sup>Fathi Yakan, *al-Islam wa al-Jins*, cet. 2 (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1975), 14.

<sup>257</sup>Adibah Abdul Rahim, “General Overview on The Study of Islamic Ethics,” dalam *Islamic Ethics and Character Building*, ed. Fatimah Abdullah (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014), 39.

Terjemahan: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat.

Hukuman bagi penzina juga disebut secara jelas dalam sebuah hadis, dari ‘Ubادah bin al-Shomit, Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi:

خُذُوا عَنِي خُذُوا عَنِي قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا الْبَكْرُ بِالْبَكْرِ حَلْدٌ مِائَةٌ وَنَفْيٌ سَنَةٌ  
وَالشَّيْبُ بِالشَّيْبِ حَلْدٌ مِائَةٌ وَالرَّجْمُ

Terjemahan: Terimalah daripadaku, terimalah daripadaku. Sungguh Allah SWT telah menetapkan hukuman bagi wanita-wanita ini. Dara dengan teruna akan disebat 100 kali dan dibuang negeri setahun. Wanita dan lelaki yang pernah berkahwin akan disebat 100 kali dan direjam.<sup>258</sup>

‘Abd al-Qādir ‘Awdah menyebut satu kaedah umum syariat mengenai hukum *ta’zir*. Setiap hukuman yang boleh mendidik dan memperbaiki pesalah dan boleh memberi pencegahan dan pengajaran kepada orang lain serta dapat memelihara masyarakat daripada segala kejadian pelaku kesemuanya adalah diharuskan.<sup>259</sup>

Bagi mazhab Syafi’e terdapat beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman membuang negeri ke atas pesalah. Pertama, hukuman mestilah diputuskan oleh hakim, sekiranya pesalah memang mengasingkan diri selama setahun, ia tidak diambil kira. Kedua, tempat hukuman buang negeri, jaraknya mesti tidak kurang dari jarak perjalanan yang diharuskan sembahyang qasar. Ketiga, melibatkan kedua-dua penzina lelaki dan wanita. Keempat, bagi pesalah wanita, hukuman mesti disertai muhrim kerana wanita dilarang bermusafir tanpa

<sup>258</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Hudūd, Bāb Ḥād al-Zinā, no. hadith 4414, “Sahih Muslim,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 977.

<sup>259</sup> Awdah, ‘Abd al-Qādir., *Al-Tasyrī’ al-Jinā’i al-Islāmī*, Juz 1 (Beirut: Dār al-Kātib al-‘Arabi, t.t ), 685-686.

muhrim. Pelaksanaan hukuman juga mestilah memenuhi beberapa syarat iaitu pesalah mesti baligh dan berakal, tidak dipaksa, tidak wujudnya kekeliruan dan kesalahan disabitkan melalui pengakuan pelaku dengan bahasa yang jelas berserta bukti.<sup>260</sup>

Berdasarkan penelitian di atas, ternyata bentuk hukuman yang diperuntukkan di Malaysia terhadap pesalah seks muda cenderung kepada pelaksanaan berasaskan hukuman *ta’zīr*. Walau bagaimanapun penelitian berhubung pelaksanaan hukuman terhadap pesalah seks remaja seharusnya masih boleh dibuat penelitian semula dengan tidak meninggalkan sumber hukum utama di dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Sunah. Walau dalam apa keadaan sekalipun, perbuatan zina telah disepakati sebagai haram hukumnya di sisi Islam. Justeru, persoalan mengenai ketetapan hukuman zina sewajarnya telah lama jelas. Namun bentuk pelaksanaan hukuman perlu mengambil kira situasi semasa tempat di mana hukuman tersebut bakal dijatuhi.

## **2.5 MEKANISME PERLINDUNGAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI MALAYSIA**

Ekoran begitu banyak kekalutan serta implikasi yang timbul daripada masalah kehamilan luar nikah, beberapa pihak bertanggungjawab telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan pelbagai mekanisme bagi menangani isu ini seperti penggubalan beberapa dasar dan akta berkaitan dan seterusnya membawa kepada penubuhan pusat perlindungan wanita di Malaysia.

---

<sup>260</sup>Al-Khin, Muṣṭafā. et al., *Al-fiqh al-Manhājī ‘alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi‘ī*, Jil.1. (Damsyiq: Dar al-Qalam, 2003), 1837-1840.

## **2.5.1 Penggubalan Dasar dan Akta**

Pada tahun 2011, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bersama Tabung Kependudukan Persatuan Bangsa-bangsa bersatu (UNFPA) telah memperkenalkan satu garis panduan yang menyasarkan beberapa objektif utama iaitu; pertama, bagi mengurangkan kadar perkahwinan sebelum usia 18 tahun. Kedua, mewujudkan kefahaman dan sokongan bagi mengurangkan kes kehamilan sebelum usia 20 tahun. Ketiga, meningkatkan penggunaan alat pencegahan kehamilan bagi mencegah berlakunya kehamilan yang tidak diingini. Keempat, mengurangkan penderaan seks dalam kalangan remaja. Kelima, mengurangkan kadar pengguguran yang tidak selamat dalam kalangan remaja. Terakhir, meningkatkan persediaan remaja sebelum, semasa dan selepas bersalin.<sup>261</sup>

Selain itu, penubuhan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) juga cukup signifikan dalam melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan, eksloitasi dan penderaan termasuk kegiatan pelacuran, perdagangan serta perburuhan kanak-kanak dan sebagainya.<sup>262</sup>

Seterusnya, deklarasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak<sup>263</sup> secara umumnya telah mendorong kerajaan lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan

---

<sup>261</sup>“Maternal, Newborn, Child and Adolescent Health,” laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 02 Mei 2013, [http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/topics/maternal/adolescent\\_pregnancy/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/topics/maternal/adolescent_pregnancy/en/).

<sup>262</sup>Laman sesawang *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF), dicapai 14 Noeber 2015, [http://www.unicef.org/malaysia/about\\_visionandmission.html](http://www.unicef.org/malaysia/about_visionandmission.html). UNICEF merupakan satu badan pertubuhan yang diwujudkan bagi memberikan bantuan kemanusiaan dan perkembangan kanak-kanak seluruh dunia. Beribu pejabat di New York, bergantung pada sumbangan kewangan dari kerajaan dan juga penderma peribadi.

<sup>263</sup>Wickneswaran A/L Kaliaperumal, *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*, (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), 2005), 4-44. Lihat juga Makalah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, Terbitan Bahagian Perundungan dan Advokasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, <http://www.unicef.org/malaysia/CRC-JKMbooklet-Malay.pdf>. *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak* diterima dengan rasminya oleh Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-44 pada 20 November 1989 secara konsensus. Pada 26 Januari 1990, Konvensi itu telah dibuka untuk ditandatangani

kanak-kanak dengan mengiktiraf hak mereka.<sup>264</sup> Selain menghuraikan segala keperluan kanak-kanak, konvensyen tersebut turut menyentuh tentang aspek kerjasama antarabangsa dalam usaha memberi perlindungan kepada kanak-kanak, peranan dan tanggungjawab keluarga dan negara dalam memberi perlindungan serta menjaga kepentingan kanak-kanak.<sup>265</sup> Secara jelasnya konvensyen tersebut juga mengutamakan hak kanak-kanak di bawah umur 18 tahun seperti hak untuk hidup menikmati kehidupan, hak kewarganegaraan serta hak untuk mendapat perlindungan dari pelbagai keadaan yang berisiko dan sukar seperti peperangan, eksploitasi atau jenayah.

Dalam konteks perundangan, beberapa Akta telah digubal secara khusus untuk mengendalikan kes melibatkan kanak-kanak termasuk remaja hamil luar nikah iaitu Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)<sup>266</sup> dan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Dalam Akta 611, beberapa seksyen secara jelas telah diperuntukkan bagi tujuan perlindungan melibatkan remaja hamil luar serta kes-kes yang membabitkan salah laku seksual. Misalnya; Seksyen 41(1) memperuntukkan: “Mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh atas permohonannya sendiri dalam

---

ketika menyambut ulang tahun ke-30 Deklarasi Hak-hak Anak (1959-1989) dan ulang tahun ke 10 Tahun Antarabangsa Kanak-kanak (1979-1989). Konvensi mengenai Hak Anak telah dikuatkuasakan pada 02 September 1990 selepas 30 hari ianya diiktiraf oleh 20 negara. Kerajaan Malaysia telah menandatangani konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak pada 28.12.94 dan telah guna pakai pada 07.02.1995 akan tetapi Kerajaan Malaysia telah membuat reservasi terhadap fasal 1,2,7,13,14,15,22,28,37,40 kerana bertentangan dengan dasar, undang-undang dan amalan nasional. Tetapi reservasi-reservasi tersebut akan ditarik balik pada keadaan dan masa yang sesuai oleh kerajaan Malaysia. Pada 25.2.1999 Kerajaan telah menarik balik beberapa reservasi dan masih lagi mengadakan reservasi bagi fasal 1,2,7,13,14, 15,28 para 1(a) dan fasal 37.

<sup>264</sup>konvénsi sesuatu (spt amalan, tingkah laku, ciri-ciri, dll) yg sudah diiktiraf dengan meluasnya dan dipatuhi (diikuti), kebiasaan umum, apa sahaja yang sudah diterima dan diamalkan secara meluas dan berterusan: untuk hidup dengan harmoni

<sup>265</sup>Bahagian I terdapat 41 artikel mengenai hak kanak-kanak. Bahagian II mengandungi 4 artikel mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan Konvensyen serta implikasi bagi negara-negara anggota. Manakala Bahagian III terkandung 9 artikel yang berkait dengan pengiktirafan konvensyen dan implikasinya.

<sup>266</sup>Akta ini berkuatkuasa pada 01 Ogos 2002 dan telah memansuhkan tiga statut yang lain iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90), Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (Akta 106).

bentuk yang ditetapkan diterima oleh Pelindung masuk ke suatu tempat perlindungan jika Pelindung itu berpuas hati bahawa kanak-kanak itu memerlukan pelindungan dengan segera.” Seterusnya Seksyen 41(2)(d) dalam akta yang sama juga memperuntukkan: “Seseorang kanak-kanak memerlukan pelindungan dengan segera jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa;- jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah.” Dalam akta ini juga, remaja hamil luar nikah sememangnya diberikan pengertian khusus sebagai kanak-kanak yang memerlukan pelindungan dan pemulihan. Berdasarkan seksyen 38(a), akta ini memperuntukkan “Seseorang kanak-kanak memerlukan pelindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu- (a) sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual, atau berada dalam apa-apa suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada perlakuan perbuatan itu.”

Selain Akta 611, Akta Pusat Jagaan Pindaan 1993 (Akta 506) yang telah digubal juga memberikan manfaat bagi remaja hamil luar nikah. Akta ini digubal dengan tujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.<sup>267</sup> Menurut seksyen 2 Akta ini, “jagaan” adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala “pusat jagaan” pula diklasifikasikan kepada dua iaitu pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.<sup>268</sup>

Berhubung isu ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia juga turut berperanan dengan memperkenalkan Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara yang tidak meminggirkan nasib kelompok remaja hamil luar nikah. Dasar ini telah

<sup>267</sup>Akta Pusat Jagaan Pindaan 1993 (Akta 506).

<sup>268</sup>Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*, dicapai 10 Januari 2016, [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pusat\\_jagaan&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pusat_jagaan&lang=bm)

menggariskan tujuh objektif utama iaitu pertama, meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak sebagai tanggungjawab bersama. Kedua, mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak. Ketiga, menggalakkan organisasi yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan kanak-kanak mewujudkan dasar perlindungan kanak-kanak organisasi masing-masing. Keempat, melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi. Kelima, menetapkan hanya individu yang bersesuaian sahaja boleh berurusan secara langsung dengan kanak-kanak. Keenam, meningkatkan khidmat sokongan bagi menangani pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi terhadap kanak-kanak; dan ketujuh, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi menambah baik perlindungan terhadap kanak-kanak. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak 2001. Ringkasnya, dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak serta diyakini mampu memberi manfaat yang cukup besar kepada masyarakat khususnya kelompok kanak-kanak sendiri.<sup>269</sup>

Selain JKMM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga memperkenalkan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) pada tahun 2012 sebagai salah satu pelan strategik bagi memberikan tumpuan kepada pendidikan kesihatan reproduktif dari aspek kesedaran

---

<sup>269</sup>Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai 11 November 2014,  
[http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/index.php?option=com\\_content&view=article&id=673:dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara&catid=35:dasarpelan-tindakan&Itemid=884&lang=en](http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/index.php?option=com_content&view=article&id=673:dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara&catid=35:dasarpelan-tindakan&Itemid=884&lang=en).

anggota masyarakat, pembangunan kepakaran pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sistem pendidikan serta pelaksanaan pendidikan secara berkesan.<sup>270</sup> Pelbagai program telah diwujudkan seperti penubuhan Pusat Remaja Kafe @ TEEN di sekolah-sekolah serta Program Latihan Khidmat Negara. Program yang menyasarkan golongan muda berumur 13 hingga 24 tahun ini bermatlamat memberi maklumat berkaitan isu-isu psiko-sosial, menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko seperti seksual di luar nikah. Remaja terlibat juga boleh menghubungi Talian Nur 15999 yang telah disediakan bagi mendapatkan khidmat kaunseling dan perlindungan.<sup>271</sup>

Di peringkat negeri dan daerah pula, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) telah diwujudkan sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Objektif penubuhan PAKK adalah untuk menganjurkan program dan perkhidmatan sokongan bercorak pencegahan dan perlindungan terutama bagi kanak-kanak yang dianaya oleh keluarga mereka. Keanggotaan PAKK terdiri daripada Jawatankuasa Kecil yang dilantik oleh Pasukan Perlindungan Kanak-kanak. Jawatankuasa Kecil ini terdiri daripada tidak kurang dari tujuh orang ahli dan tidak lebih daripada lima belas orang. Antara Peranan PAKK dan PPPK ialah menyediakan tempat perlindungan serta menganjurkan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak. Pusat advokasi<sup>272</sup> ini giat mengadakan ceramah, kursus pendek kepada masyarakat, ibu bapa dan kanak-kanak, pusat sumber

---

<sup>270</sup>Laman sesawang *Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*, dicapai 04 Februari 2015, <http://www.kpwkm.gov.my/>.

<sup>271</sup>“152, 182 Orang Anak Luar Nikah 2008-2010,” laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 16 Julai 2012, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan\\_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_03.htm&arc=hive#ixzz3Ilyic53X](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive#ixzz3Ilyic53X)

<sup>272</sup>Advokasi bermaksud kumpulan sokongan. Rujuk laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 1 April 2015, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=advokasi>.

yang menyediakan bahan bacaan untuk kanak-kanak, menyediakan pusat pembelajaran melalui kelas bimbingan, komputer, kelas keagamaan, kelas lukisan, kelas drama, pidato, deklamasi sajak, pusat intervensi krisis yang menyediakan sesi kaunseling serta pusat Sosial Sukan menerusi aktiviti sukan, riadah, program kebudayaan, kesenian dan sebagainya.<sup>273</sup> Kesemua aktiviti yang dikendalikan dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat kes-kes sosial membabitkan kanak-kanak.

Antara inisiatif lain yang boleh dilihat sebagaimana yang dijalankan di Sarawak. Pelbagai agensi telah mewujudkan kerjasama dengan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JKWS) bagi menjalankan program khusus untuk meningkatkan pengetahuan remaja tentang kesihatan seksual dan tanggungjawab kekeluargaan. Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Kesihatan, Kementerian Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Pendaftaran Negara dan *Sarawak Family Planning Association* telah mewujudkan Jawatankuasa Pusat Sehenti Remaja Hamil atau *One-Stop Teenage Pregnancy Committee* (OSTPC) di hospital terpilih pada Ogos 2014 dengan tujuan memberi bantuan dan sokongan secara bersepadu kepada remaja terbabit sama ada semasa hamil atau setelah bersalin. Program kesedaran menangani gejala kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Menurut program “*I'm in Control, Cakna Diri Remaja, Modul Sarawak*”. Menteri Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak Datuk Fatimah Abdullah berkata sekiranya isu

---

<sup>273</sup>Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*, dicapai 12 Mac 2014, [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan\\_perlindungan\\_kanak\\_kanak\\_ppkk\\_dan\\_pusat\\_aktiviti\\_kanak-kanak\\_pakk&lang=bn](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan_perlindungan_kanak_kanak_ppkk_dan_pusat_aktiviti_kanak-kanak_pakk&lang=bn)

kehamilan luar nikah tidak ditangani segera, ia boleh mengakibatkan kemasuhan institusi keluarga dan membawa kepada pelbagai masalah sosial yang lain.<sup>274</sup>

Menurut Menteri Muda Kebajikan, Robert Lawson Chuat, objektif utama program tersebut adalah untuk memperkasakan remaja dengan pengetahuan yang sesuai, sikap dan kemahiran membuat pilihan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif mereka. Program ini juga merupakan saluran bagi memberi kemahiran serta berkongsi maklumat untuk menghindari seks sebelum waktunya serta menghargai dan menghormati nilai seorang gadis. jelasnya. Terdahulu, modul program tersebut disasarkan kepada remaja berumur 16 tahun di sekolah-sekolah dan memfokuskan kepada pengetahuan mencegah serta mengurangkan risiko kehamilan, penyakit jangkitan seksual dan HIV/AIDS.<sup>275</sup>

Selain di Malaysia, beberapa buah negara di Barat turut mewujudkan pelbagai inisiatif berbentuk kawalan, pencegahan dan pemulihan dalam mengendalikan permasalahan melibatkan kegiatan seksual remaja serta kehamilan sebelum nikah. Sebagai contoh, seluruh masyarakat di Amerika dilibatkan dalam usaha mendidik remaja tentang tanggungjawab seksual, perancangan keluarga, pencegahan kehamilan, rawatan berbentuk kejiwaan.<sup>276</sup> Selain itu, pelbagai kempen dijalankan bertujuan memerangi kehamilan luar nikah, menangkis sikap negatif terhadap pencegahan kehamilan, membina persepsi tentang pelalian peribadi serta akibat buruk dari hubungan seksual. Namun, kempen tersebut perlu dimulakan sejak peringkat awal usia

---

<sup>274</sup>“Program Kesedaran Menangani Kehamilan Luar Nikah,” laman sesawang *Berita Astro Awani*, dicapai 12 Jun 2014, <http://www.astroawani.com/video-malaysia/program-kesedaran-menangani-kehamilan-luar-nikah-56402>.

<sup>275</sup>“Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja amat Membimbangkan,” Laman sesawang *The Borneo Post*, dicapai 07 Mei 2015, <http://www.theborneopost.com/2015/03/26/masalah-sosial-dalam-kalangan-remaja-amat-membimbangkan-kata-lawson/>.

<sup>276</sup>Conger, J. J. “Hostage to the Future Youth, Values and the Public Interest,” *American Psychologist* 43 (1988), 291-300.

lagi agar proses pencegahan kehamilan di peringkat remaja menjadi lebih efektif.<sup>277</sup> Perkara ini turut dipersetujui oleh Franklin, C. dan Corcoran, J. yang menganalisis program-program dan amalan yang terdapat dalam proses utama pencegahan kehamilan dalam kalangan remaja juga ada membincangkan perkara berhubung program-program pencegahan, komponen utamanya termasuk aspek kurikulumnya.<sup>278</sup> Apa yang mengejutkan, laporan mendedahkan usaha pencegahan kehamilan dalam kalangan remaja sahaja di Amerika Syarikat telah mampu menjimatkan sekurang-kurangnya 9 bilion kos yang perlu dilaburkan pada setiap tahun terutamanya dalam aspek penjagaan kesihatan, penjagaan anak angkat dan kos pemenjaraan.<sup>279</sup>

### **2.5.2 Penubuhan Institusi Perlindungan dan Pemulihan**

Penubuhan pusat perlindungan di Malaysia mutakhir ini dilihat sebagai sebahagian daripada inisiatif pihak bertanggungjawab dan masyarakat bagi merealisasikan beberapa Dasar dan Akta yang telah dinyatakan. Menurut mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil luar nikah telah ditubuhkan sejak tahun 1975 namun tidak di uar-uarkan kerana menghormati sensitiviti budaya dan agama masyarakat setempat di negara ini. Kerajaan telah memperuntukkan dana untuk menubuhkan Pusat Perlindungan bagi remaja hamil di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dengan mendapat bantuan daripada 14 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman

---

<sup>277</sup>Kim Witte, “Preventing Teen Pregnancy Through Persuasive Communications: Realities, Myths and the Hard-Fact Truths,” *Journal of Community Health* 22, no. 2 (2 April 1997), 137

<sup>278</sup>Franklin, Cyhthia. dan Corcoran, Jacqueline., Preventing Adolescent Pregnancy: a Review of Programs and Practices,” *Social Work* 45, no. 1, (January 2000).

<sup>279</sup>Laman sesawang *Centers for Disease Control and Prevention*, “Preventing Teen Pregnancy: an Update in 2009,” dicapai 08 Mac 2011,  
<http://www.cdc.gov/reproductivehealth/AdolescentReproHealth/AboutTP.htm>

dan kepakaran dalam mengendalikan remaja bermasalah dengan aktivitinya dipantau oleh kerajaan.<sup>280</sup>

Rata-rata pusat perlindungan wanita yang ditubuhkan didapati dikendalikan oleh beberapa pihak seperti kerajaan, bukan kerajaan dan persendirian. Antaranya Raudhatus Sakinah,<sup>281</sup> Baitul Islah Perkid,<sup>282</sup> Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah,<sup>283</sup> Kem Modal Insan Kewaja,<sup>284</sup> Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan,<sup>285</sup> Taman Seri Puteri,<sup>286</sup> Rumah Puteri Arafiah,<sup>287</sup> Rumah Perlindungan Baitus Solehah, Rumah Perlindungan Baitul Fiqh,<sup>288</sup> Dar Assaadah (MAIWP)<sup>289</sup> dan banyak lagi pusat perlindungan mutakhir ini yang masih baru ditubuhkan dan belum didaftarkan dengan pihak berkuasa. Sebahagian dari pusat perlindungan yang ditubuhkan di Selangor

---

<sup>280</sup>“Kerajaan Sedia Rumah Perlindungan Gadis Hamil Luar Nikah Sejak 1975,” laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 12 Julai 2013,

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)

<sup>281</sup>Laman sesawang *Raudhatussakinah*, dicapai 05 Mei 2014, <http://raudhatussakinah.wordpress.com/>. RS merupakan sebuah pusat bimbingan remaja puteri yang dikendalikan oleh Wanita Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) atau kini dikenali sebagai IKRAM. RS mempunyai 5 buah cawangan di seluruh Malaysia iaitu di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

<sup>282</sup>Laman sesawang *Baitul Islah*, dicapai 05 Mei 2014, <http://pkbais.blogspot.com/p/mengenali-kami.html>. Baitul Islah mula dibuka pada 27 Disember 2007 bagi membantu pihak kerajaan dalam menangani gejala sosial dalam masyarakat.

<sup>283</sup>Darul Wardah yang beroperasi di Jalan Kebun, Shah Alam Selangor merupakan pusat perlindungan wanita kendalian Angkat Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan pada tahun 2007.

<sup>284</sup>KEWAJA merupakan sebuah pusat perlindungan wanita yang dikendalikan secara persendirian namun berdaftar dengan MAIS.

<sup>285</sup>Butiran lanjut mengenai Baitul Ehsan boleh dirujuk di dalam bab empat.

<sup>286</sup>Taman Seri Puteri merupakan pusat perlindungan kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Terdapat beberapa buah Taman Seri Puteri telah diwujudkan di seluruh Malaysia iaitu Taman Seri Puteri, Cheras, Taman Seri Puteri Kota Kinabalu, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Taman Seri Puteri Kuching.

<sup>287</sup>Laman sesawang Rumah Puteri Arafiah, dicapai 07 Julai 2014, <http://rumahputeriarafiah.blogspot.com/>. Rumah Puteri Arafiah yang berlokasi di Shah Alam ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Selangor dan mendapat pengawasan Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) sejak bulan Jun 2011.

<sup>288</sup>Laman sesawang *Pertubuhan Kebajikan Baitul Fiqh (PKBF)*, dicapai 09 Jun 2014, <https://sites.google.com/a/baitulfiqh.org/web/pengenalan>. PKBF yang beroperasi di Subang Jaya, Selangor ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergiat aktif dalam aktiviti kebajikan. PKBF telah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan kebajikan bukan kerajaan(NGO) dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dan mengikut peraturan-peraturan pertubuhan 1984 pada 22 Februari 2011.

<sup>289</sup>Dar Saadah merupakan pusat perlindungan wanita kendalian Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Laman sesawang *Dar Saadah*, dicapai 07 Julai 2014, <http://darassaadah.blogspot.com/p/sejarah-penubuhan.html>

dikawal selia oleh unit al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor. Namun, setiap pusat perlindungan perlu berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mematuhi semua prosedur penubuhan pusat Jagaan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Akta Pusat Jagaan 1993/ Akta Pusat Jagaan (2007) Pindaan.

Selain pusat perlindungan wanita, pada tahun 2010 Sekolah Harapan Rumah Harapan (SHRH) di bawah kendalian penuh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang beroperasi di Jasin, Melaka. Sekolah tersebut memberikan penempatan dan perlindungan khusus kepada remaja-remaja yang terlibat dengan kehamilan di luar nikah. Menurut Pengarah bahagian Kanak-kanak JKMM, Arfan Sulaiman, secara asasnya terdapat dua bentuk program pemulihan diwujudkan iaitu pemulihan dalam komuniti dan pemulihan dalam institusi. Menerusi pemulihan dalam komuniti, kanak-kanak pesalah juvana tidak diambil dan ditempatkan di pusat pemulihan sebaliknya dibenarkan tinggal bersama keluarga mereka, namun pergerakan pelajar akan sentiasa dipantau oleh pegawai yang dilantik oleh JKMM. Selain itu mereka juga akan diberikan bimbingan dan kaunseling sepanjang masa bagi memastikan mereka tidak mengulangi dan kembali terjebak dengan salah laku yang dilakukan sebelum ini. Kedua, program pemulihan dalam institusi pula, pelajar ditempatkan di rumah pemulihan bagi mengawal pergerakan mereka supaya tidak terdedah kepada persekitaran luar terutama pengaruh rakan yang menyebabkan mereka mengulangi jenayah tersebut. Biasanya program kedua ini membabitkan kes juvana berat. Ibu bapa tidak perlu risau masa depan anak-anak kerana walaupun mereka kecinciran dari persekolahan akan tetapi program pemulihan di pusat tersebut akan turut menekankan tentang pendidikan.<sup>290</sup> Justeru,

---

<sup>290</sup>“Aspek Pendidikan Juvana Tak Diabai,” laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 02 April 2014, [http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Aspekpendidikanjuvanatakdiabai//Article/article\\_print](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Aspekpendidikanjuvanatakdiabai//Article/article_print)

dalam konteks penubuhan pusat perlindungan wanita, ia boleh dikategorikan sebagai bentuk pemulihan kedua iaitu pemulihan dalam institusi.

Remaja hamil luar nikah salah satu kelompok yang sering kali dilihat sebagai sekumpulan anggota masyarakat yang bermasalah. Sama ada menjadi mangsa atau pemangsa, mereka inilah yang sering dirujuk sebagai individu, anggota masyarakat dan/atau komuniti tersisih dan berhadapan dengan risiko penyisihan sosial. Justeru, beberapa intervensi sosial boleh dilakukan bagi mengintegrasikan semula kelompok ini dengan masyarakat. Terdapat tiga bentuk intervensi sosial yang dicadangkan iaitu remedii sosial, pemulihan sosial serta pembangunan komuniti. Intervensi berbentuk remedii sosial mempunyai kaitan rapat dengan Teori Keperluan Manusia yang memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk memenuhi defisit keperluan yang dialami oleh individu. Remedii tersebut merangkumi usaha-usaha memenuhi keperluan fizikal dan fisiologi seperti makan dan minum yang berzat dan mencukupi, rehat mencukupi, kesihatan yang baik dan keperluan seksual yang sihat, mencukupi dan memuaskan serta keperluan keselamatan dan perlindungan seperti perlindungan daripada ancaman bahaya, tempat tinggal atau kediaman yang selamat, jaminan kewangan yang stabil dan negara yang stabil ekonomi dan politiknya manusia.<sup>291</sup>

Selain memberikan perlindungan kepada si ibu, perlindungan terhadap bayi yang dilahirkan juga turut dijadikan keutamaan. Sebagai contoh; sebuah badan pertubuhan NGO iaitu Yayasan OrphanCARE Malaysia telah mewujudkan ‘*Baby Hatch*’ iaitu ruang khas yang membolehkan bayi yang tidak diingini ditinggalkan dengan selamat.<sup>292</sup> Penubuhan OrphanCARE adalah untuk memastikan setiap bayi yang dilahirkan tidak

<sup>291</sup>Siti Hajar Abu Bakar et al., “Intervensi Sosial untuk Komuniti Tersisih: Ke arah Pembangunan Ummah,” *Jurnal Hadhari* 4, no. 2 (2012), 29-44.

<sup>292</sup>*Baby Hatch* pertama ditubuhkan di Malaysia di no.6, lorong SS 1/24A, Petaling Jaya, Selangor.

mengira apa juga latar belakang agama atau bangsa mendapatkan keluarga yang sesuai melalui proses pengambilan anak angkat yang cepat dan teratur. Pihak OrphanCARE juga akan membantu ibu bapa angkat dalam urusan dokumentasi seperti sijil kelahiran dan proses pengangkatan. OrphanCARE adalah sebagai satu tempat transit kepada bayi yang ditinggalkan sebelum diambil sebagai anak angkat sekali gus memberi peluang kepada mereka membesar dalam sebuah institusi kekeluargaan yang sempurna selari dengan slogan OrphanCARE iaitu "*Every Child Needs a Family*"<sup>293</sup> Bermula tahun 2016, kementerian kesihatan bercadang mewujudkan Pusat Jagaan Generasiku Sayang (GKS) di setiap negeri bagi membantu golongan remaja hamil luar nikah dalam usaha mengelakkan kematian ibu dan bayi.<sup>294</sup>

Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang memperkenalkan kaedah sedemikian kerana ia turut diperkenalkan oleh beberapa negara lain. Sebagai contoh; di Arab Saudi, Persatuan Kebajikan Wanita Universiti *Umm al-Qura* menubuhkan sebuah rumah khas bagi menempatkan anak-anak tak sah taraf. Antara keperluan yang disediakan termasuk makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial dengan sokongan dan penyeliaan Kementerian Hal Ehwal Masyarakat. Kanak-kanak dibahagikan kepada 11 keluarga, di mana setiap keluarga terdiri daripada 6 hingga 8 orang kanak-kanak pelbagai lapisan umur yang akan dikawal selia oleh 2 orang pengasuh yang bekerja mengikut jadual siang dan malam. Setiap keluarga akan tinggal di satu pangsapuri yang mengandungi bilik tidur, ruang tamu dan sebuah dewan. Kanak-kanak tersebut didaftarkan di sekolah umum dengan diurus oleh seorang penyelia serta pekerja sosial. Rumah tersebut hanya menerima kanak-kanak yang

<sup>293</sup>Laman sesawang *OrphanCARE*, dicapai 02 Jun 2012, <http://www.orphancare.org.my/index.php/baby-hatch/>

<sup>294</sup>“Pusat Jagaan Generasiku Sayang di Setiap Negeri,” laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 01 Januari 2016, <http://www.hmetro.com.my/node/89210>

diluluskan kepada mereka melalui Kementerian Hal Ehwal Masyarakat, hospital dan penjara-penjara sahaja.<sup>295</sup>

Jabatan Perkhidmatan Sosial di California juga menggubal undang-undang iaitu “*Safely Surrendered Baby Law*” sejak tahun 2001 bagi membolehkan ibu bapa yang tidak berkemampuan atau tidak ingin memelihara bayi mereka atas sebab apa sekalipun menyerahkan anak tersebut secara selamat kepada mana-mana pekerja hospital atau tempat yang diiktiraf selamat dalam tempoh tiga hari selepas kelahiran. Lebih menarik setiap bayi dan ibu akan dipasang dengan seutas gelang kaki yang mempunyai kod ID yang sama bagi memudahkan urusan pengecaman sekiranya si ibu berhajat untuk mengambil kembali anak mereka, namun tuntutan mestilah dibuat setelah tempoh 14 hari. Antara motif utama diwujudkan ialah bagi menyelamatkan bayi dari risiko dibuang di tempat-tempat berbahaya dan secara tidak langsung melindungi ibu bapa daripada didakwa akibat kesalahan membuang bayi.<sup>296</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, penggubalan akta dan dasar serta penubuhan institusi perlindungan dan pemulihan bukan sahaja memfokuskan kepada kebijakan remaja atau si ibu bahkan juga tidak menafikan hak anak yang dilahirkan untuk sama-sama mendapatkan hak dari aspek perlindungan, sokongan sosial, jaminan kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesedaran pelbagai lapisan masyarakat mengenai tanggungjawab sosial sebenarnya telah wujud. Realiti ini menggambarkan keprihatinan serius masyarakat dalam memberikan perlindungan terhadap remaja bermasalah hamil luar nikah.

---

<sup>295</sup>Badea Abu Al-Naja, *Makkah Charity Sets Up Home For Children Born Out Of Wedlock* (Washington: Tribune Content Agency LLC, 2011).

<sup>296</sup>Laman sesawang *Department of Social Services*, dicapai 12 Mei 2013, <http://www.babysafe.ca.gov/>

## **2.6 KESIMPULAN**

Kehamilan luar nikah dapat diklasifikasikan sebagai isu global yang telah menarik perhatian masyarakat seluruh dunia dengan lahirnya pelbagai intervensi sama ada berbentuk perlindungan, pendidikan, pencegahan serta pemulihan. Secara umumnya terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada perlakuan seks bebas tanpa nikah dalam kalangan remaja sehingga mengakibatkan kehamilan. Faktor-faktor tersebut berkait rapat dengan corak pendidikan, latar belakang keluarga, diri remaja sendiri, rakan sebaya, media dan juga masyarakat. Seterusnya, kehamilan luar nikah memberikan pelbagai implikasi ke atas remaja dan juga bayi dalam kandungan dan yang bakal dilahirkan. Secara jelasnya bentuk-bentuk implikasi tersebut tidak hanya menjelaskan perkembangan di peringkat individu, akan tetapi membawa kepada berlakunya pelbagai jenayah lain yang lebih serius seperti pembuangan bayi dan pengguguran janin tidak berdosa.

Berikutnya pelbagai faktor dan implikasi yang telah dinyatakan, beberapa pihak telah tampil memperlihatkan komitmen yang tinggi dengan menyediakan pelbagai mekanisme bagi melindungi remaja bermasalah ini. Secara jelasnya, penggubalan beberapa dasar, strategi dan akta serta beberapa inisiatif lain dilihat menjadi bukti keprihatinan masyarakat dalam membela nasib remaja hamil luar nikah melalui usaha perlindungan, pendidikan, pemulihan dan pencegahan. Meskipun pelbagai mekanisme telah diwujudkan, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada usaha perlindungan dan pemulihan yang dijalankan secara khusus di pusat perlindungan wanita sahaja terutamanya berkaitan realiti pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah.

## **BAB 3 : MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

### **MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab ini menghuraikan konsep dan teori modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah berlandaskan perspektif Islam. Perbincangan mengenai modul keagamaan difokuskan kepada dua aspek penting iaitu pelaksanaan dan juga masalah. Pelaksanaan meliputi aspek pengisian dan pendekatan, manakala masalah membabitkan beberapa isu berbangkit berkaitan pelaksanaan modul keagamaan. Beberapa saranan penting dari ilmuwan Islam sebagai akan dijadikan asas perbincangan yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Hadis. Selanjutnya, inti pati perbincangan di dalam bab ini dijadikan landasan bagi tujuan analisis dapatan di dalam bab seterusnya.

#### **3.2 KONSEP MODUL KEAGAMAAN**

Secara asasnya konsep modul keagamaan boleh difahami dengan jelas melalui beberapa pendefinisian penting ke atas terminologi modul dan keagamaan.

##### **3.2.1 Definisi Modul**

James D.Rusell menjelaskan modul sebagai satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit mata pelajaran dan merupakan satu usaha untuk pengajaran secara individu dan membolehkan seseorang pelajar menguasai satu unit kandungan mata pelajaran sebelum

bergerak kepada unit lain.<sup>297</sup> Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff pula, modul adalah bahagian-bahagian kecil yang terpisah tetapi lengkap dan berkait rapat di antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain.<sup>298</sup>

Manakala Creager dan Murray menggambarkan modul sebagai satu unit pengajaran yang lengkap dan bebas dengan fokus pencapaian utamanya ke atas pencapaian beberapa objektif yang jelas.<sup>299</sup> Seterusnya, Kamdi Kamil menggambarkan modul sebagai satu pakej pengajaran dan pembelajaran atau pukal belajar sendiri yang lengkap dengan komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara sistematik supaya pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah.<sup>300</sup>

Kamaruddin Husin menjelaskan terdapat beberapa prinsip asas yang menjamin keberkesanan sesuatu modul. Pertama, modul mestilah dirancang mengikut kadar kefahaman dan penerimaan pelajar. Kedua, isi pelajaran modul mestilah disusun secara logik dan bahagian-bahagian dikaitkan antara satu dengan lain. Ketiga, pelajar tidak disogok dengan terlalu banyak bahan pada satu-satu masa. Keempat, modul tersebut membolehkan pelajar mengetahui tindak balasnya (jawapan) betul atau salah dengan segera membetulkannya. Kelima, jika pelajar itu sendiri mempunyai motivasi cukup tinggi.<sup>301</sup>

Sidek Mohd. Noah dan Jamaludin Ahmad mengklasifikasikan modul kepada dua jenis iaitu pertama modul berbantuan fasilitator dan kedua modul tanpa berbantuan fasilitator. Modul jenis pertama tidak boleh dilaksanakan tanpa bantuan

<sup>297</sup>James D.Rusell, *Modular Instruction: A Guide To The Design, Selection, Utilization And Evaluation Of Modular Materials* (United States: Publishing Company, 1974), 3.

<sup>298</sup>Sharifah AlwiahAlsagoff, "Pengenalan pengajaran individu dengan tumpuan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran," *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 3, no. 1, (1981), 54-62.

<sup>299</sup>Creager and Murray, *The International Encyclopedia of Education* (Oxford: Pergamon Press Ltd, 1985), 271.

<sup>300</sup>Kamdi Kamil, "Keberkesanan Program," 6.

<sup>301</sup>Kamaruddin Husin, *Pedagogi Bahasa*, (Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1988), 3.

seorang atau lebih fasilitator yang berperanan sebagai pelaksana kepada aktiviti modul tersebut. Contoh modul jenis ini ialah modul motivasi dan modul latihan. Manakala modul tanpa berbantuan fasilitator pula ialah aktiviti modul tersebut boleh dilaksanakan secara bersendirian oleh pelajar atau peserta tanpa bantuan fasilitator. Contoh modul jenis ini ialah modul akademik dan modul pengajaran.<sup>302</sup> Selain fasilitator, pengendali aktiviti modul mungkin terdiri para guru, pemudah cara, fasilitator, moderator atau kaunselor yang berkemahiran mengendalikan modul tersebut. Namun, setiap individu yang bertanggungjawab mengendalikan modul perlu menerima latihan bagaimana mengendalikan modul termasuk kemahiran berkomunikasi. Seterusnya sesuatu aktiviti modul yang telah siap dicipta akan ditentukan keberkesanannya oleh pihak pengendali aktiviti Modul.<sup>303</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, modul dapat dirumuskan sebagai gabungan beberapa set aktiviti yang berobjektif dan dirancang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan bimbingan dan sendiri bagi dalam tempoh masa tertentu serta memerlukan kepada proses penilaian secara berkala. Setelah mendapat gambaran mengenai modul, aspek kedua yang akan difahami ialah berkenaan keagamaan.

### **3.2.2 Definisi Keagamaan**

Keagamaan ditakrifkan sebagai perihal agama atau hal-hal yang berkaitan dengan agama.<sup>304</sup> Menurut Ibn ‘Arabi, terdapat empat unsur yang melengkapkan makna agama iaitu perlakuan berbentuk kepatuhan, subjek yang mematuhi iaitu manusia, objek yang dipatuhi merujuk kepada Tuhan serta cara melakukan kepatuhan iaitu ibadah atau

<sup>302</sup> Sidek Mohd. Noh dan Jamaludin Ahmad, *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*, (Serdang:Universiti Putra Malaysia, 2005), 23.

<sup>303</sup> Jamaludin Ahmad, *Modul Motivasi Diri* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 26.

<sup>304</sup> Laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 02 Jun 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keagamaan>

ritual.<sup>305</sup> Mohd. Rosmizi Abd. Rahman et al., pula menggambarkan agama sebagai satu gagasan yang menggabungkan antara aspek amalan, kepercayaan dan nilai kerohanian secara tidak terpisah.<sup>306</sup> Thomas Patrick Hughes berpendapat agama mempunyai tiga maksud iaitu pertama gambaran wujudnya hubungan antara manusia dengan Tuhan yang dirujuk sebagai *al-Dīn*, hubungan manusia dengan Nabi yang dirujuk sebagai *millah* serta kewujudan fatwa dan ijтиhad oleh para mujtahid iaitu *mazhab*. Walau bagaimanapun, beliau kerap mentafsirkan agama dengan maksud pertama kerana membawa maksud yang umum dan tidak terbatas.<sup>307</sup>

Dalam mentakrifkan agama sebagai *al-Dīn*, Muhammad ‘Abdullah Darraz menggambarkannya sebagai suatu bentuk kepercayaan terhadap kewujudan zat atau zat-zat yang ghaib, tinggi, berkuasa dan juga mempunyai autoriti dan tadbir ke atas perkara-perkara yang dikehendaki manusia, kepercayaan ini seterusnya mendorong manusia untuk tunduk dan membesarluan zat yang agung serta bermunajat meminta perlindungan kepadanya dalam keadaan suka dan takut.<sup>308</sup> Al-Attas memperincikan maksud agama dengan merujuk kepada pelbagai makna dasar berdasarkan terma *al-Dīn*. Pertama, *al-Dīn* berasal dari kata kerja *Dāna* bererti keadaan berhutang dan hal-hal yang berkait dengannya. ia menandakan bahawa setiap penghutang tertakluk kepada perjanjian, perintah dan hukum dalam urusan melakukan hutang serta menyerah dirinya untuk menerima segala syarat yang dikenakan oleh si pemberi hutang di dalam perjanjian. Justeru dalam konteks agama, manusia dirujuk sebagai *dāin* iaitu penghutang yang terikat dengan perjanjian Azali yang telah dilakukan ketika di alam roh. Kedua, *al-Dīn*

<sup>305</sup> Mohd. Sani Badron, *Ibn Al-‘Arabi’s Conception of Religion*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2013, 41.

<sup>306</sup> Mohd. Rosmizi Abd. Rahman et al., *Agama-agama di Dunia*, cet. 3, (Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia USIM, 2013), 8.

<sup>307</sup> Thomas Patrick Hughes, *Dictionary of Islam* (New Delhi: Cosmo Publications, 1982), 586

<sup>308</sup> Muḥammad ‘Abd Allāh Darrāz, *Al-Dīn: Buhuth Mumahhadatu li Dirāsatī Tārikh al-Adyān* (Kuwayt: Dar al-Qalam, 1990), 52.

membawa maksud fitrah, selaras dengan penciptaan manusia itu sendiri yang sememangnya dilahirkan berkeinginan secara semula jadi untuk menyembah Penciptanya, maka dalam konteks manusia sebagai penghutang perlu menyedari bahawa tanggungjawab melaksanakan ibadah kepada Allah SWT adalah keperluan fitrah.<sup>309</sup>

Ketiga, *al-Dīn* dengan maksud penyerahan. Kepatuhan dan keterikatan manusia kepada fitrah dan *sunnatullah* tidak akan dianggap sempurna kecuali disertai melalui penyerahan yang mutlak kepada Allah dan diterjemahkan melalui niat, lafaz dan amal perbuatan. Namun begitu, hak dan kebebasan bertindak atas tuntutan serta ikatan fitrah manusia dalam menentukan kehidupan mereka masih tidak dinafikan. Keempat, *al-Dīn* dengan maksud kebebasan dan kekuatan akal minda. Salah satu kurniaan Allah kepada manusia agar berupaya membuat pilihan dan menimbang baik atau buruk sesuatu perkara sesuai dengan kemampuan dan kekuatan akal yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk selainnya supaya ia menjadi benteng yang menghalang manusia dari menyalahgunakan kuasa sebagai khalifah Allah. Menurut al-Attas, pelaksanaan amanah menurut selaku khalifah di muka bumi ini lebih merujuk kepada kemampuan manusia dalam mentadbir alam kecil iaitu dirinya sendiri dengan sebaik-baik pentadbiran mengikut ketetapan Islam agar tidak memberikan kerosakan dan kemudaratian kepada alam besar.<sup>310</sup>

Kesemua makna agama atau *al-Dīn* sebagaimana di atas ternyata memiliki persamaan dengan empat konsep asas yang sememangnya difahami oleh masyarakat Arab pada zaman pra-Islam iaitu pertama, penguasaan atau satu bentuk kawalan yang

<sup>309</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1976), 2-5. Lihat juga; Mohd Zariat Abdul Rani, "Islam sebagai al-Dīn: beberapa pengamatan terhadap pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas," *Jurnal AFKAR* 4 (Mei 2003), 62-63. Lihat juga; Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995), 42.

<sup>310</sup>Abu A'lā' al-Mawdūdī, *Four Key Concepts of the Qur'an*, terj. Tarik Jan (United Kingdom: The Islamic Foundation, 2006), 149-150.

kuat. Kedua, satu bentuk penyembahan atau penyerahan oleh orang dikuasai ke atas suatu yang kuasa yang menguasai. Ketiga, satu bentuk peraturan atau kod sistem yang dipatuhi oleh seseorang. Keempat, mengenai tanggungjawab, fatwa hukuman serta ganjaran. Walau bagaimanapun, penggunaan keempat-empat konsep ini tidak berlaku secara konsisten kerana kefahaman mereka tidak tepat dan tidak menentu. Justeru penurunan ayat al-Quran setelah itu telah melengkapkan pendefinisian *al-Dīn* menjadi lebih tepat dan teliti yang mengandungi empat konsep asas bagi merujuk kepada keseluruhan sistem kehidupan iaitu pertama suatu bentuk urus tadbir, kepimpinan dan kekuasaan, suatu bentuk penyembahan dan penyerahan terhadap sebuah kekuasaan, suatu bentuk sistem pemikiran dan kehidupan yang terbina di bawah kekuasaan tersebut serta penetapan hukuman dan ganjaran sebagai balasan kepada kesetiaan mahupun keingkaran terhadap sistem yang menguasai.<sup>311</sup>

Setiap agama mempunyai ciri-ciri umum iaitu pertama kepercayaan akan kewujudan Tuhan yang sangat berkuasa. Kedua, adanya sekumpulan pengikut yang mempercayai agama tersebut. Ketiga, agama dianggap sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna oleh setiap pengikutnya. Keempat, agama dianggap sebagai satu sistem kepercayaan, falsafah dan pandangan sarwajagat. Kelima, agama mempunyai kitab suci yang dianggap sebagai sumber rujukan utama. Keenam, agama di dunia ini mempunyai hari suci atau perayaan tertentu. Ketujuh, agama mempunyai tempat suci untuk melakukan upacara penyembahan. Kelapan, kebanyakan agama mempunyai bahasa yang khusus atau bahasa rasmi yang digunakan oleh para penganutnya. Kesembilan, kebanyakan penganut atau pengikut ajaran agama di dunia ini mempercayai kewujudan hari pembalasan. Kesepuluh, kebanyakan agama mempunyai sistem perundangan

---

<sup>311</sup>Ibid.

mereka yang tersendiri dalam menentukan baik dan buruk atau halal dan haram sesuatu benda atau tindakan.<sup>312</sup>

Ramli Awang menjelaskan agama sebagai fenomena masyarakat yang dapat dikesan melalui beberapa aspek. Pertama, perlakuan seperti sembahyang, perayaan dan upacara. Kedua, sikap seperti hormat, kasih atau takut kepada kuasa luar biasa dan pada anggapannya suci dan bersih di sisi agama. Ketiga, pernyataan seperti jampi, mantera dan kalimat suci. Keempat, benda-benda material yang zahir seperti bangunan contoh masjid, gereja, kuil, biara, azimat atau tangkal.<sup>313</sup>

Perspektif sosiologi melihat agama sebagai gejala sosial yang umum dan dimiliki oleh seluruh masyarakat di dunia ini tanpa terkecuali. Ia bukan sahaja merupakan salah satu aspek terpenting yang menjadi sebahagian dari sistem sosial sesuatu masyarakat, bahkan dianggap sebagai salah satu unsur dari kebudayaan dalam sesuatu masyarakat di samping unsur-unsur lain seperti kesenian, bahasa, sistem pekerjaan, sistem jentera dan organisasi sosial.<sup>314</sup>

Walau apa pun gambaran agama telah dijelaskan, memahami maksud agama secara literal sahaja tidak memadai sekiranya aspek penghayatan terhadap agama tidak dititikberatkan. Justeru, apabila menyentuh persoalan agama dalam konteks penghayatannya, terdapat dua cara manusia menginterpretasikan keagamaan dalam kehidupan yang dirujuk sebagai ekstrinsik dan intrinsik. Individu yang beramal dengan ekstrinsik menggunakan agama atas tujuan-tujuan tertentu demi mendapatkan keuntungan peribadi, mereka memberikan komitmen dalam hal-hal berhubung keagamaan akibat desakan perasaan bagi memenuhi keperluan bersifat peribadi seperti

<sup>312</sup>Mohd. Rosmizi Abd. Rahman et al., *Agama-agama di Dunia*, 5-8.

<sup>313</sup>Ramli Awang, *Dialog Antara Agama dari Perspektif al-Quran* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press, 2008), 19.

<sup>314</sup>Dadang Kahmad, *Sosiologi Agama* (Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya, 2002), 14.

ekonomi, kedudukan dan sebagainya. Justeru pengamalan agama secara ekstrinsik mendorong seseorang individu bersifat hipokrit dalam agama meskipun secara zahirnya mereka kelihatan seperti mentaati agama.<sup>315</sup>

Sebaliknya individu yang beramal dengan agama secara intrinsik benar-benar menghayati nilai-nilai keagamaan serta menjadikan agama sebagai pedoman hidup secara total dan komprehensif, meskipun tujuan mereka juga bagi memenuhi segala keinginan yang wujud namun keimanan tanpa syarat masih menjadi keutamaan mengatasi kepentingan peribadi dan kebendaan, mereka tidak memisahkan ibadah dengan kehidupan, malah amalan yang dilakukan bukan sekadar untuk mendapatkan imbalan dan berbentuk zahir semata-mata.<sup>316</sup>

Realitinya, pemahaman manusia mengenai fungsi agama adalah berbeza. Pertama, bentuk pemahaman yang berbentuk kejiwaan iaitu keadaan atau perasaan subjektif yang wujud dan dirasai dalam jiwa penganut setiap agama sehingga menimbulkan kesedaran kepada mereka akan hakikat diri sebagai makhluk tuhan lantas melahirkan perilaku dalam bentuk ketaatan dan kepatuhan serta kesungguhan menjadi manusia yang soleh dan takwa. Manakala kedua, pemahaman berbentuk objektif iaitu apabila seseorang penganut sesebuah agama mengekspresikan keagamaannya sama ada secara teologi, ritual maupun dalam bentuk perhubungan sehariannya. Aspek ini secara asasnya boleh dipelajari dan ia juga merangkumi adat istiadat, upacara keagamaan, tempat-tempat peribadahan, cerita-cerita, kepercayaan serta prinsip-prinsip yang dianuti oleh sesebuah masyarakat.<sup>317</sup> Di dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW telah memberikan gambaran

<sup>315</sup>A. M. Hardjana, *Penghayatan Agama: Yang Otentik dan Tidak Otentik*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 1993, 64-67.

<sup>316</sup>*Ibid.* 68-70.

<sup>317</sup>*Ibid.*

dengan jelas mengenai asas penting yang membentuk konsep keagamaan Islam.

Daripada Sayidina ‘Umar, R.A beliau berkata:

بَيْنَمَا تَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ  
بَيْاضِ الشَّيْابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَ الْأَحَدِ حَتَّى  
جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْتَدَرَ رُكْبَتِيهِ إِلَى رُكْبَتِهِ وَوَضَعَ كَفَيْهِ عَلَى  
فَخِذْلِيهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدًا أَخْبَرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
إِلِّيْسَلَامُ أَنَّ تَشْهَدَ أَنَّ لَهُ إِلَهٌ إِلَّا هُوَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتُ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتَحْجُجَ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَيِّلَا قَالَ  
صَدَقَتْ قَالَ فَعَجَبَنَا لَهُ يَسَّالُهُ وَيُصَدِّفُهُ قَالَ فَأَخْبَرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ أَنَّ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ  
وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَبِيرٌ وَشَرِهِ قَالَ صَدَقَتْ قَالَ  
فَأَخْبَرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ أَنَّ تَعْبُدَ اللَّهَ كَمَا تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ قَالَ  
فَأَخْبَرْنِي عَنِ السَّاعَةِ قَالَ مَا الْمَسْتُوْلُ عَنْهَا بَأَعْلَمَ مِنِ السَّائِلِ قَالَ فَأَخْبَرْنِي عَنِ  
أَمَارَتِهَا قَالَ أَنَّ تَلِدَ الْأَمَةَ رَبَّهَا وَأَنَّ تَرَى الْحُفَّةَ الْعُرَاءَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَّوَلُونَ  
فِي الْبُيَّانِ قَالَ ثُمَّ انْطَلَقَ فَبَلَّثَ مَلِيًّا ثُمَّ قَالَ لِي يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنِ السَّائِلِ قُلْتُ اللَّهُ  
وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ فَإِنَّهُ جَبِيلٌ أَتَاكُمْ يُعْلَمُكُمْ دِينُكُمْ

Terjemahan: “Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang memakai pakaian yang sangat putih, berambut sangat hitam, yang tidak ternampak pada dirinya kesan-kesan tanda musafir dan tidak seorang pun di kalangan kami yang mengenalinya. Lalu dia duduk menghampiri Nabi SAW lalu disandarkan kedua-dua lututnya ke lutut Baginda dan meletakkan dua tapak tangannya atas dua paha Baginda seraya berkata: Wahai Muhammad! Terangkan kepada ku tentang Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji ke Baitullah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya. Lelaki tersebut berkata: Benarlah engkau. Maka kami pun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: Terangkan kepada ku tentang Iman. Baginda bersabda: (Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah, para Malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, hari kiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk. Lelaki itu berkata: Benarlah engkau. Dia berkata lagi: Terangkan kepada-ku tentang Ihsan. Baginda bersabda: Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-

olah engkau melihat-Nya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihat mu. Lelaki itu bertanya lagi: Terangkan kepada-ku tentang kiamat. Baginda bersabda: Orang yang ditanya tentang kiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya. Lelaki itu berkata: Maka terangkan kepada ku tentang tandatandanya. Baginda bersabda: (Antara tanda-tandanya ialah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang-orang miskin yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi penggembala kambing berlumba-lumba membina bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya). Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian Baginda bertanya: Wahai ‘Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu? Aku berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Lalu baginda bersabda: “Itulah Jibril A.S, dia mendatangi kalian untuk mengajarkan kepada kalian tentang pengetahuan agama kalian.”<sup>318</sup>

Hadis ini menjelaskan secara menyeluruh mengenai tiga konsep besar iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Seyyed Hossein Nasr menegaskan kesemua konsep tersebut perlu difahami bagi mendapatkan gambaran keagamaan secara total dalam konteks Islam.<sup>319</sup> Berdasarkan huraian di atas, modul keagamaan dapat difahami sebagai suatu bentuk panduan pengajaran dan pembelajaran yang terancang melibatkan pelaksana, sejumlah kegiatan atau pengisian serta pendekatan yang digunakan bagi memenuhi matlamat kehidupan berasaskan keagamaan membangunkan tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah serta akhlak. Justeru, ia bukan sahaja memberikan perhatian terhadap pembinaan hubungan manusia dengan Tuhan yakni Allah, tetapi juga hubungan dengan manusia serta sesama makhluk yang lain.

<sup>318</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān al-Imān wa al-Islām wa al-Iḥsān wa Wujūb al-Imān bi Ithbāt Qadara Allāh Subḥānahu wa Ta’alā wa Bayān al-Dalīl ‘alā al-Ṭabarī Mimman Lā Yu’mīnu bi al-Qadari, wa Ighlāzi al-Qawl fi Haqqihi, no Hadith. 93, “Sahih Muslim,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 68.

<sup>319</sup> Seyyed Hossein Nasr, *A Young Muslim’s Guide to the Modern World* (Petaling Jaya, Mekar Publishers, 1994), 11-13.

### **3.3 MODUL KEAGAMAAN UNTUK REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Dalam konteks perbincangan mengenai pelaksanaan modul keagamaan remaja hamil luar nikah, terdapat beberapa perkara penting yang tidak boleh diketepikan iaitu berhubung pengisian dan pendekatan. Dalam konteks dakwah Islam, terma *manhaj* atau *uslūb* lazim digunakan bagi merujuk kepada strategi atau metode yang digunakan dalam mendekati sasaran dakwah. Strategi atau metode pula membabitkan beberapa perkara termasuk dalam penentuan isi kandungan dan pendekatan yang digunakan dalam dakwah.<sup>320</sup>

Dalam bidang pendidikan pula, ‘pedagogi’ merupakan satu istilah penting yang amat diberikan perhatian. Pedagogi diterjemahkan sebagai seni dan juga sains pengajaran yang merangkumi prinsip, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya pembelajaran dan kawalan bilik darjah dalam pendidikan formal. Selain itu, pedagogi juga melibatkan proses penilaian, pengukuran dan pengujian. Oleh itu, pengetahuan pedagogi amat penting dalam dunia pendidikan kerana ia membantu pendidik menyampaikan ilmu secara berkesan seterusnya membantu meningkatkan pemahaman pelajar.<sup>321</sup> Walau bagaimanapun, perbincangan menjadi lebih lengkap dengan melihat terlebih dahulu matlamat khusus yang ingin dicapai melalui pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah.

#### **3.3.1 Matlamat Pelaksanaan Modul Keagamaan**

Secara khususnya, pelaksanaan modul keagamaan bertunjangkan kepada dua matlamat utama iaitu memenuhi keperluan fitrah manusia serta merealisasikan fungsi manusia selaku hamba Allah dan Khalifah-Nya.

---

<sup>320</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 20.

<sup>321</sup>Esah Sulaiman, *Pengenalan Pedagogi*, (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2004), 1-14.

### 3.3.1.1 Memenuhi Keperluan Fitrah Manusia

Menurut H. Jalaluddin, menafikan perasaan serta dorongan untuk beragama adalah sesuatu yang amat sukar untuk dilakukan kerana pada diri manusia ternyata terdapat unsur batin yang cenderung untuk tunduk kepada Zat yang Ghaib yang diistilahkan dalam ilmu psikologi keperibadian sebagai hati nurani.<sup>322</sup> Hal ini kerana, pengetahuan dan pengakuan terhadap Tuhan sebenarnya telah tertanam dengan kukuh sebagai fitrah dalam jiwa manusia.<sup>323</sup> Hakikat ini dapat difahami melalui firman Allah SWT di bawah:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللّٰهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقٍ  
اللّٰهُ ذَلِكَ الْبَيِّنُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Al-Rūm 30:30

Terjemahan: Maka hadapkanlah wajahmu dan pengikut-pengikutmu (Wahai Muhammad) ke arah agama yang lurus iaitu agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Selain wujud dan berkembang secara semula jadi, fitrah tersebut boleh dikembangkan melalui proses pendidikan dan pengajaran. Setiap manusia mempunyai potensi yang sama untuk berbuat baik atau sebaliknya bergantung pada tahap rangsangan yang mereka diterima. Lingkungan yang menjadi tempat manusia hidup bukan sekadar menjadi pelengkap sahaja akan tetapi memberikan warna atau corak tertentu dalam membentuk karakter manusia. Dalam konteks kejadian manusia secara rohani atau spiritual, kewujudan psikologi menjadi petanda bahawa akan berlaku sebarang

<sup>322</sup>H. Jalaluddin, *Psikologi Agama* (Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 1996), 159.

<sup>323</sup>Masganti Sit, *Psikologi Agama* (Medan:Perdana Publishing, 2011), 31.

kemungkinan perkembangan yang tidak baik, justeru, bimbingan agama amat diperlukan bagi memimpin perkembangan tersebut.<sup>324</sup>

Memenuhi keperluan beragama sama seperti memenuhi keperluan asas yang lain seperti makan, minum, udara, naluri seksual dalam menjalani kehidupan hari-hari. Meskipun keperluan asas yang dinyatakan dipenuhi secara berbeza, akan tetapi ia tidak boleh dinafikan sama sekali sehingga ke akhir hayat termasuk keperluan dalam beragama.<sup>325</sup> Menurut Zakiah Daradjat, setiap manusia tanpa mengira lapisan umur merasa gelisah dan tidak selesa sekiranya tidak dipenuhi sebagai mana keperluan asas lain seperti keperluan kasih sayang, keperluan rasa aman, keperluan memiliki harga diri, keperluan rasa bebas, keperluan kepada pencapaian yang cemerlang, keperluan kepada rasa ingin tahu. Namun, realiti persekitaran menyebabkan manusia perlu menempuh pelbagai cabaran dalam memenuhi keperluan tersebut. Justeru, agama sangat diperlukan sebagai panduan dalam mengawal diri agar bertindak sewajarnya dalam mengatasi halangan tersebut.<sup>326</sup> Pengisian agama berpotensi menjadi terapi terhadap gangguan kejiwaan yang dihadapi oleh manusia kerana semakin dekat seseorang dengan Tuhan dan semakin banyak ibadahnya, maka akan semakin tenteramah jiwa serta makin kuat untuk menghadapi kekecewaan dan kesukaran dalam hidup, begitulah sebaliknya.<sup>327</sup>

Sebagaimana Islam, Barat juga tidak menafikan beberapa aspek bagi menjamin survival hidup. Melalui teori humanistik, Maslow, A. H. menyenaraikan hierarki keperluan utama manusia yang perlu dipenuhi ke arah penyempurnaan hidup iaitu keperluan fisiologi, keamanan atau keselamatan, keperluan sosial iaitu kasih sayang,

<sup>324</sup>Totok Jumantoro, *Psikologi Dakwah: Dengan Aspek-aspek Kejiwaan yang Qur'ani* (Indonesia: Penerbit Amzah, 2001), 6-11.

<sup>325</sup>Mohamad Quraish Shihab, *Wawasan al-Quran: Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat*, 493-496.

<sup>326</sup>Zakiah Daradjat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, 35-36.

<sup>327</sup>Ibid. 75-79.

keperluan harga diri kesempurnaan diri. Maslow, A. H. menggolongkan seks sebagai keperluan asas iaitu berbentuk fisiologi yang mesti dipenuhi selain makanan, minuman, udara dan sebagainya.<sup>328</sup>

Sejajar dengan fitrah penciptaan manusia, agama dipercayai berfungsi membebaskan manusia daripada penyembahan berhala kepada penyembahan Tuhan yang Maha Esa berdasarkan tauhid memandangkan ia agama samawi yang diturunkan sesuai dengan fitrah manusia demi menyeimbangkan tuntutan aspek jasmani dan rohani, di mana Islam tidak pernah menyuruh manusia beramal untuk akhirat semata-mata bahkan juga untuk dunia.<sup>329</sup>

Selain itu, agama juga berfungsi memenuhi keperluan intelek manusia yang sentiasa mencari makna hidup dan hakikat kewujudan diri. Kewujudan agama akan membantu manusia mengisi kekosongan hidup dengan memperoleh ketenangan dan kesihatan jiwa serta kekuatan rohani dalam menghadapi ujian sepanjang kehidupan seperti kehilangan harta, kematian insan tersayang, kesukaran hidup dan sebagainya. Agama dikatakan memberikan kekuatan, harapan, kesabaran. Manakala dalam konteks masyarakat pula, agama berfungsi memberikan motivasi dalam melakukan kebaikan melalui ikatan yang menghubungkan manusia sesama manusia ke arah menjalankan amanah sebagai hamba Allah secara bersama-sama.<sup>330</sup>

Kerohanian Islam berperanan penting sebagai terapi alternatif dalam menyelesaikan masalah masyarakat yang ditekan oleh berbagai tekanan kehidupan terutama kehidupan materialistik zaman moden yang didominasi kuat oleh tamadun Barat. Tuntasnya, umat Islam memerlukan jalan keluar agar mereka dapat menikmati

<sup>328</sup>Maslow, A. H., “A Theory of Human Motivation,” *Psychological Review* 50 (1943), 370-396.

<sup>329</sup>Said Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, 2000), 2-3.

<sup>330</sup>Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Madkhāl li-ma`rifat al-Islām: Muqāwamatuhu, Khaṣāṣihu Ahdāfuhu, Maṣādiruhu* (Kaherah: al-Maktabah al-Wahbah, 1996), 6-14.

kebahagiaan hidup seimbang dengan acuan mereka sendiri, bukan sekadar kejayaan material semata-mata seperti yang diperkenalkan tamadun Barat dan sekarang bukan masanya lagi zaman berpolemik tanpa memikirkan penyelesaian masalah kerana ia hanya sekadar membawa perpecahan umat.<sup>331</sup>

Realiti ini jelas membuktikan bahawa agama begitu penting dalam kehidupan manusia. Ia bukan sahaja membebaskan manusia dari belenggu kemosyrikan dan kegelapan jahiliah, tetapi menjanjikan keselamatan dan kesejahteraan hidup yang berpanjangan. Justeru, kewujudan agama dilihat begitu penting dalam memberikan keseimbangan hidup manusia dalam kesemua aspek.

### **3.3.1.2 Merealisasikan Tujuan Penciptaan Manusia**

Pemilihan manusia sebagai khalifah berdasarkan kepada keupayaannya yang telah dikurniakan oleh Allah iaitu akal. Akal rasional yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia telah meletakkan kedudukannya lebih tinggi mengatasi para malaikat dan makhluk-makhluk yang lain. Akal rasional inilah yang kemudiannya akan membantu manusia membangunkan idea dan mereka cipta, mengambil manfaat dari alam serta memanfaatkannya. Selain itu, manusia mampu berfikir, membuat rumusan dan mengkonsepsikan sesuatu dengan akal yang logik. Selain dari kemampuan berfikir, minda manusia yang bersifat kerohanian pula membolehkan manusia melihat kebenaran dengan cara yang tertentu, umpamanya melihat bunga bukan sekadar bunga akan tetapi menterjemahkan bunga dari makna kerohanian. Jelasnya, dimensi kerohanian dalam aspek pemikiran manusia memberikan mereka dorongan dan keyakinan serta kebebasan memilih di antara perkara baik dan sebaliknya.<sup>332</sup>

<sup>331</sup> Mohamad Kamil Ab. Majid, “Pemikiran Kerohanian Yūsuf al-Qaraḍāwī: Analisis Siri Bukunya al-Tariq ilā Allāh” (tesis kedoktoran usuluddin, Universiti Malaya, 2011), 11.

<sup>332</sup> Mohd. Anas Zubedy, The Human Being in Islam, dalam ‘Seminar on the Human Being: Perspectives from Different Spiritual Traditions (Kuala Lumpur: Aliran Kesedaran Negara: 1991), 16.

Selain memenuhi keperluan fitrah manusia. Pelaksanaan modul keagamaan akan mendorong setiap individu merealisasikan tujuan utama dihidupkan. Status manusia sebagai khalifah dan hamba Allah sememangnya telah dipertanggungjawabkan untuk mendirikan agama serta memajukan dan memakmurkan bumi.<sup>333</sup> Status ini menunjukkan bahawa Tuhan menciptakan manusia dengan tugas khusus yang jelas iaitu bagi memenuhi amanah melakukan penyembahan hanya kepada-Nya, meyakini-Nya serta sifat-sifat-Nya, mengimani para Rasul-Nya, dan mematuhi segala perintah dan larangan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW.<sup>334</sup>

Menurut al-Attas, pelaksanaan amanah selaku khalifah di muka bumi ini lebih merujuk kepada kemampuan manusia dalam mentadbir alam kecil iaitu dirinya sendiri dengan sebaik-baik pentadbiran mengikut ketetapan Islam agar tidak memberikan kerosakan dan kemudaratan kepada alam besar.<sup>335</sup> Muhammad al-Mahdi menyebut kesedaran dan rasa tanggungjawab sebagai khalifah akan membentuk satu hubungan yang harmoni akan mendorong manusia untuk tidak hanya berusaha menyempurnakan diri sendiri bahkan turut membantu manusia lain dan alam fizikal untuk sama-sama ke arah kebaikan.<sup>336</sup> Walau bagaimanapun, manusia diberikan pilihan untuk menilai baik dan buruk sesuatu sesuai dengan kemampuan dan kekuatan akal yang tidak dimiliki oleh makhluk-makhluk lainnya. Justeru, ia menjadi benteng yang menghalang

---

<sup>333</sup>Ab Aziz Mohd. Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012, 8-11.

<sup>334</sup>Amini Amir Abdullah, Siti Zobidah Omar dan Bilal Sambur, “Islam as The Natural Religion (*Din al-Fitrah*) of Humankind,” *Jurnal YADIM*, bil. 8, (Jun 2006), 26.

<sup>335</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*, 2-5. Lihat juga Mohd. Zariat Abdul. Rani, “Islam sebagai “al-Dīn,”” 32-43. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995), 42.

<sup>336</sup>Muhammad al-Mahdi, *Understanding the Concept of Khalifah; Khalifah No. 1*, (Ampang: The Khalifah Institute, 2004), 37-38.

manusia dari menyalahgunakan kuasa sebagai khalifah Allah.<sup>337</sup> Allah SWT telah menekankan tentang tanggungjawab manusia dalam menjalankan usaha-usaha mengajak manusia kepada cara hidup beragama sebagaimana yang berbunyi:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Āli-‘Imrān 3:104

Terjemahan “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta milarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Saranan pelaksanaan modul keagamaan menjadi lebih penting jika dilihat kepada tuntutan mempertahankan agama yang begitu ditekankan sehingga Allah SWT mengharuskan berperang.<sup>338</sup> Usaha menyempurnakan tugas kehambaan dan kekhilafahan dengan sebaik-baiknya disifatkan sebagai usaha yang cukup mulia dan secara tidak langsung mengembalikan ketinggian darjat manusia sebagaimana asal ia diciptakan.<sup>339</sup>

Kesimpulannya, matlamat pelaksanaan modul keagamaan adalah berbalik kepada fungsi agama itu sendiri serta berkait rapat dengan tujuan penciptaan manusia. Secara lebih jelas, modul keagamaan amat diperlukan bertujuan untuk membangunkan beberapa aspek. Pertama, pembangunan nilai dan kepercayaan, bermaksud penyerahan diri, kepatuhan dan ketaatan yang mutlak pada Allah dengan menjadikan tauhid paksi

<sup>337</sup> Muhammad Syukri Salleh, “Prinsip-Prinsip Pembangunan berteraskan Islam”, dalam *Pembangunan dari Perspektif Islam*, (ed.) Muhammad Hisyam Mohamad, (Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2007), 63.

<sup>338</sup> Ab Aziz Mohd. Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 245.

<sup>339</sup> Muhammad Uthman El-Muhammady, *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan* (Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1977), 4.

kehidupan dan keredaan-Nya sebagai tujuan utama dalam kehidupan. Matlamat kedua membentuk pemahaman yang jelas tentang ibadah serta penghayatan yang jitu terhadap cara hidup Islam dalam setiap inci lapangan kehidupan. Manakala matlamat ketiga, pembangunan akhlak remaja menurut lunas-lunas Islam dalam erti kata lain memastikan remaja menghayati dengan baik ajaran dan tuntutan Islam sehingga terbentuknya jati diri Muslim yang unggul dan kuat serta mampu menangkis atau menghadapi apa jua unsur negatif yang cuba mengancam. Pada akhirnya, kesemua aspek tersebut hakikatnya berkait rapat dengan penyedaran membentuk remaja Muslim sebagai insan kamil yang memiliki kekuatan akidah, ibadah dan sahsiah seterusnya merealisasikan amanah sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi yang meletakkan keredaan Allah sebagai keutamaan dalam kehidupan.

Al-Qarađāwī menegaskan, sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan yang tidak menanamkan keimanan ke dalam jiwa pelajarnya, tidak lain kecuali ia menghasilkan pelajar yang bingung, penuh pertentangan dalam dirinya. Ia menaiki bahtera kehidupan ini mengharungi gelombang yang mengelilinginya penuh dengan kegoncangan yang mencemaskan, tanpa nakhoda, tanpa penunjuk jalan, tanpa peta dan tanpa kompas dan tanpa mengetahui lokasi rumah api. Tentunya mereka yang seperti ini tidak akan sampai ke pantai dan tiada harapan sama sekali untuk mencapai pantai.”<sup>340</sup>

### 3.3.2 Pengisian dalam Modul Keagamaan

Antara kaedah Islam dalam pemulihan remaja bermasalah adalah dengan mengukuhkan akidah Islam, merangsang akal dan pemikiran dengan bertadabbur melihat kejadian Tuhan, membiasakan ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran dan

---

<sup>340</sup>Yūsuf al-Qarađāwī, *al-Khaṣāīṣ al-‘Āmmah li taṣawwur al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1977), 30-31.

berdoa, seterusnya mendorong hati kepada rasa takut dan takwa, kemudian mengukuhkan ikatan di antara iman dan amal soleh.<sup>341</sup>

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai konsep modul keagamaan sebelum ini, pengisian dalam kajian ini bermaksud sejumlah aktiviti bercorak keagamaan yang dirancang dan dijalankan bagi mencapai sesuatu objektif. Bagi memenuhi matlamat pelaksanaan modul keagamaan, Islam telah menyediakan panduan yang cukup jelas berhubung pengisian yang bersesuaian bagi remaja bermasalah hamil luar nikah.

Secara asasnya pengisian modul keagamaan tidak terpisah dari menyentuh tentang aspek pembangunan penghayatan keagamaan. Penghayatan keagamaan bermaksud menterjemah dan mengamalkan ajaran agama secara komprehensif dalam cara berfikir, bercakap, bertingkah laku, menetapkan prinsip, keputusan dan tindakan dalam segenap aspek kehidupan dengan bersumberkan pengetahuan dan kefahaman agama.<sup>342</sup> Penghayatan keagamaan lazim dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh seseorang Muslim di dalam kehidupannya sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya secara perseorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak atau menjangkaui hingga ke ruang kepekaannya yang membabitkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara berbekalkan pengetahuan dan kefahamannya tentang agama.<sup>343</sup> Penghayatan agama bererti sejauh mana seseorang individu berpegang teguh kepada nilai-nilai agama yang dianutinya, kepercayaan serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.<sup>344</sup>

---

<sup>341</sup> Abdul Jabbar Muhammad Mahmud Abu Shiyam, *al-Tarbiyyat al-Ruhiyyat fi al-Islam*, (disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Jordan, 1994), 46-59.

<sup>342</sup> Zulkiple Abd. Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor, *Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazālī* (2006), [http://eprints.utm.my/375/1/ZULKIPLEABDGHANI2006\\_Penghayatanagamasebagaiaspembangunan.pdf](http://eprints.utm.my/375/1/ZULKIPLEABDGHANI2006_Penghayatanagamasebagaiaspembangunan.pdf)

<sup>343</sup> Mohammad Abu Bakar, Islam sebagai Budaya dan Peradaban: Ke mana? Di mana?, *Jurnal Pemikir*, 39 & 40 (2005), 271.

<sup>344</sup> S. Abdul Shukor dan Ahmad Jamal, Developing Scales for Measuring Religiosity in the Context of Consumer Research, *Middle-East Journal of Scientific Research* 13, 69-74, (2013).

Berhubung aspek keagamaan, Steven Krauss et al. telah mengetengahkan satu inventori khusus bagi mengukur penghayatan keagamaan Muslim yang dinamakan sebagai Model Pengukuran Penghayatan Keagamaan Muslim (*MRPI*). Di dalam model tersebut, Steven Krauss et al. telah menjelaskan secara menyeluruh mengenai pengisian keagamaan Islam yang dibentuk oleh dua konsep utama iaitu Tasawur Islam yang didasarkan kepada akidah Tauhid, di mana berkait rapat dengan enam rukun iman. Aspek kepercayaan seterusnya dimanifestasikan melalui pelaksanaan ibadah khusus seperti yang termaktub di dalam rukun Islam, serta ibadah umum yang merangkumi pembentukan nilai-nilai akhlak Islam dan muamalah.<sup>345</sup> Justeru, perbincangan tentang pengisian yang terkandung dalam modul keagamaan terhadap remaja hamil luar nikah tidak dapat tidak perlu bertunjangkan kepada konsep yang sama iaitu pengisian yang menjurus kepada tiga aspek utama iaitu:

1. Pengukuhan Akidah
2. Penghayatan Ibadah
3. Pembangunan Akhlak

### **3.3.2.1 Pengukuhan Akidah**

Berdasarkan kepada konsep keagamaan Islam, pengukuhan akidah merupakan perkara utama yang diberikan perhatian khususnya dalam mengendalikan remaja hamil luar nikah. Akidah bermaksud iktikad dan kepercayaan yang pasti dan tetap dalam hati bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang menjadikan alam, memiliki, mentadbirkannya dan Dia yang berhak disembah.<sup>346</sup> Menurut Afzalur Rahman, perkara paling penting

<sup>345</sup> Steven Eric Krauss @ Abdul Lateef Abdullah et al, “The Muslim Religiosity-Personality Inventory (*MRPI*)’s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims,” *Pertanika Journal Social Sciences and Humanities* 13, no. 2, (2005), 131-145.

<sup>346</sup> Said Ibrahim, *Aqidah ahli Sunah wal jama’ah*, (Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, 2000), 39.

yang mendasari akidah dalam Islam ialah konsep tauhid yang menekankan kepercayaan kepada keesaan Tuhan sebagaimana yang ditetapkan dalam setiap dalam lafaz syahadah. Keyakinan ini sebenarnya yang menjadi pembeza antara pengikut Islam dan bukan Islam. Tauhid pula meliputi konsep ketuhanan, kekuasaan Tuhan sebagai Pencipta, sifat-sifat Tuhan yang bersih daripada segala kekurangan dan kelemahan serta hak-hak Allah yang wajib difahami dalam konteks pelaksanaan ibadah dan penyembahan manusia selaku hamba dan Khalifah-Nya.<sup>347</sup>

Akidah juga menjadi topik yang banyak dibahaskan melalui ayat-ayat Al-Quran yang menyeru manusia agar beriman dan mengukuhkan akidah serta keyakinan dalam beragama. Justeru ia wajib dipelajari oleh setiap mukalaf supaya syahadah dan Islam mereka betul sah keimanan dan diterima segala amalan. Akidah yang sahih bermaksud keimanan seseorang terhadap enam aspek rukun iman yang enam dengan berdalilkan al-Quran dan al-Hadis.<sup>348</sup> Keyakinan berdasarkan akidah tersebut melahirkan pula amal ibadah yang benar dan diterima Allah SWT seterusnya memberi kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan mendorong untuk melakukan ibadah dengan keyakinan terhadap pembalasan Allah serta azab seksa-Nya.<sup>349</sup>

Akidah mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap pembentukan akhlak atau perilaku. Kekuatan akidah akan terjemah melalui akhlak yang baik, begitulah sebaliknya. Melalui penekanan terhadap aspek akidah, ia akan menumbuhkan ketaatan seterusnya ketaatan tersebut menjadi kunci utama yang mencegah manusia dari melakukan kemungkaran. Hal ini kerana pembelajaran akidah mendorong seseorang mengaitkan apa sahaja yang dilihat dan dimiliki dengan pencipta. Secara tidak langsung

<sup>347</sup>Afzalur Rahman, *Islam: Ideology and The Way of Life* (Kuala Lumpur: A.S. NOORDEEN, 1995), 6-8.

<sup>348</sup>Said Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunah Wal Jama'ah*, 11-39.

<sup>349</sup>Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*', Juz 2, 375-377.

akan lebih berhati-hati. Namun akidah yang sahih perlu dipelajari dari sumber akli dan naqli.<sup>350</sup>

Karîm Zaydân menegaskan natijah daripada keimanan yang kuat akan melahirkan perasaan cinta kepada Allah SWT sehingga akhirnya mendorong manusia untuk tunduk dan patuh kepada Allah dengan penuh kerelaan. Keimanan yang kuat juga melahirkan rasa takut iaitu tidak senang atau sedih di dalam hati untuk berbuat kejahanan apabila memikirkan balasan dari Allah SWT. Perasaan ini secara tidak langsung akan menghalang manusia daripada melakukan kerosakan dan maksiat lantaran keimanan tersebut telah mempengaruhi hati dan seluruh tindak-tanduk untuk melindungi diri daripada menerima kesakitan. Begitu juga, keimanan yang kuat akan melahirkan rasa penuh harap yang menjadikan seseorang hamba tidak putus asa dengan rahmat dan reda Allah serta sentiasa yakin dengan pertolongan Allah. Justeru, dengan keyakinan yang kuat tersebut, akan mendorong seseorang untuk tetap berusaha dengan gigih tanpa jemu demi mencapai apa yang diingini dan menjadi sebaik-baik hamba yang iaitu hamba yang bertakwa. Akhirnya, keimanan yang kuat akan memastikan wujudnya hubungan yang berterusan antara manusia dengan Tuhan apabila manusia mulai yakin dan tawakal bahawa Allah sahaja yang berkuasa memberi manfaat dan mudarat akan menyuburkan hubungan hamba dengan tuhan secara berterusan.<sup>351</sup>

Berbekalkan keimanan juga, seseorang Muslim akan mendahului agama berbanding kepentingan-kepentingan yang lain dan mendorong mereka untuk melakukan pertimbangan antara dosa dan pahala, syurga dan neraka serta reda dan

---

<sup>350</sup>Ahmad Munawar Ismail et al., “The Development of Human Behaviour: Islamic Approach,” *Jurnal Hadhari* 3, no.2 (2011), 103-116.

<sup>351</sup>Zaydân, ‘Abd al-Karîm, *Uṣûl al-Da’wah* (t.t: al-Manar, 1976), 50-63.

murka Allah.<sup>352</sup> Al-Mawdūdī membuat perumpamaan akidah atau iman dalam hati manusia ibarat bahan bakar yang menggerakkan kenderaan. Kewujudan iman dikatakan menjadi syarat utama yang akan melahirkan gaya fikir seseorang individu seterusnya menghasilkan tingkah laku yang bukan sahaja baik malah menolak dan menghakis keluar nilai-nilai negatif yang telah bersarang dalam hati manusia. Hal ini kerana nilai-nilai kebaikan yang terhasil dari keimanan sama sekali tidak akan bersatu dengan keburukan.<sup>353</sup> Seseorang yang mempunyai kekuatan rohani, memiliki keimanan yang mantap dan memiliki kefahaman yang jitu akan memiliki jati diri sebagai umat yang kuat dan tidak dapat digugat oleh sebarang hasutan serta keinginan nafsu yang jahat.<sup>354</sup>

Ringkasnya, penekanan terhadap aspek akidah akan mampu menyelamatkan manusia dari terjebak dengan kelakuan yang mengundang bahaya dan dosa. Hakikatnya, kesedaran tentang agama bukan sahaja berkait erat dengan konsep ketauhidan, bahkan keadilan serta hukuman-hukuman yang seimbang akan mengeratkan hubungan manusia dengan Allah seterusnya berkeyakinan bahawa Dia sentiasa mengawal dan memperhatikan setiap gerak geri hamba-Nya. Justeru ia menjadi asas kepada kebijakan manusia.<sup>355</sup> Hadis Rasulullah SAW yang berbunyi:

لَا يَزِّنِي الرَّانِي حِينَ يَزِّنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ السَّرِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا  
يَشْرَبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Terjemahan: Tidak berzina seseorang penzina ketika ia berzina walhal ia beriman penuh, dan tidak meminum arak seseorang peminum arak

<sup>352</sup>Ab. Aziz Yusof, *Pembangunan Holistik Dari Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 54.

<sup>353</sup>Al-Mawdūdī, Abu A'lā', *Mabādi' al-Islām*, (t.tp: al-Maktabah al-Islami, 1977), 93.

<sup>354</sup>Rokiah Ahmad, *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM, 2007), 13.

<sup>355</sup>Haron Din, *Manusia dan Islam* (Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., 2003), 27.

walhal ketika ia minum ia beriman penuh, dan tidak mencuri seseorang pencuri ketika ia mencuri walhal ia beriman penuh.<sup>356</sup>

Hadis ini menjelaskan fungsi iman dalam mengawal perilaku manusia. Manusia dikatakan tidak akan sekali-kali melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah sebagaimana perzinaan dan mencuri melainkan ia dalam keadaan kurang beriman. Demikianlah terdapat hubungan yang begitu signifikan antara tahap iman dan pembentukan perilaku seseorang.

Berhubung kenyataan ini, al-Ghazālī pernah menegaskan bahawa iman yang kuat akan melahirkan akhlak yang baik dan mulia, manakala iman yang lemah mewujudkan akhlak yang jahat dan buruk, mudah terkeliru pada perbuatan keji yang merugikan. Justeru, keadaan iman seseorang dapat diukur dari perilaku akhlaknya.<sup>357</sup>

Walau bagaimanapun, Rasulullah SAW menggambarkan keadaan iman manusia biasa sentiasa dalam keadaan bertambah dan berkurang. Atas faktor tersebut, baginda menggalakkan agar memperbaharui iman dengan melakukan kebaikan supaya tiada ruang untuk manusia melakukan kejahanatan. Ibn Hajar (773-852H) menceritakan bahawa ‘Umar bin Abdul Aziz menulis surat kepada Adi bin Adi yang berbunyi:

Terjemahan: “Sesungguhnya iman itu terdiri dari kewajibankewajipan, syariat-syariat, hukum-hukum dan sunah-sunah. Barang siapa yang menyempurnakan semua hal tersebut maka telah sempurna imannya, dan barang siapa yang tidak menyempurnakannya maka belum sempurna imannya. Jika aku panjang umur, sungguh aku akan menjelaskannya kepada kalian hingga kalian semua mengetahuinya, akan tetapi jika aku meninggal maka aku tidak dapat menjelaskannya kepada mu.”<sup>358</sup>

<sup>356</sup> Hadith Riwayat Bukhāri, Kitāb al-Ashribah, Bāb Qawl Allāh Ta’āla Innāmā al-Khamru wa al-Maysiru wa al-Anṣābu wa al-Azlam Rijsun, no. Hadith, 5578, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 479.

<sup>357</sup> Muhammad al-Ghazzālī, *Khuluq al-Muslim* (Kuwait: Dār al-Bayān, 1970), 17.

<sup>358</sup> Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Imān, Bāb Buniya al-Islām ‘alā al-Khamsī, tahqiq ‘Abd al-‘Aziz Ibn ‘Abd Allāh Ibn Bāz, Juz 1 (Beirut: Dār al-Ma’rifat, t.t), 45.

Gambaran ini memperlihatkan bahawa iman mempunyai kuasa yang cukup kuat dalam pembentukan perilaku manusia. Dalam konteks permasalahan remaja hamil luar nikah, kajian mendapati pegangan agama yang longgar<sup>359</sup> dan lemahnya keyakinan kepada Allah juga menyebabkan remaja hilang rasa malu dan tidak takut untuk terlibat dengan hubungan seks secara terlarang.<sup>360</sup> Dalam konteks remaja bermasalah, apabila tidak wujud perasaan takut kepada Allah SWT, seseorang remaja akan cenderung kepada perlakuan pemuasan keinginan seks sama ada yang dilakukan dengan cara haram dengan bukan mahram atau meringankan tekanan seks dengan kebiasaan yang dirahsiakan seperti beronani sehingga mereka tidak mampu mengawal diri daripada melakukannya.<sup>361</sup> Menurut Afiff Abdul Fattah Thayyarah, hati manusia yang kosong dari keyakinan kepada Allah SWT akan mendorong mereka sewenang-wenangnya melakukan kesalahan dan perbuatan maksiat.<sup>362</sup>

Nāṣīḥ ‘Ulwān juga menyarankan pengukuhan keimanan boleh disemai melalui beberapa kaedah iaitu dengan mengingatkan anak-anak agar sentiasa mengawasi diri lahir dan batin, menggalakkan mereka untuk menghadiri majlis ilmu dan zikir, melaksanakan ibadah fardu, memperbanyakkan amalan sunat, membiasakan bacaan al-Quran, bertahajud di sepertiga malam, melatih diri berpuasa sunat, mendengar kisah-kisah para sahabat dan orang soleh, mengingatkan tentang kematian dan kehidupan selepas kematian serta menjalinkan persahabatan dengan teman-teman yang baik dan beriman. Beliau menegaskan bahawa semua saranan yang dinyatakan akan mengukuhkan keagamaan di dalam jiwa anak-anak dan secara tidak langsung akan

<sup>359</sup> Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating,” 266-271.

<sup>360</sup> Salhah Abdullah et al., “Relationship of Parent,” 334-338, Azlina Muhammad, “Penghuni Raudhatus Sakinah”, Nasrudin Subhi et al., “Hubungan Seksual Remaja: antara Cinta dan Nafsu, 15-25.

<sup>361</sup> Nāṣīḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fi al-Islām*, Juz. 2, 266-267.

<sup>362</sup> Afiff Abdul Fattah Thayyarah, *Jiwa Agama Islam* 2, terj. M. Abdai Rathomy (Singapura Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1985), 549.

mewujudkan rasa benci terhadap perbuatan atau tempat-tempat yang tidak baik dan menjauhkan diri dari penyelewengan lantas membentuk sifat terpuji.<sup>363</sup>

Keimanan terhadap enam rukun iman akan memberikan kesan terhadap beberapa perkara. 1. Mengawal hati dan akal daripada memikirkan perkara yang dilarang oleh Allah. 2. Mengawal atau menghindarkan anggota zahir daripada melakukan tindakan yang dilarang oleh Allah kerana sedar bahawa anggota tersebut adalah amanah Allah dan Dia akan menghitung setiap perlakuan yang dilakukan meskipun dalam bentuk lintasan hati. 3. Berhati-hati dalam tindakan yang dilakukan supaya tidak menyeleweng dari suruhan dan reda Allah. 4. Menunaikan semua kewajipan dan tanggungjawab sama ada kepada Allah , agama, diri, keluarga mahupun seluruh manusia kerana sedar ia akan dipersoalkan oleh Allah. 5. Menyempurnakan kewajipan atau tugas yang diamanahkan kerana yakin bahawa kesempurnaan sesuatu tugas adalah menjadi sebab untuk mendapat kasih sayang Allah.<sup>364</sup>

Sebagai rumusan, akidah atau keimanan yang utuh akan melahirkan rasa takut, cinta dan harap kepada Tuhan seterusnya mendorong manusia sentiasa berwaspada untuk melakukan kemaksiatan. Rasa cinta akan menuntun manusia untuk sentiasa memperhambakan diri pada perintah Allah. Manakala rasa harap pula akan mendorong manusia untuk sentiasa meletakkan Allah sebagai keutamaan dan tujuan hidup seterusnya mengharapkan keampunan sejurus melakukan kesalahan. Sehubungan itu, dalam konteks pelaksanaan modul keagamaan remaja hamil luar nikah, pengisian yang menjuruskan kepada pengukuhan akidah perlu diberikan perhatian.

---

<sup>363</sup>Ibid., 582.

<sup>364</sup>Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM, 2008), 93.

### **3.3.2.2 Penghayatan Ibadah**

Selain aspek akidah, Islam juga memberikan penekanan terhadap penghayatan aspek ibadah Islam dalam pelaksanaan modul keagamaan bagi merawat masalah salah laku seks dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Al -Mawdūdī menggambarkan ibadah sebagai apa jua perkataan dan perbuatan yang dilakukan atas dasar rasa taat kepada Allah SWT dalam setiap situasi dan sepanjang masa, serta menjadikan keredaan-Nya sebagai keutamaan dengan mengikuti undang-undang-Nya, menolak setiap manfaat yang diperoleh dengan jalan mengingkari-Nya serta tetap bersabar dengan ujian meskipun dalam keadaan sedang mentaatinya.<sup>365</sup>

Ibn Taimiyyah pula melihat ibadah sebagai kemuncak kehinaan dan kecintaan seseorang apabila berhadapan dengan Allah.<sup>366</sup> Selain itu, Yazid Abdul Qadir Jawas merujuk ibadah sebagai segala kegiatan yang disukai oleh Allah sama ada dalam bentuk percakapan atau perlakuan secara zahir mahupun batin. Beliau membahagikan ibadah kepada beberapa bentuk iaitu ibadah hati seperti rasa takut, harap, cinta, tawakal dan sebagainya, ibadah lisan dan hati seperti ungkapan tasbih, tahlil, takbir dan syukur, manakala ibadah anggota badan dan hati seperti solat, puasa, zakat dan haji.<sup>367</sup>

Persoalan ibadah sememangnya berkait rapat dengan peranan manusia sebagai hamba Allah SWT seawal penciptaan manusia lagi ketika mana roh membuat perjanjian dengan Tuhan di alam roh. Gambaran ini jelas membuktikan bahawa penyaksian manusia terhadap Allah sebagai Tuhan bukan hanya berlaku selepas manusia lahir bahkan sebelum itu lagi.<sup>368</sup> Melihat kepada hakikat kejadian manusia di atas muka bumi

<sup>365</sup> Abu A'lā' al-Mawdūdī, *Mabādi' al-Islām*, 53.

<sup>366</sup> Abd al-'Azīz Ibn Abd Allāh al-Rajhī, *Syarḥ al-'Ubūdiyyah li Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah* (Riyadh:Dār al-Faḍīlah, 1998), 6.

<sup>367</sup> Yazid Abdul Qadir Jawas, *Syarah 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Bogor: Pustaka Imam Asy-Syaf'i, 2006), 185

<sup>368</sup> S. Balic, "Introduction," dalam 'Alija 'Ali Izetbegovic, *Islam between East and West* (Indiana: American Trust Publications, 1984), vii.

ini yang sentiasa terikat dengan perjanjian yang telah dimeterai antara manusia dengan Penciptanya. Hakikat inilah yang melahirkan keterikatan, pengabdian, penyerahan sejati yang diterjemahkan oleh manusia terhadap Allah dan ianya terangkum sebagai satu ‘fitrah’ kurniaan Allah. Namun, di sebalik keterikatan tersebut, manusia dibekalkan dengan akal dan ikhtiar dalam mentadbir diri sendiri sesuai dengan status khalifah Allah di muka bumi. Justeru, manusia dituntut supaya bukan sahaja untuk tidak mengkhianati ‘Perjanjian Azali’ bahkan berlaku adil terhadap diri sendiri dengan mempersiapkan dengan ilmu pengetahuan serta tidak memisahkan kehidupan dunia dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.<sup>369</sup> Merujuk kepada status manusia sebagai khalifah pula, al-Quran merujuknya sebagai aktiviti memerintah, mentadbir, mengurus dan seumpamanya sumber alam yang dijadikan oleh Allah untuk kepentingan umat manusia.<sup>370</sup>

Kesempurnaan ibadah di dalam Islam akan tercapai apabila ia dilakukan dengan mengikut peraturan atau kaedah Islam yang disebut sebagai syariat.<sup>371</sup> Syariat merupakan peraturan yang menyusun kehidupan seseorang Islam terutamanya dalam hubungannya dengan orang lain termasuk suruhan-suruhan yang mesti dilakukan dan larangan-larangan yang mesti ditinggalkan.<sup>372</sup> Menurut Hossein Nasr, syariat Islam bukan sahaja dimanifestasikan melalui aktiviti berbentuk ibadah khusus atau ritual serta perlakuan yang melambangkan penyembahan malah ibadah umum muamalat melibatkan urusan sosial, ekonomi dan politik.<sup>373</sup>

<sup>369</sup> Mohd Zariat Abdul Rani, “Islam sebagai al-Dīn,” 62-63.

<sup>370</sup> Ramli Awang, *Falsafah Sains dan Pembangunan ke Arah Dimensi Baru* (Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 21.

<sup>371</sup> Muhammad Syukri Salleh, “Prinsip-Prinsip Pembangunan berteraskan Islam”, dalam *Pembangunan dari Perspektif Islam*, ed. Muhammad Hisyam Mohamad, (Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2007), 63.

<sup>372</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 128

<sup>373</sup> Seyyed Hossein Nasr, *A Young Muslim’s Guide to the Modern World*, (Petaling Jaya: Mekar Publishers, 1994), 53-54.

Menurut Karīm Zaydān, antara tujuan syariat agama Islam adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia dan menyingkirkan manusia daripada kerosakan atau kebinasaan baik di dunia maupun di akhirat.<sup>374</sup> Ibn Qayyim menyebut:

"فِإِنَّ الشَّرِيعَةَ مُبْنَاهَا وَأَسَاسُهَا عَلَى الْحَكْمِ، وَمَصَالِحِ الْعِبَادِ فِي الْمَعَاشِ وَالْمَعَادِ، وَهِيَ عَدْلٌ كُلَّهَا، وَمَصَالِحُ كُلَّهَا، وَحُكْمَةُ كُلَّهَا..."

Terjemahan: "Sesungguhnya syariat Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariat Islam itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmah."<sup>375</sup>

Penelitian yang dibuat oleh Ary Ginanjar mendapati penghayatan terhadap ibadah di dalam Islam dipercayai mampu memberikan impak positif terhadap pembangunan insan dari aspek kekuatan personaliti dan sosial.<sup>376</sup> Ibadah khusus melatih manusia supaya sentiasa bersih, menjaga masa, menjaga peraturan, dan melatih tentang ketelitian. Selain dari kebersihan zahir seperti badan, pakaian dan tempat ibadah, kebersihan dalam juga tidak diabaikan. Ibadah khusus juga dapat mencetuskan kesedaran batin yang seterusnya membina keyakinan dan kecintaan kepada Allah, akhirnya dapat meredakan gejolak nafsu yang berbentuk keinginan terhadap pangkat, kepuasan seks dan kegilaan terhadap harta benda. Ibadah menjadikan perilaku manusia digerakkan bukan disebabkan dorongan material tetapi keikhlasan kerana mengharapkan keredaan Allah.<sup>377</sup>

Ibadah khusus telah ditentukan peraturan dan cara pelaksanaannya dengan tujuan untuk membina aspek dalaman manusia dalam hubungannya dengan Allah

<sup>374</sup>Zaydan, ‘Abd al-Karīm, *Uṣūl al-Da’wah*, 351.

<sup>375</sup>Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rab al-'Alāmiñ*, Masyhur Ibn Hassan Ali Salman Abu 'Ubaidah (tahqiq), Jil 1, 41 (Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawziy, 2008), 32.

<sup>376</sup>Ary Ginanjar Agustian, *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ: Emotional Spiritual Quotient: the ESQQ Way* 165, 1 Ihsan, Rukun Iman dan 5 Rukun Islam (Jakarta: Arga Publishing, 2001), 2-7.

<sup>377</sup>Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik* (Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1991), 108-110.

seterusnya melahirkan kemesraan dan kecintaan kepada Allah. Ibadah juga merupakan ujian terhadap keikhlasan manusia, melatih manusia hidup berdisiplin kerana ibadah khusus memerlukan manusia menghormati masa dan peraturan-peraturan tertentu. Jadi ibadah ini tidak boleh diabaikan sama sekali bagi membina komitmen kita kepada Islam dan konsistensi dalam mempertahankan kebenaran Islam serta menjamin ketenangan hati dan keluhuran jiwa.<sup>378</sup>

Ibadah umum pula merangkumi segala kegiatan Muslim dalam bidang yang lain dari bidang yang disebutkan di atas sama ada berkaitan dengan urusan keluarga, masyarakat atau negara. Di dalam ajaran Islam, seluruh gerak manusia Muslim diambil kira dan kegiatannya tidak terpisah dari ketentuan hukum sama ada wajib, sunat, makruh atau harus, bahkan kecenderungan hati kepada melakukan kebaikan juga diberikan ganjaran meskipun gerakan belum berlaku. Bagi menentukan bahawa sesuatu kegiatan itu menjadi ibadah, ia mesti menepati beberapa asas pengukuran iaitu dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah, dan perlakuan itu tidak bercanggah dengan hukum dan adab-adab syarak, serta perlakuan menampakkan ciri keislaman dan keimanan. Kegiatan Muslim yang mengikut neraca di atas akhirnya akan memberikan dua bentuk keuntungan kepada pelaku nya, satu; keuntungan di dunia dengan kesempurnaan dan kebaikan hasil yang dapat dicapai dari segi peningkatan kerohanian mahupun kebendaan. Kedua, keuntungan di akhirat di mana dalam bentuk ganjaran pahala dan syurga serta keredaan Allah. Kedua-dua ibadah penting bagi mengisi kekosongan jiwa malah material.<sup>379</sup>

Dalam konteks remaja hamil luar nikah, terdapat beberapa bentuk ibadah yang berfungsi dalam menyuburkan nilai-nilai keagamaan seterusnya menjadi terapi kepada

---

<sup>378</sup>*Ibid.*, 101-102

<sup>379</sup>*Ibid.*, 102-103.

permasalahan yang dihadapi. Ibadah paling utama yang diberikan perhatian ialah solat. Dari aspek lahiriah, solat dipercayai memberikan kesan terhadap kesihatan serta kecerdasan fizikal melalui bentuk-bentuk gerakan solat.<sup>380</sup> Menurut al-Ghazālī pula, solat turut memberikan kesan terhadap kesejahteraan rohani kerana ia merupakan tunggak keyakinan dan merupakan jalan utama mendekatkan diri kepada Tuhan.<sup>381</sup> Begitu juga, solat penting dalam membina Islam dan Iman di dalam diri termasuklah dalam merawat penyakit jiwa manusia.<sup>382</sup>

Muṣṭafā al-Khīn et al. menjelaskan bahawa ibadah solat menghasilkan martabat perhambaan yang sebenar kepada Allah jika setiap perkataan, perbuatan, akal dan hati yang lahir bukan secara paksaan tetapi atas dasar betapa kerdil dan hinanya manusia apabila berhadapan dengan Allah.<sup>383</sup> Ringkasnya, segala pergerakan dan amalan zahir berkaitan solat bermula dari azan, takbir, penyempurnaan rukun termasuk rukuk, sujud, duduk antara dua sujud, solat fardu dan sunat dan solat berjemaah kesemuanya mempunyai rahsia yang tersendiri. Namun, semua ini hanya akan terhasil melalui solat yang khusyuk serta niat yang ikhlas. Khusyuk terhasil dari iman dan keyakinan setelah memahami apa yang dibaca di dalam solat seterusnya mengagungkan Allah dan merasa takut kepada-Nya kerana mengenal dan merasakan kehebatan kekuasaan-Nya, mengharapkan-Nya kerana mengenal kelembutan dan kemurahan-Nya, merasa malu kerana mengetahui kelemahan dan keaiban diri, bahaya hawa nafsu, kurang keikhlasan, kekotoran batin kerana menyedari kecenderungan diri kepada kebahagiaan yang segera

<sup>380</sup> Muhammad Wasfi, *Al-Qurān wa al-Tib*, Tahqiq, al-Tajabi Bassam ‘Abd al-Wahhab, cet. 1 (Beirut: Dar Ibn Hazm), 17.

<sup>381</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Ayyuhā al-Walād* (Kaherah: Dar al-Tawzī’ wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1993), 24.

<sup>382</sup> Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Sa’ari, “Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (*Anxiety*) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam,” *Jurnal Usuluddin* 29 (Januari-Jun 2009), 7.

<sup>383</sup> Al-Khīn, Muṣṭafā., et al., *Al-fiqh al-Manhāji ‘alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi‘ī*, Jil.1, 99.

di dunia, juga kerana menginsafi bahawa Allah melihat segala rahsia dan getar hati yang tersembunyi.<sup>384</sup>

Al-Ghazālī juga menegaskan solat dalam erti kata yang sebenar meliputi empat perkara iaitu dimulai dengan ilmu, didirikan dengan perasaan malu, ditunaikan dengan pengagungan dan penghormatan serta disudahi dengan rasa takut.<sup>385</sup> Solat dalam bentuk inilah yang dimaksudkan di dalam al-Quran iaitu solat yang dapat mencegah seseorang dari perbuatan keji dan mungkar sebagaimana dalam firman Allah berikut:

اَتُلُّ مَا اُوحِيَ إِلَيَكَ مِنْ كِتَابٍ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Al-‘Ankabūt 29:45

Terjemahan: Bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan Sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Berdasarkan ayat ini, Ibn Kathīr menjelaskan solat mengandungi dua hikmah, iaitu dapat mendorong diri meninggalkan perbuatan keji dan mungkar. Ini bermaksud solat akan mengekang seseorang dari kebiasaan melakukan dua perbuatan tersebut serta mendorong pelakunya menghindarinya. Walau bagaimanapun solat yang dimaksudkan mengandungi ikhlas, khusyuk, dan zikrullah. Ikhlas akan mendorong diri untuk berbuat kebaikan, khusyuk pula akan mendorong diri meninggalkan perlakuan keji, manakala zikrullah lebih besar pahalanya daripada ibadah lain yang dapat menggerakkan

<sup>384</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Juz 3, 553-557.

<sup>385</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Minhāj al-‘Ārifīn* (Kaherah: Maṭba’ah al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, t.t), 104; Lihat juga Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Kitāb al-Arba’īn fī Uṣūl al-Dīn fī al-‘Aqāid wa Asrār al-‘Ibādat wa al-Akhlāq* (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2003), 43-47.

seseorang untuk melakukan amar makruf nahi mungkar.<sup>386</sup> Keutamaan solat turut dinyatakan dalam sebuah hadis dari Abu Hurairah R.A, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda;

“Bagaimana pendapat kalian seandainya di depan pintu salah seorang di antara kalian terdapat sungai, lalu dia mandi pada sungai tersebut setiap hari sebanyak lima kali, apakah kalian menganggap masih akan ada sisa kekotoran (daki) pada badannya? Mereka menjawab; “tidak akan ada yang tersisa sedikit pun kotoran padanya.” Rasulullah SAW bersabda; “demikianlah perumpamaan solat lima waktu, Allah menghapuskan dosa-dosa dengannya”.<sup>387</sup>

Al-Qaraḍāwī menjelaskan ibadah solat memberikan kekuatan kepada pembentukan akhlak. Solat akan memberikan kekuatan untuk seseorang melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahanan serta menjauhi perkara mungkar. Solat dapat menghasilkan perasaan gentar terhadap kejahanan serta menanamkan rasa pengawasan terhadap Allah dalam mematuhi had dan larangannya dan membuang sifat malas.<sup>388</sup>

Menurut penelitian Che Zarrina Sa’ari, pelaksanaan solat secara bersungguh-sungguh, ikhlas dan khusyuk sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Islam sememangnya menjanjikan manfaat yang begitu besar dalam merawat penyakit kegelisahan. Pendekatan psikologi moden semata-mata dalam merawat masalah kegelisahan dilihat masih tidak mencukupi memandangkan ia hanya dilakukan dalam bentuk luaran sahaja, sedangkan ibadah solat menyentuh tentang aspek pengukuhan kerohanian yang sangat berkait rapat dengan permasalahan kegelisahan jiwa yang dihadapi.<sup>389</sup>

<sup>386</sup>Imām al-Jalīl al-Hafīz ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā’īl Ibnu Kathīr al-Dimasyq, *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm*, (Kaherah: Muassasah Qurtubah, 2000), 513-516.

<sup>387</sup>Hadith Riwayat Bukhāri, Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāt, Bāb al-Ṣalātu al-Khams Kaffārah, no. Hadith 528, “Ṣāliḥ al-Bukhāri,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 44.

<sup>388</sup>Yusūf al-Qaraḍāwī, *al-‘Ibādat fī al-Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 233.

<sup>389</sup>Che Zarrina Sa’ari, “Penyakit Gelisah (*Anxiety/al-Halu*) dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam,” *Jurnal Usuluddin* 14 (Disember 2001), 1-22.

Selain solat, pegangan agama remaja bermasalah hamil luar nikah juga boleh dikuatkan kembali melalui ibadah puasa. Menurut Said Hawa, ibadah puasa mempunyai pengaruh yang besar dan berkesan terutamanya dalam merawat masalah melibatkan dua jenis syahwat iaitu yang berpunca dari kemaluan dan perut agar dibiasakan dengan sabar dan tunduk patuh.<sup>390</sup> Berhubung perkara ini, al-Ghazālī menyifatkan puasa sebagai benteng pencegah dari gangguan hawa nafsu memandangkan perut yang kosong semasa berpuasa berupaya menguatkan jiwa kepada ketakwaan, mengukuhkan kerohanian serta menenteramkan jiwa yang secara tidak langsung membawa kepada hancurnya keinginan hawa nafsu.<sup>391</sup>

Uthman El-Muhammady turut memperakui puasa menjadi kunci kepada kejayaan terlaksananya ibadah lain seperti sembahyang, zikrullah dan sebagainya kerana dengan berpuasa manusia akan mudah tertewas dengan syaitan serta kehendak-kehendak diri yang membawa kepada kerosakan.<sup>392</sup> Keutamaan puasa dalam mengekang keinginan syahwat boleh difahami melalui hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang berbunyi:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَتَرْوَجْ، فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ، وَأَحْصَنُ  
لِلْفَرَجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ، فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ (مُتَّفَقُ عَلَيْهِ)

Terjemahan: Wahai sekalian para pemuda, barang siapa di antara kalian telah mampu menikah, hendaklah dia menikah, kerana menikah lebih menundukkan pandangan, dan lebih menjaga kehormatan. Barang siapa yang belum mampu menikah, hendaklah berpuasa kerana berpuasa merupakan pemutus syahwat baginya.<sup>393</sup>

<sup>390</sup> Sa'īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, 149.

<sup>391</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Juz 1, 668. Lihat juga, Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Kitāb al-Arba’ īn fī Uṣūl al-Dīn fī al-‘Aqāid wa Asrār al-‘Ibādat wa al-Akhlaq*, 52-53.

<sup>392</sup> Muhammad Uthman El-Muhammady, *Peradaban dalam Islam* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1976), 72-73.

<sup>393</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Istijāb al-Nikāh Li Man Taqāt Nafsah ilayhi wa Wajada Muannatin wa Isytighālu Man ‘Ajzin ‘an Muannatin bi al-Ṣawmi, no. Hadith 3398, “Sahih Muslim,” dalam Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000), 910.

Muṣṭafā Masyhūr menjelaskan ibadah puasa bukan sahaja berfungsi sebagai perisai bagi mempertahankan diri dari kejahanan dan fitnah, bahkan menghasilkan *mujāhadah* terhadap keinginan nafsu dan jasad serta menguatkan kemahuan Muslim selain menghasilkan kesabaran, sifat ikhlas, membentuk budi pekerti, mendidik roh, menjernihkan hati. Ini bermaksud puasa bukan sekadar menahan syahwat perut dan kemaluan bahkan puasa yang sebenar ialah puasa seluruh anggota dari segala yang Allah haramkan seperti mata, lidah, tangan, dan kaki. Ini merupakan sebahagian dari tarbiah yang penting dalam pembentukan personaliti Muslim.<sup>394</sup>

Selain ibadah solat dan puasa, membaca al-Quran juga diperakui sebagai ibadah yang mampu meningkatkan penghayatan keagamaan serta menyembuhkan penyakit jiwa yang sedang dilalui oleh manusia khususnya remaja bermasalah hamil luar nikah. Hakikat ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

يَتَأْمِنُ الْنَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًىٰ

وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٧﴾

Yūnus 10:57

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Membaca al-Quran merupakan satu ibadah yang mengandungi segala jenis zikir kepada Allah kerana ia mengingatkan seseorang kepada Allah dan tanda-tanda keagungan-Nya, sifat-sifat Nya serta anugerah-Nya. Selain itu, di dalam al-Quran juga terkandung

<sup>394</sup> Muṣṭafā Masyhūr, *Zād ‘alā al-Ṭariq: Bekalan Di Sepanjang Jalan Da’wah*, terj. Ahmad Hasan Mohd. Nazam Dan Mohd. Nizam Mohd. Ali, (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003), 131-140.

banyak doa yang boleh dipelajari oleh orang yang membacanya di samping puji-pujian serta tasbih, mengandungi hukum dan perintah Nya serta ajarannya.<sup>395</sup>

Melihat kepada kemuliaan al-Quran, Ibn Khaldun menegaskan keutamaan membaca dan mempelajari al-Quran sehingga ia dijadikan asas dalam kesemua dasar-dasar pembelajaran di dalam sejarah penubuhan negara Islam pada zaman beliau.<sup>396</sup> Hikmah dari penghayatan terhadap isi al-Quran juga dapat difahami melalui ayat al-Quran di bawah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ رَأَدَهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Al-Anfāl 8: 2-4

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementar lah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

Hassan Langgulung menjelaskan, nilai-nilai yang terkandung dalam al-Quran begitu dalam masuk ke lubuk hati manusia sehingga sekadar menyebut dan membacanya sahaja sudah cukup merangsang personaliti, iaitu bertambah rasa takut, keimanan dan tawakal. Dengan kata lain, setiap ibadah yang dilakukan membuat transformasi personaliti ke arah yang lebih baik.<sup>397</sup>

Kemukjizatan al-Quran telah diakui oleh Imam Ibn Qayyim. Menurutnya, al-Quran merupakan penawar yang begitu lengkap bagi semua jenis penyakit hati, penyakit badan, penyakit dunia dan penyakit akhirat. Meskipun begitu, tidak semua

<sup>395</sup> Muhammad al-Mubarak, *Sistem Islam Akidah dan Ibadat*, (terj) Ismail Mohd. Hassan (Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, t.t), 364.

<sup>396</sup> Ibn Khaldūn, *Muqaddimah* (Beirut: al-Matba'at al-adabiyah, 1879), 771-772.

<sup>397</sup> Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 401.

manusia layak dan berjaya untuk berubat dengan al-Quran kecuali dimanfaatkannya dengan keyakinan dan keimanan, penerimaan yang penuh, iktikad yang kuat serta menepati semua syaratnya. Justeru tidak akan ada satu penyakit pun yang dapat mengatasinya.<sup>398</sup>

Selain membaca al-Quran, doa juga membantu ke arah penyuburan nilai agama dalam diri remaja bermasalah hamil luar nikah. Doa bukan sekadar menghubung seseorang hamba dengan Tuhan, bahkan boleh menumpukan sepenuh hati dan kebergantungan kepada Allah, memohon sesuatu dari-Nya sekali gus membebaskan diri dari bergantung dengan makhluk selain-Nya. Oleh sebab itu, para Nabi dan Rasul menjadikan doa sebagai ikhtiar dalam usaha dakwah baginda.<sup>399</sup> Gesaan untuk berdoa dapat difahami di dalam al-Quran melalui ayat berikut:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْرِهُونَ عَنْ عِبَادَتِي  
سَيَدُ خُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Al-Mu'min 40:60

Terjemahan: dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadah dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.

Termasuk dalam pengertian doa ialah pelbagai lafaz yang terkandung dalam al-Quran,<sup>400</sup> hadis dan juga istighfar.<sup>401</sup> Selawat ke atas nabi juga dikatakan termasuk dalam kategori doa, iaitu memohon semoga Allah memberikan kemuliaan,

<sup>398</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibnu Abī Bakr Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, *Zād al-Ma’ād*, juz. 4,(tahqiq) Syu’āib Arnaūt dan Abdul Qadir Arnauth (Beirut: al-Resalah Publishers, 1998), 380.

<sup>399</sup> Muhammad al-Mubarak, *Sistem Islam Akidah dan Ibadat*, (terj) Ismail Mohd. Hassan, (Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, t.t.), 367-376

<sup>400</sup> Al-Baqarah, 2:201.

<sup>401</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*’, Juz 2, 115-263

kesejahteraan dan kebajikan kepada Rasulullah SAW atas pengorbanan Baginda menyampaikan syiar Islam. Selawat akan mendekatkan seseorang dengan peribadi Rasulullah SAW yang cukup ideal untuk diteladani.<sup>402</sup> Al-Ghazālī menggariskan beberapa adab dalam berdoa seperti memilih waktu yang sesuai, menghadap kiblat, merendahkan diri dengan menggunakan suara yang lembut, disertai dengan rasa khusyuk, takut serta optimis dengan penuh harap supaya hajat dikabulkan seterusnya dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah serta diiringi dengan taubat.<sup>403</sup>

Di samping doa, ibadah lisan seterusnya ialah zikir sebagai kesinambungan amalan mengingati Allah. Perintah berzikir datang terlebih dahulu sebelum perintah solat yang difardukan semasa peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa ini membuktikan bahawa ibadah zikir penting untuk diamalkan oleh umat Islam pada ketika sebelum hijrah bagi memantapkan akidah dan membina kerohanian yang ampuh sebagai persediaan untuk melaksanakan ajaran Islam secara lengkap selepas berhijrah ke Madinah.<sup>404</sup> Zikir dibahagikan kepada dua iaitu pertama zikir umum yang merangkumi seluruh amalan salih yang diredayai Allah seperti amalan-amalan yang terkandung di dalam rukun Islam di mana setiap amalan tersebut terkandung di dalamnya zikrullah. Manakala kedua adalah zikir dengan makna khusus yang bermaksud menyebut nama Allah dan juga pelbagai sifat kebesaran dan keagungan-Nya secara berulang-ulang. Zikir juga dibezakan dengan doa, di mana zikir disebut dengan tujuan kerana Allah, namun doa bermaksud sebutan nama Allah dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat

<sup>402</sup> Muhammad al-Mubarak, *Sistem Islam Akidah dan Ibadat*, (terj) Ismail Mohd. Hassan, (Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, t.t), 374-376.

<sup>403</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*', Juz 2 137-147.

<sup>404</sup> Muhammad Saiful Islami Mohd. Taher dan Siti Aisyah Yusof, "Memahami Konsep Berzikir berdasarkan al-Quran," dalam *Psikospiritual Islam*, (ed.) Mohd. Shahril Othman et al., (Kuala Terengganu: UNISZA, 2014), 62.

atau menolak mudarat. Namun zikir mempunyai fadilat yang tersendiri dalam memberikan ketenangan kepada hati dan emosi setiap pengamal.<sup>405</sup>

Bentuk-bentuk zikir yang dimaksudkan seperti tahlil, tasbih, tahmid, takbir termasuk menyebut nama-nama Allah serta lafaz zikir lain yang diwarisi oleh Baginda Rasulullah SAW yang terdapat dalam hadis-hadis. Manakala wirid merangkumi amalan tetap harian yang menggunakan sepenuhnya sisa waktu sepanjang usia dengan tugas wirid iaitu himpunan ibadah dalam bentuk mengingati Allah atau zikrullah secara komprehensif.<sup>406</sup>

Antara nilai kebaikan yang terkandung dalam amalan zikir ialah dapat mendorong seseorang menambahkan keimanan dan menghiasi diri dengan sifat mulia. Hal ini kerana, menyibukkan diri dengan berzikir dan mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan secara tidak langsung mendorong manusia menjauhi sifat terlarang. Justeru Allah SWT menyeru agar manusia berzikir di semua kesempatan dan waktu. Zikir dengan hati mendahului yang lain seterusnya akan tercermin pada anggota yang lain. Apabila lisan berzikir, ia tidak akan berkata kecuali yang baik, apabila mata berzikir ia tidak akan melihat kecuali yang baik, apabila telinga berzikir ia tidak akan mendengar hal-hal yang mengundang murka Allah, apabila tangan berzikir ia tidak akan bergerak melakukan keburukan demikian juga kaki bahkan akal juga tidak akan memikir perkara yang haram dan tidak akan terlintas di hati kecuali perkara-perkara yang baik.<sup>407</sup> Faedah dari amalan zikir telah dinyatakan di dalam al-Quran di dalam ayat berikut:

---

<sup>405</sup>Ibid., 62-68.

<sup>406</sup>Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. ‘Ulūm al-Dīn’, Juz 3, 115-263

<sup>407</sup>Muṣṭafā Masyhūr, Zād ‘alā al-Tariq: Bekalan di Sepanjang Jalan Da’wah, terj. Ahmad Hasan Mohd. Nazam Dan Mohd. Nizam Mohd. Ali, (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003), 193-200.

الَّذِينَ إِمَنُوا وَتَطَبَّئُنَ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَمِّنُ الْقُلُوبُ

Al-Ra'd 13:28

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Berdasarkan ayat ini, al-Ghazālī menjelaskan hikmah dari zikir bukan sahaja mengeratkan hubungan manusia dengan Tuhan, malah menjadikannya sentiasa dalam jagaan, perlindungan, petunjuk dan hidayah Allah yang memberi kesan secara langsung kepada tabiat dan tingkah lakunya.<sup>408</sup> Zikir bukan sahaja menjadi sumber ketenangan jiwa, malah dapat menangkis segala perbuatan maksiat serta gejala yang tidak sihat. Oleh sebab itu, amalan zikir yang ditanam jiwa sejak kecil akan menjadi penyelamat ketika dewasa dari terlibat dengan sebarang perkara tidak baik.<sup>409</sup> Menurut Muṣṭafā Masyhūr, mengagungkan Allah SWT sama ada dalam bentuk wirid, zikir, mahupun doa bermaksud memberi nilai yang hakiki kepada-Nya. Justeru, ia akan membantu menguatkan ketaatan dan berlindung hanya kepada-Nya, menenteramkan diri serta bertambah keinginan untuk menghindarkan diri dari maksiat serta perkara yang menyalahi perintah Allah SWT.<sup>410</sup>

Tidak kurang juga, qiamullail pula bermaksud memakmurkan malam dengan beribadah, bermula dengan maghrib, di antara maghrib dan isyak, kemudian isyak dan solat-solat sunat selepasnya, kemudian tidur dan bangun kembali setelah tidur di sepertiga malam untuk dipenuhi dengan solat. Amalan menghidupkan malam memberikan rasa kehalusan dan kemanisan dari Nur Ilahi kepada pengamal. Hikmah

<sup>408</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Juz 3, 115-263.

<sup>409</sup> Rokiah Ahmad, *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*, 50-60.

<sup>410</sup> Muṣṭafā Masyhūr, *Zād 'alā al-Tāriq*, *Zād 'Alā Al-Tāriq: Bekalan Di Sepanjang Jalan Da'wah*, terj. Ahmad Hasan Mohd. Nazam dan Mohd. Nizam Mohd. Ali (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003), 124.

utama dari kesemua amalan di atas ialah untuk mengikis rasa sompong dalam diri manusia dan mengelakkan berlakunya kerenggangan manusia dari Tuhan-Nya.<sup>411</sup>

Salah satu keistimewaan ibadah di dalam Islam ialah memiliki ciri fleksibel tanpa dikhususkan tempat tertentu. Justeru, apa jua kegiatan manusia dinilai sebagai ibadah jika menepati syarat.<sup>412</sup> Muṣṭafā Masyhūr berpandangan, ibadah sebagai sumber bekalan utama dan sentiasa mengalami pembaharuan, mendorong kepada menyucikan jiwa serta membentuk kekuatan dalam diri manusia bagi menempuh rintangan atau penyelewengan. Setiap ibadah mempunyai kesan yang berbeza dan saling melengkap. Ada yang dilakukan berulang-ulang setiap hari seperti solat, dilakukan selama sebulan iaitu puasa, berbentuk tahunan seperti zakat dan haji kemampuan. Demikian juga tambahan ibadah sunat sebagai bekalan, takwa dan mendekatkan diri pada Allah.<sup>413</sup>

Selain memberikan kesan positif terhadap kekuatan fizikal dan jiwa, ibadah juga ternyata mempunyai manfaatnya yang tersendiri terhadap aspek pembangunan sosial, ekonomi, bahkan politik. Oleh itu, ibadah yang berhasil menjadi bukti bahawa iman mampu berperanan secara praktikal dan berkesan dalam mengubah kehidupan manusia dari aspek pembentukan sikap serta memperbanyak kebaikan sekali gus menghapus keburukan.<sup>414</sup> Oleh kerana itu, al-Qaraḍāwī menegaskan sekiranya ibadah tidak membahayakan akhlak dan kesopanan, bermakna ibadah tersebut mempunyai kecacatan atau dalam erti kata lain tidak mencapai kesempurnaan.<sup>415</sup>

Sa'īd Hawwā telah menggariskan empat rukun dalam *mujāhadah* yang perlu diikuti iaitu, mengasingkan diri ('Uzlah), berdiam (*al-Šamt*), menahan lapar (*al-Jū'*)

<sup>411</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Juz 3, 115-263.

<sup>412</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, 104-108.

<sup>413</sup> Muṣṭafā Masyhūr, *Zād 'alā al-Tariq, Bekalan Di Sepanjang Jalan Da'wah*, 121.

<sup>414</sup> Afzalur Rahman, *Islam: Ideology and the Way of Life*, 69-70.

<sup>415</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Flexibility Islam, Prinsip, Akidah, Keutamaan, Sumber* (terj.) Muhammad Zaini Yahya (Selangor : Syabab Book Link, 2012), 13.

berjaga malam (*al-Sahr*). Menurutnya, ‘uzlah bukan sebahagian dari prinsip asal kehidupan seorang Muslim kerana seorang Muslim perlu bergaul dan hidup di dalam masyarakat secara baik dan saling mencintai kebaikan. Namun, pengasingan diri yang dimaksudkan adalah dengan tujuan menghindarkan diri dari bergaul dengan perkara-perkara yang boleh membawa kepada kerosakan, kekafiran, kemunafikan, kefasiqan serta kegiatan-kegiatan yang menghina Allah adalah penyempurna kepada kehidupan seorang Muslim yang baik.<sup>416</sup>

Anas Ahmad Karzūn mempunyai pandangan yang berbeza dalam menterjemahkan maksud pengasingan diri. Menurutnya, terdapat dua jenis pengasingan diri iaitu, pertama pengasingan diri dengan tujuan yang baik bermaksud menjauhkan diri daripada keburukan. Meninggalkan hal-hal yang dilarang, tidak duduk bersama orang-orang jahat dan meninggalkan semua yang membuatnya sibuk dari melakukan ketaatan kepada Tuhannya. Manakala pengasingan diri kategori kedua dengan tujuan yang tercela kerana membuatkan manusia menjauhkan diri sehingga tidak berteman hatta dengan orang-orang baik.<sup>417</sup>

Selanjutnya, rukun kedua iaitu diam (*al-Ṣamt*) bermaksud menjaga lisan. Ia sangat penting dalam *mujāhadah* sesuai dengan tuntutan syariat Allah walaupun sangat sukar dilakukan oleh manusia. Hukum asal lisan adalah tidak digunakan kecuali dalam hal kebaikan dan dimestikan menjaganya dari percakapan buruk bahkan dari percakapan main-main atau berjenaka. Lisan adalah alat utama untuk mengungkapkan *tentang al-Nafs* sedangkan *al-Nafs* sangat cenderung pada banyak hal seperti membanggabanggakan diri, cenderung memaki-maki apabila dalam keadaan marah, cenderung berbicara hal-hal yang tidak bermanfaat, menghina orang lain dan seumpamanya yang

<sup>416</sup>Sa’id Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, 121-130.

<sup>417</sup>Anas Ahmad Karzūn, *Manhāj al-Islām fī Tazkiyat al-Nafs wa Atharuhu ilā al-Da’wah ilā Allāh Ta’ālā* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2003), 314.

tidak wajar dilakukan oleh seorang Muslim. Justeru, diam merupakan langkah awal supaya lidah terbiasa membicarakan perkara-perkara kebaikan. Diam adalah sebahagian dari *mujāhadah* dan sangat diperlukan dalam perjalanan menuju Allah.<sup>418</sup>

Rukun *mujāhadah* yang ketiga ialah menahan lapar (*al-Jū'*).<sup>419</sup> Ibn Qudāmah menjelaskan tidak berlebihan dalam makan dan minum khususnya melalui ibadah puasa merupakan sebaik-baik *mujāhadah* dalam mematahkan keinginan syahwat yang melampau.<sup>420</sup> Keempat, berjaga malam (*al-Sahr*). Ketidakseriusan seseorang Muslim dalam mengatur waktu tidurnya sering mengakibatkan kerugian dalam banyak perkara seperti solat Subuh berjemaah, dan beristighfar di waktu pagi. Solat malam dan tahajjud juga akan sering diabaikan.<sup>421</sup>

Keempat-empat rukun *mujāhadah* yang dijelaskan di atas saling berkaitan antara satu sama lain. Perut yang kekenyangan akibat pengambilan makanan secara berlebihan akan menyebabkan rasa mengantuk dan banyak tidur. Kegagalan untuk mengekang hawa nafsu dengan berdiam atau menjaga lidah pula membawa kepada kehilangan peluang untuk tidak tidur di malam hari, sedangkan ‘uzlah merupakan aktiviti penting bagi membantu seseorang untuk berjaga malam, berdiam diri dan menahan lapar.<sup>422</sup> Berdasarkan kepada tujuan pelaksanaan keempat-empat rukun *mujāhadah* yang dinyatakan, ia didapati begitu sesuai untuk diaplikasikan oleh remaja dalam usaha mengekang diri dari terus terjebak dengan perkara-perkara yang boleh mendorong mereka terjebak semula dengan permasalahan hamil luar nikah pada masa akan datang.

<sup>418</sup>Sa’id Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10., 6.

<sup>419</sup>Sa’id Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10., 6.

<sup>420</sup>Aḥmad Ibnu ‘Abd al-Raḥmān Ibnu Qudāmah al-Maqdisi, *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn*, (Damsyiq: Maktabah Dār al-Bayān, 1978), 43-45.

<sup>421</sup>Sa’id Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10., 6.

<sup>422</sup>*Ibid.*

Berbalik kepada permasalahan remaja bermasalah hamil luar nikah, kajian mendapati remaja sering kali mengabaikan ibadah dalam kehidupan, dalam erti kata lain meminggirkan ajaran agama.<sup>423</sup> Maka, penghayatan terhadap ibadah merupakan aspek penting yang tidak boleh ditinggalkan sama sekali sebagai pengisian dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Hal ini kerana, ibadah memberikan faedah yang cukup besar terhadap pembangunan insan secara seimbang meliputi aspek jasmani dan rohani.

### **3.3.2.3 Pemulihan Akhlak**

Selain pengisian yang menjurus kepada pengukuhan akidah dan penghayatan ibadah, pemulihan akhlak turut diberikan tumpuan dalam pelaksanaan modul keagamaan bagi remaja hamil luar nikah. Berdasarkan perbincangan sebelum ini juga, aspek akhlak telah dinyatakan secara jelas sebagai elemen penting yang terkandung di dalam kerangka keagamaan Islam.

Ibn Manzur mendefinisikan akhlak sebagai fitrah, tabiat, agama atau ringkasnya adalah gambaran batin.<sup>424</sup> Al-Ghazālī dan Ibn Miskawayh pula sepandapat menggambarkan akhlak dengan keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran sama ada ia diwarisi sejak lahir atau diperoleh melalui latihan dan pembiasaan.<sup>425</sup>

Seterusnya, Hasnan Kasan mentakrifkan akhlak sebagai tabiat, budi pekerti atau perlakuan yang diamalkan oleh manusia sama ada baik ataupun buruk yang tidak dapat dinilai dengan akal semata-mata tetapi melalui pertimbangan al-Quran dan al-Sunah.<sup>426</sup>

<sup>423</sup> Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah,” 131-140, Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating,” 266-271.

<sup>424</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.t ),1245-1247.

<sup>425</sup>Miskawayh, Abū Āli Aḥmad Ibn Muḥammad, *Tahdhīb al-Akhlaq wa Tathīr al-A'rāq* (Beirut: Mansyurat Dār Maktabah al-Hayāt, t.t.), 51.

<sup>426</sup>Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim*, 71.

Secara khususnya, Islam mengklasifikasikan akhlak kepada dua iaitu akhlak yang terpuji dan akhlak yang tercela.<sup>427</sup> Manakala Al-Attas memperincikan akhlak keagamaan kepada dua bentuk iaitu akhlak zahir merangkumi amalan-amalan yang dilakukan bagi memenuhi perintah Ilahi seperti melaksanakan tuntutan yang difardukan dan amalan sesama insan serta mengamalkan rukun Islam dalam segenap bidang kehidupan. Manakala akhlak dalam bentuk batin pula merujuk kepada amalan hati yang diasaskan kepada mengenal Allah dan mengenal diri.<sup>428</sup>

Menurut Ibn Hazm, akhlak dijadikan oleh Allah dan manusia, manakala manusia hanya perlu mengawalnya sama ada untuk menjadi baik atau buruk.<sup>429</sup> Akhlak berlaku bila manusia mula bertindak untuk melarikan diri daripada sebarang bentuk keimbangan. Asas kebaikan dan kerosakan akhlak adalah bergantung kepada matlamat untuk menghapuskan keimbangan.<sup>430</sup> Cara memperbaiki akhlak yang tidak baik ialah dengan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan akhlak tersebut dan berusaha menjadikannya sebagai bentuk kebiasaan.<sup>431</sup> Ibn Hazm tidak membezakan di antara nilai baik dan jahat dan di antara perbuatan taat dan derhaka kecuali beliau dapat melihat sejauh mana jiwa manusia merasa tertarik atau menolak nilai-nilai tersebut. Hasil yang diperoleh daripada pemilihan tersebut akan membentuk akhlak manusia. Beliau juga menghuraikan beberapa contoh akhlak yang dianggap mempunyai nilai yang baik dan terpuji iaitu melalui ilmu pengetahuan, cinta, sahabat dan memberi nasihat.<sup>432</sup>

<sup>427</sup> Al-Midāni, ‘Abd al-Rahmān Hassan Ḥabannakah., *Al-akhlāq Al-Islāmiyyah wa Asusuḥā*, cet. 5, Juz. 1. (Jeddah: Dār al-Bashīr, 1999), 9.

<sup>428</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma’na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, (terj.) Muhammad Zainiy Uthman (Kuala Lumpur: ISTAC, 2002), 1i.

<sup>429</sup> Ibn Ḥazm, *al-Akhlaq wa al-Siyar fī Mudāwāt al-Nufūs*, (Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, 1978), 71.

<sup>430</sup> *Ibid.*, 13.

<sup>431</sup> *Ibid.*, 80.

<sup>432</sup> Mohd Nasir Ripin dan Nur Izzatul Afifah Che Ab. Rahim, *Metode Pembinaan Akhlak Menurut Ibn Hazm dalam Kitab Al-Akhlaq Wa As-Siyar* (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 1-9.

Al-Ghazālī mengetengahkan suatu kaedah penting berhubung proses memperbaiki akhlak melalui proses penyucian atau *tazkiyat al-nafs*. Melalui *tazkiyat al-nafs* pula terdapat dua proses penting yang perlu dilalui dan disebut sebagai *mujāhadah al-nafs* atau *al-Takhallī* dan *riyādah al-nafs* atau *al-Tahallī*.<sup>433</sup> Keutamaan penyucian jiwa dijelaskan oleh Baginda Nabi SAW di dalam hadis yang berbunyi:

أَلَا وَإِنْ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا  
وَهِيَ الْقَلْبُ

Terjemahan: Ketahuilah bahwa dalam setiap tubuh terdapat segumpal daging, jika segumpal daging itu baik, maka baik pula seluruh badannya, namun jika segumpal daging itu rusak, maka rusaklah seluruh tubuhnya, ketahuilah gumpalan darah itu adalah hati.<sup>434</sup>

Berhubung proses pemulihan akhlak, Abdul Halim El-Muhammady turut mengakui ia perlu bermula dengan pengisian hati dan pembinaan kecenderungan yang baik. Pengisian hati boleh dimulakan dengan menanam ayat-ayat Allah ke dalam diri individu melalui beberapa bentuk ibadah seperti solat, puasa, zikir, hafalan al-Quran diikuti dengan doa-doa yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari.<sup>435</sup>

Dalam mengendalikan kes remaja hamil luar nikah, Nāṣiḥ ‘Ulwān menegaskan anak-anak remaja yang berkecenderungan dengan penyelewengan seks seperti perzinaan perlu kembali dididik agar kembali menghiasi diri dengan perasaan malu dan takut untuk melakukan perkara yang keji. Sehubungan itu, pendidikan mengenai adab-adab di dalam Islam dan pengetahuan seksualiti dan fungsi reproduktif boleh membantu remaja mengawal diri dan mengendalikan pergaulan dan perhubungan antara jantina dengan cara yang terpimpin. Beliau menegaskan bahawa penjelasan secara berterus

<sup>433</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Juz 2, 213.

<sup>434</sup> Hadith Riwayat al-Dārimī, “*Sunan al-Dārimī*,” Kitāb al-Buyū’, bāb fī al-Ḥalāl bayyīn wa al-Ḥarām bayyin, no. Hadith 2419, hadis sahih.

<sup>435</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, 125-127

terang mengenai tanggungjawab berhubung seksualiti dan fungsi reproduktif bukanlah sesuatu yang memalukan sebaliknya ia amat penting supaya remaja mendapat maklumat yang jelas dan lengkap bagaimana untuk mengendalikan keperluan syahwat dengan cara yang sewajarnya.<sup>436</sup> Di dalam al-Quran juga terdapat ayat-ayat yang secara terus-terang membicarakan tentang pendidikan seks. Ini menunjukkan bahawa bimbingan mengenai aspek seksualiti bukanlah sesuatu yang asing dalam konteks pendidikan menurut kaca mata Islam.<sup>437</sup>

Merujuk kepada permasalahan remaja hamil luar nikah, kajian mendapati salah laku remaja berkait rapat dengan tahap pengetahuan reproduktif yang rendah dan sederhana. Remaja hamil luar nikah juga didapati memberikan takrifan yang salah mengenai maksud hubungan seks dengan berlainan jantina sebagai lambang cinta.<sup>438</sup> Justeru, pendidikan reproduktif dan seksualiti kini menjadi suatu keperluan yang begitu mendesak bagi mendidik akhlak remaja supaya dapat mengendalikan kehendak seksual berpandukan agama. Bagi menangani permasalahan seksual remaja juga, Islam mencadangkan agar pendidikan berhubung seks diberikan keutamaan.<sup>439</sup>

Terdapat empat elemen asas yang boleh dijadikan ukuran nilai akhlak atau etika Islam. Pertama ukuran baik buruk sesuatu perlakuan mestilah selaras dengan penentuan syarak bukannya berdasarkan pertimbangan logik manusia. Kedua, perlakuan yang menterjemahkan suatu bentuk hubungan di antara manusia dan hubungan manusia dengan Allah. Ketiga, perlakuan yang bermatlamat untuk mendapatkan reda Allah di

<sup>436</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 187.

<sup>437</sup>Al-Baqarah 2:187, 222, 223, 237; Al-Mu’minūn 23:5-7,12-13; Al-Āḥqāf 15; Al-Isrā’ 17:32; al-Nūr 24:3; Al-A’rāf 7:80-81.

<sup>438</sup>Ibid.

<sup>439</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, 122.

dunia dan akhirat dan keempat, pelaksanaannya adalah secara tanpa paksaan dan bermula dengan mengenali hati.<sup>440</sup>

Hakikatnya, akhlak Islam begitu istimewa kerana mempunyai prinsip dan dasar yang jelas. Dasar akhlak Islam yang utama ialah *ilzām*, bermaksud ia ditentukan oleh Allah, bersumberkan wahyu Ilahi dan selari dengan fitrah manusia. Kedua, dasar akhlak Islam juga ialah syumūl bermaksud menyeluruh atau universal iaitu perbincangannya mencakupi seluruh aspek kehidupan seperti ekonomi politik sosial, perundangan, pentadbiran dan pendidikan. Dasar ketiga ialah menitikberatkan keseimbangan jasmani dan rohani serta kebaikan dunia akhirat. Akhir sekali dasar akhlak Islam bersifat mudah dan tidak menyusahkan, iaitu berada dalam ruang lingkup keupayaan manusia dan bersesuaian dengan tabiat manusia.<sup>441</sup> Dalam konteks pembangunan akhlak, ia begitu sinonim dengan tujuan pengutusan Rasul SAW kepada umat manusia yang boleh difahami dari hadis berikut:

إِنَّمَا بُعْثُتُ لِأَنْتُمْ مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ

Terjemahan: Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak.<sup>442</sup>

Menurut Hassan Langgulung, akhlak boleh dipelajari dan boleh berubah-ubah berdasarkan dua faktor iaitu keturunan dan persekitaran. Keturunan berkisar tentang aspek kecerdasan dan emosi yang diwarisi manakala persekitaran merangkumi proses pendidikan, pengajaran, bimbingan serta latihan.<sup>443</sup> Berdasarkan dua faktor ini, Abdul

<sup>440</sup>Nor Azzah Kamri, “Application of Akhlaq Education in Implementing Code of Ethics in an Organization: An Empirical Case,” *Jurnal Usuluddin* 29 (Jan-Jun 2009), 173-174.

<sup>441</sup>Abdul Rahman Md. Aroff, *Pendidikan Moral: Teori Etika Dan Amalan Moral* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1999), 87-90.

<sup>442</sup>Ahmad Al-Husainī Alī Mūsa Abū Bakar Al-Baihaqī, *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, c.1, Jil. 10 (Makkah Al-Mukaramah, Dār al-Bāz, 1994), 191.

<sup>443</sup>Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 63-65.

Halim El-Muhammady dilihat lebih menekankan persekitaran sebagai faktor penting yang membantu kesuburan, kecenderungan dan penghayatan nilai-nilai akhlak. Kemesraan dalam keluarga perlu bermula dari ibu bapa di rumah, persekitaran di sekolah berkisar tentang pengisian ilmu supaya tidak wujud sebarang percanggahan antara nilai akhlak Islam dengan apa yang diajar di sekolah. Persekutuan dalam kehidupan masyarakat membantu melalui kegiatan-kegiatan yang tidak bercanggah dengan nilai akhlak Islam yang meliputi bidang pembentukan pemikiran melalui penyediaan bahan-bahan bacaan yang bermutu dan berakhlek demikian juga dengan kebudayaan, hiburan, sukan dan lain-lain. Pembentukan persekitaran yang baik di rumah, sekolah dan dalam kehidupan masyarakat memberi kesan besar terhadap pertumbuhan dan penghayatan nilai akhlak Islam.<sup>444</sup>

Menurut Sidek Baba, ketiga-tiga aspek akidah, ibadah dan akhlak ini memastikan remaja sebagai seorang manusia untuk kembali berperanan dengan baik sebagai hamba Allah SWT dan khalifah-Nya berbekalkan sifat-sifat yang mulia dan terpuji.<sup>445</sup> Selain al-Ghazālī, Ibn Miskawayh turut mengemukakan garis panduan yang lengkap dalam memperbaiki masalah akhlak iaitu melalui pemantapan pegangan agama, usaha dari individu, mengenali hakikat jiwa manusia, menjalani hidup bermasyarakat, bersahabat dengan orang yang baik serta mengambil berat terhadap penyucian rohani.<sup>446</sup>

Merujuk kepada perbincangan di atas, pembangunan nilai akhlak adalah aspek penting yang ternyata tidak boleh diabaikan memandangkan kehamilan remaja sememangnya adalah gambaran kepada masalah keruntuhan akhlak. Pembangunan nilai akhlak akan membantu individu untuk lebih menghayati nilai-nilai akhlak Islam

<sup>444</sup> Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, 127-129.

<sup>445</sup> Sidek Baba, *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia* (Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2006), 39.

<sup>446</sup> Siti Norlina Muhamad dan Mohd. Nasir Ripin, “Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibn Miskawayh,” 2004, seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pascamodenisme (SIVIC2004).

seterusnya membuang jauh nilai-nilai tidak baik yang ada pada diri. Antara pengisian penting yang tidak boleh diketepikan dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah khususnya dalam pembangunan nilai akhlak adalah dengan memberikan tumpuan berhubung aspek akhlak atau adab-adab Islam mengikut lunas Islam.

### **3.3.3 Pendekatan dalam Modul Keagamaan**

Pendekatan bermaksud perihal perbuatan mendekati atau mendekatkan kaedah, cara, langkah-langkah dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas, mengatasi masalah dan lain-lain.<sup>447</sup> Secara khususnya terdapat enam pendekatan praktikal yang telah diperkenalkan oleh Islam dalam pelaksanaan modul keagamaan iaitu berbentuk contoh teladan, beransur-ansur, nasihat dan bimbingan, pembiasaan, pengawasan serta hukuman dan ganjaran.

#### **3.3.3.1 Pendekatan Contoh Teladan**

Pendekatan berbentuk contoh teladan merupakan salah satu pendekatan penting yang telah diimplementasikan sejak zaman awal penyebaran ajaran Islam lagi serta diakui memberi faedah yang besar bukan sahaja kepada tuan empunya diri bahkan juga kepada individu lain. Dalam konteks dakwah, pendekatan ini turut melahirkan pendekatan lain yang disebut sebagai dakwah *bi al-hal* iaitu suatu bentuk usaha mengajak orang lain kepada penghayatan agama Allah dengan menggunakan contoh amalan yang baik tanpa melibatkan lisan atau perkataan.<sup>448</sup> Di dalam al-Quran sememangnya juga diselitkan beberapa kisah yang menggambarkan tentang contoh akhlak yang terpuji para Nabi dan

---

<sup>447</sup>Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai 12 Mei 2014, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pendekatan>.

<sup>448</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 166.

Rasul yang boleh diteladani oleh umat manusia.<sup>449</sup> Keutamaan pendekatan ini dapat difahami melalui firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Al-Ahzāb 33:21

Terjemahan: Sesungguhnya bagi diri kamu Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik.

Secara umumnya, konsep contoh teladan yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Baginda SAW membawa pelbagai watak iaitu sebagai seorang pemimpin negara, bapa, suami, ahli politik, ahli ibadah, perajurit serta sahabat yang boleh diteladani.<sup>450</sup> Contoh teladan yang telah dibawa oleh Baginda SAW juga bukan sekadar melalui tutur kata bahkan seluruh perbuatan dan amalan yang dilakukan oleh seseorang bagi menggambarkan penghayatan cara hidup beragama yang sebenar. Sebagai contoh, selain kecerdasan spiritual, Rasulullah SAW juga mementingkan soal kecergasan fizikal melalui posisi Baginda SAW sebagai seorang pahlawan yang terlibat dengan beberapa perang besar dalam sejarah Islam.<sup>451</sup> Kesempurnaan akhlak Baginda Nabi Muhammad SAW digambarkan sebagaimana hadis di bawah:

عَنْ سَعْدِ بْنِ هِشَامٍ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَتَيْتُ عَائِشَةَ فَقُلْتُ يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ أَخْبَرْنِي بِخُلُقِ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنُ أَمَا تَقْرَأُ الْقُرْآنَ قَوْلُ اللَّهِ  
عَزَّ وَجَلَّ وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ.

Terjemahan: Dari Sa'ad bin Hisyam bin Amir, dia berkata; saya mendatangi Aisyah lantas berkata: "Wahai Ummul Mukminin!

<sup>449</sup> Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009), 80.

<sup>450</sup> Muhammad Qutb, *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, juz. 1, Cet. 14 (Beirut: Dar al-Syuruq, 1993), 325-334.

<sup>451</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 164.

Khabarkanlah kepadaku mengenai akhlak Rasulullah SAW!” Aisyah berkata: “Akhlak baginda adalah al-Quran, bukankah engkau telah membaca Al Quran pada firman Allah Azzawajalla, Wa Innaka La’alā Khuluqin Azīm (Sesungguhnya engkau (Muhammad) memiliki akhlak yang agung.”<sup>452</sup>

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin, Allah SWT menjadikan contoh teladan itu ada pada diri Rasulullah SAW kerana sifat manusia itu sendiri hanya akan mudah mengikuti sesuatu yang memiliki ciri-ciri persamaan dengan mereka iaitu manusia. Oleh sebab itu, Allah mengutus para Nabi dan Rasul dalam kalangan manusia juga yang berperanan sebagai contoh untuk diikuti. Begitu juga dengan para sahabat yang kekal menjadi contoh yang baik setelah kewafatan baginda buat ikutan generasi selepasnya. Contoh teladan merupakan sebaik-baik kaedah pendidikan yang akan meninggalkan kesan dalam diri individu yang dididik.<sup>453</sup>

Merujuk kepada kes kehamilan luar nikah, kesibukan ibu bapa bekerja serta pergolakan yang berlaku seperti perceraian telah mengakibatkan hubungan dengan anak-anak menjadi renggang seterusnya menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk berfungsi sebagai contoh teladan yang baik untuk diikuti.<sup>454</sup> Selain itu, antara senario yang menunjukkan bahawa masyarakat Islam kini masih belum benar-benar mempunyai peradaban sendiri ialah timbulnya budaya meniru membabi buta terhadap apa sahaja yang datang dari tamadun Barat sama ada dari aspek cara berfikir, cara bergaul, cara berpakaian dan gaya hidup malah pendidikan, umat Islam khususnya anak-anak muda mula menyisihkan agama dan akhlak, peradaban yang berdasarkan kebendaan bukan

---

<sup>452</sup> Hadith Musnad Ahmad, *Kitāb Bāqī Musnad al-Anṣār*, Bāb Bāqī Al-Musnad al-Sābiq, no. Hadith, 24139.

<sup>453</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 164.

<sup>454</sup> Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah,” 131-140; Khairani Omar et al., “Adolescent Pregnancy,” 220-223.

kemanusiaan iaitu memuja teknologi dan sains berbanding kemajuan moral dan nilai kemanusiaan.<sup>455</sup>

Pendekatan contoh teladan bukan sahaja dibincangkan dalam konteks Islam, bahkan Albert Bandura, seorang ahli psikologi Barat turut membincangkannya melalui Teori Pembelajaran Sosial yang memfokuskan kepada proses pembelajaran melalui peniruan. Teori ini merumuskan bahawa kanak-kanak dan remaja sentiasa mempelajari beberapa perkara utama dalam kehidupan melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain khususnya orang yang signifikan dengan mereka.<sup>456</sup>

Dalam konteks keibubapaan, ibu bapa perlu memastikan anak-anak mendekati individu yang memberikan teladan yang baik. Melalui contoh teladan yang baik lebih mudah bagi sasaran melihat dan mengikuti sesuatu amalan. Dakwah melalui contoh teladan yang baik juga dikatakan menjadi usul yang paling berjaya.<sup>457</sup> Justeru, pendekatan bentuk ini begitu penting bagi mendorong remaja bermasalah hamil luar nikah supaya lebih bijak dalam memilih individu yang terbaik untuk diteladani dalam kehidupan.

### **3.3.3.2 Pendekatan Beransur-ansur**

Pendekatan beransur-ansur dapat difahami dengan jelas melalui sejarah penurunan ayat al-Quran berhubung pengharaman arak dalam kalangan masyarakat Arab Jahiliah. Terdapat beberapa ayat penting yang diturunkan secara berasingan dalam tempoh yang berbeza bertujuan membina kefahaman masyarakat mengenai bahaya arak seterusnya

---

<sup>455</sup>Fariza Md. Sham dan Idris Zakaria, “Peranan Dakwah dalam pembangunan Modal Insan: Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia” (makalah, Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan, 26-27 Julai 2006, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 243-246.

<sup>456</sup>Albert Bandura, *Social Learning Theory* (New York: General Learning Press, 1971).

<sup>457</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 164.

tegahan dilakukan sedikit demi sedikit.<sup>458</sup> Begitu juga tugas para Rasul terdahulu dalam memulihkan kerosakan akhlak masyarakat berjalan secara bertahap. Sebagai bukti, dakwah baginda Nabi SAW memakan masa yang cukup panjang iaitu selama 23 tahun bermula di Mekah dan seterusnya berkembang ke Madinah. Penyampaian ajaran Islam juga disampaikan penuh dengan strategi dan berhati-hati bermula dengan keluarga terdekat diikuti masyarakat umum. Dalam mengubah keadaan masyarakat jahiliah suatu ketika dahulu, dapat disaksikan perjuangan Rasulullah SAW juga tidak dilakukan dalam masa yang begitu singkat bahkan sejarah merakamkan dakwah Rasulullah SAW memakan masa selama 23 tahun.<sup>459</sup> Selain itu, pendekatan beransur-ansur dapat dilihat melalui hukuman yang dijalankan ke atas pesalah zina sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ مَاعِزَ بْنَ مَالِكٍ الْأَسْلَمِيَّ أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ ظَلَمْتُ نَفْسِي وَزَيَّتُ وَإِنِّي أُرِيدُ أَنْ تُطَهِّرَنِي فَرَدَّهُ فَلَمَّا كَانَ مِنَ الْعَدِيْدِ أَتَاهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ زَيَّتُ فَرَدَّهُ ثَانِيَةً فَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ أَتَعْلَمُونَ بِعَقْلِهِ بَأْسًا تُنْكِرُونَ مِنْهُ شَيْئًا فَقَالُوا مَا تَعْلَمُهُ إِلَّا وَفِي الْعُقْلِ مِنْ صَالِحِينَا فِيمَا تُرَى فَأَتَاهُ ثَالِثَةً فَأَرْسَلَ إِلَيْهِمْ أَيْضًا فَسَأَلَ عَنْهُ فَأَخْبَرُوهُ أَنَّهُ لَا بَأْسَ بِهِ وَلَا بِعَقْلِهِ فَلَمَّا كَانَ الرَّابِعَةَ حَفَرَ لَهُ حُفْرَةً ثُمَّ أَمَرَ بِهِ فَرُجِمَ قَالَ فَجَاءَتِ الْعَامِدَيَّةُ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ زَيَّتُ فَطَهَّرَنِي وَإِنِّي رَدَّهَا فَلَمَّا كَانَ الْعَدِيْدُ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ تُرْدُنِي لَعْلَكَ أَنْ تُرْدُنِي كَمَا رَدَدْتَ مَاعِزًا فَوَاللَّهِ إِنِّي لَحَبِلَ قَالَ إِمَّا لَا فَادْهِي حَتَّى تَلِدِي فَلَمَّا وَلَدَتْ أَتَتَهُ بِالصَّبِّيِّ فِي خَرْقَةٍ قَالَتْ هَذَا قَدْ وَلَدْتُهُ قَالَ اذْهِبِي فَأَرْضَعِيهِ حَتَّى تَنْفَطِمِيهِ فَلَمَّا فَطَمَتْهُ أَتَتَهُ بِالصَّبِّيِّ فِي يَدِهِ كِسْرَةٌ خُبْزٌ فَقَالَتْ هَذَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ قَدْ فَطَمْتُهُ وَقَدْ أَكَلَ الطَّعَامَ فَدَفَعَ الصَّبِّيِّ إِلَى رَجُلٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَحُفِرَ لَهَا إِلَى صَدَرِهَا وَأَمَرَ النَّاسَ

<sup>458</sup>Kronologi pengharaman arak boleh difahami melalui beberapa ayat di dalam al-Quran yang diturunkan secara berasingan bermula dengan ayat pertama surah al-Nahl, 16:67, diikuti oleh ayat kedua surah al-Baqarah, 2:219, seterusnya ayat ketiga dari surah al-Nisa', 4:43 dan berakhir dengan ayat dari surah al-Maidah, 5:90-91.

<sup>459</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 46-64.

فَرَجَحُوهَا فَيُقْتَلُ خَالِدٌ بْنُ الْوَلِيدٍ بِحَجَرٍ فَرَمَى رَأْسَهَا فَتَنَضَّحَ الدَّمُ عَلَى وَجْهِ خَالِدٍ  
 فَسَبَّهَا فَسَمِعَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَهُ إِيَّاهَا فَقَالَ مَهَلًا يَا خَالِدُ فَوَالَّذِي  
 نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ تَابَتْ تَوْبَةً لَوْ تَابَهَا صَاحِبُ مَكْسٍ لَعْفَرَ لَهُ ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهَا  
 وَدُفِنتَ

Dari Abdullah bin Buraidah meriwayatkan dari ayahnya dengan berkata: Suatu ketika ada seorang wanita al-Ghamidiyah datang menemui Rasulullah SAW dengan berkata, “Wahai Rasulullah, aku telah berzina, maka bersihkanlah aku.” Tetapi untuk pertama kalinya Rasulullah SAW bahkan menolak pengakuan wanita tersebut. Keesokan harinya wanita tersebut datang menemui Rasulullah SAW sambil berkata: “Wahai Rasulullah, kenapa anda menolak pengakuanku? Sepertinya anda menolak pengakuan aku sebagaimana pengakuan Ma'iz. Demi Allah, sekarang ini aku sedang mengandung.” Mendengar pengakuan itu, Rasulullah SAW bersabda: “Sekiranya kamu ingin tetap bertaubat, maka pulanglah sampai kamu melahirkan.” Setelah melahirkan, wanita itu datang lagi kepada baginda sambil mengendong bayinya yang dibungkus dengan kain, dia berkata, “Inilah bayi yang telah aku lahirkan.” Baginda lalu bersabda: “Kembali dan susuilah bayimu hingga tamat tempoh penyusuannya.” Apabila tamat tempoh penyusuannya, dan bayinya sudah boleh mengambil makanan selain dari susunya, wanita itu datang lagi dengan membawa bayinya, sementara di tangan bayi tersebut ada sepotong roti, lalu wanita itu berkata: “Wahai Nabi Allah, bayi kecil ini telah aku susukan, dan dia sudah dapat menikmati makanannya sendiri.” Kemudian beliau memberikan bayi tersebut kepada laki-laki Muslim, dan memerintahkan untuk melaksanakan hukuman rejam. Akhirnya wanita itu ditanam dalam tanah sehingga paras dada. Setelah itu baginda memerintahkan orang ramai supaya melemparkan nya dengan batu. Khalid bin al-Walid adalah salah seorang yang merejam wanita tersebut dengan batu, tiba-tiba percikan darahnya mengenai wajah Khalid, seketika itu dia mencaci maki wanita tersebut. Ketika mendengar makian Khalid, Nabi Allah bersabda: “Tenangkan diri mu wahai Khalid, demi Zat yang jiwa ku berada di tangan-Nya, sesungguhnya perempuan itu telah benar-benar bertaubat, sekiranya taubat (seperti) itu dilakukan oleh seorang pelaku dosa besar nescaya dosanya akan diampuni.” Setelah itu Baginda memerintahkan supaya jenazah wanita itu disembahyangkan dan dikebumikan.<sup>460</sup>

---

<sup>460</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Ḥād al-Zinā, no. Hadith 4433, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 978.

Berdasarkan hadis ini, baginda ternyata tidak tergesa-gesa dalam menjalankan hukuman ke atas pesalah zina, sebaliknya mengeluarkan arahan atau perintah secara beransur-ansur bagi menjaga kemaslahatan bayi yang dilahirkan yang juga perlu dipenuhi haknya dari aspek penyusuan. Sehubungan itu, pendekatan beransur-ansur telah diaplikasikan oleh Baginda Nabi secara bijaksana tanpa wujudnya sebarang bentuk kekerasan.

Menurut al-Qarađāwī, pendekatan beransur-ansur lebih perlu digunakan dalam mengubah akhlak manusia supaya mereka dapat menerima dengan kesedaran sendiri berbanding secara terpaksa.<sup>461</sup> Justeru, dalam konteks pemulihan remaja hamil, pendekatan beransur-ansur diperlukan bagi memantapkan penerimaan mereka terhadap sesuatu tanggung jawab supaya tidak terasa terbeban. Hal ini kerana, setiap tanggungjawab memerlukan suatu proses latihan dan pendedahan supaya menjadi kebiasaan. Dalam proses pemulihan masyarakat bermasalah, tidak mungkin sifat buruk seseorang dapat diubah secara tiba-tiba. Maka, program pemulihan perlu bermula dengan pembinaan kefahaman dan kepercayaan dalam kalangan sasaran kepada sesuatu asas dalam masalah yang dihadapi. Setelah kefahaman dan kepercayaan terbina, barulah langkah-langkah membuang sifat-sifat buruk yang ada pada sasaran dilakukan sedikit demi sedikit.<sup>462</sup>

Pendekatan beransur-ansur bukan sahaja diaplikasikan dalam tradisi pendidikan berteraskan Islam, bahkan ia juga sinonim dalam kalangan ahli sosialis di sebelah Barat. Sebagai contoh; James O. Prochaska melalui Model Perubahan Tingkah Laku telah menjelaskan beberapa peringkat yang harus dilalui oleh individu dalam melakukan proses perubahan sikap. Pada peringkat pertama, seseorang individu dikatakan belum

<sup>461</sup>Yusuf al-Qarađāwī, *Fiqh al-Jihād: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihi wa Falsafatihi fi Ḏaw’i al-Qur’ān wa al-Sunnah* Juz. 1 (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2009), 374.

<sup>462</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 269-271.

menyedari keperluan untuk melakukan pada diri, sehingga kadangkala menafikan perubahan. Di peringkat kedua, perasaan untuk berubah sudah mula tercetus. Namun, individu sebenarnya masih belum cukup kuat untuk melakukannya. Di peringkat ketiga pula, individu akan membuat persediaan untuk berubah. Justeru, mereka perlu diberi pilihan mengenai apa yang perlu dilakukan. Peringkat seterusnya merupakan peringkat berlakunya proses perubahan dan individu sentiasa perlu diberikan galakan, pujian, dorongan dan seumpamanya. Akhirnya peringkat seterusnya ialah memastikan perubahan yang dilakukan kekal. Kesemua proses yang dilalui memerlukan tempoh masa minimum selama enam bulan.<sup>463</sup>

Berdasarkan realiti yang telah dijelaskan, pendekatan beransur-ansur sememangnya memerlukan tempoh masa tertentu kerana tidak boleh dijalankan dengan tergesa-gesa. Walau bagaimanapun, pendekatan ini begitu diperlukan bagi membimbing remaja hamil luar nikah ke arah perubahan yang lebih baik.

### **3.3.3.3 Pendekatan Nasihat dan Bimbingan**

Pendekatan berbentuk nasihat dan bimbingan merupakan antara pendekatan praktikal yang disarankan oleh Islam. Nasihat dan bimbingan merupakan dua istilah yang telah dijelaskan dengan maksud yang berbeza. Nasihat digambarkan sebagai suatu bentuk pengajaran, bimbingan ataupun cadangan tindakan yang baik bertujuan membantu seseorang individu dalam menyelesaikan masalah ataupun memperbaiki dirinya.<sup>464</sup>

Manakala, bimbingan pula digambarkan sebagai usaha membantu individu untuk memahami diri dan dunia mereka. Bimbingan memerlukan usaha berterusan dan

---

<sup>463</sup>James O. Prochaska, “Applying the Stages of Change,” *Psychotherapy in Australia* 19, no. 2 (Februari 2013), 10-15.

<sup>464</sup>Mohd. Jamil Yaacob, *Komunikasi Kesihatan Berkesan* (Batu Caves: Professional Publishing Sdn. Bhd., 2011), xii.

melibatkan banyak langkah dalam mencapai matlamat. Individu akan dibantu supaya menyedari kekuatan dan kelemahan diri mereka bagi menentukan aras aspirasi yang lebih realistik sesuai dengan kebolehan dan minat seterusnya mengembangkan ke tahap maksimum bagi peroleh kesejahteraan hidup. Oleh itu, proses ini tidak melibatkan paksaan individu agar mengikut arah yang ditentukan sebaliknya mengikut arah yang sesuai dengan keupayaan seterusnya pilihan dibuat oleh individu itu sendiri.<sup>465</sup>

Melalui al-Quran dan hadis, boleh didapati terdapat banyak ayat yang mempunyai unsur nasihat dan bimbingan dalam mendidik manusia ke arah kebaikan sehingga dapat membangkitkan kesedaran dan keyakinan kepada ajaran Islam. Al-Quran juga mengajar manusia supaya berlemah lembut dalam perkataan ketika memberi nasihat dan berdakwah berlaku adil walaupun berlainan bangsa, agama dan keturunan, kawan mahupun lawan, diri sendiri atau kaum kerabat, berbuat baik kepada ibu bapa menghormati hak orang lain dan sebagainya.<sup>466</sup> Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّةِ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَُّ عَلَيْهِمْ إِيمَانُهُمْ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمْ

الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنَّ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَنِي ضَلَالٌ لِّمُبِينٍ ﴿٦٢﴾

Al-Jumu'ah 62:2

Terjemahan: Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang Arab yang *Ummiyin*, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak), dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

<sup>465</sup>Ibid.

<sup>466</sup>Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*, 81.

Menurut Nāsiḥ ‘Ulwān, pendekatan nasihat dan bimbingan merupakan satu bentuk seruan yang boleh dilakukan untuk pelbagai tujuan sama ada untuk memberikan penjelasan, penceritaan berbentuk kiasan mahupun pengajaran.<sup>467</sup> Berhubung pendekatan ini juga, Muhammad Quṭb menyatakan, ia sering kali berkesan sekiranya diaplikasikan bersama sentuhan-sentuhan yang halus, lembut, menyentuh perasaan dan jiwa namun tidak secara keterlaluan kerana akan mendatangkan keburukan.<sup>468</sup> Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, Abī Ruqayyah Tamim bin Aus ad-Dārī RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْدِينُ النَّصِيحَةُ. قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ  
وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

Terjemahan: “Agama itu nasihat”. Kami bertanya: “Bagi siapa?”, Baginda menjawab: bagi Allah, bagi kitab-Nya, bagi Rasul-Nya, bagi para pemimpin kaum Muslimin dan kaum Muslimin seluruhnya.”<sup>469</sup>

Dalam menghuraikan hadis ini, Imam al-Nawāwī menjelaskan bahawa nasihat adalah kata-kata bagi mengungkapkan keinginan supaya melahirkan kebaikan kepada pihak yang dinasihati. Manakala tanggungjawab memberi nasihat sesama Muslim itu pula merupakan suatu kewajipan tanpa mengira tempat dan masa.<sup>470</sup> Di dalam lipatan sejarah Islam juga telah menyaksikan Luqman Hakim sebagai salah seorang figura yang cukup terkenal dengan kaedah pendidikan melalui pendekatan nasihat yang dilontarkan kepada anaknya. Beberapa bentuk isi nasihat Luqman al-Hakim boleh dihayati sebagaimana

<sup>467</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 205-240.

<sup>468</sup>Muhammad Quṭb, *Manhaj al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*, cet. 14, juz. 1 (Beirut: Dar al-Syuruq, 1993), 187-189.

<sup>469</sup>Hadis Riwayat Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Bayān al-Dīn al-Naṣīḥah, no. Hadith 196, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2000), 689.

<sup>470</sup>Al-‘Uthaymīn, Muhammad Ibn Ṣāliḥ, *Sharḥ al-Arba’īn al-Nawawiyah*, cet. 3, (Riyad:Dar Thurayya, 2004), 135-145.

yang dirakamkan di dalam al-Quran melalui surah Luqman. Saranan mengaplikasikan pendekatan nasihat dan bimbingan bersama nilai-nilai yang disebutkan di atas sejajar dengan firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِأَلْقَى هِيَ أَحْسَنُ



Al-Naḥl 16:125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

Dalam menghuraikan ayat ini, al-Qaraḍāwī menjelaskan ayat ini memberikan dua panduan utama. Pertama, sekiranya berhadapan dengan masyarakat yang kurang bermasalah, maka pendekatan hikmah dan nasihat adalah baik. Namun, jika sebaliknya pendekatan ketiga iaitu berbahas dengan cara yang baik boleh dijadikan pilihan. Akan tetapi, kedua-dua pendekatan tidak bermaksud menekan dan tidak pula memaksa.<sup>471</sup>

Nasihat diperlukan dalam menyeru manusia ke arah kebaikan dan melarang ke arah kemungkar. Tugas ini adalah warisan para Nabi dan Rasul yang telah diutuskan Allah sebelum disambung pula oleh para ulama dan orang soleh. Walau bagaimanapun, tugas ini mempunyai seni dan peraturannya yang tertentu. Perkara utama yang perlu difahami sebelum melaksanakan pendekatan ialah berkaitan konsep amar makruf nahi mungkar. Sekiranya budaya amar makruf tidak diamalkan akan membawa kepada penularan maksiat dan nilai negatif yang lebih berleluasa.<sup>472</sup>

<sup>471</sup>Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Madkhāl li Ma`rifat al-Islām: Muqāwamatuhu, Khaṣāisuhu, Ahdāfuhu, Maṣādiruhu* (Kaherah: al-Maktabah al-Wahbah, 1996), 89.

<sup>472</sup> Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim*, 103-105.

Hikmah itu sendiri jika diteliti dalam konteks bahasa berasal dari bahasa Arab “ḥā-kā-mā” yang bermaksud menghalang. Jadi, dalam konteks penyampaian Islam, pendekatan hikmah akan membawa kepada terhalang dari berlaku keburukan dan kesulitan sebaliknya membawa kebaikan dan kemudahan.<sup>473</sup> Hikmah bererti mengajak kepada kebenaran dengan menggunakan percakapan dan perbuatan yang baik serta dapat diterima akal dengan hati yang terbuka. Ia mesti disertai dengan tindakan berbentuk bimbingan dan nasihat yang baik. Tidak menakut-nakutkan, tidak memaksa, mengancam, ganas serta merosakkan harta benda milik sasaran. Sekiranya sasaran berkeras, maka apa yang boleh dilakukan ialah bantahan dibalas dengan hujah yang baik dan masih berlandaskan kewarasan akal dan budi.<sup>474</sup>

Dalam konteks remaja bermasalah seksual, Nāsiḥ ‘Ulwān menyarankan bentuk nasihat khusus yang boleh dipraktikkan. Remaja perlu diingatkan tentang implikasi buruk serta hukum menonton gambar serta rancangan-rancangan atau bahan bacaan berbaur lucah. Alasan yang boleh diberikan umpamanya semua perbuatan tersebut akan menjatuhkan harga diri, menumpulkan akal fikiran, melemahkan tubuh badan, menimbulkan berahi serta menghapuskan kemuliaan serta kehormatan diri. Justeru remaja akan dapat berfikir dan mempertimbangkan segala nasihat dan pesanan yang diterima.<sup>475</sup> Ternyata, peringatan yang diberikan perlu disertai dengan alasan yang boleh diterima oleh remaja. Hakikatnya nasihat juga akan lebih berpengaruh jika dilakukan bersama dengan contoh teladan. Di sini terbukti pentingnya pendekatan contoh teladan sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

---

<sup>473</sup>Sanerya Hendrawan, *Spiritual Management: From Personal Enlightenment Towards God Corporate Governance* (Bandung: PT Mizan Pustaka, 2009), 109.

<sup>474</sup>Achmad Chodjim, *Menerapkan Keajaiban Surah Yasin dalam Kehidupan Sehari-hari* (Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2008), 284.

<sup>475</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 270-276.

Ab. Aziz Mohd. Zin menjelaskan salah satu lagi kaedah yang boleh digunakan ketika menasihati dan mempengaruhi orang lain ialah melalui pujukan dengan cara yang lemah lembut serta memikat hati.<sup>476</sup> Dalam konteks dakwah, ia merujuk kepada usaha menyebarkan agama Islam dengan melihat kepada latar belakang kehidupan sasaran baik dari segi psikologi, sosiologi, sosial atau pun budaya serta kerangka ideologi politiknya sehingga sikap dan tingkah laku diarahkan sesuai dengan mesej ajaran Islam atau dalam erti kata lain bermaksud dakwah dilihat dari multi dimensi kehidupan objek dakwah kerana ia nya bersifat praktikal dan efektif.<sup>477</sup>

Antara ciri-ciri perkembangan remaja dalam menuju kematangan ialah mereka dikatakan gemar berosal jawab dengan orang dewasa, gemar membuat spekulasi, memahami akibat dari tingkah laku, menilai dan memperbaiki diri, berfikir dan membanding nilai moral, menuntut keadilan dan percaya peraturan yang tidak adil. Justeru, menjadi tugas ibu bapa dan pendidik pada peringkat ini membimbing remaja agar faham dan mengendali kesan perubahan drastik pada diri mereka. Ibu bapa perlu melayan dan menghormati keupayaan anak pada peringkat perubahan, pupuk pemikiran dan reaksi rasional terhadap isu yang dihadapi, berhemah mengendali tingkah laku anak, menjalin hubungan erat dan mesra dengan anak serta menggalakkan pemikiran matang anak dan memberi peluang kepada mereka membuat pilihan.<sup>478</sup>

Ringkasnya, pendekatan nasihat dan bimbingan akan menjadi lebih berkesan sekiranya disertai dengan penggunaan hujah yang rasional, bahasa yang baik serta penjelasan yang mudah difahami dan diterima. Namun, ada kalanya perdebatan secara tegas diperlukan sekiranya keadaan memaksa namun masih tidak keterlaluan. Justeru,

<sup>476</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 167.

<sup>477</sup>Totok Jumantoro, *Psikologi Dakwah Dengan Aspek-aspek Kejiwaan yang Qur'ani*, 150.

<sup>478</sup>Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari, *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, 85-86.

pendekatan nasihat dan bimbingan sesuai diimplementasikan dalam proses pelaksanaan modul keagamaan remaja hamil luar nikah

### 3.3.3.4 Pendekatan Pembiasaan

Dalam menghuraikan pendekatan pembiasaan, Nāṣīḥ ‘Ulwān menegaskan antara dasar utama Islam dalam memperbetulkan anak-anak yang sudah mencapai umur baligh ialah menjauhkan mereka dari kejahanan serta mengubah kebiasaannya.<sup>479</sup> Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, akhlak dipercayai boleh berubah dari buruk kepada baik dan juga sebaliknya.<sup>480</sup> Usaha-usaha ke arah pembentukan manusia berakhhlak memerlukan persediaan dan pengisian secara bervariasi. Perkara utama yang perlu difikirkan ialah bahan yang bercorak kerohanian yang perlu diisi secara berterusan dan diikuti dengan penghayatan serentak. Bahan yang diajar pula tidak akan membawa erti sekiranya tidak ada ruang penghayatan.<sup>481</sup>

Menurut al-Ghazālī, akhlak yang baik adalah natijah dari keadaan jiwa yang sempurna.<sup>482</sup> Oleh sebab itu, proses pembentukan akhlak yang baik perlu bermula dengan proses penyucian jiwa. Dalam proses pembangunan kerohanian mengikut tradisi Islam, penyucian jiwa disebut sebagai *Tazkiyat al-Nafs* yang melibatkan dua proses utama iaitu, pertama pembuangan sifat-sifat tercela yang disebut sebagai *al-takhalli* atau *mujāhadah al-nafs*. Manakala proses kedua ialah proses penghiasan, pemakaian dan mengisi unsur-unsur yang baik atau sifat-sifat mulia ke dalam jiwa yang diistilahkan sebagai *al-tahalli* atau *riyādah al-nafs*.<sup>483</sup> Said Hawa menjelaskan bahawa

<sup>479</sup>Nāṣīḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 190-198.

<sup>480</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma’na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, 15.

<sup>481</sup>Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, 130.

<sup>482</sup>Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*’, Juz 3, 604-609

<sup>483</sup>Zakaria Stapa, “Menangani Persoalan Penyakit Sosial Melalui Pendidikan Kerohanian Islam,” *Jurnal YADIM*, 7 (Okttober 2005), 30-38.

proses penyucian jiwa merupakan suatu perjalanan menuju Allah SWT yang boleh dilakukan melalui ibadah<sup>484</sup> yang akhirnya membawa kepada penghayatan.<sup>485</sup>

Menurut al-Ghazālī, proses pembuangan sifat tercela perlu dilakukan dengan cara memaksa diri melakukan sesuatu yang bertentangan dengan sifat sedia ada.<sup>486</sup> Manakala, taubat merupakan satu inisiatif yang telah dicadangkan bagi tujuan tersebut. Hal ini kerana, proses taubat melibatkan perlakuan mengosongkan jiwa terlebih dahulu dari sifat tercela supaya dapat diisi dengan sifat terpuji.<sup>487</sup> Demikian juga kaedah yang sama digunakan dalam mengalihkan kaum jahiliah dari meneruskan adat kebiasaan mereka yang sesat dan meninggalkan dosa. Umpamanya ayat al-Quran berhubung pengharaman arak dimulakan dengan menceritakan tentang keburukan arak berbanding manfaat. Titik permulaan pembentukan individu bermula dengan mengubah keadaan sekelilingnya dari percampuran dengan kawan-kawan yang jahat.<sup>488</sup>

Prinsip pembangunan atau pertumbuhan di dalam Islam dapat dilaksanakan dengan mendisiplinkan diri orang yang berkemampuan untuk melakukan kejahatan melalui penguasaan perasaan dan nafsunya. Ia menuntut agar jiwa manusia itu sentiasa memerhati dan menghitung amalannya supaya akhlaknya tidak bercanggah dengan jalan wahyu. Kaedah ini membawa kepada peringkat ketenangan jiwa dan kemudian menjadi dasar kepada akidah dan tindakan selanjutnya.<sup>489</sup> Dalam al-Quran proses ini juga dinyatakan sebagai *mujāhadah*. Firman Allah mengenai *mujāhadah* di dalam Al-Quran seperti berikut:

<sup>484</sup>Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin, *Personaliti dari Perspektif al-Ghazālī*, 46.

<sup>485</sup>Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 404.

<sup>486</sup>Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*', Juz 3, 619-623.

<sup>487</sup>Nabih Abdul Rahman, "Manusia dalam Tiga Dimensi" *Al-Insan: Al-Ruh wa Al-'Aql wa Al-Nafs*, (terj.), Tajuddin, (Arau: Pustaka Islamiyah, 1990), 140.

<sup>488</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 197.

<sup>489</sup>Muhammad Quṭb, "Asas Pembangunan Islam," dalam *Islam dan Pembangunan Persatuan Sains Sosial*, ed. Ismail R. Al-Faruqi (Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 5

وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا لَنَهَدِيهِمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٢٩﴾

Al-‘Ankabūt 29:69

Terjemahan: Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.

*Mujāhadah* bukan bertujuan untuk menyekat jiwa seseorang dari menikmati keseronokan tetapi mengendalikan jiwa supaya berada pada batas yang wajar dan halal di sisi Allah. Keperluan remaja terhadap *mujāhadah* memandangkan kemahuan remaja untuk komited dengan ketaatan bukan sesuatu yang mudah seperti niat akan tetapi perlu memandu jiwa serta menolak dorongan hawa nafsu, keinginan yang membara. Justeru ia perlu didahului dengan perjuangan yang panjang dan penuh getir, cetuskan motivasi, tolak dorongan syahwat. Orang yang menjadi hamba nafsu syahwat tidak akan sesekali sanggup untuk melakukan *mujāhadah*. Pengulangan pula memberi maksud pengulangan perilaku hingga ia menjadi kebiasaan yang tetap dan tertanam sehingga jiwa itu sendiri merasakan kenikmatan dan kepuasan dalam melakukannya. Pengulangan, perilaku yang menjadi kebiasaan sehingga tertanam di dalam jiwa dan merasakan kenikmatan dalam melakukannya, tiada lagi rasa sukar. Perilaku tersebut terjadi dengan mudah. Pengulangan secara terus menerus merupakan tahap asas dalam membentuk kebiasaan.<sup>490</sup>

Pembiasaan boleh dilakukan dengan beberapa cara. Pertama, menyemai rasa benci terhadap kebiasaan yang buruk dengan merenung ayat-ayat al-Quran hadis, atau apa sahaja yang menyebut tentang keburukan perbuatan tersebut. Kedua, melalui

<sup>490</sup>Al-Za’balawī, Muḥammad Sayyīd Muḥammad., *Tarbiyatul Murāhiq Bayna al-Islām wa ‘Ilm al-Nafs*: (Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah wa al-Nashr wa al-Tawzi’, 1994), 351-354.

penyesalan terhadap perbuatan menangguhkan kebaikan dan kesedihan memikirkan tiada siapa yang mampu mengubah diri melainkan kehendak sendiri. Ketiga, menjauhi maksiat secara bertahap, taubat dengan penyucian jiwa.<sup>491</sup> Gesaan penyucian jiwa juga diterangkan di dalam al-Quran:

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّلَهَا فَأَلْهَمَهَا جُبُورَهَا وَتَقْوِينَهَا قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا

وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّنَهَا

Al-Shams 91: 7-10

Terjemahan: Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih-bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan Sesungguhnya rugilah orang yang menjadikan dirinya-yang sedia bersih-itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Berdasarkan ayat ini, perkataan *fujūr* dan *taqwā* merujuk kepada potensi baik dan buruk yang sudah sedia tersemai dalam dasar diri manusia. Namun, manusia mempunyai pilihan untuk mengembangkan mana-mana potensi tersebut. Sehubungan itu, perspektif Islam melihat penyucian jiwa sebagai satu proses pendidikan sepanjang hayat yang amat penting bagi memastikan potensi baik yang ada dalam diri manusia sentiasa mengatasi potensi buruk. Penghayatan terhadap potensi *taqwā* itu sendiri boleh dilakukan dengan sentiasa menjaga adab-adab syariat serta menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjauhkan diri daripada Allah.<sup>492</sup>

Usaha pembangunan nilai akhlak yang tinggi sememangnya berkait rapat dengan pembangunan aspek kejiwaan yang secara tidak langsung tidak terpisah dengan

<sup>491</sup>Ibid.

<sup>492</sup>Zakaria Stapa, *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), 79-81.

agama.<sup>493</sup> Meskipun akhlak dapat diubah dan dibentuk melalui pembiasaan, namun al-Attas berpandangan bahawa dalam keadaan tertentu ia juga adalah kurniaan dari Allah SWT.<sup>494</sup> Allah SWT mensyariatkan Rasul-Nya meninggalkan kebiasaan yang dilakukan dalam pendekatan dakwah dengan melakukan penghijrahan dari Mekah ke Madinah bagi tujuan membentuk dan menyediakan generasi baru yang soleh dan bebas dari perilaku mungkar mahupun dosa.<sup>495</sup> Berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan, dapat difahami bahawa pendekatan pembiasaan menjadi salah satu mekanisme yang cukup relevan dalam memperbaiki akhlak remaja bermasalah melalui suatu proses yang cukup penting dalam tradisi kerohanian Islam iaitu penyucian jiwa atau *tazkiyat al-nafs*.

### 3.3.3.5 Pendekatan Pengawasan

Pendekatan pengawasan merupakan pendekatan praktikal selanjutnya yang diketengahkan oleh Islam dalam memperbaiki akhlak remaja terutamanya remaja hamil luar nikah. Pendekatan ini bermaksud ibu bapa atau pendidik perlu mengawasi, memberikan perhatian terhadap proses pembentukan akidah dan akhlak remaja, menjaga serta mendampingi mereka dalam aspek kerohanian dan sosial, sentiasa mengambil berat tentang pendidikan jasmani mahupun perkembangan ilmunya. Menurut Nāsiḥ ‘Ulwān, pendekatan bentuk ini merupakan sekukuh-kukuh asas dalam membentuk manusia yang sempurna sehingga menjadikan mereka manusia yang bertimbang rasa, menjalankan amanah dan memelihara kewajipannya dalam erti kata yang sebenarnya.<sup>496</sup>

Sebagaimana pendekatan pembiasaan, pendekatan pengawasan juga merupakan sebahagian dari kaedah penting dalam tradisi kerohanian Islam yang cukup

<sup>493</sup>Rohana Hamzah, *Mengenali Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*, 63.

<sup>494</sup>Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma’na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, 15.

<sup>495</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 582.

<sup>496</sup>Ibid. 275.

dititikberatkan khususnya dalam proses penyucian jiwa yang dikenali sebagai murāqabah. Berdasarkan penelitian Nor Azah Aziz, pendekatan ini diakui boleh membantu merawat masalah salah laku seksual remaja seperti ketagihan pornografi. Hal ini kerana, ia membantu remaja mengawal pancaindera dari memandang perkara yang boleh membangkitkan keinginan nafsu syahwat.<sup>497</sup>

Hakikatnya, pendekatan ini ditekankan oleh Nāsiḥ ‘Ulwān kerana ia akan menanamkan rasa takut remaja kepada Allah SWT lantaran merasakan sentiasa diawasi dan diperhatikan oleh Allah atas setiap perlakuan sama ada yang nampak atau tersembunyi. Justeru, ia secara tidak langsung akan mendorong manusia menghentikan perbuatan maksiat lantas bertaubat. Rasa takut kepada Allah akan terhasil melalui pelbagai kegiatan seperti membiasakan diri berzikir, berada di majlis-majlis ilmu, membaca al-Quran, bertahajud, mengingati mati, bergaul dengan orang-orang yang soleh.<sup>498</sup>

Dalam proses memperbaiki akhlak remaja, Nāsiḥ ‘Ulwān menjelaskan pengawasan sebagai langkah berjaga-jaga dan memperhatikan kegiatan anak-anak agar sentiasa berdamping dengan rakan-rakan yang berakhlak serta dipercayai boleh mengingatkan serta menasihati mereka jika lalai dan terlupa.<sup>499</sup> Selain itu, pengawasan juga membawa maksud memelihara anggota atau panca indera. Misalnya memelihara kemaluan sahaja tidak akan berkesan jika tidak disertakan dengan menjaga mata dari melihat perkara yang tidak sepatutnya serta tanpa menjaga hati dari pelbagai niat yang bukan-bukan serta menjaga perut dari berbagai-bagai makanan yang syubhah serta

<sup>497</sup>Nor Azah Ab. Aziz, “Pengawalan Diri.”

<sup>498</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 270-276.

<sup>499</sup>*Ibid.*

kekenangan yang melampau kerana semuanya akan membawa kepada dorongan perbuatan nafsu dengan cara yang tercela.<sup>500</sup>

Menurut Fathi Yakan, Islam mengarahkan supaya menjaga pandangan kerana pandangan adalah pembangkit atau penggerak nafsu syahwat dan menjadi laluan kepada keinginan dan minat. Allah SWT telah menjadikan mata itu cermin bagi hati, justeru apabila seseorang menutup pandangannya maka hati pun menutup nafsunya.<sup>501</sup> Perintah memelihara pandangan berdasarkan firman Allah SWT:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجُهُنَّ

Al-Nūr 24: 30-31

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka.

Dalam konteks pelaksanaan modul keagamaan remaja bermasalah seksual, remaja perlu dilatih dan diingatkan agar menjauhkan diri memandang perkara-perkara yang boleh menimbulkan nafsu syahwat. Hal ini kerana, anak-anak jika duduk bersendirian di masa lapang maka akan datang pelbagai fikiran yang melalaikan, terlintas pelbagai macam rasa yang mengganggu, serta khayalan-khayalan seks yang menggiurkan. Maka bagi anak remaja mereka sudah pasti tidak mampu menahannya dari terikut. Justeru, anak-anak perlu dilatih agar mengisi waktu dengan perkara bermanfaat. Pelbagai kegiatan

<sup>500</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Bidayat al-Hidayah*, 31.

<sup>501</sup> Fathi Yakan, *al-Islām wa al-Jins*, cet. 2. (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1975), 88-90.

boleh dilakukan seperti riadah untuk kesihatan jasmani, berkelah untuk kelapangan jiwa, belajar untuk kekuatan akal, membuat kemahiran-kemahiran, menghadiri kelas-kelas pengajian agama dan sebagainya.<sup>502</sup>

Di usia mencecah remaja, ibu bapa perlu memantau dan mengawal pergaulan dan mengenali sikap anak-anak termasuk hal-hal yang berkaitan dengan seks.<sup>503</sup> Perspektif agama mengaitkan kehamilan luar nikah dengan kegagalan manusia dalam mengawal kelima-lima anggota pancaindera dari perkara-perkara yang membangkitkan syahwat dengan cara yang salah.<sup>504</sup> Aktiviti perzinaan juga sebagai natijah dari kecenderungan jiwa terhadap nafsu yang jelas salah dan sering mengajak hati manusia untuk sentiasa berbuat kemaksiatan, kejahatan, kekejadian dan seumpamanya.<sup>505</sup>

Berhubung pendekatan ini, kisah Nabi Yusuf A.S. boleh dijadikan pengajaran bagaimana Baginda menepis godaan daripada Zulaikha iaitu dengan mengingati Allah dan menjadikan-Nya sebagai sebaik-baik pelindung. Keimanan yang kuat kepada Allah telah menjadikan Nabi Yusuf A.S takut dan kuat dan mengawal diri dari termakan dengan pujuk rayu seorang wanita. Bukan sekadar itu, baginda Nabi juga menyedarkan Zulaikha dengan kebaikan yang diberikan kepada beliau dari konteks layanan. Menggunakan psikologi iaitu meletakkan diri dalam situasi bersalah sekiranya mengkhianati suami Zulaikha yang selama ini memberikan layanan yang begitu baik. Nabi Yusuf juga memilih untuk mengasingkan diri iaitu bersetuju untuk dipenjarakan bagi memisahkan diri dari keadaan yang boleh berterusan membawa kepada fitnah.<sup>506</sup>

<sup>502</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 270-276.

<sup>503</sup>Rokiah Ahmad, *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*, 49-51.

<sup>504</sup> Harlina Halizah Siraj dan Noralina Omar, *Berbicara Mengenai Kesihatan Reproduktif Remaja: Panduan untuk Ibu bapa dan Guru*, 13.

<sup>505</sup>Sa’id Hawwā. *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10. Kaherah: Dār al-Salām, 2009, 16.

<sup>506</sup>Ahmad Murshidi Mustapha dan Nik Yusri Musa, “Salah laku Seks: Kajian Melalui Kisah Nabi Yusuf dan Nabi Lut dalam al-Quran” (makalah, Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012, Dewan Terbuka Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 02 - 03 Disember 2012).

Ringkasnya, Islam sama sekali dilihat tidak mengetepikan pendekatan bentuk ini dalam memperbaiki akhlak anak-anak. Justeru, ia diperlukan dalam pelaksanaan modul keagamaan khususnya bagi membantu remaja hamil luar nikah untuk mengawal diri dari mengulangi kesalahan yang sama.

### **3.3.3.6 Pendekatan Hukuman dan Ganjaran**

Hukuman dan ganjaran merupakan pendekatan penting yang telah dikemukakan oleh Islam dalam mendidik remaja bermasalah hamil luar nikah. Fadriati menjelaskan hukuman sebagai tindakan yang dikenakan ke atas individu secara sedar dan sengaja sehingga menimbulkan kesedihan dan kesedaran atas perbuatan salah yang dilakukan seterusnya mendorong berjanji dalam hatinya untuk tidak mengulanginya.<sup>507</sup> Walau bagaimanapun, Nāsiḥ ‘Ulwān menjelaskan bahawa hukuman hanya dijadikan sebagai pilihan terakhir dalam pendidikan sekiranya peringatan yang diberikan kepada remaja tidak lagi mampu untuk memperbaiki sikap dan tingkah laku mereka. Hal ini kerana, hukuman kadangkala dapat menimbulkan perasaan tidak senang, bahkan dapat menimbulkan sikap memberontak.<sup>508</sup>

Dalam membincangkan tentang konsep hukuman di dalam Islam, Fathi Yakan berpendapat hukuman dan seksaan adalah salah satu alat yang dipegang oleh Islam bagi memelihara masyarakat dari serangan penyelewengan dan keluarbiasaan selain untuk memperbaiki penjenayah dan mengancamnya supaya tidak mengulangi jenayah berkenaan, pada masa yang sama untuk membala ganti rugi jasmani terhadap jenayah yang telah dilakukan serta menyekat jenayah supaya berleluasa. Menurutnya lagi, sebahagian individu cukup dengan nasihat dan peringatan sahaja, sedangkan sebahagian

---

<sup>507</sup>Fadriati, Prinsip-prinsip Metode Pendidikan Islam dalam Al-Quran, *Jurnal Ta'dib*, Vo. 15, No. 1 (Jun 2012), 10.

<sup>508</sup>Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 317.

yang lain mesti dihukum dan didenda. Sementara itu, ada pula sesetengah individu tidak berguna walau dengan apa cara sekalipun melainkan dengan hukuman dan keseksaan untuk menghalangnya dari mengulangi tingkah laku berkenaan.<sup>509</sup>

Secara asasnya terdapat tiga objektif utama yang terkandung dalam hukuman atau keseksaan. Pertama; hukuman untuk pembalasan bermaksud pesalah perlu dikenakan pembalasan yang setara dengan kesalahan tanpa memandang sama ada hukuman itu berfaedah atau sebaliknya kepada dirinya atau masyarakat. Ini sesuai dengan konsep keadilan yang menekankan kepada balasan terhadap apa yang telah dilakukan. Kedua, hukuman bermaksud pencegahan bererti mencegah kesalahan yang sama daripada berulang lagi. Ketiga, bertujuan untuk pemulihan merupakan satu penyediaan kepada suasana ke arah penerimaan kembali pesalah kepada masyarakat. Ini dapat dilihat dalam hukuman seperti dipenjarakan dan dibuang daerah.<sup>510</sup>

Ganjaran adalah tindakan yang menyenangkan yang diterima oleh individu yang mempunyai prestasi serta tingkah laku yang baik dan tindakan tersebut dapat menimbulkan keinginan individu lain untuk mencontohnya.<sup>511</sup> Prinsip hukuman dan ganjaran telah banyak diketengahkan di dalam al-Quran khususnya dalam menjelaskan sebab dan akibat daripada sesuatu perbuatan manusia sama ada baik mahupun buruk supaya manusia lebih berwaspada dalam setiap perilaku.<sup>512</sup> Perkara ini boleh difahami secara jelas berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ أَحَسْنَتُمْ أَحَسْنَتُمْ لَا نُفْسِكُمْ وَإِنَّ أَسَأْتُمْ فَلَهَا

Al-Isrā' 17:7

<sup>509</sup>Fathi Yakan, *al-Islam wa al-Jins*, cet. 2, 55-57.

<sup>510</sup>Paizah Ismail, *Status Wanita dalam Undang-undang Jenayah Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004), 107-112.

<sup>511</sup>Fadriati, Prinsip-prinsip Metode Pendidikan Islam dalam Al-Quran, *Jurnal Ta'dib*, Vo. 15, No. 1 (Jun 2012), 10.

<sup>512</sup>Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*, 85-86.

Terjemahan: Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahanan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.

Berdasarkan sejarah dakwah Rasulullah SAW, sesuatu suruhan atau larangan terutamanya berhubung asas-asas ajaran Islam dikemukakan berserta dengan alasan agar sasaran mudah untuk memahaminya. Di dalam al-Quran Allah SWT telah menjelaskan tugas para Rasul adalah untuk menyampaikan berita gembira dan peringatan kepada manusia, firman-Nya:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ يَبْشِيرًا وَنَذِيرًاٰ وَإِنْ مِنْ أُمَّةٍ إِلَّا حَلَّ فِيهَا نَذِيرٌ

Fātir 35: 24

Terjemahan: Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan (agama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dan tidak ada, sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangannya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.

Berdasarkan ayat ini, perkataan *bashīran* dan *nadhīran* menunjukkan dua tugas utama para Rasul. Dalam membangkitkan motivasi manusia untuk menerima Islam, pendekatan Al-Quran juga tidak hanya menakut-nakutkan manusia dengan hukuman seperti azab neraka, tetapi pada masa yang sama al-Quran menggambarkan tentang kenikmatan dan kebahagiaan seperti syurga dan pahala. Pendekatan menakut-nakutkan hanya akan membuatkan manusia trauma dan takut untuk mendekati Islam. Manakala terlalu mengharapkan Allah pula menjadikan seseorang memandang remeh hal-hal kebaikan, lalai. Justeru, al-Quran berusaha menyeimbangkan antara rasa takut dan harap pada Allah. Sintesis antara rasa takut dan harap akan memotivasi manusia untuk mempelajari cara berfikir dan bertindak. Bahkan dalam kebanyakan mesej pengajaran

banyak diselitkan tentang kenikmatan syurga dan pahala<sup>513</sup> serta dosa dan seksaan api neraka.<sup>514</sup>

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan hukuman dan ganjaran perlu mengambil kira beberapa prinsip. Misalnya, hukuman perlu dilakukan secara adil, setimpal dengan kesalahan, bertujuan untuk memperbaiki kesilapan bukan membala dendam, tidak melibatkan hukuman fizikal serta disertakan dengan kemaafan. Manakala, pemberian ganjaran pula adalah sebagai balasan kepada perilaku baik yang ditunjukkan, perlu ada batas dan tidak berlebihan, cukup sekadar membentuk kebiasaan, ganjaran berbentuk perhatian berbanding berbentuk material, bentuk ganjaran yang telah disepakati, menumpukan kepada proses

Hikmah daripada pendekatan ini adalah berfungsi sebagai peringatan kepada manusia supaya sentiasa mengikut garis-garis dan batasan yang ditentukan oleh syarak dalam kehidupan seharian. Selain itu, pendekatan ini mampu memberikan kesedaran bahawa setiap perlakuan sama ada baik ataupun buruk pasti mempunyai balasan yang setimpal. Hal ini selari dengan konsep dosa dan pahala serta matlamat penciptaan syurga dan neraka. Oleh demikian, manusia lebih berhati-hati dalam setiap gerak geri seterusnya membantu mereka menentukan arah tuju tingkah laku tersebut serta memotivasi manusia untuk sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik.<sup>515</sup>

Berhubung pendekatan ini, Hassan Langgulung menjelaskan perubahan tingkah laku dapat dilakukan melalui proses pembelajaran yang melibatkan tiga aspek iaitu rangsangan, gerak balas dan peneguhan. Sekiranya salah satu ditinggalkan, maka pembelajaran tidak berlaku dan perubahan tingkah laku tidak akan berhasil. Proses

<sup>513</sup> Al-Mu'minūn 23:9-11; Tāhā 20:76; Ṣād 38:50; Luqmān 31:8; al-Sajdah 32:19; Yūnus 10:25; Fātīr 35: 34-35; al-Dukhān 44:51; al-Furqān 25:15.

<sup>514</sup> Al-Qāri'ah 101: 9-10; al-Hijr 15:43; al-Shu'arā' 26:91; Mudathir 74:26-27; al-Mulk 67:5,10-11; al-Muṭaffifīn 83:1-3.

<sup>515</sup> Asmawati Suhid, *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*, 83-85.

pembelajaran tersebut memerlukan kepada rangsangan dari pendidik, tindak balas dari individu yang dididik serta gerak balas dalam bentuk perilaku. Proses ini sememangnya telah dibincangkan secara meluas dalam topik pembelajaran sosial. Beliau berpendapat, apa sahaja bentuk gerak balas yang dihasilkan adalah kesan daripada proses peniruan yang telah dibuat setelah menerima rangsangan dari individu lain yang dijadikan model. Manakala status model tersebut juga sama ada sebagai ibu bapa, guru, pemimpin atau sebagainya turut mempengaruhi rasa hormat dalam peniruan seterusnya memberikan impak dalam penghasilan tingkah laku.<sup>516</sup>

Aspek peniruan juga turut dipengaruhi oleh keinginan individu untuk kepentingan tertentu seperti ganjaran atau kepuasan. Perilaku juga boleh berubah-ubah sekiranya wujud tekanan-tekanan yang diluahkan melalui pandangan seseorang atau lebih. Justeru, dalam mewujudkan rangsangan, ia boleh dilakukan dalam pelbagai cara sama ada dalam bentuk material mahupun kata-kata pujian.<sup>517</sup>

Pendekatan bentuk ini sebenarnya merupakan suatu kaedah rangsangan bagi menggalakkan seseorang individu melakukan sesuatu yang baik dengan menjanjikan balasan perkara-perkara yang disukai oleh sasaran. Misalnya, dalam konteks dakwah, usaha dakwah ialah menyeru kepada kebaikan iman, amal soleh, ilmu, jihad, perkahwinan, akhlak mulia, takwa, taat, mementingkan akhirat dan lain-lain kebaikan supaya sasaran terangsang untuk berbuat demikian dengan menjanjikan keuntungan dan kebaikan.<sup>518</sup> Hakikat ini dijelaskan dalam firman Allah Ta’ala:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُتْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ

الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

Al-Nisā’ 4: 124

<sup>516</sup>Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 387-390.

<sup>517</sup>Ibid.

<sup>518</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 160.

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun.

Zakiah Daradjat menyebut tiga perkara yang akan mendorong kepada peningkatan kepercayaan kepada Allah SWT ialah setelah timbulnya perasaan berdosa, memahami konsep syurga dan neraka, serta mengenali sebaiknya fungsi malaikat dan syaitan.<sup>519</sup> Selain, pendekatan ini disertai dengan proses *muhasabah* iaitu pemeriksaan diri yang membawa kepada kritikan terhadap diri seterusnya membawa kemungkinan kepada proses penambahbaikan diri. Melibatkan proses penilaian. Muhasabah juga membawa maksud proses imbau semula perlakuan-perlakuan lepas dengan tujuan untuk pembetulan di masa hadapan<sup>520</sup> analisis diri, perlakuan malah pemikiran.<sup>521</sup>

Selain Islam, pendekatan bentuk ini turut diaplikasikan oleh Barat dalam pembentukan tingkah laku individu melalui teori pembelajaran tingkah laku yang diasaskan oleh Skinner. Teori tersebut merumuskan bahawa sebarang tingkah laku boleh dibentuk melalui peneguhan yang diberikan. Individu yang berperilaku baik perlu terus diteguhkan dengan pemberian hadiah, pujian dan sebagainya bagi memberi galakan. Jika sebaliknya, peneguhan tidak diberikan malah diberikan dendaan atau hukuman agar tingkah laku keji dapat dikurangkan.<sup>522</sup>

Secara keseluruhannya, kesemua pendekatan yang telah dibincangkan merupakan pendekatan praktikal yang disarankan oleh Islam dan ia sesuai untuk diimplementasikan dalam proses menyuburkan penghayatan keagamaan dalam diri

<sup>519</sup>Zakiah Daradjat, *Ilmu Jiwa Agama*, 81-83.

<sup>520</sup>David Weir, "Islam, Belief System and Organization," dalam *Belief and Organization*, (ed.) Case, P. et al., (Palgrave Macmillan, 2012), 95.

<sup>521</sup>Aisha Bewley, *A Glossary of Islamic Terms*, (London: Ta-Ha Publishers, 1998), 217

<sup>522</sup>Burrhus Frederic Skinner, *The Shaping of a Behaviourist* (New York: Knopf Inc, 1979) 12-15.

remaja bermasalah. Jika diperhatikan, setiap pendekatan yang dianjurkan berbalik kepada usaha-usaha mengekang faktor-faktor penglibatan remaja dengan seks bebas sehingga membawa kepada kehamilan luar nikah.<sup>523</sup>

Meskipun terdapat persamaan di antara beberapa bentuk pendekatan yang diaplikasikan oleh Islam dan Barat, namun apa yang menjadikan pendekatan Islam lebih istimewa ialah dalam semua keadaan akhirnya ia bermatlamat membawa individu mengenal Tuhan dan diri sendiri seterusnya meletakkan agama sebagai cara hidup. Secara praktikal pula, kesemua pendekatan ini boleh digunakan secara terintegrasi dan silih berganti mengikut kesesuaian dan keperluan remaja.

### **3.4 MASALAH PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN**

Dalam menjalankan proses psikoterapi dan kaunseling Islam mahupun Barat, usaha mengenal pasti masalah merupakan proses penting yang diberikan tumpuan. Sebagai contoh; melalui kaunseling Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din, kaunselor dan klien akan meneroka kelemahan dan kekuatan yang wujud dalam diri klien terlebih dahulu, kemudian kaunselor akan mencadangkan solusi yang efektif serta intervensi bagi menjana perubahan ke arah yang lebih baik.<sup>524</sup>

Dalam sejarah perkembangan Islam, masalah juga merupakan perkara biasa yang dihadapi oleh para Nabi, Rasul, Khulafa' Rasyidin dan ulama' terdahulu. Perjalanan dakwah mereka penuh dengan cabaran yang cukup getir apabila berhadapan dengan pelbagai tekanan sama berbentuk psikologi seperti cacian dan makian ataupun fizikal seperti disakiti seperti dipukul. Namun begitu, peristiwa demi peristiwa yang menyakitkan tersebut telah menjadikan baginda dan para sahabat lebih kuat serta

<sup>523</sup>Lihat perbincangan di Bab Dua, Sub-topik 2.2.

<sup>524</sup>Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin, *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*, Edisi Keempat (Nilai, Negeri Sembilan: USIM, 2014), 251-270.

matang dalam menyusun strategi sehingga akhirnya dakwah Islam berkembang dengan jayanya sehingga ke hari ini.

Antara bentuk-bentuk masalah yang biasa berlaku dalam penyebaran agama Islam ialah pertama, dakwah dianggap asing, kesannya pada mesej dan metode akhirnya meletakkan pendakwah sebagai orang luar. Kedua, penyampaian dakwah dianggap sempit sekadar ceramah, orientasi dakwah sentiasa dikaitkan dengan hal-hal kerohanian sahaja. Ketiga, masyarakat dalam dakwah sering dianggap masyarakat yang sekelompok sahaja. Keempat, sikap menafikan perencanaan pelaksanaan dan penilaian dalam kegiatan dakwah. Kelima, sikap terlalu selesa dengan janji Allah tentang kemenangan sehingga mengetepikan aspek kesungguhan dan metode.<sup>525</sup>

Dalam konteks Malaysia mutakhir ini, usaha penyampaian agama Islam turut berhadapan dengan pelbagai cabaran yang begitu kompleks berbanding zaman sebelum merdeka seiring dengan pertambahan jumlah penduduk dan lahirnya keragaman sasaran serta perkembangan teknologi maklumat yang membawa bersamanya nilai-nilai tertentu. Zaman sebelum kemerdekaan menyaksikan proses perjalanan dakwah dan cabarannya tidak begitu kompleks namun terpaksa berhadapan dengan situasi yang agak kritikal, misalnya tercetusnya konflik Kaum Tua-Kaum Muda. Selepas kemerdekaan, cabaran dakwah menjadi lebih rencam, beragam dan lebih kritikal. Jumlah penduduk yang semakin bertambah lagi majmuk, masalah pendekatan, cabaran menangani masalah dalaman umat Islam, pertentangan dengan lain-lain ideologi dan kepercayaan adalah antara cabaran yang mendepani dakwah di abad baru.<sup>526</sup>

Berdasarkan catatan sejarah, setibanya Rasulullah SAW bersama rombongan di Madinah semasa peristiwa Hijrah, mereka berhadapan dengan masalah ekonomi.

<sup>525</sup>Didin Hafidhuddin, *Dakwah Aktual* (Jakarta: Gema Insani Press, 1998), 69-70.

<sup>526</sup>Abdul Ghafar Don dan Badlihisham Mohd. Nasir, "Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka," *Jurnal al-Hikmah* 4 (2012), 15-22.

Justeru, usaha baginda mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar akhirnya telah berjaya menyelesaikan masalah tersebut dengan membuka peluang pekerjaan kepada golongan muhajirin untuk sama-sama memperkuatkan taraf kehidupan. Selain itu situasi ekonomi masyarakat di Madinah pada ketika itu yang dikuasai oleh orang Yahudi juga telah mendorong Rasulullah SAW menyusun strategi dengan memberikan pendidikan kepada umat Islam untuk sama-sama mempertingkat ekonomi dan bersaing secara sihat.<sup>527</sup>

Bahkan masjid yang telah dibina di Madinah juga bukan sahaja terbatas kepada kegiatan ibadah seperti solat tetapi fungsinya diperluaskan sebagai tempat untuk mengukuhkan sosio-ekonomi umat Islam. Tindakan ini secara jelas membuktikan bahawa aspek kekuatan ekonomi begitu dititikberatkan oleh Rasulullah SAW dalam perjalanan dakwah suatu masa dahulu. Kekuahan dana akan membantu melancarkan usaha penyebaran Islam. ketiadaan dana akan menyukarkan pelaksanaan apa juar perancangan. Kehidupan Rasulullah SAW juga dikelilingi individu yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuk golongan bangsawan seperti Sayidina Abu Bakar al-Siddiq, Sayidina ‘Umar al-Khattab, Abdul-Rahman bin Auf, Sayidina Uthman bin Affan, isteri baginda sendiri Khadijah binti Khuwailid, yang membelanjakan harta di jalan Allah. Justeru, sumber kewangan amat penting dalam usaha pengembangan Islam selain menyukarkan pengembangan dakwah, kemiskinan juga boleh membawa kepada kekufuran.

Dalam konteks pengendalian modul pula, Jamaludin Ahmad menjelaskan terdapat beberapa masalah yang akan dilalui sama ada sebelum, semasa dan selepas tamatnya pelaksanaan modul yang telah dirancang.<sup>528</sup> Sebelum pelaksanaan, masalah

<sup>527</sup>Ab. Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW*, 228-231.

<sup>528</sup>Jamaludin Ahmad, *Modul Motivasi Diri*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 88-116.

mungkin melibatkan minat dan kesediaan pelaksanaan modul sendiri. Semasa pelaksanaan pula, masalah boleh berpunca daripada komitmen dan penglibatan peserta, pengendalian masa, peralatan untuk aktiviti, pemilihan aktiviti, tumpuan terhadap aktiviti, etika kerahsiaan dalam aktiviti, kecergasan ahli, minat peserta. Seterusnya, sebaik sahaja tamat aktiviti pula melibatkan maklum balas dan respons peserta seperti penarikan diri, membocorkan rahsia serta tidak menyiapkan tugas. Masalah setelah tamat modul keseluruhan pula membabitkan tanggungjawab sesama pelaksana dan peserta untuk saling bertanya khabar dan sentiasa mengadakan perbincangan bagi memastikan objektif modul tercapai dan berterusan untuk panduan masa akan datang.<sup>529</sup>

Berdasarkan realiti tersebut, tidak keterlaluan jika dikatakan pelaksanaan modul keagamaan juga sudah pasti tidak akan terlepas dari berhadapan dengan masalah. Ekoran daripada pelbagai masalah yang mungkin timbul, maka Karīm Zaydān pernah mengingatkan bahawa kaedah yang berjaya dalam memperbaiki akhlak manusia bermula dengan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka. Maka ia akan mempermudah usaha seterusnya iaitu menentukan apakah jenis ubat atau penyelesaian yang bersesuaian.<sup>530</sup> Gesaan mencari penyelesaian ada disebutkan oleh baginda Nabi melalui hadis sahih berikut:

عَنْ أَبِي الزُّبَيرِ عَنْ جَابِرٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً  
فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأً بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Terjemahan: Dari Abu Az-Zubair dari Jabir dari Rasulullah SAW, baginda bersabda: "Setiap penyakit ada ubatnya. Apabila ditemukan ubat yang tepat untuk suatu penyakit, maka akan sembuhlah penyakit itu dengan izin Allah 'azza wajalla."<sup>531</sup>

<sup>529</sup>Ibid.

<sup>530</sup>Zaydān, ‘Abd al-Karīm, *Uṣūl al-Da’wah*, 404.

<sup>531</sup>Hadir Riwayat Muslim, Kitab al-Salam, Bab li kuli da’i dawa’in wa istihbab al-Tudawiy, no. hadis 2204/ 4084.

Justeru, masalah merupakan isu pokok yang seharusnya diberikan perhatian demi menyediakan suatu bentuk penyelesaian yang benar-benar bersesuaian serta menjamin pelaksanaan modul keagamaan secara lebih komprehensif, proaktif dan efektif.

### **3.5 KESIMPULAN**

Islam telah menyediakan suatu garis panduan yang jelas berhubung pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Dari aspek pelaksanaan, penekanan utama yang diberikan perhatian ialah berhubung pemilihan bentuk-bentuk pengisian yang bersesuaian dengan remaja bermasalah namun masih berada dalam ruang lingkup keagamaan yang jelas iaitu akidah, ibadah serta akhlak. Selain pengisian yang bersesuaian, agama Islam juga telah menggariskan pelbagai pendekatan yang dilihat cukup praktikal dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil. Secara khususnya, terdapat enam pendekatan utama yang telah dikemukakan iaitu pendekatan berbentuk contoh teladan, nasihat dan bimbingan, pembiasaan, beransur-ansur, pemerhatian dan pengawasan serta hukuman dan ganjaran. Secara jelasnya, dapat dikatakan kesemua bentuk pengisian dan pendekatan yang disarankan di dalam Islam ini begitu relevan dengan punca yang menjadi permasalahan remaja hamil. Selain itu, ia juga bersifat holistik dan menitikberatkan keperluan remaja sebagai seorang manusia. Selain melihat kepada aspek pelaksanaan modul keagamaan, Islam juga secara jelas memperlihatkan komitmen dengan menekankan kepada usaha mengenal pasti masalah kerana ia akan melahirkan pelbagai inisiatif lain yang lebih efektif.

## **BAB 4 : PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN REMAJA HAMIL LUAR**

### **NIKAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI SELANGOR**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan dapatan bagi menjawab objektif pertama dan kedua kajian berhubung pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah analisis ke atas kandungan modul serta beberapa dokumen lain yang diperoleh dari pusat perlindungan wanita. Selain itu, temu bual dan pemerhatian. Hasil dapatan kajian seterusnya dianalisis dan dibincangkan dalam bentuk tema dan sub tema agar selari dengan objektif kajian yang telah digariskan.

#### **4.2 LATAR BELAKANG PUSAT PERLINDUNGAN WANITA**

Berdasarkan sejarah, negeri Selangor merupakan lokasi pertama penubuhan pusat perlindungan wanita untuk remaja hamil iaitu Taman Seri Puteri kendalian JKMM kira-kira sedekad yang lalu. Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam skop kajian sebelum ini, kajian memfokuskan kepada tiga buah pusat perlindungan wanita di negeri Selangor iaitu Taman Seri Puteri Cheras, mewakili Kerajaan Persekutuan, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, mewakili kerajaan negeri dan Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah mewakili pertubuhan NGO. Oleh itu, isu atau perbincangan dalam konteks kajian ini hanya akan menyentuh mengenai tiga buah pusat perlindungan wanita ini sahaja yang akan dirujuk sebagai PPW dalam bahagian perbincangan seterusnya.

#### **4.2.1 Sejarah dan Objektif Penubuhan**

##### **a. Taman Seri Puteri Cheras**

Pusat perlindungan wanita pertama yang dipilih dalam kajian ini ialah Taman Seri Puteri Cheras yang akan dirujuk sebagai TSP di dalam perbincangan selepas ini. Secara umumnya Taman Seri Puteri adalah tempat perlindungan bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 55 Akta Kanak-Kanak 2001. Selain Taman Seri Puteri Cheras, terdapat juga beberapa buah Taman Seri Puteri yang juga berada di bawah kendalian JKM di seluruh Malaysia iaitu Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak Taman Seri Puteri Kuching, Sarawak, Taman Seri Puteri Kota Kinabalu, Sabah.<sup>532</sup> Pada Tahun 2010, 90 peratus daripada hampir 200 pelatih yang menghuni Taman Seri Puteri seluruh negara terdiri daripada remaja hamil luar nikah.<sup>533</sup>

Secara khususnya, TSP Cheras beroperasi di alamat KM. 18, Jalan Cheras, 43000, Kajang Selangor yang juga terletak di dalam daerah Hulu Langat. Ia dibina di atas tanah seluas 13 ekar dan dihubungkan melalui Lebuh raya Cheras-Kajang. Institusi ini terdiri daripada satu blok bangunan dua tingkat yang terdiri daripada dua bilik asrama di bahagian atas, manakala bahagian bawah terdiri daripada tiga blok pentadbiran, dua kelas latihan, dapur serta dewan makan, dewan besar, sebuah surau dan kawasan perumahan kakitangan. Pusat ini telah diwartakan sebagai kawasan larangan dan tempat selamat.<sup>534</sup>

---

<sup>532</sup>*Ibid.*

<sup>533</sup> “Kerajaan Sedia Rumah Perlindungan Gadis Hamil Luar Nikah Sejak 1975,” laman sesawang *Utusan Online* dicapai 21 Januari 2016,

<sup>534</sup> [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.html](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.html)

<sup>534</sup> Pamflet Taman Seri Puteri Cheras (Selangor: Taman Seri Puteri Cheras, 2013)

TSP merupakan salah sebuah institusi yang dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sejak tahun 1975 mengikut Akta Pemulihan Wanita dan Gadis 1973 yang ketika itu dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, manakala penghuninya terdiri daripada wanita dan gadis berusia di bawah 21 tahun. Pada November 1992, pusat ini telah diwartakan pertukaran namanya kepada Taman Seri Puteri Cheras kerana difikirkan nama tersebut tidak lagi sesuai dengan imej pelatih yang ditempatkan di institusi ini. Mulai Ogos 2002, selepas Akta Kanak-kanak 2001 berkuat kuasa, kes-kes yang diterima masuk ke institusi ini ialah melalui perintah mahkamah di bawah umur 18 tahun. Antara kes-kes yang diterima masuk ke TSP adalah seperti kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan, kes kanak-kanak yang tidak terkawal serta kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan segera.<sup>535</sup>

Objektif penubuhan TSP Cheras ialah pertama, memberi pemulihan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya penyelewengan moral. Kedua, memulihkan akhlak mereka dengan memupuk sikap dan nilai-nilai yang murni sesuai dengan norma masyarakat. Secara khususnya, TSP merupakan sebuah institusi yang berfungsi memberikan perlindungan dan pemulihan untuk kanak-kanak perempuan berumur 18 tahun dan ke bawah yang terdedah kepada bahaya penyelewengan moral, melibatkan diri dalam pelacuran atau memerlukan perlindungan segera seperti hamil di luar nikah.<sup>536</sup>

---

<sup>535</sup>*Ibid.*

<sup>536</sup>*Ibid.*

## **b. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan**

Pusat perlindungan wanita kedua yang dipilih dalam kajian ini ialah Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan yang akan dirujuk sebagai BES dalam perbincangan selepas ini. BES merupakan sebuah pusat perlindungan wanita yang ditubuhkan di bawah bahagian pemulihan ar-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui peruntukan di bawah Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2)<sup>537</sup> Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995 (EJSS 2003). Pusat perlindungan wanita ini telah diwartakan pada 13 September 2001 di dalam kawasan seluas 6 ekar di daerah Sabak Bernam dan mempunyai 4 bangunan utama yang menempatkan kakitangan dan juga para pelatih iaitu Blok Bangunan Pentadbiran, Blok Asrama Pelatih Sukarela, Blok Asrama Perintah Mahkamah dan Blok Rumah Perlindungan Sementara. Melalui peruntukan yang sama, satu kaedah telah digubal dan telah diluluskan pada 28hb September 2001 bersamaan 10 Rejab 1422H di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu Perintah-Perintah Tetap Baitul Ehsan 2001 yang membolehkan BES mentadbir, memulihkan, dan memberikan perlindungan kepada golongan wanita yang memerlukan bimbingan di Negeri Selangor khususnya.<sup>538</sup>

Penubuhan Baitul Ehsan adalah bagi memenuhi beberapa objektif. Pertama, untuk melaksanakan kehendak maksud Seksyen 53 dan 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 Tahun 1995. Kedua, memberi perlindungan dan pemulihan kepada wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral. Ketiga, untuk memberi latihan dan bimbingan dalam segenap aspek iaitu rohani dan jasmani melalui

<sup>537</sup> Seksyen 54 (2): Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV (Kesalahan yang berhubung dengan Kesilaman), Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

<sup>538</sup> Laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dicapai 17 Jun 2014, <http://www.mais.gov.my/> 202

pendidikan agama dan sosial. Keempat, untuk menyediakan kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional. Misi BES ialah memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial selaras dengan kehendak maksud seksyen 53 dan 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor No.9 (1995). Manakala, visi Baitul Ehsan pula ialah menerapkan amalan-amalan murni bagi membentuk peribadi ummah yang *thiqah* dan solehah berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah selaras dengan visi MAIS untuk melahirkan Masyarakat Beriman, Berilmu dan Berakhhlak. Motto BES pula ialah "Iltizam Membimbung Sahsiah Ummah"<sup>539</sup>

### **c. Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah**

Pusat perlindungan wanita ketiga yang dipilih dalam kajian ini ialah Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah yang akan dirujuk sebagai DARWA dalam perbincangan selepas ini. DARWA berdaftar di alamat 7B Lorong Sanggul 1F, Bandar Puteri, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan dan beroperasi di alamat No. 8 dan 10, Jalan Tanjung Pahang 30/102A, Lorong Haji Taib, Jalan Kebun, Seksyen 30, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. DARWA mula beroperasi sepenuhnya pada 01 September 2008 dan bernaung di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Selangor. Pada 14 Mac 2013, DARWA telah berdaftar secara rasminya dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 dengan nama Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah Rumah Perlindungan Dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (DARWA) (PPM-

---

<sup>539</sup>Pamflet Bahagian Unit al-Riqab (Selangor: Majlis Agama Islam Negeri Selangor, 2012).

034-10-14032013). Terkini, pada 11 Disember 2013, DARWA telah menubuhkan satu lagi cawangan di negeri Johor dan beralamat di No. 34, Kampung Parit Tengah, Benut, 82000 Pontian, Johor Darul Takzim. Cawangan Johor ini mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Februari 2014. Kini DARWA juga turut didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tujuan pemantauan dan laporan perkembangan.<sup>540</sup>

Darul Wardah ditubuhkan bagi memberi perlindungan sementara, sokongan moral dan pemulihan dari segi akidah, emosi dan spiritual kepada kaum wanita Islam di seluruh Malaysia. Pada peringkat awal, penubuhan DARWA dikatakan hanya bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada saudara baharu, namun disebabkan mendapat permintaan yang terlalu banyak dari kes kehamilan luar nikah maka pihak DARWA mempertimbangkan untuk mengendalikan kes tersebut sehingga hari ini.<sup>541</sup> Visi DARWA ialah “Menjana Tamadun *Khair*”, manakala Misi DARWA seperti berikut: a) Mendidik dan memulihkan golongan yang tersasar daripada cara hidup Islam. b) Memberi perlindungan dan mendidik saudara baru (*mualaf*) yang dilanda krisis akidah dan akhlak dan wanita teraniaya. c) Memberi perlindungan dan pemulihan kepada wanita mengandung tanpa nikah. d) Memberi perlindungan sementara kepada wanita gelandangan. e) Membantu dan membimbing remaja perempuan yang tersasar daripada cara hidup Islam untuk kembali kepada Islam yang syumul. f) Memberi bantuan khidmat bimbingan fardu ain, amalan kerohanian, kaunseling dan nasihat guaman. g) Melatih pelatih dengan kemahiran kendiri dan kemahiran hidup. h) Menyedarkan masyarakat dengan isu-isu akidah dan akhlak.<sup>542</sup>

Berdasarkan maklumat di atas, dari aspek usia penubuhan TSP merupakan pusat perlindungan wanita yang lama bertapak di Selangor iaitu hampir sedekad yang lalu.

<sup>540</sup> Pamflet Darul Wardah (Selangor: Darul Wardah, 2014)

<sup>541</sup>*Ibid.*

<sup>542</sup>*Ibid.*

Manakala, DARWA merupakan pusat perlindungan wanita yang paling baru dengan usia penubuhan belum mencecah sepuluh tahun. Setiap pusat perlindungan wanita telah menetapkan misi dan visi penubuhannya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, semuanya bermatlamat ke arah tujuan yang sama iaitu menyediakan khidmat berbentuk perlindungan sementara, bimbingan serta rawatan dan pemulihan wanita serta remaja yang bermasalah moral termasuk kes kehamilan luar nikah ke arah menjadi insan yang lebih baik.

#### **4.2.2 Kategori Pelatih dan Tempoh Perlindungan**

##### **a. Taman Seri Puteri Cheras**


Terdapat beberapa kategori kemasukan pelatih ke Taman Seri Puteri Cheras. Pertama, melalui perintah mahkamah seksyen 40(3) (a) Akta Kanak-Kanak 2001. Kedua, melalui permohonan sendiri seksyen 41 Akta Kanak-Kanak 2001. Ketiga melalui perintah mahkamah seksyen 46, Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kes kanak-kanak tidak terkawal.<sup>543</sup> Tempoh pemulihan maksimum untuk para pelatih adalah selama tempoh tiga tahun. Walau bagaimanapun, kanak-kanak boleh dibebaskan lebih awal dengan kelulusan Lembaga Pelawat dan telah berada di TSP sekurang-kurangnya 12 bulan.

Bagi kes kehamilan, majoriti pelatih di TSP mula mendaftarkan diri ketika usia kandungan mencecah lima bulan dan ke atas, namun terdapat juga sebilangan pelatih yang mendaftar masuk lebih awal misalnya ketika kehamilan baru berusia dua bulan. Dalam kes ini, setiap pelatih akan menghuni di TSP sehingga melahirkan anak dan akan dibenarkan keluar dalam tempoh beberapa hari selepas proses melahirkan. Pihak TSP

---

<sup>543</sup>Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*, dicapai 13 Jun 2013,  
<http://sel.jkmselangor.gov.my/index.php/menu/institusi-kebajikan-masyarakat-negeri-selangor/102-taman-seri-puteri-cheras>.

telah menetapkan bahawa pelatih di TSP tidak boleh melebihi 40 orang dalam satu-satu masa.<sup>544</sup> Rajah 4.1. memaparkan rekod kemasukan pelatih ke TSP dalam tempoh tiga tahun iaitu tahun 2011 hingga 2013.



**Rajah 4.1:** Statistik Kemasukan Pelatih ke Taman Seri Puteri, Cheras 2011-2013 (Bahagian Statistik, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014)

### b. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan

Secara khususnya, terdapat tiga kategori pelatih di Baitul Ehsan dan masing-masing mempunyai tafsiran yang tersendiri iaitu:<sup>545</sup>

1. Pelatih Kategori Perintah Mahkamah (Seksyen 54(2) EJSS 1995 )

Pelatih kategori ini memasuki BES melalui perintah mahkamah dan telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di dalam Bahagian 4 Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9 Tahun 1995. Pelatih dalam kategori ini tidak mengambil kira tahap umur,

<sup>544</sup>Ibid.

<sup>545</sup>Ibid.

sebaliknya mengambil kira apa yang telah diputuskan dan disabitkan oleh mahkamah. Tempoh perlindungan juga bergantung kepada perintah hukuman yang telah disabitkan oleh Mahkamah Syariah.


## 2. Pelatih Kategori Sukarela

Pelatih kategori ini terdiri daripada wanita yang memasuki pusat perlindungan wanita dengan sebab pihak Majlis Agama Islam Selangor bertindak sebagai pelindung yang ingin memberikan perlindungan dengan secara paksaan atau sukarela kepada pelatih tersebut dengan sebab-sebab tertentu iaitu: a. Dalam Siasatan seperti masalah sosial, b. Penderaan seperti ancaman keselamatan, c. Penganiayaan seperti mangsa sumbang mahram, rogol dan lain-lain, d. Tiada tempat perlindungan seperti keluarga tidak menerima. Tempoh perlindungan bagi kategori ini sekurang-kurangnya 6 bulan dan tidak melebihi satu tahun. Walau bagaimanapun, pihak MAIS mempunyai budi bicaranya untuk membenarkan pelatih menamatkan tempoh perlindungan sekiranya mendapat permohonan daripada pemohon.

## 3. Pelatih Kategori Rumah Perlindungan

Kategori ini melibatkan kumpulan wanita yang diterima masuk disebabkan berbagai-bagi masalah seperti rumah tangga, keluarga dan lain-lain lagi. Lazimnya, pemohon hanya ingin mendapatkan kemudahan rumah perlindungan dan tidak terlibat dengan masalah sosial atau jenayah. Pemohon kategori ini dikenali sebagai ‘penghuni’ dan tidak dibenarkan untuk mengikuti sebarang aktiviti yang melibatkan pelatih. Pemohon yang diterima masuk tidak sepenuhnya mendapat kemudahan barang keperluan, makan minum dan sebagainya sebagaimana pelatih yang lain, sebaliknya digalakkkan untuk lebih berdikari. Walau bagaimanapun, pihak pusat akan membantu dan

memberikan kemudahan untuk kes-kes yang perlu sahaja. Had tempoh perlindungan adalah tidak melebihi 3 bulan sahaja dan bergantung kepada budi bicara bagi sebarang tempoh lanjutan. Secara umumnya, pemohon mesti memenuhi beberapa syarat seperti mestilah anak kelahiran Selangor, atau ibu bapa atau salah seorang daripada mereka adalah anak kelahiran Selangor atau kes berlaku di negeri Selangor. Sekiranya permohonan tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas, pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor.<sup>546</sup> Rajah 4.2. memaparkan rekod kemasukan pelatih ke BES dalam tempoh empat tahun iaitu tahun 2010 hingga 2013.



**Rajah 4.2:** Statistik Kemasukan Pelatih ke Baitul Ehsan, 2010-2013 (Rekod Seksyen Kemasukan Baitul Ehsan, 2013)

<sup>546</sup>Ibid.

### **c. Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah**


Secara umumnya, pelatih di DARWA terdiri daripada wanita yang berhadapan dengan pelbagai kes seperti kecelaruan akidah, saudara baru, wanita teraniaya penderaan fizikal dan mental, wanita hamil luar nikah, zina, mangsa rogol, sumbang mahram dan yang terlibat dengan gejala sosial serta percubaan. Permohonan masuk dibuat sama ada secara sukarela atau dirujuk terlebih dahulu kepada pihak MAIS melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah.<sup>547</sup> Tempoh pelatih menghuni di DARWA mengikut perjanjian bertulis yang telah dipersetujui ialah selama lapan bulan.<sup>548</sup> Had umur kandungan penerimaan masuk pelatih ke DARWA ialah usia kandungan mestilah enam atau bulan ke atas. Namun atas sebab-sebab tertentu dan hasil budi bicara antara keluarga pelatih dan pihak pengurusan, terdapat juga pelatih yang diterima masuk ketika kehamilan baru berusia dua bulan.<sup>549</sup> Rajah 4.3. memaparkan rekod kemasukan pelatih ke DARWA dalam tempoh empat tahun iaitu tahun 2010 hingga 2013.

---

<sup>547</sup>*Ibid.*

<sup>548</sup>Bermula tahun 2015, pengkaji dimaklumkan oleh pengurus DARWA tempoh perlindungan pelatih ditambah kepada minimum 1 tahun dan maksimum mengikut permintaan keluarga pelatih.

<sup>549</sup>*Ibid.*



**Rajah 4.3:** Statistik Kemasukan Pelatih ke Darul Wardah, 2010-2013 (Rekod Kemasukan Darul Wardah, 2013)

Berdasarkan rajah 4.1., 4.2. dan 4.3., kes kehamilan luar nikah bukan satu-satunya kes yang dirujuk ke pusat perlindungan wanita di Selangor, namun terdapat juga kes-kes moral yang lain kecuali di BES dan DARWA yang turut menerima kemasukan saudara baru kes keganasan rumah tangga. Kemasukan pelatih ke BES secara sukarela lebih ramai berbanding melalui perintah mahkamah, manakala kemasukan pelatih ke DARWA paling ramai melibatkan kes zina semenjak tahun 2010. Selanjutnya, tempoh perlindungan pelatih yang telah ditetapkan oleh ketiga-tiga pusat perlindungan wanita yang terpilih dalam kajian ini juga berbeza.

## **4.3 LATAR BELAKANG MODUL**

### **a. Taman Seri Puteri Cheras**

Secara khususnya, Taman Seri Puteri Cheras beroperasi berpandukan Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas-asas Fardu Ain) yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kurikulum ini telah melalui proses penyusunan, kajian dan pemantapan semula berdasarkan kurikulum asal melalui Bengkel Pengukuhan Kurikulum Pendidikan Islam dan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Institusi yang telah berlangsung pada 19 hingga 22 Mac 2007. Kurikulum ini juga dijadikan sebagai asas rujukan dan panduan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bagi proses pengajaran dan pembelajaran semua pelatih di institusi-institusi di bawahnya. Dalam konteks pelaksanaannya di TSP, kurikulum ini dikendalikan oleh seorang Pembantu Hal Ehwal Islam lantikan JAKIM.<sup>550</sup>

Terdapat empat objektif utama yang ingin dicapai daripada kandungan kurikulum ini iaitu; pertama, menilai tahap pengetahuan dan kefahaman agama pelatih. Kedua, membolehkan perancangan pendidikan agama yang sesuai diberi kepada seseorang pelatih. Ketiga, memberi kesedaran awal mengenai pentingnya agama dalam kehidupan. Keempat, menjadikan pelatih di institusi komited dengan amalan, aktiviti agama dan kerohanian ke arah pembentukan insan yang berakhlak mulia serta mukmin sejati.<sup>551</sup>

---

<sup>550</sup>Taman Seri Puteri Cheras, *Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014).

<sup>551</sup>*Ibid.*

### **b. Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan**

Bagi menjalankan proses rawatan serta pemulihan, Baitul Ehsan menggunakan Modul Transformasi Ehsan (MTE 1957) yang dibangunkan atas inisiatif pihak BES dengan kerjasama daripada pasukan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris. Secara asasnya, MTE digarap melalui proses kemaskini dan penambahbaikan aktiviti yang telah diaplikasi di BES. Satu konsep dijadikan sebagai asas pembinaan modul iaitu T.E 1.9.5.7. ‘T’ merujuk kepada Transformasi iaitu perubahan holistik yang melahirkan sifat positif, emosi yang stabil dan membentuk amalan yang istiqamah. E pula merujuk kepada ‘Ehsan’ bermaksud perubahan tulus ikhlas yang dilakukan atas prinsip Ehsan iaitu “Jika aku tidak melihat Allah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat aku”. Seterusnya, angka 1 merujuk kepada diri yang menjadi fokus untuk melakukan segala perubahan demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Angka 9 merujuk kepada 9 falsafah yang diterapkan ke arah perubahan diri iaitu beriman, model terbaik, persaudaraan dan kasih sayang, jati diri, pedoman, ikhlas, prihatin, berilmu, rela dan bahagia. Angka 5 pula menjelaskan 5 proses utama yang akan dilakukan dalam usaha memahami 9 falsafah iaitu tahu, percaya, taat, jihad dan cinta. Manakala angka 7 menjelaskan 7 aktiviti utama yang dijalankan di BES sebagai usaha pendedahan dan pemantapan pelatih dari aspek kerohanian, kemahiran, akademik, disiplin, jasmani, bimbingan dan kaunseling serta hidup bermasyarakat.<sup>552</sup>

---

<sup>552</sup>Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, *Modul Transformasi Ehsan 1957*, (Selangor: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Majlis Agama Islam Selangor & Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2014)

### **c. Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah**

Berbeza dengan TSP dan BES, setakat kajian dijalankan DARWA belum memiliki satu modul yang distrukturkan secara khusus dan bertulis. Oleh itu, segala aktiviti termasuk kelas pengajian agama di DARWA hanya dijalankan dengan inisiatif guru sendiri yang dirasakan sesuai dengan tahap dan keperluan pelatih. Walau bagaimanapun, setiap bahan pengajaran yang akan digunakan akan melalui proses perbincangan bersama dengan penasihat DARWA terlebih dahulu. Memandangkan penubuhan DARWA begitu sinonim dengan individu yang terlibat secara langsung dengan organisasi berorientasikan Islam ABIM, maka segala bentuk pengisian yang diguna pakai juga merupakan hasil perkongsian idea serta buah fikiran yang disumbangkan oleh anggota ABIM sendiri berdasarkan pengalaman dan ilmu yang dimiliki.

Selain itu, penasihat DARWA menjelaskan pengisian bercorak agama yang dirangka dan dijalankan di DARWA juga diilhamkan daripada pengisian yang telah dipraktikkan di salah sebuah Pondok Pesantren terkemuka di Gontor Indonesia yang menarik perhatian sendiri ketika beliau mengadakan lawatan ke sana. Oleh itu aspek keagamaan dan kerohanian sememangnya menjadi asas dan dasar dalam pendekatan pemulihan pelatih di pusat tersebut.<sup>553</sup> Memandangkan DARWA masih belum mempunyai satu modul khusus yang boleh dirujuk dalam bentuk bertulis atau dokumen, maka proses menganalisis pelaksanaan modul keagamaan di DARWA yang akan dibincangkan berpandukan kepada beberapa siri pemerhatian dan temu bual yang dijalankan bersama pihak pengurusan DARWA, serta bahan bertulis lain yang diperoleh seperti jadual harian, laporan aktiviti, rekod kemasukan pelatih. Secara ringkasnya, latar

---

<sup>553</sup>Hazlina Abdul Razak, (Penasihat, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014.

modul yang digunakan oleh pusat perlindungan wanita di Selangor boleh dilihat di dalam Jadual 4.1.

**Jadual 4.1:** Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas-asas Fardu Ain) TSP, 2011-2014; Modul Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan 2011-2014, temu bual)

Aspek	TSPC	BES	DARWA
Tempoh	1 hari hingga 1 tahun	6 bulan hingga 1 tahun	8 bulan <sup>554</sup>
Modul	Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain) Amali	Modul Transformasi Ehsan (MTE) 1957	-
Perancang	JKM JAKIM	BES UPSI AR-RIQAB, MAIS	-
Tenaga pengajar	Lantikan JAKIM Sepenuh masa	Lantikan MAIS Separuh masa	Lantikan MAIS Separuh masa
Sasaran	Semua pelatih yang terlibat dengan masalah moral termasuk remaja hamil luar nikah		

Berdasarkan Jadual 4.1, TSP dan BES mempunyai modul/kurikulum tersendiri yang digunakan sebagai panduan bagi menjalankan proses pemulihan dan rawatan kecuali di DARWA. TSP menggunakan pakai modul yang disediakan oleh JKMM di mana modul tersebut terpakai di semua pusat-pusat kendalian JKMM seluruh Malaysia. BES juga memiliki modul bertulis yang dirujuk sebagai Modul Transformasi Ehsan 1957. Manakala, sehingga kajian dijalankan, DARWA masih tidak memiliki modul bertulis yang dijadikan panduan dalam pelaksanaan segala aktiviti bercorak kerohanian.

Sehubungan itu, dalam perbincangan selepas ini, kajian akan menganalisis bagaimakah realiti modul/silibus tersebut diimplementasikan khususnya dalam konteks pengisian dan pendekatan yang bercorak keagamaan sahaja kepada remaja

<sup>554</sup>Bermula Januari 2015, DARWA menetapkan tempoh perlindungan dipinda menjadi tidak kurang dari 1 tahun.

hamil luar nikah. Meskipun setiap PPW merujuk panduan pelaksanaan dengan istilah yang berbeza, namun kajian ini akan mengguna pakai istilah modul sahaja supaya perbincangan menjadi lebih tersusun dan konsisten.

#### **4.4 PENGISIAN DALAM MODUL KEAGAMAAN**

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab tiga, Islam telah mengemukakan tiga bentuk pengisian yang seharusnya menjadi inti pati dalam pelaksanaan modul bercorak keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Tiga pengisian yang dimaksudkan begitu penting dalam pemulihan individu yang berhadapan dengan salah laku seksual iaitu menekankan kepada pengukuhan aspek akidah, penghayatan ibadah serta pemulihan akhlak. Secara jelasnya, ketiga-tiga konsep tersebut saling terintegrasi dan berakar umbi kepada konsep iman, Islam dan Ihsan. Sehubungan itu, dalam bahagian ini dapatan kajian akan dibincangkan dan dianalisis dengan dipandu oleh beberapa aspek yang telah dijelaskan.

Secara umumnya, kajian mendapati semua pusat perlindungan wanita (PPW) dalam kajian ini memberikan perhatian terhadap kesemua bentuk pengisian yang dinyatakan iaitu yang menjurus kepada pengukuhan akidah diikuti dengan pelaksanaan ibadah dan akhirnya mengarah kepada pembentukan akhlak.

##### **4.4.1 Pengukuhan Akidah**

Kajian mendapati pengisian akidah menjadi fokus dalam pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita (PPW) di Selangor sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4.2.

**Jadual 4.2:** Pengisian Akidah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas-asas Fardu Ain) TSP, 2011-2014; Modul Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan, 2011-2014, temu bual)

Bentuk Pengisian	Aktiviti	TSP	BES	DARWA
Asas Rukun Iman: 1. Beriman kepada Allah 2. Beriman kepada Malaikat 3. Beriman kepada Kitab 4. Beriman kepada Rasul 5. Beriman kepada Hari Akhirat 6. Beriman kepada Qada' dan Qadar	Kelas Akidah	✓	✓	✓
	Tazkirah/Kuliah Subuh	✓	-	-
	Tazkirah/Kuliah Maghrib	-	✓	✓
	Tazkirah Zuhur	-	✓	-
	Usrah	-	✓	✓
Sifat 20  <i>Asma' ul-Husna</i>	Perhimpunan pagi	✓	-	-

Berdasarkan Jadual 4.2, kajian mendapati pengisian akidah di Taman Seri Puteri berjalan melalui kelas pengajian agama yang wajib diikuti oleh semua pelatih dalam bentuk mingguan iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat.<sup>555</sup> Melalui mata pelajaran akidah, beberapa topik penting dibincangkan iaitu pengetahuan asas berhubung konsep Iman, Islam dan Ihsan, Rukun Iman serta Rukun Islam.<sup>556</sup> Kaedah penyampaian yang digunakan pula berbentuk kuliah (penerangan), perbincangan dan soal jawab, bercerita, sumbang saran, latih tubi dan amali serta demonstrasi dan

<sup>555</sup>Pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat, kelas agama berjalan dalam tiga sesi selama dua jam. (sesi 1: 8.30 pagi-10.30 pagi, sesi 2: 10.30 pagi-12.30 tengah hari, sesi 3: 2.30 petang-4.30 petang). Setiap sesi pelatih diajar mata pelajaran yang berbeza dan silih berganti iaitu antara mata pelajaran akidah, fikah, akhlak, tilawah al-Quran dan sirah nabawiyah.

<sup>556</sup>Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014).

tayangan dengan bantuan *slide* dan VCD.<sup>557</sup> Selain pembelajaran di dalam kelas, pengisian akidah turut diberikan semasa tazkirah Subuh yang disampaikan oleh pelatih sendiri mengikut giliran.<sup>558</sup> Selain itu, melalui perhimpunan pagi yang diadakan pada setiap hari Isnin dan Khamis pula, pelatih diminta untuk tampil ke hadapan dan berkongsi beberapa isu dengan rakan-rakan pelatih yang lain yang kadangkala secara tidak langsung turut menyentuh tentang aspek akidah.<sup>559</sup>

Berhubung pengisian akidah di TSP, Kaunselor Pelatih mengakui bahawa antara masalah paling ketara sepanjang mengendalikan sesi kaunseling bersama pelatih ialah berhubung kepercayaan mereka terhadap kewujudan perkara Ghaib. Contohnya, terdapat pelatih yang masih meragui kewujudan Allah kerana tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Justeru, beliau mengakui pembinaan semula aspek kepercayaan atau keimanan pelatih kepada terutamanya kepada Tuhan perlu diberikan tumpuan dalam proses pemulihan.<sup>560</sup>

Selain TSP, kajian mendapati pihak Baitul Ehsan juga memberikan tumpuan kepada pengisian akidah pelatih. Penekanan terhadap akidah dapat dilihat dengan jelas melalui elemen pertama yang terkandung dalam 9 falsafah perubahan diri pelatih yang telah dirangka di BES iaitu falsafah ‘BERIMAN’.<sup>561</sup> Sebagai aplikasi dari falsafah tersebut, pihak BES menyediakan kelas pengajian akidah kepada pelatih sebanyak dua kali seminggu dengan masing-masing kelas berjalan selama satu jam sebagai bentuk pengajian formal di bilik kuliah. Walau bagaimanapun, pembelajaran akidah hanya akan diikuti oleh pelatih yang berada di tahap satu dan dua sahaja. Melalui kelas pengajian

---

<sup>557</sup>*Ibid.*

<sup>558</sup>Azizah Kamis (Pengetua Taman Seri Puteri Cheras) dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Mac 2014.

<sup>559</sup>Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam*.

<sup>560</sup>Siti Haida Mohd. Ijam (Kaunselor Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Jun 2014.

<sup>561</sup>Modul Transformasi Ehsan

akidah, pelatih diajar mengenai maksud akidah serta kepentingannya, jenis akidah, lima rukun Iman, Sifat 20, perkara yang membatalkan iman, makna dan ciri-ciri Munafik, Syirik, Murtad dan Kafir. Kelas akidah dijalankan oleh tenaga pengajar dalam bentuk penerangan dan menyediakan nota ringkas.<sup>562</sup>

Sebagaimana TSP, pengisian akidah turut diselitkan oleh pihak BES menerusi beberapa kegiatan harian bercorak kerohanian seperti Tazkirah Zuhur, Kuliah Maghrib serta Usrah.<sup>563</sup> Berhubung usaha ini, tenaga pengajar di BES memaklumkan bahawa berdasarkan ujian awal yang telah dijalankan sejurus kemasukan pelatih ke BES, keputusan menunjukkan kebanyakan pelatih didapati masih keliru di antara rukun Iman dan rukun Islam. Selain itu, pelatih juga dikatakan kerap kali bertanyakan soalan yang menyentuh tentang akidah seperti mana pelatih di TSP. Sebagai contoh; pelatih mempertikaikan kewujudan Malaikat memandangkan ia tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar. Tambahnya lagi, pelatih akan lebih mudah faham dan menerima jawapan yang menggunakan logik akal.<sup>564</sup> Berhubung pengisian akidah di BES juga, seorang tenaga pengajar yang ditemui berkongsi inisiatif yang telah diambilnya:

“Dalam kelas *fiqh*, saya selalu kaitkan dengan akidah. Fahamkan mereka kenapa Allah hidupkan sebagai Muslim. Bila kita sentiasa tanam benda tu dalam diri mereka, akhirnya mereka akan berfikir dan terus berfikir.”<sup>565</sup>

Kerapuhan iman dalam kalangan pelatih sebagaimana yang digambarkan oleh tenaga pengajar di BES turut diakui oleh salah seorang pelatih. Menurut pelatih tersebut,

---

<sup>562</sup>Ibid (Sub-Modul:Akademik)

<sup>563</sup>Haslina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>564</sup>Tasnim Mohd. Salleh (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji 26 Ogos 2014.

<sup>565</sup>Halimaton Mohd. Ngalim (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.

sebelum terlibat dengan kes kehamilan, beliau sememangnya telah didedahkan oleh ibu bapa dengan pendidikan agama. Namun beliau mengakui penglibatannya dengan kegiatan seks sebelum nikah berpunca daripada diri sendiri yang tidak menghiraukan aspek dosa dan pahala dan tidak malu melakukan maksiat, degil, lalai serta leka.<sup>566</sup>

Selain TSP dan BES, Darul Wardah turut mewajibkan pelatih mengikuti kelas pengajian agama yang memberikan perhatian terhadap pengisian akidah. Melalui pengisian akidah, beberapa topik penting yang berkaitan dengan konsep akidah Islam diajar kepada pelatih seperti Rukun Iman, Rukun Islam dan *Asma' ul Husna*. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan pula berjalan dalam bentuk bulatan dan proses perbincangan secara dua hala.<sup>567</sup> Seterusnya, pihak DARWA berusaha meningkatkan kefahaman pelatih mengenai akidah melalui Kuliah Maghrib dan juga Usrah yang dijalankan secara rutin.<sup>568</sup> Penasihat DARWA berkongsi justifikasi pelaksanaan pengisian akidah berdasarkan kepada realiti akidah pelatih di DARWA seperti berikut:

“Masa mula-mula *interview* pelatih saya selalu tanya pasal keadaan solat mereka semasa kejadian zina? Tahu Allah wujud? Tahu Allah melihat semuanya? Saya cakap pada diorang, sebenarnya tahu *still* kat sini, saya tunjuk kepala iaitu intelektual. Boleh rasa tak Allah ada? Saya tunjuk pula di hati. *Hā Hunā al-Taqwā*. Di sinilah letaknya taqwa. Lepastu semua senyap. Maknanya diorang bermasalah dari segi penghayatan iman. Saya rujuk sebagai ‘iman agar-agar’. Nampak keras di luar tapi lembut di dalam. Semua nampak sempurna tapi dalam soal penghayatan. Iman *fragile*. SPM 8A1, tahu solat tapi tak buat. Kalau tak pandai memang tak pandai, masalahnya ada yang IPT. Semua IPT pernah ada di sini, termasuk IPT atas nama Islam, bahkan yang ada diploma pengajian Islam sekalipun. Intelektual tinggi tapi *believe system, faith* tu tak ada. Tak dapat rasa kemanisan iman.”<sup>569</sup>

<sup>566</sup>Pelatih 3 (Pelatih Baitul Ehsan) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2014.

<sup>567</sup>Nurhidayah Sumairi (Guru Agama, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014).

<sup>568</sup>Nor’ashikin Mat Said (Pengurus, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014).

<sup>569</sup>Haslina Abdul Razak, (Penasihat, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014.

Berdasarkan perkongsian beberapa informan di atas, ternyata pelatih hamil luar nikah yang ditempatkan di ketiga-tiga pusat perlindungan wanita berhadapan dengan masalah keyakinan atau akidah yang rapuh sehingga mereka sukar mempercayai sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar meskipun hakikatnya kewujudan Allah itu adalah benar. Keyakinan mereka hanya berasaskan kepada pembuktian dalam bentuk logik akal sahaja. Di samping itu, pelatih juga digambarkan sebagai kurang penghayatan terhadap aspek keimanan meskipun memiliki latar belakang pendidikan agama. Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas melalui pengakuan yang telah dibuat oleh pelatih di atas. Pengakuan tersebut memaparkan bahawa pendidikan agama sahaja tidak mencukupi sekiranya tiada penghayatan dalam diri. Kurangnya penghayatan terhadap aspek keimanan telah mendorongnya melakukan perbuatan maksiat tanpa memikirkan kesan yang akan dihadapi seperti dosa dan seksaan neraka akibat tiada rasa takut mahupun bersalah.

Realiti ini sememangnya pernah dinyatakan oleh Pengarah Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID), Masridzi Saat yang mengatakan 90 peratus pelatih di PERKID mengakui kelalaian ibu bapa dalam mendidik mereka mengenai Allah SWT telah mendorong mereka melakukan perbuatan melampau seperti terlibat dalam seks bebas.<sup>570</sup> Selain itu, kajian Roslee Ahmad turut mendapati rata-rata kaunselor mengakui bahawa klien mereka yang berhadapan dengan masalah seksual berpunca dari kelemahan iman dalam diri serta mempunyai tahap kesedaran bertuhan yang lemah sehingga mendorong mereka melakukan perkara maksiat.<sup>571</sup>

Perkaitan iman dan akhlak sememangnya pernah dijelaskan oleh Al-Mawdūdi yang menyebut bahawa kewujudan iman akidah menjadi syarat utama yang akan

<sup>570</sup>“Kes Pembuangan Bayi,” laman sesawang *Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat Johor*, dicapai 14 Januari 2013, [http://www.iptho.edu.my/articles.php?article\\_id=4](http://www.iptho.edu.my/articles.php?article_id=4)

<sup>571</sup>Roslee Ahmad et al., “Strategi Intervensi.”

melahirkan gaya fikir seseorang individu seterusnya menghasilkan tingkah laku yang bukan sahaja baik malah menolak dan menghakis keluar nilai-nilai negatif yang telah bersarang dalam hati manusia.<sup>572</sup> Berdasarkan penjelasan di atas, kelemahan akidah sememangnya mengurangkan rasa takut dalam hati pelatih kepada Allah SWT untuk meninggalkan dosa selanjutnya mereka dengan mudah dapat dikalahkan oleh kehendak nafsu.

Berikut kesedaran pelaksana terhadap permasalahan pelatih, kajian mendapati ketiga-tiga PPW mengambil inisiatif dengan menumpukan kepada proses pengukuhan aspek akidah bukan sahaja di dalam kelas subjek akidah semata-mata malah turut diberikan perhatian di dalam kelas mata pelajaran lain secara tidak langsung serta beberapa siri kegiatan bercorak kerohanian lain seperti tazkirah, kuliah, usrah termasuk perhimpunan pagi yang dijalankan secara rutin. Kaedah penyampaian yang digunakan pula dikenal pasti bervariasi dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan.

Secara asasnya, topik-topik berkenaan akidah yang disentuh pula selaras dengan apa yang dikemukakan oleh Islam iaitu memberikan kefahaman mengenai enam rukun iman iaitu keimanan kepada Allah, keimanan kepada Malaikat, keimanan kepada Rasul, keimanan kepada al-Quran, keimanan kepada Hari Akhirat dan keimanan kepada Qada' dan Qadar serta mengenali sifat-sifat wajib bagi Allah (Sifat 20) dan nama-nama Allah (*asma' ul-Husna*).

Menurut Islam, kefahaman yang mendalam terhadap rukun iman memberikan kesan terhadap kehidupan seseorang. Keimanan kepada Allah akan mewujudkan rasa takut kepada pelatih untuk menderhakai Nya. Keimanan kepada malaikat mendorong pelatih sentiasa berhati-hati dalam berkelakuan kerana yakin bahawa sentiasa dicatatkan amalan baik atau buruk. Keimanan kepada Rasul mendorong pelatih mengikuti semua

---

<sup>572</sup>Al-Mawdūdī, Abu A'lā', *Mabādi' al-Islām*, 99.

sunnah. Keimanan kepada al-Quran menjadikan pelatih berpegang dengan segala ayat larangan dan perintah. Keimanan kepada Hari akhirat mencetuskan keimbangan mengenai proses perhitungan amalan seterusnya menjadikan pelatih takut untuk terus berbuat maksiat pada masa sama mempertingkatkan amalan soleh. Akhirnya keimanan kepada qada' qadar memberikan harapan kepada pelatih supaya tidak berputus asa untuk bertaubat dan bersangka baik dengan Allah bahawa setiap yang berlaku sama ada baik atau buruk adalah di dalam ketentuannya. Ringkasnya, keimanan kepada keenam-enam perkara ini berpotensi menanamkan nilai-nilai baik pada jiwa pelatih untuk lebih mendekatkan diri dengan Allah.

Ringkasnya kesemua topik akidah yang diajar berpotensi mengukuhkan keyakinan pelatih dalam konteks keimanan. Sedangkan pengukuhan keimanan telah dinyatakan oleh Al-Qaraḍāwī sebagai satu-satunya cara yang begitu praktikal dan berkesan untuk menahan diri daripada terjebak dengan keinginan seks melalui cara yang haram ketika mana undang-undang dan hukuman ciptaan manusia tidak lagi menjadikan manusia takut.<sup>573</sup>

Pengikatan akidah akan mengekalkan seseorang terhadap pengawasan diri kepada Allah, merasakan kebesaran-Nya dan keimbangan terhadapnya pada setiap masa dan keadaan. Justeru, manusia tidak akan menjadi hamba kepada nafsu yang jahat sebaliknya akan terdorong untuk menunaikan perintah Tuhan.<sup>574</sup> Meskipun naluri semula jadi manusia sentiasa menginginkan kebaikan, namun manusia adakah dikalahkan oleh keinginan hawa nafsu. Oleh itu, akidah merupakan elemen penting membabitkan aspek kepercayaan yang mengendalikan naluri tersebut.<sup>575</sup>

<sup>573</sup> Al-Qaraḍāwī, Yūsuf., *Kemanisan Iman*, (terj) Mahmud Ahmad (Kuala Lumpur: JAKIM, 2010), 331.

<sup>574</sup> Nāsiḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 2, 190.

<sup>575</sup> Haron Din, *Manusia dan Islam*, 29-30.

Keperluan pengisian akidah terhadap individu bermasalah seksual dibuktikan oleh dapatan kajian Zaizul Ab. Rahman yang menyebut bahawa sebahagian besar banduan meyakini bahawa kekuatan tauhid dan amalan agama akan menghindarkan mereka daripada mengulangi jenayah yang sama serta dapat memperbaiki semula corak kehidupan.<sup>576</sup> Sehubungan itu, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa usaha PPW dalam memperkuuhkan keimanan dan akidah pelatih sejarah dengan saranan al-Ghazālī dan Nāṣīḥ ‘Ulwān yang menyarankan supaya remaja bermasalah kembali diikat dengan pegangan akidah supaya mereka mampu melakukan ketaatan, disedarkan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah, menyedari kewujudan Allah yang Maha Melihat, Mendengar, Berkuasa serta Maha Mengadili. Apabila terdidik dengan iman yang mencukupi dan mengenal Allah, anak-anak akan rasa sentiasa dalam pemerhatian Allah, justeru mereka akan mengawasi diri lahir dan batin dari melakukan perbuatan yang mendorong kepada mengikuti nafsu syahwat.<sup>577</sup> Melalui pengajian akidah juga, ia mendidik rohani pelatih seterusnya memahami konsep ihsan dengan lebih baik dan menjadikannya sebagai tatacara dalam perlakuan sehingga berupaya menyeimbangkan tuntutan jasad dan tuntutan rohani.<sup>578</sup>

Berdasarkan dapatan di atas, kajian menyimpulkan bahawa pengisian akidah yang dijalankan oleh ketiga-tiga PPW begitu signifikan dalam proses pemulihan akhlak remaja ke arah lebih baik sebagaimana yang dikemukakan oleh Islam. Dapatkan ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa PPW di Selangor sentiasa berusaha dalam memperkuuhkan aspek akidah pelatih sesuai dengan keperluan mereka.

<sup>576</sup>Zaizul Ab. Rahman, “Faktor Dorongan Jenayah Rogol di Malaysia dan Program Pemulihannya: Kajian di Penjara Sungai Udang, Melaka,” (tesis kedoktoran usuluddin, Universiti Malaya, 2012).

<sup>577</sup>Nāṣīḥ ‘Ulwān, ‘Abd Allāh., *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1, 64.

<sup>578</sup>Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim*, 70.

Apa yang jelas, inisiatif PPW dalam memfokuskan pengisian berbentuk akidah kepada pelatih bukan sahaja akan mampu memperkuuhkan keimanan mereka selaku hamba Allah, tetapi juga mendorong mereka agar dapat berperanan sebagai Khalifah Allah secara lebih praktikal. Dalam konteks perhambaan, kekuatan akidah akan mencetuskan dalam jiwa perasaan takut dan cinta kepada Allah seterusnya meningkatkan pengabdian kepada Allah dengan mengharapkan keredaan-Nya semata-mata. Manakala dari aspek kekhilafahan pula, kekuatan akidah akan memberikan kesan terhadap pembentukan perilaku pelatih untuk menjauhi perkara terlarang dan melakukan ketaatan sesuai dengan perintah-Nya yang akhirnya mendorong mereka untuk tidak lagi mengulangi perbuatan yang mendatangkan kerosakan-kerosakan pada diri dan orang lain seperti kegiatan perzinaan pada masa akan datang.

#### **4.4.2 Penghayatan Ibadah**

Selain pengukuhan akidah, pusat perlindungan wanita di Selangor juga dikenal pasti memberikan tumpuan kepada pengisian yang menjurus kepada penghayatan ibadah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4.3.

**Jadual 4.3:** Pengisian Ibadah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas-asas Fardu Ain), 2011-2014; Modul  
Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan (2011-2014); Temu bual)

Pengisian	Aktiviti	TSP	BES	DARWA
1. Solat 2. Puasa 3. Baca al-Quran 4. Zikir, Wirid, Doa, Selawat	Kelas Ibadah, Fiqh, fiqh wanita	✓	✓	✓
	Kelas Tilawah, hafalan al-Quran	✓	-	✓
	Kelas Jawi, Tajwid, Iqra'	-	✓	-
	Kelas Fiqh Munakahat	-	-	✓
	Solat fardu Berjemaah	✓	✓	✓
	Kelas pengukuhan Solat	-	-	✓
	Tazkirah/kuliah (Subuh/Zuhur/Maghrib)	✓	✓	✓
	Usrah	-	✓	✓
	Perhimpunan pagi	✓	-	-
	Qiamullail (Solat Sunat Hajat, Tahajud, Taubat) Solat Sunat Duha	-	✓	✓
	Kursus/Praktikal pengurusan jenazah	✓	✓	✓
	Puasa	✓	✓	✓
	Bacaan al-Quran	✓	✓	✓
	Selawat, Zikir, wirid, dan doa	✓	✓	✓
	Bacaan al-Ma'thurat	-	✓	✓
	Kem Ibadah, Khatam al-Quran	✓	✓	✓
	Majlis cukur jambul, akikah, marhaban	-	✓	✓

Berdasarkan Jadual 4.3, kajian mendapati pelatih di Taman Seri Puteri berpeluang mengikuti pembelajaran subjek *fiqah* melalui kelas agama yang turut menyentuh secara langsung mengenai perkara ibadah.<sup>579</sup> Beberapa topik penting yang diberikan tumpuan ialah pengertian dan pembahagian hukum menurut Islam, bersuci, najis dan cara menyucikannya, wuduk, mandi wajib dan sunat, solat fardu, solat berjemaah, haid,

<sup>579</sup>Pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat, kelas agama berjalan dalam tiga sesi selama dua jam. (sesi 1: 8.30 pagi-10.30 pagi, sesi 2: 10.30 pagi-12.30 tengah hari, sesi 3: 2.30 petang-4.30 petang). Setiap sesi pelatih diajar mata pelajaran yang berbeza dan silih berganti iaitu antara mata pelajaran akidah, fikah, akhlak, tilawah al-Quran dan sirah nabawiyah.

*nifas*, *wiladah* dan *istihadah*, puasa, solat sunat, *istinja'*, qada hajat, solat Jumaat, tayamum, solat qasar dan jamak dan solat jenazah. Sesi pengajaran dan pembelajaran bagi subjek *fiqh* juga dijalankan dalam bentuk kuliah (penerangan), perbincangan dan soal jawab, bercerita, sumbang saran, latih tubi dan amali serta demonstrasi dan tayangan dengan menggunakan alat bantuan *slide* atau VCD.<sup>580</sup>

Berbeza dengan TSP, subjek ibadah di Baitul Ehsan hanya diikuti oleh pelatih semasa berada di tahap satu dan dua. Pelatih yang terlibat dengan kelas subjek ibadah akan mempelajari beberapa topik seperti *taharah*, jenis-jenis air, jenis najis dan cara menyucikannya, mandi wajib, perincian mengenai puasa, tadarus al-Quran, zakat, haji, sembelihan, qurban dan akikah. Manakala pelatih yang berada di tahap tiga dan empat pula diwajibkan mengikuti kelas subjek *fiqh* wanita. Melalui pembelajaran *fiqh* wanita, pelatih didedahkan dengan beberapa topik berkaitan ibadah secara lebih mendalam seperti *fiqh* kewanitaan, hukum *fiqh*, sumber-sumber *fiqh* Islam, beberapa istilah dalam ilmu *fiqh* dan *taharah* meliputi perbincangan mengenai hukum bersuci, batas aurat dan khatan bagi wanita, pembahagian *hadas* dan *junub*, permasalahan darah wanita iaitu *haid*, *nifas* serta *wiladah*.<sup>581</sup>

Selain TSP dan BES, Darul Wardah juga memberikan penekanan kepada aspek ibadah melalui pengajian agama yang dijalankan pada setiap hari selama dua jam. Kelas pengajian ini dijalankan bagi meningkatkan pemahaman pelatih tentang rukun Islam termasuk praktikal haji, umrah, korban, pengurusan jenazah, *taharah*, solat dan *tayamum*.<sup>582</sup>

<sup>580</sup>Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014)

<sup>581</sup>MTE, BES

<sup>582</sup>Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

Selain pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, topik ibadah juga disentuh melalui beberapa aktiviti lain yang bercorak keagamaan seperti Tazkirah Zuhur yang dijalankan di BES,<sup>583</sup> Kuliah Maghrib di TSP,<sup>584</sup> BES<sup>585</sup> dan DARWA<sup>586</sup> serta *usrah* yang dijalankan di BES.<sup>587</sup> Bukan sekadar itu, kajian mendapati setiap PPW menumpukan pelaksanaan terhadap ibadah utama yang terkandung dalam rukun Islam iaitu solat, puasa, bacaan al-Quran serta zikir, wirid dan doa.

a. Ibadah Solat

Kajian mendapati ibadah utama yang diberikan tumpuan di PPW ialah pelaksanaan solat fardu lima waktu fardu secara berjemaah tanpa terkecuali melainkan atas sebab keuzuran. Di TSP, Pengetua menyifatkan solat sebagai ibadah asas yang paling penting dan perlu diberikan penekanan berbanding ibadah lain memandangkan solat merupakan tiang agama.<sup>588</sup> Perkara yang sama turut diakui oleh tenaga pengajar yang menyatakan bahawa sekurang-kurangnya apabila pelatih keluar dari TSP, mereka boleh melaksanakan ibadah solat yang sempurna itu sudah memadai.<sup>589</sup>

Menurut Penguasa BES, solat diberikan penekanan memandangkan hasil penilaian yang telah dibuat menunjukkan majoriti pelatih memiliki rekod pengamalan solat yang agak rendah.<sup>590</sup> Perkara ini turut disokong oleh tenaga pengajar BES yang menyatakan bahawa kadangkala pelatih mengakui boleh solat, namun sebaik sahaja diminta untuk melakukannya ternyata mereka tidak tahu solat. Justeru, solat perlu

---

<sup>583</sup>MTE, BES

<sup>584</sup>Nor Azura Sumailan (Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

<sup>585</sup>MTE, bes

<sup>586</sup>Nor'ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>587</sup>*Ibid*

<sup>588</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>589</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>590</sup>Mohd. Makhi Adnan (Penguasa, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.

diberikan keutamaan.<sup>591</sup> Keutamaan solat perlu diberikan tumpuan memandangkan hasil ujian penilaian yang dijalankan menunjukkan kebanyakan pelatih tidak mempunyai pengetahuan tentang solat bahkan hanya sekadar tahu membaca surah al-Fatihah.<sup>592</sup>

Lebih menarik pihak BES telah menjalankan kelas pengukuhan solat yang dinamakan “Smart Solat” pada setiap minggu bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman pelatih mengenai solat.<sup>593</sup> Menurut tenaga pengajar di BES, antara perkara yang diberikan tumpuan melalui kelas “Smart Solat” ialah praktikal wuduk. Hal ini kerana wuduk yang betul akan menjamin kualiti solat. Justeru, antara lain smart solat mendedahkan pelatih tentang kelonggaran (*rukhsah*) dalam solat.<sup>594</sup>

Dalam konteks DARWA pula, Penasihat DARWA menjelaskan pihaknya amat menekankan pelaksanaan solat fardu memandangkan solat berfungsi sebagai perisai dalam diri seseorang jika ditunaikan dengan sempurna. Jika sebaliknya, perisai tersebut akan menjadi lemah sehingga tidak lagi mampu berperanan dalam menghalang mereka dari berbuat kejahanatan.<sup>595</sup>

Keutamaan solat bukan sahaja diakui oleh kakitangan dan tenaga pengajar di PPW, bahkan ia turut diakui oleh pelatih. Menurut pengakuan seorang pelatih di TSP, sebelum terlibat dengan kes kehamilan, beliau mengakui ibadah solat yang dilaksanakan masih belum mampu menghalang beliau untuk terlibat dengan perlakuan negatif.<sup>596</sup> Seorang pelatih lain di TSP juga mengakui sebelum memasuki pusat tersebut, beliau jarang menunaikan solat lebih-lebih lagi solat Subuh dan Isyak.<sup>597</sup> Menurut salah

<sup>591</sup>Hailah Sarjuni (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.

<sup>592</sup>Kaminur Nasir (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.

<sup>593</sup>Modul Transformasi Ehsan, BES.

<sup>594</sup>Kaminur Nasir, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>595</sup>Haslina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>596</sup>Pelatih 1, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>597</sup>Pelatih 2, temu bual, 18 Mac 2014.

seorang pelatih di BES pula, walaupun memiliki latar belakang pendidikan agama serta keluarga yang menekankan pelaksanaan ibadah namun beliau sering mengabaikannya meskipun telah ditegur. Jelas beliau:

“Sebelum masuk sini saya solat sekali hingga dua kali sahaja dalam sehari. Kadang-kadang langsung tak buat. Biasa solat waktu Asar dan Maghrib. Ermm.. ikut waktu-waktu lah, sebab lupa dan kadang-kadang sebab ada buat benda lain yang melekakan saya macam layan internet atau keluar”,<sup>598</sup>

Di DARWA, salah seorang pelatih mengakui rutin hariannya semenjak memasuki DARWA telah berubah memandangkan sebelum ini beliau sering kali meringankan ringankan solat akibat tertidur.<sup>599</sup>

Selain solat fardu, kajian mendapati PPW khususnya BES dan DARWA turut menekankan pelaksanaan solat sunat melalui aktiviti qiamullail. Masa sepertiga malam pelatih diisi dengan solat sunat tahajud, solat sunat hajat serta taubat dan witir. Bukan sekadar itu, solat sunat Duha juga dijadikan amalan rutin di BES dan DARWA.<sup>600</sup> Berhubung pelaksanaan solat solat-solat sunat di PPW. Pelatih di BES yang ditemui berkongsi seperti berikut:

“Kat sini memang akan ada qiamullail. Tapi kalau minggu takda pun saya dah terbiasa bangun sendiri dalam pukul 3 pagi”<sup>601</sup>

Pelaksanaan solat sunat di DARWA juga turut diakui oleh pelatih yang telah ditemui:

“Semenjak masuk sini banyak belajar buat solat sunat, macam dulu tahu tapi buat pun tak sekерap macam di sini”<sup>602</sup>

Pengakuan beberapa pelatih di atas selari dengan dapatan kajian Khadijah Alavi et al., pada tahun 2012, yang menunjukkan bahawa remaja yang terlibat dengan hubungan

<sup>598</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>599</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>600</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014; Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>601</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>602</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

seks sebelum nikah sehingga hamil sememangnya mengakui sering meninggalkan solat serta tidak menghiraukan nasihat ibu bapa meskipun telah ditegur.<sup>603</sup>

Berbalik kepada pelaksanaan solat yang diberikan tumpuan oleh PPW, inisiatif ini memperlihatkan bahawa pihak PPW memahami solat sebagai ibadah penting yang perlu ditekankan dalam memimpin pelatih bermasalah ke arah perubahan. Dapatan ini secara tidak langsung menyokong dapatan kajian Fazilah Idris et al., yang menunjukkan solat berfungsi sebagai langkah pencegahan yang paling berpengaruh dalam menjauhkan remaja daripada kenakalan.<sup>604</sup> Selain itu, kajian Azmawaty Mohamad Nor et al., juga mendapati ibadah solat telah memberikan perubahan positif terhadap remaja di PPW semasa saat kehamilan sehingga mendorong mereka banyak meletakkan kebergantungan kepada Allah dan mendekatkan diri kepada Allah sebagai sumber ketenangan.<sup>605</sup>

Ibadah solat di dalam Islam telah diakui berperanan dalam pembentukan sikap serta menjadi pokok kepada ibadah yang lain.<sup>606</sup> Meskipun solat mempunyai hikmah yang cukup besar, namun al-Quran menjelaskan bahawa solat yang berkualiti ialah solat yang didirikan dengan penuh khusyuk dan penghayatan sehingga mendorong manusia menjauhi perkara mungkar.<sup>607</sup> Menurut al-Ghazālī, khusyuk dan penghayatan tidak akan diperoleh kecuali dengan ilmu, rasa malu, penghormatan dan rasa takut.<sup>608</sup> Justeru, inisiatif pihak BES mewujudkan aktiviti tambahan iaitu ‘smart solat’ dianggap sebagai memenuhi saranan al-Ghazālī bagi membantu pelatih mengukuhkan lagi pengetahuan tentang solat secara lebih praktikal seterusnya mencapai kesempurnaan ibadah solat.

<sup>603</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>604</sup>Fazilah Idris et al., “A Path Analysis Approach on the Effects of Faith-Based Behavior on Religious Delinquent Behavior Among Youth”, 89-95.

<sup>605</sup>Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharatol Ahmad Shah, “Adolescent With,” 8-21.

<sup>606</sup>Mahmoud M. Ayoub, *Islam, Iman & Amal* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996), 161.

<sup>607</sup>Al-‘Ankabūt, 29:45

<sup>608</sup>Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Minhāj al-‘Ārifīn*, 104.

Ringkasnya, kajian menyimpulkan bahawa PPW di Selangor memperkasakan fungsi solat melalui pelbagai pengisian yang menekankan tentang pengetahuan atas fardu ain. Usaha yang telah dijalankan bukan sahaja berupaya mendidik pelatih bagi mendapatkan solat yang sempurna dan berkualiti namun ibadah tersebut turut menjanjikan pelbagai kelebihan terhadap pembentukan akhlak pelatih ke arah yang lebih baik terutamanya dalam mengekang pelatih agar menghentikan perbuatan mungkar sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran.<sup>609</sup>

b. Membaca al-Quran

Selain ibadah solat, kajian mendapati PPW di Selangor memberikan tumpuan terhadap amalan bacaan al-Quran. Di Taman Seri Puteri, setiap pelatih dibekalkan dengan sebuah al-Quran dan amalan membaca al-Quran dijadikan rutin selain dipelajari di dalam kelas formal melalui kelas tilawah al-Quran.<sup>610</sup> Berhubung inisiatif ini, pengetua TSP menjelaskan:

“Majoriti remaja yang diterima masuk memang kita lihat dari segi mengucap insya-Allah ok, tapi dari segi bacaan al-Quran, muqaddam, patah-patah ayat-ayat semuanya tidak boleh. Memang tidak boleh. Basic kat sini kita buat pendekatan ajar dan dengar mengucap, kemudian kita terpaksa mantapkan pembacaan al-Quran untuk dibawa ke dalam solat. Jadi tumpuan untuk mengajar sesi tajwid berikutnya agak terlambat sikit kita tumpukan kepada pembacaannya dulu dan terpaksa kita usaha untuk tulis dalam bahasa Melayu. Sebab langsung tak mengenal huruf *hijaiyah*. Sebab dibawa masuk dalam keadaan tidak tau apa-apa. Majoriti tidak boleh, minoriti boleh. Tapi terpaksa bagi tumpuan kepada yang majoriti. Tapi kita bagi al-Quran setiap orang, tumpu untuk mantapkan bacaan solat, paksa solat lima waktu. Kemudian adakan sesi menjawab soalan, kuiz untuk bacaan al-Quran, hal-hal agama.”<sup>611</sup>

Usaha mendekatkan pelatih dengan al-Quran bukan sahaja dikenalpasti berlaku di TSP bahkan pelatih di BES juga digalakkan untuk memperbanyakkan membaca al-Quran

<sup>609</sup>Surah Al-‘Ankabut, 29:45

<sup>610</sup>Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014), MTE BES dan Jadual Harian Darwa.

<sup>611</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

pada setiap hari. Bukan sekadar itu, pelatih turut diwajibkan mengikuti kelas pengukuhan yang membantu meningkatkan penguasaan ilmu al-Quran sebagai pengisian tambahan seperti kelas *tahsin* al-Quran, kelas tajwid, iqra', tafsir dan beberapa siri kegiatan hafalan al-Quran.<sup>612</sup>

Berhubung amalan membaca al-Quran yang dijalankan di BES, salah seorang pelatih mengakui meskipun beliau pernah mempelajari al-Quran, namun beliau sama sekali tidak menjadikannya sebagai amalan rutin bahkan tidak mengaplikasikannya sebagai bacaan dalam solat memandangkan ibadah tersebut juga jarang ditunaikan.

“Saya tahu je baca Quran sebab mak ayah memang hantar mengaji pun. Tapi mak cakap selalu cakaplah “engkau tak guna puasa dan baca Quran tapi *kantoi* solat tak buat... tapi saya diam je lah sebab memang tak buat pun..” “Saya ada hafal surah lazim, dari darjah 1 hingga 6 memang dihantar kenal al-Quran sebab tu bila masuk menengah mak ayah terkejutlah sikap saya berubah”<sup>613</sup>

Selanjutnya amalan membaca al-Quran turut dijadikan amalan rutin oleh pihak Darul Wardah memandangkan kebanyakan pelatih dikenal pasti kurang menguasai bacaan al-Quran serta telah lama meninggalkan bacaan al-Quran. Menurut Tenaga Pengajar di DARWA:

“Sebenarnya budak-budak macamtu dia pun dah lama tinggalkan agama dan agama pun dah lama tinggalkan dia. Macamtulah. Maksudnya sejak kecil dia mengaji dididik semua elok tapi bila sampai satu tahap dia lupa semuanya. Bila jauh skit dia lupa. Kita tanya pernah ngaji? pernah. pernah khatam quran? Pernah. Tapi bila tunjuk satu huruf dia tak ingat. Baca pun merangkak. Sebutan huruf pun tak jelas. Dah nampak macam kita mula nak mengaji balik, macam budak-budak darjah satu yang baru disuruh mengaji Quran tu”<sup>614</sup>

<sup>612</sup> Modul Transformasi Ehsan, BES.

<sup>613</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>614</sup>Siti Zalina Nor Monir (Guru Agama, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 April 2015.

Seorang pelatih di DARWA juga berkongsi perasaannya setelah berpeluang mendekati semula al-Quran semenjak memasuki PPW tersebut, dengan nada sebak beliau mengakui:

“Semenjak masuk sini, saya jadi seronok baca al-Quran sebab bila baca tu saya dapat faham lagi kisah-kisah yang ada dalam al-Quran, dulu sekadar baca saja, kemudian saya jadi benci bila teringat kisah saya dulu”<sup>615</sup>

Menurut perkongsian pelatih lain yang berusia 15 tahun di DARWA, kali terakhir beliau membaca dan khatam al-Quran ialah semasa berada di sekolah rendah sehingga ditempatkan di DARWA beliau kembali menjadikan bacaan al-Quran sebagai amalan.<sup>616</sup> Berdasarkan pengakuan beberapa pelatih yang ditemui bual dari PPW, ternyata kehidupan pelatih sebelum memasuki PPW begitu jauh dengan al-Quran apakah lagi menghayati setiap inci pengajaran yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran.

Berdasarkan kajian lepas, dapatan menunjukkan remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di PPW berhadapan dengan rasa takut, malu dan bersalah sehingga membawa kepada tekanan dan konflik jiwa yang cukup kuat akibat disisihkan oleh keluarga dan masyarakat. Sehubungan mereka mengakui amalan membaca al-Quran yang dilakukan telah membantu mereka mendapatkan semula ketenangan jiwa serta menghilangkan segala kekusutan yang dirasai.<sup>617</sup> Kajian Azmawaty Mohd Nor et al., mendapati pelatih mengakui amalan membaca al-Quran sepanjang berada di pusat perlindungan wanita menjadikan jiwa mereka lebih tenang dan dekat dengan Tuhan.<sup>618</sup> Berhubung permasalahan jiwa, ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Quran ternyata diperakui secara jelas menjadi merupakan penawar yang begitu mujarab dalam

<sup>615</sup>Pelatih 5, temu bual,13 Ogos 2014.

<sup>616</sup>Pelatih 5, temu bual,13 Ogos 2014.

<sup>617</sup>Nor Jana Saim, “Social Support, Coping.”

<sup>618</sup>Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharitol Ahmad Shah, “Adolescent With,” 8-21.

menyembuhkan penyakit jiwa manusia.<sup>619</sup> Nilai-nilai yang terkandung dalam ayat al-Quran begitu mendalam sehingga sekadar menyebut dan membacanya sahaja sudah cukup merangsang personaliti, iaitu bertambah rasa takut, keimanan dan tawakal.<sup>620</sup>

Merujuk kepada realiti kehidupan pelatih yang sememangnya jauh dengan al-Quran, maka tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh PPW akan mendekatkan semula pelatih dengan al-Quran. Melalui kelas-kelas pengajian seperti kelas Iqra', Tajwid dan Tafsir, ia mampu membantu pelatih mengenali huruf-huruf serta memperbaiki bacaan al-Quran terutamanya di dalam solat. Bukan sekadar itu, kekerapan membaca al-Quran secara tidak langsung membantu mereka memahami bahasa al-Quran dengan lebih baik serta menghayati makna ayat-ayat suruhan dan larangan yang terkandung di dalam al-Quran dan seterusnya mengambil iktibar dari pembacaan tersebut. Akhirnya, pengisian yang dijalankan secara konsisten ini membantu pelatih menikmati hikmah dari kemukjizatan al-Quran iaitu menghasilkan keperibadian pelatih sebagai remaja Muslim yang cinta dan takut hanya kepada Allah. Ringkasnya, kajian menyimpulkan bahawa semua pengisian yang berkaitan dengan bacaan al-Quran yang telah dan sedang dilakukan oleh PPW bukan sahaja membantu pelatih mempertingkatkan kualiti diri dari aspek perhambaan malah membantu mereka dari aspek pembangunan kerohanian dengan mendapatkan semula ketenangan jiwa setelah berhadapan dengan pelbagai masalah dan kesukaran dalam kehidupan.

#### c. Ibadah Puasa

Kajian mendapati selain solat dan membaca al-Quran, ibadah puasa merupakan salah satu ibadah rukun Islam yang turut diberikan penekanan oleh PPW. Menurut tenaga

---

<sup>619</sup>Surah Yūsuf, 10:52.

<sup>620</sup>Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 401.

pengajar di TSP, puasa merupakan ibadah wajib yang tidak harus diketepikan kerana ia adalah salah satu daripada rukun Islam. Berdasarkan ujian penilaian yang dibuat ke atas pelatih, segelintir pelatih dikenal pasti mengambil ringan terhadap ibadah puasa. Justeru, dalam tempoh yang agak terbatas, pihak TSP menggunakan peluang yang ada untuk membimbing pelatih agar berjinak-jinak semula dengan ibadah puasa khususnya di bulan Ramadan.<sup>621</sup>

Di Baitul Ehsan juga pelatih bukan sahaja dididik untuk berpuasa setiap kali menjelang bulan Ramadan, bahkan ibadah puasa sunat turut digalakkan kepada pelatih.<sup>622</sup> Berdasarkan pengakuan seorang pelatih di BES menunjukkan bahawa beliau memahami manfaat daripada ibadah puasa, dengan nada yakin beliau berkongsi:

“Hari ni puasa sebab *exam*, nak bagi kawal sikit emosi ni tak nak marah-marah dan *stress*”<sup>623</sup>

Di DARWA pula, selain mewajibkan pelatih berpuasa di bulan Ramadan, ibadah puasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis turut dijadikan amalan wajib.<sup>624</sup> Berdasarkan pengakuan pelatih di DARWA, beliau tidak bermasalah untuk menjalankan ibadah puasa memandangkan ibadah tersebut sejak dahulu dijalankan secara konsisten setiap kali bulan Ramadan meskipun pelaksanaan ibadah solat tidak begitu sempurna.<sup>625</sup>

Pengakuan pelatih ini menggambarkan bahawa, meskipun beliau mengakui melaksanakan ibadah puasa secara konsisten namun ianya dilihat belum sempurna memandangkan beliau masih tidak mampu menyeimbangkan antara ibadah puasa dengan ibadah lain terutamanya solat. Selain itu, ibadah puasa yang dilakukan juga

<sup>621</sup>Nor Azura Sumailan , temu bual, 18 Mac 2014; Marfuaton Hassan (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014; Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>622</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>623</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>624</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>625</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

ternyata belum berupaya menghentikan beliau dari perlakuan maksiat sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Ini bermaksud ibadah puasa yang dijalankan belum berfungsi sebagaimana ibadah puasa yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis sebagai benteng yang mampu mengekang diri dari mengikuti kehendak nafsu syahwat.<sup>626</sup> Berdasarkan pandangan al-Ghazali, ibadah puasa yang sebenar seharusnya bukan sahaja melatih perut dengan berlapar dan dahaga tetapi juga melatih anggota-anggota seperti mulut, mata, telinga, tangan, kemaluan, kaki dan lain-lain dari melakukan perlakuan yang dimurkai oleh Allah.<sup>627</sup>

Berhubung hikmah puasa ia sememangnya diakui mempunyai pengaruh yang besar dan berkesan dalam merawat masalah syahwat yang berpunca dari kemaluan dan perut agar dibiasakan dengan sabar dan tunduk patuh.<sup>628</sup> Justeru, ibadah puasa yang ditekankan oleh pelatih di PPW ke atas pelatih bukan sahaja berupaya membantu menyihatkan pelatih secara fizikal, tetapi juga memberikan kekuatan rohani bagi mengendalikan diri secara bijaksana berpandukan ajaran Islam.

d. Zikir, wirid dan doa

Kajian mendapati pelatih di PPW turut diberikan latihan kerohanian seperti zikir, wirid serta beberapa doa penting untuk dijadikan amalan harian. Di TSP, pelatih diajar beberapa zikir, wirid dan doa penting yang boleh diamalkan setiap hari.<sup>629</sup> Hasil pemerhatian turut mendapati pelatih melazimi bacaan doa sebelum dan selepas belajar serta beberapa doa harian lain seperti doa selepas solat, doa makan, doa tidur dan

<sup>626</sup> Hadith Riwayat Bukhārī, Kitāb al-Nikāh, Bāb Man Lam Yastaṭī’ al-Bā’ah Falyaṣum, no. Hadith. 5066, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 438.

<sup>627</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, Juz 1, 668.

<sup>628</sup> Sa’id Hawwā. *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, 30.

<sup>629</sup> Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*; Pemerhatian di TSP, Surau, 18 Mac 2014.

sebagainya.<sup>630</sup> Selain TSP, pihak Baitul Ehsan mempunyai pandangan yang tersendiri berhubung keperluan zikir dan doa kepada pelatih. Pelatih dibekalkan dengan sebuah buku panduan doa, zikir dan wirid. Di dalam buku tersebut juga, pelbagai doa disediakan seperti doa sebelum tidur, doa bangun tidur, doa masuk bilik air, doa keluar bilik air, doa selepas wuduk, doa melihat cermin, doa memakai pakaian, doa membuka pakaian, doa masuk dan keluar surau/masjid, doa sebelum dan selepas makan, doa masuk dan keluar rumah, doa masuk kenderaan, doa belajar, doa selepas membaca al-Quran, doa selepas azan, doa selepas majlis, doa pendinding yang lain seperti doa berlindung dari sifat malas, bakhil, kedekut dan kecawa, bacaan sujud sajadah dan sujud sahwī. Selain doa, beberapa panduan solat sunat turut dibekalkan seperti solat sunat duha, taubat, hajat, tahajud, witir, wirid dan doa solat sunat rawatib, istikhara. Pelatih turut dibekalkan beberapa selawat seperti selawat syifa', selawat al-Nur, selawat tafrijiyah, zikir harian imam al-Ghazālī.<sup>631</sup>

Menurut Penguasa BES, pihaknya membekalkan zikir dan doa-doa tertentu sebagai salah satu cara menguatkan rohani memandangkan terdapat sesetengah kes pelatih yang mengalami ketagihan seks dan juga sering mengalami gangguan makhluk halus.<sup>632</sup> Menurut tenaga pengajar di BES juga, setiap kali sebelum memulakan kelas, pelatih diminta untuk beristighfar terlebih dahulu diikuti dengan doa.<sup>633</sup> Berhubung keperluan zikir, ia bukan sahaja diakui oleh pihak pelaksana di BES malah pelatih sendiri turut mengakuinya sebagaimana luahan berikut:

“Saya pernah dapatkan kaunseling, dan kaunselor cakap bagus amalkan wirid dan zikir tertentu untuk keselamatan dan pelihara

<sup>630</sup>Pemerhatian di TSP, Surau, 18 Mac 2014; Pemerhatian di BES, Surau, 03 Januari 2013; Pemerhatian di DARWA, Slot Usrah, 16 Ogos 2013.

<sup>631</sup>*Ibid.*

<sup>632</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>633</sup>Halimaton Mohd. Ngelim, temu bual, 27 Ogos 2014.

kehormatan diri sebagai wanita ni.. lepas tu saya mintak dari ustazah, alhamdulillah dapat, dia lebih kurang al-Ma'thurat jugakla”<sup>634</sup>

Zikir bukan sahaja menjadi tumpuan di TSP dan BES, malah pihak Darul Wardah juga menjadikan doa, zikir, wirid, bacaan al-Ma'thurat sebagai amalan rutin kerana dipercayai mampu menguatkan kerohanian pelatih. Menurut penasihat DARWA:

“Biasanya bila saya *handle* pelatih, saya fokus kepada terapi asma ul-husna untuk mempertajamkan intuisi (rasa hati) mereka melalui zikrullah. Ia sebenarnya fitrah cuma tidak disuburkan. Lagipun pagar yang sebenarnya ialah dalam diri mereka sendiri.”<sup>635</sup>

Berdasarkan dapatan di atas, pihak PPW sememangnya memahami kepentingan zikir dalam proses pemulihan akhlak pelatih. Sehubungan itu inisiatif PPW dengan membekalkan panduan zikir, wirid dan doa merupakan langkah yang baik. Hal ini kerana amalan zikir, doa dan wirid berupaya mendorong mengingati Allah sepanjang waktu secara tidak langsung meletakkan pergantungan hanya kepada Allah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan bermula dari sekecil-kecil pekerjaan sehingga kepada pekerjaan yang besar. Akhirnya amalan ini akan menjadikan pelatih semakin dekat dengan Tuhan dan merasakan bahawa setiap perlakuan berada di dalam pengawasan-Nya. Oleh itu, setiap perlakuan sama ada perlakuan hati dan amalan zahir akan sejajar dengan perintah Allah.

Berdasarkan pengakuan seorang professor yang pernah menghidap kanser, beliau mengakui bahawa amalan zikir yang dilakukan secara berterusan dan sepenuh keyakinan telah memberikannya kesan yang luar biasa bukan sahaja berfungsi sebagai terapi yang menenangkan bahkan menjadi ubat yang cukup mujarab sehingga

<sup>634</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>635</sup>Haslina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

menyembuhkan beliau sepenuhnya dari penyakit kanser yang dihadapi.<sup>636</sup> Pengakuan ini secara jelas mengesahkan keberkesanan pendekatan psikoterapi Islam yang telah dikemukakan dalam kajian sebelum ini. Misalnya, kajian Nor Azah telah mencadangkan psikoterapi Islam yang mengandungi beberapa bentuk pengisian bercorak keagamaan sebagai alternatif dalam merawat penyakit ketagihan terhadap bahan-bahan lucu atau pornografi dalam kalangan remaja.<sup>637</sup> Hakikatnya, inisiatif yang telah diambil oleh PPW bagi mendekatkan pelatih dengan Tuhan melalui amalan zikir, wirid dan doa dilihat sejajar dengan tuntutan yang dinyatakan di dalam al-Quran agar mengingati Allah sepanjang masa.<sup>638</sup>

Secara keseluruhannya, segala bentuk ibadah sama ada berbentuk ibadah wajib atau sunat yang dijalankan secara rutin di PPW didapati bukan sahaja membantu pelatih lebih dekat dengan Tuhan serta membentuk rasa kehambaan dalam diri pelatih namun dipercayai memberikan perubahan pada akhlak ke arah yang lebih baik dari sebelumnya. Hakikatnya pelaksanaan ibadah yang ditekankan oleh ketiga-tiga PPW seperti solat, puasa, membaca al-Quran, serta amalan mengingati Allah seperti zikir, wirid dan doa bukan sahaja menjadi medium untuk menghasilkan rohani pelatih yang terdidik dengan agama, akan tetapi menguatkan hubungan mereka dengan Allah, memelihara hubungan sesama manusia serta melahirkan sifat ihsan yang akan mengiringi seseorang dalam setiap amalan dan pekerjaan yang dilakukan.

Tidak keterlaluan jika dikatakan pelaksanaan ibadah di PPW berpotensi memberikan implikasi terhadap dua aspek kepada diri pelatih. Pertama; dalam konteks

---

<sup>636</sup>Pembentangan oleh bekas pesakit kanser iaitu Prof. Dr. H. M. Amin Syukur yang merupakan dekan Fakultas Usuluddin IAIN Walisongo Indonesia di dalam *Wacana Psikoterapi Islam* bertajuk “Terapi Zikir” pada 14 Julai 2012, Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

<sup>637</sup>Nor Azah Ab. Aziz, “Pengawalan Diri.”

<sup>638</sup>Surah Muzammil, 74: 8.

pembangunan intelektual, pembelajaran ibadah akan meningkatkan kefahaman pelatih terhadap konsep sebenar ibadah Islam dengan lebih jelas. Kedua; dalam konteks spiritual, pelaksanaan ibadah dengan penuh kefahaman akan mengangkat kembali nilai *ubudiyah* dalam diri pelatih ke arah mendekatkan hubungan pelatih dengan Tuhan. Setelah itu, pelatih akan merasai hikmah dari pelaksanaan ibadah yang dilakukan.

#### 4.4.3 Pemulihan Akhlak

Dapatan kajian menunjukkan pusat perlindungan wanita di Selangor tidak meminggirkan aspek pemulihan akhlak pelatih. Jadual 4.4 menjelaskan tentang pengisian akhlak di PPW di Selangor.

**Jadual 4.4:** Pengisian Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Kurikulum Pendidikan Agama Islam (Asas-asas Fardu Ain) TSP 2011-2014; Modul Transformasi Ehsan, Baitul Ehsan 2011-2014, temu bual)

Pengisian	Aktiviti	TSP	BES	DARWA
Akhlak mahmudah	Kelas Akidah/Adab	✓	✓	-
	Kelas Sirah Nabawiyah	✓	-	✓
	Kelas Hadis	-	-	✓
	Kelas Fiqh Wanita	-	✓	-
	Tazkirah/Kuliah (Subuh, Zuhur, Maghrib)	✓	✓	✓
	Usrah	-	✓	✓
	Perhimpunan Pagi	✓	-	-
	Kawad Kaki	✓	✓	-
	Gotong-royong	✓	✓	-
	Sambutan Hari Kebesaran Islam	✓	✓	✓
	Riadah/rehlah	-	✓	-
	Kem Motivasi	✓	✓	✓
	Bimbingan dan Kaunseling	✓	✓	✓
	Terapi Liang Lahad	-	✓	-
	Mandi Taubat	-	✓	-
	Program Khidmat Masyarakat, Lawatan sambil belajar	-	✓	-

Berdasarkan Jadual 4.4, proses pemulihan akhlak di Taman Seri Puteri dijalankan dalam bentuk kelas pengajian agama melalui mata pelajaran akhlak dan sirah.<sup>639</sup> Sebagaimana TSP, kajian mendapati Baitul Ehsan juga menjadikan pembangunan akhlak sebagai keutamaan dalam tempoh perlindungan pelatih melalui pembelajaran dan pengajaran subjek adab dan *fiqh* wanita namun hanya dikhkususkan kepada pelatih yang berada di tahap tiga dan empat sahaja.<sup>640</sup> Menurut tenaga pengajar di BES:

“Dalam subjek adab yang paling utama saya tekankan adab pada ibu bapa, adab pada guru, adab pada masyarakat. Sebab adab ni memang sangat diperlukan dan takkan terpisah daripada setiap orang. Berbanding dahulu yang belajar kat musolla, skrg bila dah ada nota diorang nampak lagi berminat lah dan banyak tanya “oo macamni ke ustazah?” Kita terangkanlah. Kalau ikut cara saya, saya bagi nota dulu, mintak diorang baca dan saya terangkan. Sekali kelas dua jam. Seminggu sekali sahaja (Isnin). Subjek ibadah seminggu dua kali. Sebab hari Jumaat saya terlibat dengan terapi. Walaupun nama subjek ni disebut sebagai adab tapi sebenarnya menjurus kepada akhlaklah.”<sup>641</sup>

Seorang tenaga pengajar lain yang ditemui berpandangan bahawa pembelajaran mengenai akhlak lebih penting dan diperlukan berbanding subjek akidah yang lebih rumit. Namun melalui pembelajaran akhlak juga belia turut menyelitkan beberapa perkara berkaitan akidah.<sup>642</sup>

Berhubung sikap pelatih, mereka digambarkan sebagai memahami keperluan berakhhlak namun atas faktor-faktor tertentu mereka sukar untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan. Di peringkat awal kemasukan ke BES, pelatih disifatkan lebih banyak menyalahkan orang sekeliling dan menganggap diri mereka tidak disayangi serta

<sup>639</sup>Antara topik yang diajar kepada pelatih di TSP ialah mengenai kepentingan akhlak di dalam Islam, sifat taubat, pembahagian akhlak dan adab dalam kehidupan harian seperti adab makan minum, adab qada hajat, adab tidur, adab mandi, adab berwuduk, adab berpakaian, adab berkenderaan, adab keluar masuk rumah, adab menghidangkan makanan, adab berjalan, adab bersoal jawab, adab dengan ibu baa, adab kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu, adab dengan al-Quran, sifat-sifat terpuji, sifat-sifat tercela, adab berdoa, jenis-jenis doa, zikir harian, konsep pergaulan di dalam Islam dan sebagainya. Rujuk bahagian lampiran.

<sup>640</sup>Modul Transformasi Ehsan, sub-modul Akademik.

<sup>641</sup>*Ibid.*

<sup>642</sup>Kaminur Nasir, temu bual, 26 Ogos 2014.

merasakan mereka tidak bersalah. Namun, setelah tiga hingga empat bulan mendapatkan perlindungan, lama kelamaan mereka mula menerima kenyataan dan mengaku kesilapan diri serta sudah mula bersikap terbuka dan berkongsi cerita sebenar mengenai kesilapan mereka. Sikap mereka berubah meskipun terdapat juga segelintir pelatih yang langsung tidak mahu mengaku kesilapan diri lantaran sifat ego yang menguasai diri.<sup>643</sup>

Berbalik kepada pengisian akhlak, kajian mendapati pihak DARWA juga menitikberatkan aspek pemulihan akhlak pelatih memandangkan pelatih yang mendapatkan perlindungan sememangnya bermasalah dari aspek sikap dan tingkah laku. Justeru, pengisian akhlak pelatih di DARWA direalisasikan melalui pelaksanaan kelas pengajian agama menerusi subjek Sirah, Hadis dan kelas khas membincangkan tentang pendidikan akhlak.<sup>644</sup> Selain pembelajaran di dalam kelas, pengisian akhlak di PPW dikenal pasti berlaku melalui beberapa pengisian lain seperti tazkirah kuliah, usrah, perhimpunan pagi, gotong-royong, sambutan hari kebesaran Islam, riadah dan sukan, sesi bimbingan dan kaunseling, kem motivasi, kawad kaki, mandi terapi liang lahad, program khidmat masyarakat, lawatan sambil belajar, kursus pra perkahwinan, ceramah kesihatan.<sup>645</sup> Berkenaan pengisian yang menjurus kepada pemulihan akhlak, beberapa pelatih yang ditemui di PPW mengakui bahawa semakin lama mereka menghuni di PPW, mereka makin mula menyedari kesilapan dan kesalahan lampau kerana sering ditegur dan diberikan nasihat. Pelatih di TSP berkongsi sebagaimana berikut:

“Saya menyesal, menyesal, sangat menyesal sebab tak dengar cakap ayah dulu. Kalau boleh lepas ni saya nak sambung belajar, mulakan

<sup>643</sup>Halilah Sarjuni, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>644</sup>Pemerhatian di DARWA, 14 April 2015.

<sup>645</sup>Modul Transformasi Ehsan, sub-modul Khidmat Masyarakat.

hidup baru sebab nak balas balik jasa mak ayah saya, saya dah banyak susahkan diorang”<sup>646</sup>

Sambil menitiskan air mata, seorang pelatih di BES turut meluahkan kekesalan beliau dengan berkata:

“Saya tak salahkan mak ayah dalam hal ni. Saya memang bersalah. Mak ayah dah hantar saya pergi mengaji agama, cuma saya je degil, orang nampak saya macam *happy* tapi dalam hati ni Allah je yang tahu, setiap malam saya menangis kenang dosa saya dan sikap saya dengan mak ayah. Bila kat sini saya asyik terkenang balik pesan-pesan mak saya dulu. Saya malu.”<sup>647</sup>

Perkara yang sama turut diakui oleh seorang pelatih di DARWA:

“Kat sini saya banyak terfikir kejadian lepas, kenapa aku boleh jadi seteruk ni? Aku dah hampakan harapan mak ayah, saya nak taubat dan berubah betul-betul”<sup>648</sup>

Selain pendedahan mengenai akhlak dan adab-adab di dalam Islam, PPW dilihat tidak mengetepikan aspek pendidikan kewanitaan, seksualiti dan tanggungjawab reproduktif. Pendidikan kewanitaan meliputi soal penjagaan aurat dan penjagaan kendiri manakala tanggungjawab reproduktif dan seksualiti pula menekankan tentang kefahaman pelatih mengenai gejala seks bebas. Kebanyakan pelatih yang memasuki pusat perlindungan dimaklumkan tidak mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang lengkap berhubung tanggungjawab reproduktif dan penjagaan diri seperti tidak mempedulikan aspek penjagaan aurat serta dosa dan pahala. Menurut Pegawai Psikologi di TSP, pelatih yang mendaftar masuk pusat tersebut memiliki pengetahuan agama yang agak rendah hatta

<sup>646</sup>Pelatih 1 (Pelatih Taman Seri Puteri Cheras) dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

<sup>647</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>648</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

perkara asas fardu ain juga tidak tahu apatah lagi persoalan yang berkaitan dengan penjagaan diri seperti mandi wajib.<sup>649</sup> Menurut tenaga pengajar di BES juga:

“Ada pelajar keliru tentang hukum pemakaian stoking dosa atau tidak. Selain itu, bila saya cakap dalam kelas *fiqh* wanita misalnya mengeluarkan mani dengan tangan sendiri (onani) tu haram, masa tu baru diorang tahu... oooo haram rupanya, sedangkan ada dalam kalangan kawan-kawan mereka pun masih ketagih dengan benda tu.”<sup>650</sup>

Kenyataan ini turut diakui oleh salah seorang pelatih di BES:

“Sebelum masuk sini, saya mandi wajib memang tak berapa yakin. Bila nak mandi tu selalu tanya dengan kawan betul ke tidak? Sekarang ni alhamdulillah dah yakin cara mandi wajib yang betul”<sup>651</sup>

Seorang pelatih di TSP juga mengakui bahawa beliau sama sekali tidak menyangka hubungan seks yang dilakukan kali pertama boleh berisiko untuk hamil. Sehubungan itu dalam kes beliau, beliau hanya menyedari hamil setelah usia kandungan mencecah tujuh minggu.<sup>652</sup> Berdasarkan kepada pengakuan beberapa pelatih di atas, ternyata sikap mereka sebelum memasuki pusat perlindungan cukup berbeza. Sikap degil, terlalu mengikut perasaan, serta hanyut dengan keseronokan telah mendorong mereka terlibat dengan aktiviti seksual tanpa rasa malu mahupun bersalah sehinggaalah mereka disahkan hamil dan diletakkan di PPW.

Dalam konteks pemulihan remaja hamil luar nikah, akhlak merupakan aspek yang sangat penting untuk diberikan perhatian. Berbalik kepada pelaksanaan pengisian akhlak di PPW, kajian mendapati melalui subjek akhlak dan adab akan membantu pelatih menilai antara baik dan buruk sesuatu perlakuan serta implikasi dari perlakuan tersebut. Melalui subjek sirah pula, pelatih bukan sahaja dapat menghayati perjalanan

<sup>649</sup>Nor Hashimah Zaini (Pegawai Psikologi, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Jun 2014.

<sup>650</sup>Halimaton Mohd. Ngahim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>651</sup>Pelatih 4 (Pelatih Baitul Ehsan) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2014.

<sup>652</sup>Pelatih 2 (Pelatih Taman Seri Puteri Cheras) dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

hidup para Nabi, para sahabat dan tokoh-tokoh Islam malah dapat mencontohi nilai-nilai keunggulan akhlak Islam yang telah ditonjolkan. Manakala pembelajaran mengenai *fiqh* wanita pula bukan sekadar dapat mendidik pelatih tentang adab-adab bagaimana untuk menjadi seorang wanita Muslim yang baik malah berupaya mengukuhkan kefahaman pelatih mengenai tanggung jawab reproduktif serta seksualiti ke arah yang lebih baik. Berdasarkan inisiatif yang dijalankan oleh PPW dalam usaha pembangunan akhlak pelatih, ternyata ia sejajar dengan matlamat pengutusan rasul iaitu bagi menyempurnakan akhlak manusia.<sup>653</sup>

Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazālī, akhlak yang baik terhasil daripada kesempurnaan jiwa<sup>654</sup> Manakala, ibadah seperti solat, zikir, wirid, doa, bacaan al-Quran dan pengajian ilmu agama merupakan latihan penting bagi mencapai kesempurnaan jiwa yang dinamakan sebagai proses penyucian jiwa atau *tazkiyat al-nafs*.<sup>655</sup> Proses *tazkiyat al-nafs* pula memerlukan kesungguhan dan pengulangan sehingga ia akhirnya membentuk kebiasaan.<sup>656</sup> Berdasarkan kepada saranan tersebut, kajian menyimpulkan bahawa proses penyucian jiwa sebenarnya sedang berlaku di PPW sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Islam melalui pelbagai pengisian berbentuk akidah dan ibadah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Inisiatif yang dijalankan bersesuaian dengan gesaan penyucian diri juga telah sekian lama disebutkan di dalam al-Quran surah Asy-Syams ayat 7 hingga 10.

Berbalik kepada usaha pusat perlindungan, kajian mendapati proses pemulihan akhlak berlaku secara konsisten melalui beberapa kegiatan harian pelatih seperti riadah, sukaneka, berkawad. Ia bukan sahaja memberikan kecergasan terhadap fizikal tetapi

<sup>653</sup> Ahmad Al-Ḥusainī Alī Mūsa Abū Bakar Al-Baihaqī, *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, c.1, Jil. 10 (Makkah Al-Mukaramah, Dār al-Bāz, 1994), 191.

<sup>654</sup> Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*', Juz 3, 604-609.

<sup>655</sup> Abdul Halim El-Muhamady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, 125-127.

<sup>656</sup> Al-Za'balawī, Muḥammad Sayyid Muḥammad, *Tarbiyyatul Murahiq*, 351-354.

juga kekuatan peribadi melalui pembentukan sikap serta disiplin diri yang kuat. Menurut Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali, hakikat akhlak adalah terhasil dari ibadah yang dilakukan oleh individu dan merupakan satu elemen yang perlu diberi perhatian kerana berhubung kait dengan tingkah laku dan peribadi seterusnya memberi kesan yang mendalam kepada seseorang dalam seluruh aspek kehidupan manusia meliputi fizikal dan rohani.<sup>657</sup> Justeru, pengisian yang telah dijalankan membantu meningkatkan kualiti diri pelatih menjadi lebih baik dari sebelumnya.

Berhubung pengisian mengenai pendidikan seks dan tanggungjawab reproduktif yang telah dijalankan juga, dapatan kajian memperlihatkan pembelajaran secara khusus tentang *fiqh* wanita sebagaimana yang dijalankan oleh BES serta penganjuran ceramah-ceramah kesihatan dengan mendapatkan kerjasama dari pusat kesihatan daerah berupaya memperbaiki tahap pengetahuan remaja hamil terhadap persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pengetahuan seksual dan tanggungjawab reproduktif termasuk aspek penjagaan diri.

Berdasarkan kajian lepas juga, remaja yang terlibat dengan aktiviti sebelum nikah sememangnya memiliki tahap pengetahuan yang rendah dan sederhana mengenai risiko seks bebas.<sup>658</sup> Majoriti remaja juga memiliki pemahaman yang salah dan sempit tentang tingkah laku seks. Hubungan seksual hanya ditakrifkan sebagai salah satu cara untuk menyatakan perasaan kasih dan cinta kepada pasangan tanpa mengambil kira persoalan halal dan haram.<sup>659</sup> Justeru, pendedahan mengenai seksualiti dan tanggungjawab reproduktif yang sedang diusahakan oleh PPW di Selangor bukan sahaja membantu memperbaiki tahap pengetahuan pelatih, bahkan sebagai sokongan terhadap

<sup>657</sup> Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali, *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008), 19.

<sup>658</sup> Siti Rohani Mahat, “Tingkah Laku Seksual.”

<sup>659</sup> Nasrudin Subhi et al., “Hubungan Seksual Remaja: antara Cinta dan Nafsu, 15-25.

usaha kerajaan dalam merealisasikan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI)<sup>660</sup> khususnya dalam kalangan remaja.

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan di atas, terdapat beberapa aspek yang berkait rapat dengan pelaksanaan modul keagamaan dari konteks pengisian. Pertama, dapat dirumuskan pengisian yang terkandung dalam modul di PPW turut menyentuh beberapa kegiatan bercorak keagamaan. Secara umumnya, penghayatan agama pelatih di setiap PPW dimaklumkan berada di tahap yang berbeza iaitu lemah, sederhana dan tinggi. Namun begitu, kebanyakan pelatih dikatakan lupa dan lalai sehingga akhirnya menjadikan mereka tidak mengenal al-Quran, tidak tahu solat bahkan lebih menyediakan tidak tahu tentang mandi wajib.

Pengisian keagamaan yang dijalankan di PPW dijalankan melalui kelas-kelas pengajian yang memerlukan pelatih menduduki proses penilaian secara berkala melalui ujian bulanan dan peperiksaan. Selain itu, pengisian keagamaan juga berjalan dalam bentuk kegiatan harian pelatih secara rutin bermula seawal pagi sehingga tiba waktu tidur melalui pelaksanaan beberapa ibadah berbentuk kerohanian seperti solat, bacaan al-Quran, zikir, wirid, bacaan doa, amalan puasa sunat dan beberapa ibadah sunat yang lain.

Berdasarkan kepada bentuk pengisian yang telah dikenal pasti, kajian mendapati ia tidak banyak berbeza dengan pengisian yang dijalankan oleh beberapa institusi pemulihan lain sebagaimana yang dilaporkan dalam kajian sebelum ini<sup>661</sup> iaitu memfokuskan kepada pembelajaran asas mengenai ilmu fardu ain dan fardu kifayah merangkumi ibadah khusus seperti solat dan puasa dengan tidak mengabaikan amalan-

<sup>660</sup>Lihat perbincangan di Bab Dua di bawah sub-topik 2.4; “Mekanisme Perlindungan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Malaysia.”

<sup>661</sup>Khairul Hamimah Mohd. Jodi, “Penerapan Nilai-Nilai”; Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek dan Adawiyah Ismail “Bimbingan Agama”; Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhru Adabi Abd. Kadir, “Program Agama.”

amalan lain seperti wirid, zikir, solat sunat. Walau bagaimanapun, kesemua pengisian bercorak keagamaan yang telah disediakan dipercayai memadai bagi membantu remaja hamil luar nikah memperbaiki kelemahan diri seterusnya mempersiapkan semula diri dengan ilmu, amal serta akhlak buat bekalan hidup.

Dari aspek kaedah penyampaian pengisian pula, kajian mendapati kaedah yang digunakan oleh setiap PPW bervariasi dan tidak banyak berbeza. Kaedah yang biasa diaplikasikan oleh tenaga pengajar seperti penceritaan, penerangan, perbincangan dua hala, penyampaian kuliah, tazkirah, forum, ceramah dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Secara asasnya, dalam konteks penyampaian dakwah Islam, kepelbagaian kaedah dalam penyampaian isi dakwah amat dititikberatkan kerana ia berpotensi untuk menarik minat sasaran seterusnya menyumbang kepada penyampaian dakwah secara berkesan. Berdasarkan kajian Azlina Muhammad mendapati 92.1 peratus pelatih meminati kelas bimbingan rohani dan kelas al-Quran kerana kaedah pembelajaran yang digunakan tidak memberikan tekanan.<sup>662</sup>

Ini menunjukkan mesej yang ingin disampaikan perlu mengikut tahap pelatih dengan cara yang mudah dan ringan lebih memikat hati pelatih bermasalah. Perkara ini merupakan elemen penting yang tidak boleh dipandang remeh bagi memastikan mesej yang disampaikan benar-benar meninggalkan kesan kepada jiwa pelatih. Perkara ini juga yang telah diingatkan bahawa secara psikologinya, manusia dikatakan akan mudah tertarik dengan sesuatu yang tampak jelas, mudah dan menarik.<sup>663</sup>

Dari aspek penglibatan pelatih pula, semua pelatih diwajibkan untuk mengikuti pengisian yang terkandung di dalam modul keagamaan kecuali dengan sebab-sebab yang tertentu seperti dalam tempoh berpantang, mempunyai masalah kesihatan atau

---

<sup>662</sup>Azlina Muhammad, “Penghuni Raudhatus Sakinah.”

<sup>663</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Psikologi Dakwah*, 59-64.

kekangan lain yang tidak diizinkan. Walau bagaimanapun, pihak DARWA dan BES dilihat lebih tegas berhubung perkara ini berbanding TSP. Di DARWA dan BES, pelatih yang sedang berpantang juga mesti mengikuti kelas atau pengajian agama namun diberikan kelonggaran bergantung kepada tahap kesihatan pelatih. Di TSP pula, pelatih yang berpantang tidak perlu mengikuti kelas yang disusun dan diberikan tempoh untuk berpantang atau terus pulang ke pangkuan keluarga sebaik sahaja bersalin sekiranya tiada masalah.

Bahkan pengisian khas masih tetap dijalankan bagi mengisi masa pelatih yang uzur sebagaimana yang dilakukan oleh pihak BES. Justeru, jadual pelatih yang padat serta sentiasa memberikan galakan dan peluang kepada mereka untuk menyibukkan diri dengan kegiatan ibadah tanpa sebarang gangguan. Akhirnya, tidak keterlaluan jika dikatakan inisiatif ini bersesuaian dengan salah satu syarat penting dalam pembinaan modul yang berkesan iaitu pemilihan isi kandungan yang bersesuaian mengikut tahap kefahaman serta penerimaan peserta.<sup>664</sup> Oleh demikian, pemilihan pengisian yang bersesuaian adalah aspek penting yang tidak boleh diketepikan bagi memastikan objektif modul tersebut dapat dicapai.

Berdasarkan kajian lepas, penghayatan agama yang tinggi dalam kalangan remaja sangat signifikan dalam mengurangkan kecenderungan mereka untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral,<sup>665</sup> manakala pegangan agama yang rendah diakui menjadi salah satu punca yang mendorong mereka melakukan perbuatan yang terlarang tanpa rasa bersalah.<sup>666</sup> Justeru, pengisian bercorak keagamaan yang dijalankan oleh PPW di Selangor dianggap sebagai salah satu usaha penting bagi membudayakan nilai-

<sup>664</sup>Kamaruddin Husin, *Pedagogi Bahasa*, 3.

<sup>665</sup>Fauziah Ibrahim et al., “Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera”, 84-93.

<sup>666</sup>Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating,” 266-271.

nilai ajaran Islam dalam kehidupan pelatih supaya mereka akhirnya memilih untuk tidak terlibat dengan kegiatan yang bukan sahaja bertentangan dengan agama bahkan juga tidak diterima sebagai satu norma atau adat kebiasaan dalam masyarakat seperti perzinaan.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati belum terdapat satu modul keagamaan yang dirangka secara khusus oleh PPW untuk remaja hamil luar nikah. Hal ini kerana, sehingga kajian dilakukan, setiap PPW dikenal pasti hanya mengguna pakai satu modul sahaja ke atas semua pelatih yang mendaftar masuk ke pusat perlindungan wanita dengan pelbagai latar belakang kes moral, bukan kes kehamilan semata-mata. Namun begitu, bentuk pengisian bercorak keagamaan yang telah dirancang dan diberikan penekanan dilihat hampir memenuhi aspek kandungan pengisian yang dikemukakan oleh Islam bagi kes kehamilan luar nikah walaupun ia belum berlaku secara komprehensif.

Secara jelasnya juga, kajian mendapati kebanyakan tenaga pengajar memahami bahawa dalam mengendalikan remaja bermasalah, mereka tidak perlu terlalu bergantung sepenuhnya kepada setiap topik yang tertulis dalam modul. Namun pelaksana lebih memilih untuk menggunakan inisiatif sendiri kerana menyedari keperluan pelatih adalah berbeza mengikut kes. Melalui proses penilaian secara berkala yang dijalankan juga sebenarnya dapat membantu pihak PPW untuk mengenal pasti di mana kelemahan dan keperluan pelatih untuk diatasi.

Apa yang jelas, keseluruhan pengisian keagamaan yang telah dan sedang dijalankan memberikan ruang dan peluang untuk pelaksana membimbing pelatih menjadi hamba Allah dan khalifah-Nya yang lebih baik dan khalifah. Pengisian yang ada bukan sesuatu yang asing dalam konteks pemulihan remaja kerana ia telah

diketengahkan dalam beberapa kajian terdahulu khususnya dalam mengurangkan ketagihan seksual.

## 4.5 PENDEKATAN DALAM MODUL KEAGAMAAN

Sebagaimana yang telah dibincangkan di dalam Bab Tiga, Islam telah menyediakan enam bentuk pendekatan praktikal yang boleh diberikan perhatian khususnya dalam memperbaiki remaja bermasalah salah laku seks melalui pelaksanaan modul keagamaan. Pendekatan yang dimaksudkan berbentuk contoh teladan, beransur-ansur, nasihat dan bimbingan, pembiasaan, pengawasan serta hukuman dan ganjaran. Justeru, analisis ke atas dapatan kajian yang diperoleh sama ada melalui temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen akan mengambil kira keenam-enam pendekatan tersebut.

### 4.5.1 Pendekatan Contoh Teladan

Kajian mendapati pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan contoh teladan sebagaimana yang dijelaskan dalam Jadual 4.5.

**Jadual 4.5:** Pendekatan Contoh Teladan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Contoh Teladan	TSP	BES	DARWA	Platform
Tutur kata yang baik	✓	✓	-	Pengajaran dan pembelajaran  Kegiatan harian
Perlakuan yang baik	✓	✓	✓	
Penguasaan Ilmu	-	✓	✓	
Penampilan yang baik	✓	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 4.5, kajian mendapati ketiga-tiga PPW di Selangor menggunakan dua platform iaitu pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan harian untuk

mengaplikasikan pendekatan contoh teladan yang diterjemahkan dalam empat bentuk iaitu penggunaan tutur kata yang baik, perlakuan yang baik, penguasaan ilmu serta penampilan yang baik.

Berdasarkan temu bual dengan Pengetua Taman Seri Puteri, pelatih sememangnya dianggap sebagai kanak-anak yang sentiasa memandang dan menilai apa sahaja perlakuan orang dewasa. Beliau juga percaya bahawa kanak-kanak dianugerahkan oleh Allah dengan keistimewaan serta naluri luar biasa yang membolehkan mereka merasai apa sahaja bentuk layanan yang diterima sama ada ia dilakukan dengan ikhlas atau sebaliknya. Justeru, menjadi tanggung jawab pihaknya untuk memastikan pelatih dapat merasai nilai-nilai baik yang ditonjolkan. Perkara penting yang dilakukan ialah melalui ikatan kasih sayang sesama pelatih dan kakitangan melalui pelbagai cara seperti sentuhan, jenaka dan perhatian agar keakraban, ikatan kerohanian dan kepercayaan dapat diwujudkan meskipun dalam masa yang agak singkat. Beliau juga berpandangan bahawa setiap anak-anak yang ditempatkan di pusat perlindungan wanita perlu dilayan seperti mana layanan yang diberikan kepada anak kandungnya sendiri. Oleh itu, secara tidak langsung kasih sayang yang dicurahkan akan menjadi refleksi dan pelatih juga akan berkelakuan yang sama.<sup>667</sup>

Hasil pemerhatian mendapati sebilangan kakitangan TSP sememangnya membahasakan diri mereka sebagai ‘emak’ ketika berkomunikasi dengan pelatih. Mereka juga kelihatan mesra dan saling bergurau senda. Sebagai contoh, pengetua TSP pernah berusaha mendekati dan memujuk pelatih yang sedang menangis kerana merindui bayinya yang telah diserahkan kepada keluarga angkat.<sup>668</sup> Pendekatan ini turut ditekankan oleh Pegawai Psikologi TSP, menurutnya:

<sup>667</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014. .

<sup>668</sup>Pemerhatian di TSP, 20 Jun 2014.

“Kita memang ambil pendekatan kekeluargaan. Contohnya dengan panggilan ‘emak’. Kita akan tunjuk tingkah laku. Dari situ kita akan bagi nasihat, *moral support* dan seumpamanya, kekeluargaan sangat penting, sebab ada pelatih yang kurang kasih sayang, ada yang tiada mak ayah, ada mak ayah sibuk, ada pelatih yang mengadu mak ayah tak suka dia, tak sayang dia. Mereka akan rasa kekurangan.”<sup>669</sup>

Meskipun begitu, hasil temu bual bersama kaunselor pelatih di TSP mendapati beliau memahami konsep contoh teladan dengan sedikit berbeza. Menurutnya, contoh teladan melalui penonjolan kasih sayang semata-mata tidak memadai tetapi perlu disertai dengan penonjolan personaliti atau watak keagamaan dalam kalangan kakitangan sendiri yang boleh dijadikan ikutan. Dalam erti kata lain, beliau menegaskan tentang penghayatan keagamaan dalam kehidupan sehari-hari namun perkara tersebut dilihat belum berlaku secara menyeluruh. Tambahnya lagi, isu *role model* memang sentiasa dibangkitkan apabila menjalankan sesi bersama pelatih, meskipun kakitangan memang peramah namun terdapat nilai-nilai yang kurang baik yang diterapkan kepada pelatih perlu dinilai semula seperti aktiviti karaoke.<sup>670</sup>

Selain TSP, Baitul Ehsan juga memandang serius aspek contoh teladan dalam mendekati pelatih. Sehubungan itu, ‘Model Terbaik’ dijadikan sebagai salah satu dari sembilan falsafah perubahan diri yang menjadi asas kepada pelaksanaan modul Transformasi Ehsan di BES.<sup>671</sup> Falsafah ini diterapkan melalui pelaksanaan beberapa aktiviti dengan diberikan tema tersendiri yang menjurus kepada penerapan nilai contoh teladan.<sup>672</sup> Secara umumnya, kesemua aktiviti yang dijalankan mempunyai objektifnya yang tersendiri, iaitu bagi meningkatkan kefahaman pelatih mengenai konsep model

<sup>669</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014. .

<sup>670</sup>Farah Mohd. Fauzi (Kaunselor Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Jun 2014.

<sup>671</sup>9 Falsafah yang diterapkan ke arah perubahan diri pelatih melalui pelaksanaan MTE ialah 1. Beriman, 2. Model Terbaik, 3. Persaudaraan dan Kasih Sayang, 4. Jati Diri, 5. Pedoman, 6. Ikhlas, 7. Prihatin, 8. Berilmu, 9. Rela dan Bahagia.

<sup>672</sup>Terdapat beberapa aktiviti yang menggunakan tema ‘Model Insan Cemerlang,’ ‘Lau Kana Bainana,’ ‘Cinta Rasul’ dan ‘Indahnya Akhlakmu’.

insan cemerlang serta keperluan model dalam kehidupan sebagai sumber inspirasi dan kekuatan bagi meneruskan kehidupan. Pendedahan diberikan agar pelatih menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan terbaik. Mereka akan belajar bagaimana untuk melahirkan kecintaan kepada Rasulullah SAW sebagai utusan yang membawa rahmat buat seluruh alam dan bagaimana memperoleh syafaat dari Rasulullah kelak, misalnya melalui pengamalan sunah. Menonjolkan keindahan akhlak Rasulullah SAW melalui pembacaan kisah-kisah kehidupan baginda yang berisi pengajaran, dendangan nasyid dan sebagainya.

Di samping itu, kajian mendapati pendekatan contoh teladan turut diterapkan di BES melalui kegiatan harian pelatih yang bercorak kerohanian. Menerusi aktiviti kuliah Maghrib, nilai contoh teladan ada disentuh dalam bentuk ceramah serta penceritaan mengenai riwayat hidup tokoh-tokoh silam seperti al-Ghazālī dan slot sirah Nabi, tokoh wanita Islam seperti Khadijah Khuwailid, Aisyah, Fatimah, Asma', Ummu Kulthum, Halimatussa'diah, Sumayyah, Barakah binti Tsa'labah dan banyak lagi tokoh-tokoh yang boleh diteladani.<sup>673</sup> Tidak kurang juga penghayatan terhadap nilai contoh teladan turut digarap melalui lirik lagu tema BES.<sup>674</sup> Penghayatan terhadap bait-bait lirik tersebut secara berulang kali akan mengingatkan pelatih agar sentiasa meletakkan pengharapan kepada Allah SWT dalam melakukan perubahan di samping memupuk keinginan remaja untuk menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan ke arah mendapatkan kebahagiaan hidup.

Sebagaimana di TSP, pendekatan contoh teladan melalui ikatan kekeluargaan turut diimplementasikan di BES. Hasil pemerhatian mendapati pelatih di BES juga dibiasakan untuk memanggil Penguasa BES dengan panggilan “abah” berbanding ustaz,

<sup>673</sup>Modul Transformasi Ehsan (Sub-Modul Kerohanian), BES.

<sup>674</sup>Ibid.

tuan dan sebagainya.<sup>675</sup> Tindakan tersebut sekurang-kurangnya akan merapatkan jurang pelatih dengan kakitangan secara tidak langsung mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kemesraan serta meningkatkan kepercayaan sesama mereka.

Berhubung pendekatan ini juga, Pengusaha BES menjelaskan semua staf sememangnya sentiasa diingatkan agar memperbaiki diri dari semasa ke semasa supaya memiliki ciri-ciri yang layak dicontohi oleh pelatih seperti akhlak terpuji dan ilmu pengetahuan yang mendalam. Pada masa yang sama, keikhlasan bekerja juga sering ditekankan kepada kakitangan. Manakala dari aspek kualiti tenaga pengajar, penilaian dilakukan setiap tahun bagi melihat prestasi pengajaran mereka. Penilaian yang dibuat membabitkan laporan pengajaran serta komen-komen yang diterima dari pelatih sendiri secara berkala. Berhubung pendekatan ini, beliau menjelaskan:

“Kita nak fokus pada setiap kakitangan dan pelatih dari segi akhlak, manakala *qudwah hasanah* antara cabarannya bermula dari saya sendiri sebenarnya sebagai pimpinan, kemudian turun ke peringkat bawah dan ia berlaku berterusan. Kita nak pelatih rasa mereka tidak terasing dan tidak ditindas. Bila mereka rasa dianiaya mereka boleh buat aduan. Semua orang di sini ada hak masing-masing dan perkara ini memang bukan mudah.”<sup>676</sup>

Menurut tenaga pengajar di BES, sebagai individu yang sedang meningkat usia remaja, pelatih perlu dilayan sebagai sahabat. Justeru pendekatan tidak semestinya tertumpu kepada satu bentuk sahaja. Beliau juga percaya bahawa ikatan persahabatan yang diwujudkan akan membuka ruang dan peluang kepada pelatih dan menjadikan mereka lebih selesa untuk berkongsi apa juu masalah.<sup>677</sup> Pandangan beliau ini sememangnya dapat dilihat dengan jelas semasa beliau mengendalikan tazkirah Maghrib. Hasil pemerhatian mendapati tazkirah Maghrib dijalankan secara santai dan keramahan beliau

<sup>675</sup>Pemerhatian di BES, 25 Ogos 2014.

<sup>676</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>677</sup>Kamaruzaman Abidan @ Jaidin (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.

begitu ketara dapat dilihat semasa berinteraksi dengan pelatih terutamanya dalam menjawab pertanyaan yang diajukan oleh pelatih.<sup>678</sup>

Selanjutnya di DARWA, kajian mendapat pendekatan contoh teladan diterapkan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran kelas fardu ain melalui penceritaan mengenai riwayat hidup para Nabi dan Sahabat. Aktiviti tazkirah Maghrib turut menyentuh tentang peribadi tokoh-tokoh ulung di dalam Islam yang wajar dicontohi seperti para Khulafa' Rasyidin, isteri Nabi SAW dan ramai lagi.<sup>679</sup> Menurut tenaga pengajar di DARWA, setiap pendidik perlu berperanan sebagai *role model* bukan sahaja ketika mengajar di dalam kelas bahkan juga selepas waktu mengajar dan di luar kawasan DARWA supaya mereka bukan sahaja dihormati tetapi dijadikan ikutan.<sup>680</sup> Perkongsian ini secara jelas menggambarkan bahawa pihak DARWA juga memiliki kefahaman tentang keperluan contoh teladan dalam pembentukan akhlak pelatih. Sehubungan itu, kajian menyimpulkan bahawa pihak DARWA juga tidak meninggalkan keperluan contoh teladan sebagai salah satu dari kepelbagaian kaedah yang digunakan bagi membangunkan penghayatan keagamaan pelatih.

Berdasarkan dapatan di atas, pendekatan contoh teladan di PPW telah diaplikasikan secara bervariasi. Walau bagaimanapun, setiap tafsiran yang diberikan dilihat masih selari dengan konsep contoh teladan yang digariskan oleh Islam iaitu tidak dikhususkan kepada ciri-ciri tertentu sahaja bahkan boleh berlaku dalam pelbagai cara sama ada dalam bentuk percakapan, perlakuan, penguasaan ilmu, penampilan personaliti. Apa yang jelas, ciri-ciri contoh teladan yang diterjemahkan boleh

<sup>678</sup>Pemerhatian, Slot tazkirah Maghrib di surau BES pada 27 Ogos 2014.

<sup>679</sup>Nor'ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>680</sup>Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

diklasifikasikan sebagai satu bentuk dakwah *bi al-hāl* yang dianggap cukup berkesan dalam penyampaian dakwah Islam.<sup>681</sup>

Berdasarkan aktiviti yang dijalankan di PPW juga, ternyata kesemua aktiviti yang dijalankan membantu pelatih untuk lebih dekat dengan kehidupan Rasulullah SAW dan menjadikan baginda sebagai personaliti unggul yang wajar dicontohi dalam kehidupan. Pendekatan sebegini amat baik dan penting memandangkan Rasulullah SAW merupakan insan terbaik dan paling sempurna sepanjang zaman selari dengan hadis yang menyebut mengenai matlamat pengutusan baginda sebagai *qudwah hasanah* yakni *role model*. Ringkasnya, pendekatan contoh teladan yang telah diimplementasikan di BES membantu pelatih untuk sama-sama menghayati cara hidup beragama, lebih-lebih lagi dalam aspek pembentukan akhlak mulia. Walau apa pun bentuk contoh teladan yang diterjemahkan oleh setiap PPW, kesemua kaedah yang digunakan masih membawa kepada matlamat yang sama iaitu menyempurnakan akhlak pelatih sebagaimana tujuan pengutusan Rasul yang telah dinyatakan dalam hadis iaitu bertujuan menyempurnakan akhlak manusia.<sup>682</sup>

Realitinya, kajian mendedahkan remaja hamil luar nikah memiliki latar belakang keluarga yang tidak sempurna, tinggal bersama ibu atau bapa tunggal<sup>683</sup> ibu bapa bercerai, dan menyebabkan mereka mempunyai hubungan yang renggang<sup>684</sup> serta komunikasi yang lemah dengan ibu bapa,<sup>685</sup> pembelajaran tidak memikat sebab guru tidak bagi contoh teladan yang baik.<sup>686</sup> Dapatan ini juga dilihat sebagai respons kepada kajian terdahulu yang mendedahkan keluhan suara remaja hamil luar nikah yang

<sup>681</sup>Ab. Aziz Mohd. Zin, *Metodologi Dakwah*, 164.

<sup>682</sup>Aḥmad Al-Ḥusainī Alī Mūsa Abū Bakar Al-Baihaqī, *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, c.1, Jil. 10, (Makkah Al-Mukaramah, Dār al-Bāz, 1994), 191.

<sup>683</sup>Khairani Omar et al., “Adolescent Pregnancy,” 220–223.

<sup>684</sup>Khadijah Alavi et al., “Hamil Luar Nikah”, 131-140.

<sup>685</sup>Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating,” 266-271

<sup>686</sup>Azlinna Muhammed, “Penghuni Raudhatus Sakinah.”

mendakwa mereka dilayan secara tidak wajar ketika mendapatkan perlindungan di PPW.<sup>687</sup>

Justeru, pendekatan contoh teladan yang ditekankan sememangnya begitu relevan dalam pemulihan remaja masa khususnya remaja hamil luar nikah. Remaja perlu dibimbang dalam memilih individu terbaik yang boleh dijadikan rujukan dan contoh dalam kehidupan. Kesimpulannya, PPW dilihat telah dan sedang berusaha mewujudkan persekitaran yang baik melalui pendekatan contoh teladan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada tafsiran yang berbeza terhadap konsep contoh teladan menunjukkan kefahaman pihak kakitangan terhadap nilai contoh teladan itu sendiri belum berlaku secara menyeluruh.

#### 4.5.2 Pendekatan Beransur-ansur

Kajian mendapati pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan beransur-ansur dalam modul bercorak keagamaan seperti dalam Jadual 4.6.

**Jadual 4.6:** Pendekatan Beransur-ansur di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor (temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Beransur-ansur	TSP	BES	DARWA	Platform
Mudah	✓	✓	✓	Pengajaran dan pembelajaran Kegiatan harian
Jelas	✓	✓	✓	
Tidak memaksa	✓	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 4.6, secara umumnya kajian mendapati pendekatan beransur-ansur yang diimplementasikan oleh PPW berlangsung melalui dua platform utama iaitu di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan kegiatan harian pelatih. Menurut

<sup>687</sup>Nor Jana Saim, “Social Support.”

Timbalan Pengetua TSP, meskipun kandungan modul yang disediakan mengandungi pelbagai topik, namun secara praktikalnya tumpuan diberikan kepada penguasaan terhadap perkara asas terlebih dahulu seperti solat kerana dibimbangi akan membebankan pelatih. Setiap topik pula diajar secara beransur-ansur bermula dengan pengetahuan asas diikuti topik yang lebih sukar. Dalam sesi temu bual beliau berkata:

“Remaja ni tak boleh *strict* dan *stress* sangat, di samping nak bagi ilmu kena selit apa yang dia suka. Tak boleh sepanjang masa tumpukan perhatian dia pada benda tu. Kita jangan terlalu tekanan sangat dan juga tak boleh biar hanyut sangat. Sebab diorang bila kita *push* sangat dia akan makin menolak. Kena seimbang dan sederhana. Pendekatan kekerasan adalah kurang sesuai kerana mendidik remaja bermasalah ibarat menarik benang di dalam tepung.”<sup>688</sup>

Pandangan beliau turut dipersetujui oleh tenaga pengajar di TSP yang menyifatkan bahawa mengendalikan pelatih bermasalah sememangnya memerlukan kepada kelainan dan tidak semestinya bergantung sepenuhnya kepada modul, menurutnya:

“Budak bermasalah tak suka belajar, tak suka kelas, pergi sekolah pun lari. Jadi pendekatan yang kita ambil tidak terlalu dibebankan dengan pengajian dalam kelas. Selang seli dengan aktiviti lain yang lebih relaks.”<sup>689</sup>

Berhubung pendekatan ini, Pegawai Psikologi di TSP menjelaskan perubahan pada diri remaja tidak boleh dilakukan secara paksaan dan drastik, akan tetapi ia memerlukan masa selain tahap pengetahuan agama pelatih sendiri serta kesedaran mereka untuk melakukan perubahan.<sup>690</sup> Selain TSP, Baitul Ehsan juga dikenalpasti mengaplikasikan pendekatan bentuk ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengasingan pelatih telah dibuat mengikut tahap melalui ujian penilaian seawal kemasukan pelatih ke BES.

Menurut Pengetua BES:

<sup>688</sup>Zuraidah Saad (Timbalan Pengetua, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014/6 Jun 2014.

<sup>689</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>690</sup>Nor Hashimah Zaini, temu bual, 20 Jun 2014.

“Masa awal masuk diorang ada orientasi dua minggu. Dalam masa tu juga diorang mandi wajib, mandi taubat seterusnya tahap pemahaman diorang akan dinilai melalui Ujian Penilaian Pendidikan Awal (UPPA) lepas tu baru disesuaikan tahap mengikut keputusan ujian. Kelas agama 4 tahap. Kelas tuisyen pulak mengikut tingkatan.”<sup>691</sup>

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran pula, sebagai contoh; pembelajaran subjek Jawi juga dijalankan secara beransur-ansur dan bertahap tahap. Bagi pelatih di tahap 1 dan 2, pembelajaran akan tertumpu pada perkara asas sahaja berbanding pelatih di tahap 3 dan 4 yang sedikit sikit. Soalan peperiksaan juga dibuat mengikut tahap.<sup>692</sup> Sebagaimana di TSP, kaedah pembelajaran di BES juga tidak tertakluk sepenuhnya kepada apa yang tertulis dalam modul, namun keutamaan diberikan terhadap penguasaan topik asas terlebih dahulu bergantung pada tahap penguasaan pelatih. Perkara ini dijelaskan oleh seorang tenaga pengajar di BES, menurutnya:

“Ikut silibus nak kena hafal *al-Mulk*. Tapi banyak yang masih tak kenal alif bā tā. Macam mana nak hafal kan? So nak tak nak saya perkenalkan *iqra'* dulu, lepas tu baca ikut ramai-ramai, lima ayat je. Biasakan baca, lama-lama diorang akan ingat.”<sup>693</sup>

Teknik pembelajaran secara beransur-ansur sememangnya diakui oleh guru *iqra'*. Menurut beliau, pembelajaran dimulakan dengan mengenalkan baris dahulu bagi memperbetulkan sebutan. Bahan pengajaran yang digunakan ialah buku *iqra'* 1 hingga 6 yang disesuaikan mengikut tahap penguasaan masing-masing berdasarkan tumpuan yang diberikan. Latar belakang pengetahuan pelatih pula dikatakan sebahagiannya mengenal huruf dan sebahagian yang lain tidak kenal. Bagi pelatih yang sudah

---

<sup>691</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>692</sup>Sariah Ramlan (Guru agama, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.

<sup>693</sup>Tasnim Mohd. Salleh, temu bual, 26 Ogos 2014.

menguasai akan dianggap sebagai proses ulang kaji. Sekiranya pelatih lulus bacaan *iqra'* barulah mereka akan dilatih untuk hafalan.<sup>694</sup>

Bagi kelas *fiqh* wanita juga, topik akan dijelaskan mengikut tahap pemahaman pelatih. Misalnya; isu haid kadang kadangkala mengelirukan pelatih dan mereka sukar untuk faham serta keliru kerana mempelajarinya hanya di sekolah rendah, jadi akan sukar jika kita gunakan bahasa yang tinggi.<sup>695</sup> Menurut tenaga pengajar lain, pendekatan beransur-ansur diperlukan memandang usaha mendekati pelatih yang datang daripada pelbagai latar belakang pengetahuan agama. Justeru beliau berkongsi pendekatan beliau dalam mendekati pelatih di luar kelas pengajian, menurutnya:

“Sebelum ni saya selalu juga tanya nama umur kes apa tapi nak tahu kes lebih *detail* saya tanya baik-baik la *personal* semasa sesi mandi/terapi hari Jumaat supaya diorang tak malu nak cerita masalah diorang di khalayak.. sembang santai-santai jangan desak dia. Tanya latar belakang keluarga.. masa tulah diorang cerita tak pernah tahu mandi wajib, sebelum ni mandi *gitu-gitu je* lah. Tapi ada juga yang bila ditanya semua cerita peribadi dia nak *share*. Saya bukanlah berniat nak korek semua rahsia. Tapi dia yang *open* nak bercerita sebab bukan di khalayak. Maksudnya dia dah mula percayakan kita.”<sup>696</sup>

Selain TSP dan BES, kajian mendapati Darul Wardah juga memahami keperluan untuk mengimplementasikan pendekatan beransur-ansur dalam proses pemulihan pelatih. Atas alasan tersebut juga pihak DARWA mengehadkan kemasukan pelatih supaya tidak terlalu ramai kerana ingin memberikan tumpuan kepada aspek pencapaian kualiti berbanding kuantiti.<sup>697</sup> Ketika diminta menjelaskan pendekatan yang digunakan dalam mengendalikan kelas pengajaran dan pembelajaran di DARWA, tenaga pengajar berkongsi sebagaimana berikut:

<sup>694</sup>Marfuaton Hassan, temu bual, 28 Ogos 2014.

<sup>695</sup>Halimaton Mohd. Ngahlim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>696</sup>Halilah Sarjuni, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>697</sup>Siti Zalina Nor Monir, temu bual, 14 April 2015.

“Memandangkan kita pelatih tak banyak, sikit je. Jadi kita macam *pair* kan diorang, yang pandai *pair* dengan yang kurang pandai, jadi yang pandai akan mengajar yang kurang pandai. Itu *time* kalau macam saya tak ada la. Setiap kali lepas solat kita suruh la diorang teruskan berlatih mengaji. Kalau *time* saya mengajar, saya memang mengajar *randomly* la, siapa yang lemah tu kena dengar dulu juga, lepas tu baru ajar dia secara khusus. Kat DARWA mengajar dia tak susah sangat sebab tak ramai budak, kita boleh fokus.”<sup>698</sup>

Berhubung pendekatan beransur-ansur yang diaplikasikan, perkara ini juga dapat dilihat daripada pengakuan pelatih di DARWA yang mengakui tidak merasa terbeban dengan aktiviti yang dijalankan, menurutnya:

“Dulu ingatkan sini macam asrama, kena buat banyak kerja, rupanya macam rumah je. Rutin harian kat sini pun macam kat rumah. Langsung rasa tak *stress* pun, tugas-tugas yang diorang bagi pun tak bebankan. Lebihnya di sini ada kelas mengaji, hafalan semua, *best* la.”<sup>699</sup>

Berdasarkan dapatan kajian ini, ketiga-tiga PPW dilihat mengaplikasikan pendekatan beransur-ansur dalam dua keadaan iaitu aktiviti pembelajaran di dalam kelas dan juga rutin harian pelatih. Ini menunjukkan bahawa pihak PPW memahami proses penyampaian ilmu kepada remaja bermasalah perlu dijalankan dengan beransur-ansur. Langkah ini dilihat sejajar dengan pandangan al-Qaraḍāwī yang menyebut bahawa pendekatan beransur-ansur diperlukan dalam mengubah akhlak manusia supaya mereka dapat menerima dengan kesedaran sendiri berbanding secara terpaksa.<sup>700</sup>

Berdasarkan sejarah, pendekatan ini sememangnya amat signifikan dalam memperbaiki pemahaman masyarakat jahiliah berhubung perintah pengharaman arak

<sup>698</sup>*Ibid.*

<sup>699</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>700</sup>Al-Qaraḍāwī, Yūsuf., *Fiqh al-Jihād: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihi wa Falsafatihi fi Daw'i al-Qur'ān wa al-Sunnah* Juz. 1,

sebagaimana yang dinukilkan dalam al-Quran melalui surah.<sup>701</sup> Justeru, pendekatan ini dianggap masih relevan dan perlu diteruskan dalam usaha membantu meningkatkan pemahaman pelatih dengan lebih mendalam terhadap sesuatu topik yang dipelajari seterusnya membawa kepada penghayatan cara hidup agama Islam.

#### **4.5.3 Pendekatan Nasihat dan Bimbingan**

Dapatan kajian menunjukkan pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan nasihat dan bimbingan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.7

**Jadual 4.7:** Pendekatan Nasihat dan Bimbingan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor (temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Nasihat dan Bimbingan	TSP	BES	DARWA	Platform
Lembut	✓	✓	✓	Pengajaran dan pembelajaran  Aktiviti Bimbingan dan kaunseling
Hikmah	✓	✓	✓	
Pujukan	✓	✓	✓	
Tegas	✓	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 4.7, kajian mendapati pendekatan nasihat dan bimbingan diaplikasikan oleh pihak Taman Seri Puteri melalui sesi pembelajaran di dalam kelas atau luar kelas. Menurut tenaga pengajar di TSP, bimbingan secara perseorangan diberikan sekiranya terdapat pelatih yang bermasalah dalam topik-topik yang berkaitan agama.<sup>702</sup> Selain itu, menurut pegawai psikologi di TSP pula, pendekatan nasihat dan bimbingan sememangnya diguna pakai semasa sesi kaunseling berlangsung sama ada berbentuk individu atau kelompok. Peluang tersebut digunakan untuk meneroka masalah pelatih seterusnya menasihati mereka dengan cara yang sewajarnya. Melalui

<sup>701</sup>Kronologi pengharaman arak boleh difahami melalui beberapa ayat di dalam al-Quran yang diturunkan secara berasingan bermula dengan ayat pertama surah al-Nahl, 16:67, diikuti oleh ayat kedua surah al-Baqarah, 2:219, seterusnya ayat ketiga dari surah al-Nisa', 4:43 dan berakhir dengan ayat dari surah al-Maidah, 5:90-91.

<sup>702</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

sesi tersebut juga pengukuhan nilai-nilai keagamaan dalam diri pelatih akan diterapkan, tambahnya lagi:

“Melalui sesi kaunseling, saya ingatkan pelatih tentang peranan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah serta tanggung jawab sosial, hukum hakam agama. Pelatih juga diingatkan supaya kena terima qada’ qadar. Tuhan uji bersebab, ada hikmah. Puncanya mungkin kelalaian dorang sendiri yang abaikan solat.”<sup>703</sup>

Berhubung pendekatan ini, Timbalan Pengetua TSP menyifatkan pelatih sebagai kelompok anak muda yang begitu sensitif dan sering memberontak. Oleh itu, mereka perlu dinasihati dan dibimbing dengan lembut serta berhati-hati. Beliau juga berpandangan bahawa setiap aktiviti yang akan dijalankan sudah pasti membawa kepada penerimaan yang berbeza dari pelatih disebabkan perbezaan personaliti dan minat mereka. Namun begitu, pihaknya tetap mewajibkan remaja mengikuti segala aktiviti yang dijalankan kerana menyedari bahawa minat terhadap sesuatu perkara masih boleh dipupuk sedikit demi sedikit.<sup>704</sup>

Hasil temu bual bersama kaunselor pelatih di TSP mendapati beliau percaya bahawa seorang kaunselor perlu berperanan untuk membimbing pelatih membina semula kepercayaan mereka mengenai asas-asas keimanan memandangkan terdapat segelintir pelatih yang seolah-olah keliru dengan konsep keimanan di dalam kehidupan. Selain itu, antara keutamaan lain ialah membimbing pelatih membina semula gaya fikir mereka tentang kehidupan dan status diri mereka sendiri sebagai seorang wanita Muslimah yang harus dihargai dengan sebaik-baiknya. Pelatih lebih banyak memikirkan tentang soal percintaan, perkahwinan dan perasaan berbanding tujuan dan matlamat kehidupan.<sup>705</sup> Meskipun nilai kelembutan dan kasih sayang ditekankan dalam nasihat

<sup>703</sup>Nor Hashimah Zaini, temu bual, 20 Jun 2014.

<sup>704</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

<sup>705</sup>Siti Haida Mohd. Ijam, temu bual, 4 Jun 2014.

dan bimbingan, namun Pengetua TSP menegaskan ketika masa-masa tertentu, ketegasan juga penting.<sup>706</sup>

Kajian mendapati, meskipun nasihat dan bimbingan menjadi salah satu pendekatan di TSP, namun dalam sesetengah situasi ia belum diaplikasikan secara menyeluruh oleh kesemua kakitangan. Hasil pemerhatian di TSP mendapati salah seorang kakitangan yang bertugas dilihat memberi arahan kepada pelatih dengan cara menengking dan dianggap kurang wajar kepada pelatih.<sup>707</sup> Walau bagaimanapun, usaha pihak TSP dalam menjalankan tanggungjawab membimbang dan menasihati pelatih tidak dapat dinafikan. Buktinya, pihak TSP sentiasa membuka peluang dan ruang kepada mana-mana pelatih yang berminat untuk berkhidmat sebagai kaunselor pelatih di pusat tersebut.<sup>708</sup> Tindakan sedemikian akan mendorong proses penyampaian nasihat dan bimbingan dapat terus berlangsung di TSP.

Selain TSP, kajian mendapati pendekatan nasihat dan bimbingan di Baitul Ehsan turut digunakan semasa sesi bimbingan dan kaunseling. Melalui sesi tersebut, dua perkara utama diberikan tumpuan. Pertama, aspek motivasi dan kesedaran kendiri yang mengandungi tujuh strategi meliputi kesedaran diri, motivasi diri, potensi diri, menetapkan matlamat kehidupan, pengurusan masa, kemahiran belajar serta, jati diri dan menjauhi gejala sosial. Setiap strategi direalisasikan melalui dua puluh enam aktiviti. Manakala bahagian kedua adalah bimbingan dan kaunseling yang meliputi tujuh aktiviti merangkumi kesemua aspek kehidupan individu seperti personaliti, tingkah laku, kognitif, fizikal, sosial, keluarga dan sebagainya. Tujuh aktiviti tersebut

---

<sup>706</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>707</sup>Pemerhatian di TSP pada 18 Mac 2014.

<sup>708</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

seperti kaunseling individu dan kelompok, kaunseling keluarga, lawatan keluarga, ziarah keluarga, kem motivasi, mentor mentee dan *bio feed back*.<sup>709</sup>

Kaunselor Sambilan di BES memaklumkan, proses nasihat dan bimbingan bermula apabila setiap pelatih dibekalkan dengan sebuah buku bagi mencatatkan apa jua rasa hati mereka sama ada yang menyedihkan atau yang menggembirakan sebelum kutipan dibuat secara berkala. Setelah itu, beliau akan meneliti dan menilai catatan seterusnya mengenal pasti bentuk masalah yang dihadapi kemudian para pelatih yang berkenaan akan dipanggil secara perseorangan untuk sesi kaunseling, pada ketika itu pendekatan nasihat berserta bimbingan akan diaplikasikan bagi mencari penyelesaian. Beliau menegaskan sepanjang mengendalikan pelatih, beliau sesekali tidak akan menggunakan kekerasan, namun sedikit ketegasan akan digunakan sekiranya cara yang lebih lembut didapati kurang berkesan.<sup>710</sup>

Selain bimbingan dan kaunseling, kajian mendapati pendekatan nasihat dan bimbingan berlaku secara tidak langsung melalui komunikasi antara pelatih dan guru serta kakitangan semasa proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung atau di luar kelas terutamanya jika pelatih melontarkan sesuatu pertanyaan mengenai hukum atau pandangan berhubung masalah mereka. Perkara ini diakui oleh tenaga pengajar sepetimana berikut:

“Ada pelatih yang datang jumpa saya mintak pandangan. Sebab itu ada yang dah keluar sekalipun mereka masih *contact* saya, email saya minta nasihat”<sup>711</sup>

Tenaga pengajar di BES mempercayai bahawa proses nasihat dan bimbingan memerlukan kepada kesediaan pihak pelaksana sendiri untuk lebih bersikap terbuka dan

<sup>709</sup> Modul Transformasi Ehsan (MTE), Baitul Ehsan (Sub-Modul 7: Bimbingan dan Kaunseling).

<sup>710</sup> Noor Huda Tajudin (Kaunselor Sambilan, Unit HEP dan Kaunseling Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.

<sup>711</sup> Kamaruzaman Abidan @ Jaidin, temu bual, 28 Ogos 2014.

memiliki sifat empati kerana ia akan membantu pelatih menyelesaikan apa sahaja bentuk masalah yang dihadapi. Menurutnya:

“Tadi sebaik sahaja nampak saya datang, diorang panggil saya dari jauh. Ada yang bagi saya diari, satu kes hampir nak bertukar agama, sampai dah jumpa paderi dan sebagainya, mak ayah takut, marah sehingga beliau *depress*, akhirnya bila jumpa saya dia beritahu selama ini, ini yang dia cari. Jumpa dengan saya ibarat main *puzzle*, memang betul-betul tepat dan mengena. Selama ni semua orang tak boleh bagi jawapan yang sangat ringkas sehingga dia tertutup soalan untuk mempertikaikan keistimewaan agama Islam berbanding agama-agama lain. Ini merupakan pelajar universiti, soalan-soalan yang diajukan pun sukar. Kita nak kerja di sini bukan sekadar ilmu tetapi kemahiran.”<sup>712</sup>

Sebagaimana di TSP dan BES, DARWA turut menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan dalam pemulihan pelatih. Pendekatan nasihat dan bimbingan diaplikasikan melalui sesi penyampaian semasa tazkirah Maghrib. Setiap pelatih diamanahkan untuk menyampaikan topik-topik tertentu kepada rakan-rakan mereka, selanjutnya sesi soal jawab akan dibuka dan pelatih lain dibenarkan memberikan pandangan. Sesi tersebut dijalankan dengan pemantauan pembimbing yang akhirnya akan membuat kesimpulan umum mengenai isu yang telah dibincangkan.<sup>713</sup> Kaedah ini dilihat bukan sahaja membantu pelatih mendapatkan nasihat dari pembimbing, bahkan pelatih sendiri dibimbing untuk lebih berkeyakinan dan berani bersuara di samping menjalankan amanah sebagai khalifah dalam menyampaikan kebenaran.

Berhubung pendekatan ini, tenaga pengajar di DARWA menjelaskan kelembutan dan ketegasan perlu digunakan secara berselang-seli dalam mendekati pelatih mengikut kesesuaian masa. Beliau juga berkongsi kaedah yang telah digunakan:

“Saya ni jarang jumpa *personal* dengan pelatih kerana merasakan mereka perlu pergi kepada kaunselor sendiri. Jadi, di dalam kelas saya pastikan komunikasi berlaku secara dua hala, dan saya minta respons.

<sup>712</sup>Halimaton Mohd. Ngahlim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>713</sup>Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

Jika tiada respons pun, saya akan cuba ajukan soalan supaya komunikasi tetap berlaku untuk dapatkan maklum balas. Setiap kali selepas kelas pula, saya bagi latihan untuk disiapkan. Saya lebih suka nak galakkan pelatih berfikir kerana pelatih kebanyakan malas nak berfikir. Sebab tu bila baca al-Fatihah, saya suruh diorang baca sekali maksud, setiap seorang kena baca tanpa kecuali.”<sup>714</sup>

Berhubung pendekatan nasihat dan bimbingan yang dijalankan di PPW, salah seorang pelatih di BES mengakui bahawa beliau sememangnya mempunyai kemahuan untuk berubah. Justeru apa yang diharapkan ialah nasihat dan bimbingan yang berterusan.<sup>715</sup> Keinginan yang sama turut disuarakan oleh pelatih di DARWA.<sup>716</sup> Situasi ini memperlihatkan bahawa aktiviti nasihat dan bimbingan di PPW berjalan sepanjang masa dan tidak dikhurasukan kepada masa tertentu sahaja. Keinginan pelatih untuk meminta pandangan dari guru juga menunjukkan bahawa pelatih selesa untuk berkongsi masalah dengan guru. Pelatih juga boleh mendapatkan nasihat dan bimbingan bukan sahaja secara bersemuka semasa dalam tempoh perlindungan, bahkan juga setelah meninggalkan pusat perlindungan kelak.

Hakikatnya, meskipun nasihat dan bimbingan membawa maksud yang berbeza, kedua-duanya adalah elemen yang saling berkait rapat dan penting dalam mengubah akhlak remaja bermasalah. Setiap orang layak untuk menjadi penasihat yang baik sekiranya memiliki beberapa ciri-ciri: pertama, komunikasi yang baik, memahami proses pembangunan manusia, berminat pada manusia, suka, mahir mendengar, suka berbual, memahami dan memiliki sikap empati, selesa mengendali emosi sendiri, mendahulukan kepentingan orang lain, rapat dan akrab dengan orang lain tanpa motif lain, kebolehan berjenaka.

<sup>714</sup>Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>715</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>716</sup>Pelatih 6 (Pelatih, Darul Wardah) dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014.

Berdasarkan kajian, remaja hamil luar nikah didapati berhadapan dengan pelbagai pergolakan emosi, kekeliruan bahkan rasa takut serta perlu berhadapan dengan penyesuaian diri dengan status dan persekitaran baru, bahkan juga berisiko untuk menghidapi kemurungan.<sup>717</sup> Justeru, nasihat dan bimbingan begitu signifikan dalam membantu remaja dalam melakukan perubahan dan memilih jalan hidup yang terbaik. Pendekatan nasihat dan bimbingan juga dilihat sebagai langkah yang begitu efektif bagi membuka ruang dan peluang kepada remaja untuk mengadu rasa hati pada masa yang sama melatih guru menjadi pendengar yang lebih empati.

Berbalik kepada sejarah Islam, ini sememangnya menjadi amalan Rasulullah SAW dalam mengajak manusia mendekati Islam. Baginda telah mempraktikkan pendekatan ini dengan baik berbanding kekerasan dan mengangkat senjata kecuali keadaan memaksa. Dapatkan ini merumuskan pendekatan nasihat dan bimbingan di ketiga-tiga PPW melalui sesi pengajaran dan pembelajaran secara formal dan tidak formal serta sesi kaunseling. Ia juga berjalan dalam bentuk penceritaan, pujukan, perbualan harian, penjelasan serta penggunaan kata-kata yang baik serta masih berada dalam ruang lingkup Islam sejajar dengan apa yang telah dinyatakan dalam al-Quran iaitu menyeru kepada hikmah dan penggunaan bahasa yang baik.<sup>718</sup> Usaha ini juga menepati firman Allah dalam surah ad-Dzāriyat, ayat 55 dan surah al-‘Aṣr ayat 1 hingga 3 yang memerintahkan manusia agar dan tetap tekun memberi peringatan dengan sabar kerana ia mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman.

---

<sup>717</sup>Martina Corry, *Post Natal Depression: A Guide for Mothers and Families*, 23. Nor Jana Saim, “Social Support, Coping.”

<sup>718</sup>Surah al-Nahl, 125

#### 4.5.4 Pendekatan Pembiasaan

Dapatan kajian menunjukkan pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan berbentuk pembiasaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4.8.

**Jadual 4.8:** Pendekatan Pembiasaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor (temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Pembiasaan	TSP	BES	DARWA	Platform
Penghayatan Ibadah	✓	✓	✓	Penguatkuasaan peraturan Kegiatan harian
Pembudayaan Ilmu	✓	✓	✓	
Tatacara Pemakaian	✓	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 4.8, kajian mendapati pendekatan pembiasaan dipraktikkan oleh pihak pelaksana di Taman Seri Puteri bertujuan menggalakkan pelatih melaksanakan ibadah yang terkandung dalam rukun Islam seperti solat, puasa, membaca al-Quran termasuk amalan zikir serta doa-doa harian secara konsisten. Bentuk-bentuk pembiasaan tersebut sebagai aplikasi dari pembelajaran ibadah secara teori di dalam kelas.

Menurut Pengetua TSP, pelatih yang mendaftar masuk terdiri daripada pelbagai latar belakang. Terdapat sebahagian pelatih dikatakan langsung tidak memiliki latar belakang pengetahuan agama, namun terdapat juga pelatih yang telah didedahkan dengan agama yang mencukupi tetapi masih tidak mampu menjadikan Islam sebagai cara hidup dengan mengabaikan semua ibadah yang telah disyariatkan. Justeru, selaku seorang Muslim, beliau merasa bertanggungjawab untuk membantu anak-anak seagama untuk kembali ke pangkal jalan.<sup>719</sup>

Selain dibiasakan untuk melakukan ibadah di atas, para pelatih juga sememangnya dibiasakan mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti lain yang bercorak keagamaan dan menjurus ke arah meningkatkan kefahaman agama melalui

<sup>719</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

kelas agama yang dijalankan secara konsisten. Hasil pemerhatian mendapati pihak TSP menyediakan satu bilik bacaan yang boleh dimanfaatkan oleh pelatih bagi membiasakan pelatih untuk mencintai ilmu. Dari aspek lain, peraturan TSP telah mewajibkan pelatih bertudung dan menutup aurat bagi mendidik mereka agar terbiasa dengan pakaian yang disyariatkan oleh Islam. tidak kurang juga pelatih dibiasakan untuk mengamalkan doa setiap kali memulakan kelas, sebelum dan selepas makan.

Selain TSP, kajian mendapati pendekatan yang sama diaplikasikan oleh pihak Baitul Ehsan bagi membiasakan pelatih dengan pelaksanaan ibadah Islam seperti solat, puasa, membaca al-Quran termasuk amalan zikir serta doa-doa harian. Seawal pagi, pelatih dikehendaki bangun awal dan mengikuti qiamullail yang diisi dengan solat sunat, alunan zikir serta wirid. Seterusnya pelaksanaan solat lima waktu secara berjemaah, bacaan doa setiap kali memulakan aktiviti harian telah menjadi rutin dalam kehidupan pelatih di BES. Tidak kurang juga galakkan menuaikan solat sunat duha, amalan berpuasa sunat serta bacaan al-Quran.<sup>720</sup> Boleh dikatakan jadual aktiviti harian pelatih agak padat dengan aktiviti bercorak kerohanian bermula seawal pagi sehingga pelatih tidur dan ia berulang setiap hari serta menjadi rutin. Menurut pandangan salah seorang tenaga pengajar yang mengendalikan slot tazkirah dan juga ditugaskan untuk mengendalikan qiamullail di BES:

“Kalau boleh kita nak biasakan mereka dengan amalan di sini bersama kawan-kawan terutama sembahyang berjemaah, sebab kita mahu bila dia keluar nanti walau tercampak ke mana sekalipun dia tetap boleh membudayakan amalan-amalan keislaman dalam kehidupan dia secara berterusan dan istiqamah”<sup>721</sup>

<sup>720</sup>Jadual Waktu Harian Pelatih, BES; Pemerhatian di BES, Surau, 11 Mei 2013.

<sup>721</sup>Kamaruzaman Abidan @ Jaidin, temu bual, 28 Ogos 2014.

Pendekatan pembiasaan sebagaimana yang digambarkan turut diakui oleh pelatih di BES:

“Nak ikutkan macam solat sunat duha saya pernah buat di luar tapi tak sekerap di sini la, adik saya kat luar tu sampai cemburu tengok jadual saya di sini *full* sebab dia memang minat agama pun.”<sup>722</sup>

Dari aspek pembudayaan ilmu pula, BES telah mewujudkan perpustakaan yang menyediakan pelbagai bahan bacaan bercorak ilmiah dan keagamaan untuk dimanfaatkan oleh pelatih.<sup>723</sup>

Sebagaimana TSP dan BES, kajian mendapati pihak DARWA turut memanfaatkan tempoh yang ada untuk membiasakan pelatih dengan cara hidup seorang Muslim sejati. Rutin harian pelatih di DARWA juga dibiasakan untuk melaksanakan ibadah fardu dan juga sunat seperti solat, puasa, bacaan al-Quran, zikir, wirid da bacaan doa. Selain itu, semua pelatih dibiasakan untuk berpakaian menutup aurat serta membudayakan suasana menuntut ilmu melalui pengajian kelas pengajian fardu ain atau agama.<sup>724</sup> Menurut Pengurus DARWA:

“Kita memang rangka macam-macam aktiviti nak bagi masa diorang terisi, kalau tak diorang ni lalai dan buang masa banyak fikir benda yang tak sepaututnya.”<sup>725</sup>

Berhubung pendekatan ini, salah seorang pelatih yang ditemu bual mengakui bahawa pembiasaan yang telah dilakukan sepanjang berada di PPW menjadikan mereka lebih dekat dengan Allah dan mengenal Islam secara lebih dekat.<sup>726</sup>

Berdasarkan dapatan di atas, pelbagai kegiatan keagamaan yang dijalankan akan mendorong pelatih terbiasa dengan suasana saling ingat memperingati, nasihat

<sup>722</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>723</sup>Pemerhatian di BES, 26 Ogos 2014

<sup>724</sup>Jadual Waktu Harian Pelatih, DARWA; Pemerhatian di DARWA, 16 Ogos 2013.

<sup>725</sup>Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>726</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

menasihati serta dalam keadaan yang tidak lalai dari mengingati Allah. Tidak keterlaluan jika dikatakan pendekatan pembiasaan begitu dekat dengan kehidupan harian pelatih di PPW. Pendekatan pembiasaan ini dilihat menjadi proses latihan kepada pelatih ke arah pembentukan sikap yang baik.

Melalui pembiasaan ini, segala ibadah wajib dan sunat dilihat sudah pasti akan memberi ruang kepada pelatih untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sekurang-kurangnya masa lapang mereka tidak dihabiskan dengan kegiatan yang tidak sihat seperti mana yang dilakukan sebelum menghuni PPW. Dapatkan ini memperlihatkan bahawa pendekatan pembiasaan yang telah diimplementasikan sejajar dengan apa yang disarankan oleh Islam bahawa setiap individu yang sedang dalam proses mendekatkan diri dengan Allah khususnya dalam aspek memperbaiki akhlak perlu melalui aktiviti-aktiviti pembiasaan secara berulang. Al-Ghazālī menyebut sekiranya individu tidak disibukkan dengan hal-hal yang mengingatkan mereka pada Allah nescaya pemikiran dan hati mereka hanya terdorong kepada hal-hal yang melalaikan dan melayan keinginan nafsu yang merosakkan syahwat. Oleh itu, pendekatan pembiasaan dilihat masih relevan dan wajar dalam konteks pengisian remaja hamil luar nikah di PPW.

Kajian lepas mendedahkan remaja lebih memilih untuk menghabiskan banyak masa dengan kegiatan tidak bermanfaat di kafe siber berbanding di rumah.<sup>727</sup> Majoriti banduan yang terlibat dengan ketagihan seks seperti kes rogol yang beragama Islam turut mengakui bahawa pendedahan seks yang terlampau serta mudah didapati mempengaruhi mereka untuk memenuhi keinginan seksual dengan cara onani serta mencari pelacur. Selain itu, mereka telah terlibat dengan aktiviti lucah seawal usia 13

---

<sup>727</sup>Edwin Michael et al., “Kesan Kafe Siber Terhadap Golongan Remaja Di Pulau Pinang,” 5.

sehingga 30 tahun. Pegangan agama yang lemah serta kurang pengawasan dari ibu bapa juga menjadi punca.<sup>728</sup>

Hakikatnya, bentuk-bentuk kebiasaan yang diwujudkan di PPW dilihat berupaya membantu pelatih bagi mengubah kebiasaan buruk mereka sebelumnya dengan menggantikan kebiasaan yang lebih baik. Dalam konteks psikologi juga, perlakuan ketaatan dalam beragama yang membawa kepada penghayatan tidak akan dapat diwujudkan tanpa melalui pembiasaan dan dilakukan secara berulang-ulang.<sup>729</sup> Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembiasaan ini berpotensi membantu pelatih untuk mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah yang lebih mendekatkan mereka dengan Tuhan. Situasi ini secara tidak langsung akan menjauhkan mereka dari berkelakuan dan berfikir tentang perkara yang sia-sia.

#### 4.5.5 Pendekatan Pengawasan

Dapatan kajian menunjukkan pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan berbentuk pengawasan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.9.

**Jadual 4.9:** Pendekatan Pengawasan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Pengawasan	TSP	BES	DARWA	Platform
Kawalan sosial	✓	✓	✓	Pengajaran dan Pembelajaran Penguatkuasaan peraturan Konsep perlindungan
Kawalan Akidah	✓	✓	✓	
Kawalan Moral	✓	✓	✓	

<sup>728</sup>Zaizul Ab. Rahman, “Faktor Dorongan.”

<sup>729</sup>Masganti Sit, *Psikologi Agama*, 61.

Berdasarkan Jadual 4.9, kajian mendapati pendekatan pengawasan diterapkan melalui pembelajaran akidah di ketiga-tiga PPW. Slot pengisian akidah berupaya membangkitkan kesedaran pelatih tentang sifat dan kekuasaan Allah yang sentiasa memerhatikan setiap kelakuan hamba-Nya. Selain itu, melalui konsep halal dan haram yang dipelajari di dalam kelas *fiqh* atau ibadah juga mendedahkan pelatih supaya sentiasa menjaga perilaku dan adab. Justeru, pendekatan pengawasan yang digunakan dapat membantu pelatih memupuk rasa takut kepada Allah seterusnya lebih berhati-hati dalam setiap perlakuan dan tindakan. Di dalam sesi pembelajaran juga pelatih sentiasa diingatkan untuk sentiasa merasakan bahawa Allah mengawasi setiap pergerakan mereka. Hal ini ditekankan oleh Penasihat DARWA semasa sesi temu bual sebagaimana berikut:

“Ihsan sangat perlu. Semasa sesi saya, saya ajar terapi *Asma’ Husna*. Modul untuk mempertajamkan intuisi (rasa hati), melalui zikrullah. Ia sebenarnya fitrah cuma tidak dibangkitkan. Antara lain aspek kerohanian. sujud taubat. tarik nafas, relaks. Pagar yang sebenarnya ialah dalam diri mereka sendiri.”<sup>730</sup>

Selain itu, penguatkuasaan peraturan juga telah membantu PPW mengimplementasikan pendekatan bentuk ini secara lebih praktikal. Peraturan pertama yang dikenal pasti ialah peraturan mengawal keluar masuk pelatih dari PPW yang dikuatkuasakan di TSP, BES dan DARWA. Berdasarkan peraturan tersebut, pelatih tidak dibenarkan keluar dari kawasan PPW sesuka hati melainkan dengan tujuan penting serta mendapat keizinan pihak pengurusan. Setiap keperluan asas pelatih akan disediakan oleh pegawai bertugas.<sup>731</sup> Peraturan tersebut telah membantu mengawal pergaulan pelatih agar tidak terlalu terdedah dengan kegiatan luar yang berisiko.

---

<sup>730</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>731</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014; Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.;Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

Merujuk kepada pendekatan pengawasan yang telah dijalankan. Pelatih mengakui sebelum memasuki BES beliau merupakan seorang yang liar, sukar dikawal dan banyak menghabiskan masa dengan melepak bersama kawan-kawan berlainan jantina. Walau bagaimanapun, beliau mengakui rasa lebih selamat dan aman semenjak menghuni PPW meskipun padat dengan aktiviti.<sup>732</sup>

Selain peraturan keluar masuk, kajian mendapati TSP, BES dan DARWA juga tidak memberarkan pelatih membawa telefon bimbit atau menggunakan internet di PPW. Menurut Pengetua TSP, pelatih sememangnya tidak diizinkan untuk menggunakan telefon bimbit sepanjang berada di pusat tersebut, walau bagaimanapun pihaknya menyediakan kemudahan telefon sekiranya pelatih ingin menghubungi keluarga mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja.<sup>733</sup>

Berdasarkan pengakuan pelatih, penggunaan teknologi termasuk telefon pintar secara tidak bijak telah memberi kesan terhadap kehidupan beliau sehingga leka untuk melaksanakan solat dan mula terlibat dengan pergaulan bebas.<sup>734</sup> Menurut pelatih di DARWA pula, semenjak memasuki PPW tersebut, beliau mula menyedari bahawa telefon bukan lagi keutamaan, sebaliknya masa yang ada perlu dimanfaatkan untuk belajar dan perbaiki diri.<sup>735</sup>

“Masa mula-mula masuk tu rasa lain jugak la tak ada *hand phone*, tapi makin lama rasa tak berguna pun *hand phone* tu semua, saya lebih kepada nak belajar je sekarang”

Seterusnya, kajian mendapati pendekatan pengawasan berlaku melalui peraturan pemakaian pelatih. Setiap PPW mewajibkan pelatih berpakaian sopan dan menutup aurat pada setiap masa walau dalam apa jua sekalipun. Menurut Pengetua TSP,

<sup>732</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>733</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>734</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>735</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

pihaknya menjadikan bertudung sebagai peraturan supaya pelatih dapat membiasakan di luar. Justeru, pelatih sering diingatkan tentang kelebihan menutup aurat. Teguran pula sentiasa diberikan dari semasa ke semasa.<sup>736</sup> Berdasarkan perkongsian pelatih sebelum menghuni PPW, mereka sememangnya tidak menitikberatkan aspek kewajipan menutup aurat meskipun telah diingatkan oleh ibu bapa. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan pengakuan berikut:

“Sebelum ni pakai tudung *on off*, pakai ikut mood, mak tanya bila nak *start* bertudung, tapi saya cakap nantilah”<sup>737</sup>

“Tudung tak pakai, biasa nak keluar tak ingat pun nak pakai, mak tegur diam je”<sup>738</sup>

Seorang lagi pelatih lain juga mengakui bahawa sebelum memasuki PPW, beliau lebih gemar mengenakan selendang kerana lebih selesa mengikut *trend* semasa berbanding bertudung dengan sempurna.<sup>739</sup>

Secara umumnya, kajian melihat bahawa pendekatan pengawasan juga berkait rapat dengan fungsi penubuhan PPW sendiri iaitu memberikan perlindungan dan penjagaan menyeluruh dari aspek fizikal dan spiritual. Persekutaran PPW yang agak terasing dari pusat bandar atau kesesakan masyarakat juga adalah peluang yang sangat baik buat pihak pengurusan untuk mengawasi pergerakan pelatih dari terus terlibat dengan persekitaran yang tidak baik. Perkara ini ada dinyatakan oleh Timbalan Pengetua TSP:

“Usaha kita ialah memang nak melindungi diorang daripada terdedah dengan bahaya-bahaya moral di luar yang akan menghanyutkan remaja”<sup>740</sup>

<sup>736</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>737</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>738</sup>Pelatih 6, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>739</sup>Pelatih 4, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>740</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

Menurut penasihat DARWA pula, pihaknya berusaha menyediakan perlindungan dari aspek penjagaan kebajikan dari segi fizikal, emosi, rohani termasuk sosial berteraskan kepada falsafah pendidikan iaitu jasmani, emosi, rohani, intelektual, termasuk sosial. Selain itu, usaha tersebut dilakukan bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap pelatih apabila mereka keluar kelak.<sup>741</sup>

“Sebelum masuk sini, kakak pujuh saya cakap kalau betul-betul nak berubah, tak boleh terus berada kat luar, sebab kat luar dugaan banyak, kalau tak kuat boleh terjebak berulang kali walaupun kita cakap nak berubah, memang betul lah, kat sini saya rasa tenang”,<sup>742</sup>

Kajian mendapati PPW berusaha menyediakan bahan bacaan ilmiah untuk santapan minda pelatih. Perpustakaan dan pelbagai bahan bacaan ilmiah yang telah disediakan akan menjadikan pemikiran pelatih sentiasa terkawal daripada dihidangkan dengan bahan bacaan yang mengandungi nilai negatif serta merosakkan minda mereka.

Pelatih mengakui sebelum memasuki TSP, bapanya tidak pernah bertanya kepadanya tentang solat, dan jika ada sekalipun hanya melalui ibunya.<sup>743</sup> Pengakuan ini memaparkan corak pendidikan ibu bapa yang kurang serius dan tegas dalam mendidik anak-anak mengenai tanggungjawab sebagai hamba Allah.

Kajian menunjukkan remaja memiliki keinginan seks yang melampau dari dalam diri<sup>744</sup> inginkan keseronokan serta gagal mengawal diri.<sup>745</sup> Sepanjang melalui proses kematangan dan pertumbuhan jasmani, remaja juga berhadapan dengan dorongan biologi yang juga dipandu oleh masyarakat sekitarnya jika mereka tidak beragama. Oleh kerana itu, sekiranya nilai-nilai negatif yang dimiliki oleh masyarakat, maka ia secara tidak langsung akan memudahkan mereka melakukan sesuatu yang sememangnya

<sup>741</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>742</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>743</sup>Pelatih 2, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>744</sup>Salasiah Hanin Hamjah et al., “Factors Relating,” 266-271.

<sup>745</sup>Azlina Muhammud, “Penghuni Raudhatus Sakinah.”

menyalahi norma tanpa rasa bersalah.<sup>746</sup> Keadaan ini menggambarkan persekitaran yang positif mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam pembentukan sikap seseorang individu jika tidak dikawal dengan agama sejak awal.

Selain kawalan dari aspek sosial, kajian mendedahkan bahawa majoriti remaja yang terlibat dengan ketagihan pelayaran web pornografi adalah dari kalangan remaja yang sememangnya memiliki latar belakang pendidikan agama.<sup>747</sup> Situasi ini memberikan petunjuk bahawa pengetahuan agama yang diberikan kepada remaja masih belum mencukupi kerana ia masih gagal berfungsi sebagai benteng penghalang remaja dari melakukan perkara tidak baik. Hal ini jelas tidak selari dengan hakikat fungsi keagamaan dalam mengendalikan tingkah laku manusia sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dua.

Pendekatan pengawasan bukan sahaja penting dalam proses pembentukan akhlak menurut perspektif Islam bahkan, ia juga diterapkan oleh Hirschi melalui Teori Kawalan Sosial. Menurutnya, tingkah laku jenayah dan delinkuen dapat dikurangkan melalui penekanan terhadap empat komponen utama yang mengikat individu kepada masyarakat iaitu keterikatan (*attachment*), komitmen (*commitment*), keterlibatan (*involvement*) dan kepercayaan (*belief*). Ringkasnya, melalui hubungan yang erat antara remaja dengan ibu bapa serta komitmen yang tinggi terhadap pelajaran bagi mencapai matlamat sosial akan mengurangkan kecenderungan dan minat remaja dengan aktiviti devian atau tidak bermoral. Selain itu, penglibatan remaja dengan apa jua aktiviti seperti bersukan, beriadah, aktiviti sekolah, kerja rumah serta memiliki kekuatan kepercayaan berhubung garis panduan moral akan menjadikan mereka lebih memahami antara kebaikan dan keburukan seterusnya mengurangkan kecenderungan mereka untuk

<sup>746</sup>Zakiah Daradjat, *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*, 57.

<sup>747</sup>Nor Azah Ab. Aziz, "Pengawalan Diri."

terlibat dengan aktiviti jenayah dan delinkuen.<sup>748</sup> Hakikatnya, pendekatan bentuk ini juga telah menjadi amalan dalam tradisi kerohanian Islam yang dirujuk sebagai *muraqabah* sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini. Bagi memastikan unsur kemanusiaan iaitu roh, jasad dan akal berfungsi, ia perlukan penjagaan dan pengawasan supaya seimbang. Proses tersebut dirujuk sebagai pendidikan.<sup>749</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, proses yang dilalui oleh pelatih di PPW dilihat sejajar dengan teori ini di mana mengikat pelatih dengan suatu sistem kepercayaan yang kuat dengan cara hidup beragama. Pendekatan pengawasan yang diaplikasikan juga membantu PPW untuk mendidik dan melindungi pelatih dari terdedah kepada unsur-unsur yang dikhuatiri boleh merosakkan pemikiran mereka dan mengganggu proses pemulihan yang sedang berjalan. Maka secara tidak langsung konsep pengawasan itu sememangnya telah berlaku.

Dalam aspek pembentukan akhlak, pendekatan ini dilihat secara tidak langsung dapat mengawasi perlakuan dan kegiatan pelatih supaya lebih berdisiplin dan tidak bertindak keterlaluan serta menjaga adab-adab sepanjang berada di PPW. Konsep perlindungan yang meletakkan pelatih jauh terasing dari masyarakat luar juga bertujuan mengawasi pelatih dari terus hanyut dengan anasir luar yang merosakkan. Kesimpulannya, pendekatan pengawasan yang telah dan sedang diimplementasikan oleh PPW sejajar dengan perintah Allah SWT di dalam al-Quran yang menggesa agar memelihara diri dan keluarga dari melakukan perkara yang boleh menjerumuskan diri ke dalam lembah kebinasaan.<sup>750</sup>

<sup>748</sup>Travis Hirschi, *Causes of Delinquency*, 57-61.

<sup>749</sup>Hasnan Kasan, *Pendidikan Remaja Muslim*, 57.

<sup>750</sup>Surah al-Tahrim, 66:6.

#### 4.5.6 Pendekatan Hukuman dan Ganjaran

Kajian mendapati pusat perlindungan wanita di Selangor mengaplikasikan pendekatan berbentuk hukuman dan ganjaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.10.

**Jadual 4.10:** Pendekatan Hukuman dan Ganjaran di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor (temu bual dan pemerhatian)

Pendekatan Hukuman dan Ganjaran	TSP	BES	DARWA	Platform
Denda berbentuk fizikal	✓	✓	-	Pengajaran dan pembelajaran Penguatkuasaan peraturan
Pujian, penghargaan, kata-kata semangat	-	✓	✓	
Pemberian berbentuk material	-	✓	-	
Peringatan dan amaran	✓	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 4.10, kajian mendapati pendekatan hukuman dan ganjaran diimplementasikan di PPW dalam beberapa bentuk iaitu peringatan dan amaran, denda berbentuk fizikal, pujian, penghargaan dan kata-kata semangat serta pemberian berbentuk material. Di TSP, melalui penguatkuasaan peraturan pelatih dikenakan hukuman berbentuk kerja sosial sekiranya pelatih gagal mengikuti mana-mana aktiviti tanpa alasan yang munasabah. Bentuk hukuman seperti kerja membersihkan kawasan TSP, mencuci pinggan rakan, cuci tandas dan membersihkan surau selama seminggu.<sup>751</sup>

Selain mengenakan hukuman, pihak TSP juga tidak mengetepikan kaedah pemberian ganjaran kepada pelatih. Pelatih yang bakal meninggalkan TSP setelah tamat tempoh perlindungan akan diraikan semasa sesi perhimpunan pagi. Ucapan tahniah, pujian dan kata-kata semangat akan diberikan bagi memotivasi pelatih supaya terus berkelakuan baik meskipun setelah meninggalkan TSP kelak. Pelatih yang masih dalam tempoh perlindungan juga diberikan sokongan moral untuk berhibur dan membuktikan

<sup>751</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

potensi diri melalui pelbagai kegiatan ko-kurikulum seperti pertandingan nasyid, hafalan al-Quran, termasuk kelas kemahiran seperti jahitan, kraf tangan dan memasak.<sup>752</sup>

Selanjutnya kajian mendapati pendekatan hukuman dan ganjaran diterapkan melalui penguatkuasaan peraturan di BES sebagai implementasi dari sub-modul disiplin yang terkandung di dalam MTE1957. Jenis hukuman yang dikenakan seperti melucutkan hak keistimewaan pelatih,<sup>753</sup> pemotongan merit,<sup>754</sup> kawad kaki,<sup>755</sup> kerja tambahan<sup>756</sup> dan pengasingan.<sup>757</sup> Hukuman dilakukan bagi membentuk, mengawal dan mempertingkatkan tahap disiplin serta jati diri pelatih. selain itu, menggalakkan pelatih agar tidak melakukan perbuatan yang boleh dikenakan hukuman selain meningkatkan jati diri pelatih.<sup>758</sup>

Lebih menarik salah satu bentuk hukuman yang dijalankan melalui modul disiplin ialah ‘Terapi Liang Lahad’ sebagai hukuman sekiranya pelatih didapati melakukan kesalahan besar. Pelatih akan dimasukkan ke dalam replika yang strukturnya menyerupai liang lahad jenazah Islam bersaiz 7 kaki dalam dan 3 kaki lebar dalam tempoh sejam. Terapi ini dijalankan sebagai satu langkah untuk menyuntik rasa

---

<sup>752</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>753</sup>Hak keistimewaan yang dilucutkan seperti tidak dibenarkan mengikuti sebarang aktiviti, program sukan dan rekreasi sama ada di dalam atau luar BES, tidak dibenarkan menulis surat dan menerima kiriman barang daripada waris, tidak diluluskan permohonan cuti dan tidak dibenarkan menerima lawatan keluarga.

<sup>754</sup>Pada awal kemasukan, setiap pelatih diberikan 100 mata merit. Namun, penolakan merit akan berlaku setiap kali pelatih melakukan kesalahan dan dikenakan hukuman mengikut jenis kesalahan sama ada kecil atau besar. Kesalahan kecil seperti tingkah laku kurang sopan, tidak mementingkan masa, tidak menepati etika berpakaian, ponteng kelas pengajian. Kesalahan besar seperti cubaan mlarikan diri, mengancam mencederakan guru atau pelatih lain, menceroboh tempat-tempat yang dilarang, tingkah laku lucu, tingkah laku musnah.

<sup>755</sup>Pelatih dikehendaki menjalani hukuman di bawah pemantauan pegawai secara berjadual.

<sup>756</sup>Kerja tambahan yang dikenakan seperti kerja pembersihan pusat perlindungan wanita, kerja khas yang ditetapkan atau kerja Smart Agro.

<sup>757</sup>Pelatih diletakkan di bilik berasingan mengikut tempoh tertentu dan dikehendaki menghafaz surah-surah, bacaan dalam solat serta terapi zikir.

<sup>758</sup>Modul Transformasi Ehsan (sub-Modul Disiplin).

muhasabah diri, menimbulkan keinsafan, bentuk jati diri dan kawal tahap disiplin selaras dengan pembentukan rohani, emosi dan spiritual manusia.<sup>759</sup>

Selain hukuman, ganjaran juga diberikan kepada pelatih di BES sekiranya mereka memenuhi salah satu daripada 10 jenis kategori penambahan mata merit yang telah ditetapkan. Penambahan merit tersebut akan melayakkan pelatih untuk menebus ganjaran dan keistimewaan seperti mendapat lawatan daripada keluarga, menulis surat kepada keluarga, membuat permohonan barang keperluan, mengikuti aktiviti luar yang dibenarkan, mendapat pelepasan untuk balik bercuti sementara (bagi pelatih sukarela sahaja) serta memohon barang-barang yang diingini dengan kelulusan pihak BES sahaja.<sup>760</sup>

Pengurusan sistem merit dilaksanakan dengan memberi penjelasan berhubung penambahan mata merit yang dibuat berdasarkan kategori penambahan yang telah ditetapkan manakala penolakan pula berdasarkan aduan kesalahan yang juga tertakluk kepada keputusan mesyuarat hal ehwal penghuni pada setiap bulan. Keputusan merit akan dikemas kini setiap bulan. Namun, sekiranya pelatih cukup tempoh latihan tetapi tidak memiliki merit yang melayakkannya untuk meninggalkan BES, pelatih akan diberikan tempoh tambahan selama 1 hingga 3 bulan untuk kekal menghuni PPW tersebut mengikut budi bicara pihak pengurusan.<sup>761</sup> Berhubung pelaksanaan sistem merit, penguasa BES menjelaskan:

“Masa mula masuk kita jelaskan disiplin, minta persetujuan, bila dorang dah buat salah kita siasat dulu dapatkan bukti, kita panggil dorang, dorang mengaku dan sedia terima dendaan, peneguhan negatif ikut kesalahan seperti cuci longkang, peneguhan positif iaitu buat penebusan bila merit banyak, galakkan mereka buat benda baik. Kebanyakan mereka yang datang dengan pandangan negatif, jadi kita

---

<sup>759</sup>Ibid.

<sup>760</sup>Ibid.

<sup>761</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

*reframe* mereka supaya positif. Proses tu sentiasa berjalan dan berulang-ulang.”<sup>762</sup>

Selain pengurusan sistem merit, konsep hukuman dan ganjaran turut diterapkan melalui pembelajaran pelatih di dalam kelas. Sebagai contoh; penceritaan tentang azab Allah dan seksa api neraka kepada mereka yang melanggar hukum Allah bertujuan menyuntik rasa takut seterusnya menimbulkan kesedaran untuk berubah.<sup>763</sup> Pendekatan hukuman di BES ternyata turut diakui memberikan kebaikan kepada diri pelatih melalui pengakuan berikut:

“Masa mula-mula masuk dulu memang rasa *stress* jugalah, sebab macam-macam kena buat, peraturan ketat, tapi lama-lama bila fikir balik ada bagusnya jugak, sebenarnya untuk kebaikan kita orang”<sup>764</sup>

Menurut tenaga pengajar lain di BES, pelatih juga seringkali diberikan kata-kata positif sebagai bentuk motivasi:

“Setiap kali masuk kelas, saya gelar mereka ahli syurga. Saya bagi mereka benda positif, berikan harapan yang baik-baik, saya selalu sebut Allah Maha Penyayang. Allah tak kisah kamu tak nak sembahyang tapi Allah tetap terima taubat kamu ibarat bayi yang baru lahir.”<sup>765</sup>

Berhubung pemberian ganjaran pula seorang pelatih yang ditemu bual melahirkan perasaan berikut:

“Hari tu masa *birthday* saya, mak ayah dan adik-adik hantar kad ucapan, semua tandatangan dalam tu. Paling terharu adik saya tulis saya beruntung masuk ke sini taman-taman syurga, dia cakaplah ambil manfaat jadi wanita yang baik. Masa baca tu saya sebak sangat dan malu dengan adik sebab dia lebih baik, Insya-Allah saya akan berubah.”<sup>766</sup>

---

<sup>762</sup>*Ibid.*

<sup>763</sup>Tasnim Mohd. Salleh, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>764</sup>Pelatih 4, temu bual, 25 Ogos 2014.

<sup>765</sup>Halimaton Mohd. Ngahim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>766</sup>Pelatih 3, temu bual, 25 Ogos 2014.

Luahan pelatih ini menunjukkan bahawa pemberian kata-kata semangat oleh individu terdekat diibaratkan sebagai suatu bentuk ganjaran yang telah menyuntik semangat beliau untuk terus tekad dalam melakukan perubahan.

Di DARWA pula, konsep hukuman yang dijalankan sedikit berbeza dengan apa yang dijalankan di TSP dan BES. Hukuman dikenakan kepada semua pelatih tanpa terkecuali meskipun kesalahan hanya dilakukan oleh seorang pelatih. Menurut pengurus DARWA, bentuk hukuman sedemikian dijalankan bertujuan menyedarkan semua pelatih tentang aspek tanggungjawab dan perlunya sikap saling ingat-mengingatkan tentang hal-hal kebaikan supaya mereka tidak mementingkan diri:

“Kalau seorang lambat solat, maka semua akan kena hukum. Contohnya hafal surah. Pernah selepas balik daripada bercuti raya, mereka tak buat tazkirah maghrib lima hari (Jumaat-Selasa), mereka rehat, lepak-lepak, borak, ada yang baik sikit mengaji, tapi bila denda semua kena denda meskipun yang baik sebab kesalahan tidak ingatkan kawan-kawan yang lain. Jadi, saya bagi denda qiamullail setiap hari selama satu minggu, buat nota tazkirah untuk dua puluh tajuk atau pengisian setiap seorang, bagi *homework*, bagi denda yang berbentuk pengajaran sesuai dengan mereka yang sedang mengandung dan ada yang ada *baby*. Fizikal paling teruk pun cuci longkang. Gotong-royong jarang sebab kemampuan fizikal mereka terbatas.”<sup>767</sup>

Tambah pengurus DARWA lagi, beliau yakin dan percaya banyak hikmah akan diperoleh melalui pelaksanaan hukuman termasuk menerbitkan keinsafan pelatih untuk lebih memperbaiki diri.<sup>768</sup> Berhubung pelaksanaan hukuman di DARWA, salah seorang pelatih tidak menolak bahawa dalam sesetengah situasi ia amat penting dijalankan, ujarnya lagi:

“Hukuman kadang-kadang perlu, sebab bila kena hukum baru tersedar kita rupanya ada buat salah, saya ok je”<sup>769</sup>

<sup>767</sup>Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>768</sup>*Ibid.*

<sup>769</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

Meskipun hukuman dikenakan kepada semua pelatih, namun menurut tenaga pengajar DARWA, mendekati pelatih telah membuatkan beliau semakin faham situasi dan faktor penglibatan pelatih. Justeru, sebagai manusia biasa, beliau berpandangan pelatih tidak boleh dihukum secara keras, sebaliknya perlu lebih sedikit terbuka.<sup>770</sup>

Dari aspek pemberian ganjaran pula, pelatih di DARWA diberikan peluang untuk melibatkan diri dengan program berkala anjuran DARWA iaitu ‘Bahagia Menjadi Gadis.’ Melalui program tersebut, pelatih akan berkongsi pengalaman dan beberapa isu lain bersama remaja sekolah tentang bahaya zina.<sup>771</sup> Justeru, penglibatan ini merupakan satu bentuk ganjaran serta sokongan bagi membantu pelatih supaya lebih yakin diri untuk menjadi lebih baik dan menyumbangkan tenaga dalam usaha pencegahan di luar.

Secara keseluruhannya, bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pelatih di setiap PPW dilihat tidak keterlaluan dan sesuai dengan keupayaan pelatih yang sedang hamil. Bentuk hukuman juga tidak terlalu keras namun masih menggunakan sedikit ketegasan. Hukuman yang dikenakan bukan sahaja tidak menyalimi pelatih malah memberikan pengajaran kepada mereka untuk lebih berhati-hati serta menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya secara wajar.

Ketika mengulas mengenai bentuk hukuman ke atas pesalah zina, Harlina Halizah Siraj, seorang pakar sakit puan berpandangan hukuman berat perlu dipertimbangkan bagi kes kehamilan memandangkan bayi di dalam kandungan juga mempunyai hak-haknya yang perlu ditunaikan, justeru hukuman kepada si ibu mesti juga mengambil kira janin yang dikandungkan.<sup>772</sup> Apa yang jelas hukuman dalam situasi ini juga amat penting bertujuan untuk memberikan pengajaran, namun tidak

<sup>770</sup>Siti Zalina Nor Monir, temu bual, 14 April 2015.

<sup>771</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>772</sup>Pandangan ini dikongsi oleh Harlina Halizah Siraj semasa beliau menjadi panel jemputan dalam rancangan ‘Tabayyun,’ bagi membincangkan tajuk ‘Buang bayi, ke mana hilangnya Naluri Kemanusiaan’ di Astro Oasis yang bersiaran pada 16 Disember 2015, pukul 10 hingga 11 malam.

boleh sampai menimbulkan rasa benci dalam hati remaja sehingga mereka mula menjauhkan diri.

Selain mengenakan hukuman, kajian mendapati pendekatan berbentuk pemberian ganjaran yang diaplikasikan oleh PPW di Selangor secara tidak langsung berpotensi merangsang pelatih untuk sentiasa berkelakuan lebih baik sepanjang waktu. Hakikatnya, kedua-dua bentuk hukuman dan ganjaran adalah bertujuan untuk merangsang pelatih supaya lebih menjaga tingkah laku, bertanggungjawab serta tekun dalam melakukan perubahan. Sehubungan itu, pelaksanaan pendekatan bentuk ini sejajar dengan saranan yang diketengahkan dalam konteks pendidikan. Pemberian rangsangan sama ada berbentuk material atau pujian sememangnya menjadi perkara penting yang dititikberatkan bagi mengurangkan tingkah laku negatif serta memastikan pembentukan perilaku positif berlaku secara sihat.<sup>773</sup> Pendekatan ini juga biasa diaplikasikan oleh ahli psikologi Barat dalam merangsang tingkah laku individu sepetimana kaedah peneguhan positif dan peneguhan negatif yang dipopularkan oleh Skinner.<sup>774</sup>

Meskipun pelaksanaan pendekatan berbentuk hukuman bagi setiap PPW berbeza namun apa yang penting ia bertujuan memberikan pengajaran kepada pelatih dan masih tidak melampaui batas-batas kemanusiaan. Bentuk-bentuk hukuman yang diaplikasikan juga menunjukkan keseriusan pihak PPW dalam membentuk akhlak dan disiplin pelatih dengan nilai-nilai murni selain menyedarkan bahawa mereka perlu bertanggungjawab atas setiap perlakuan mereka sama ada baik atau sebaliknya. Hakikatnya, pendekatan sedemikian dapat dikaitkan dengan apa yang terkandung dalam syariat Islam berkenaan konsep balasan dosa dan pahala serta penciptaan syurga dan neraka sebagaimana yang

---

<sup>773</sup>Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, 387-390.

<sup>774</sup>Burrhus Frederic Skinner, *The Shaping of a Behaviourist*, 12-15.

telah dipelajari oleh pelatih menerusi pengajian akidah. Berbalik kepada pendekatan yang telah digunakan, ia sejajar dengan apa yang dijelaskan oleh al-Quran yang secara jelas memberikan peringatan bahawa setiap perlakuan pasti akan mendapat balasan sama ada baik atau buruk meskipun ia sebesar zarah.<sup>775</sup>

Keseluruhannya, kajian mendapati PPW di Selangor memanfaatkan lima platform untuk mengimplementasikan enam pendekatan praktikal yang dicadangkan oleh Islam iaitu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, kegiatan harian, bimbingan dan kaunseling, penguatkuasaan peraturan serta konsep perlindungan. Selain itu, setiap pendekatan yang digunakan turut mengambil kira kesesuaian dan keperluan pelatih hamil luar nikah dari aspek kemampuan fizikal, psikologi, mental, dan spiritual.

Meskipun kesemua pendekatan telah digunakan sama ada secara langsung atau tidak langsung, namun kajian menyimpulkan bahawa setiap rumah masih belum mengaplikasikannya secara menyeluruh. Sebagai contoh; dalam konteks pendekatan hukuman dan ganjaran, pihak TSP masih belum menterjemahkan ia melalui pemberian berbentuk fizikal termasuk pujian, penghargaan, kata-kata semangat dan ganjaran lain berbentuk material sebagaimana yang dilakukan oleh BES dan DARWA. Walau bagaimanapun, TSP, BES dan DARWA masih memiliki keunikan yang tersendiri dalam mengaplikasikan setiap pendekatan secara fleksibel. Lebih menarik, setiap pendekatan juga tidak hanya memfokuskan kepada pembinaan kekuatan fizikal sahaja tetapi juga aspek kerohanian.

Merujuk kepada pendekatan holistik dalam menangani permasalahan melibatkan remaja hamil luar nikah, ia turut dipersetujui oleh Fatimah Sham yang berpandangan bahawa pendekatan yang holistik sangat diperlukan dalam menangani kes kehamilan remaja melalui penumpuan kepada aspek kesihatan fizikal serta spiritual. Keadaan ini

---

<sup>775</sup>Al-Zalzalah 99:7-8.

akan membantu remaja untuk lebih berdaya tahan dalam berhadapan dengan sebarang cabaran.<sup>776</sup> Justeru, dapatan kajian ini memberi maksud pendekatan yang digunakan masih relevan dan wajar diteruskan dalam mendekati remaja bermasalah namun aspek kesesuaian keadaan perlu diambil kira supaya pelaksanaannya menjadi lebih efektif.

#### **4.6 KESIMPULAN**

Pusat perlindungan wanita di Selangor bukan sahaja menjalankan fungsinya sejajar dengan tuntutan yang terkandung dalam Akta Kanak-kanak 2001 dalam konteks perlindungan fizikal, bahkan lebih jauh dari itu setiap PPW juga dikenal sentiasa berusaha menyuburkan nilai-nilai keagamaan remaja bermasalah. Dari aspek pengisian, setiap PPW memberikan tumpuan terhadap tiga aspek penting yang mengarah kepada pembangunan penghayatan keagamaan pelatih iaitu pengukuhan akidah, penghayatan ibadah serta pembangunan akhlak. Pengisian tersebut juga disampaikan dalam pelbagai bentuk dengan menggunakan kaedah penyampaian yang bervariasi. Selain pengisian, enam pendekatan penting yang telah dikemukakan oleh Islam juga telah diimplementasikan secara bervariasi oleh PPW di Selangor melalui beberapa platform yang tidak asing dengan rutin kehidupan pelatih di PPW. Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di dalam bab ini, meskipun setiap PPW di Selangor memiliki latar belakang penubuhan yang berbeza, namun masing-masing masih meletakkan agama sebagai asas dan keutamaan dalam menjalankan pengisian dan pendekatan yang dianggap signifikan terhadap proses pemulihan akhlak remaja bermasalah khususnya kes kehamilan luar nikah

---

<sup>776</sup>Fatimah Sham, “Wacana Ibu Tunggal Remaja/Muda: Antara Realiti dan Tanggungjawab Dakwah”, Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 15 Mei 2015 (Jumaat). Fatimah Sham merupakan Ketua, Pusat Jaringan Masyarakat di UiTM Shah Alam yang berpengalaman luas dalam mengendalikan kes kehamilan remaja secara klinikal.

## **BAB 5 : MASALAH DALAM PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN**

### **REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA DI**

#### **SELANGOR**

##### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini akan mengemukakan dapatan kajian bagi menjawab objektif yang terakhir iaitu menganalisis bentuk masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Bagi tujuan pengumpulan data, teknik temu bual secara bersemuka telah dijalankan ke atas 17 informan yang terdiri daripada pelaksana modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor. Selain itu, pemerhatian juga dibuat bagi menyokong beberapa dapatan penting yang telah diperoleh melalui temu bual.

##### **5.2 MASALAH DALAM PELAKSANAAN MODUL KEAGAMAAN**

Berdasarkan Jadual 5.1, kajian mendapati terdapat tujuh bentuk masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan di PPW membabitkan tenaga pengajar, kewangan, pelatih, ibu bapa dan keluarga pelatih, pengurusan modul, tempoh perlindungan serta masyarakat.

**Jadual 5.1:** Masalah dalam Pelaksanaan Modul Keagamaan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor (Temu bual dan pemerhatian)

Bentuk Masalah	TSP	BES	DARWA
Tenaga pengajar	✓	-	-
Kewangan	✓	-	✓
Pengurusan Modul	-	-	✓
Kekangan Masa	✓	✓	✓
Pelatih	✓	✓	✓
Ibu bapa dan keluarga pelatih	✓	-	✓
Masyarakat	✓	✓	✓

### 5.2.1 Masalah Tenaga Pengajar

Kajian mendapati masalah pertama membabitkan pelaksanaan modul keagamaan di Taman Seri Puteri berkait rapat dengan kekurangan tenaga pengajar. Sepanjang penubuhan TSP, pusat tersebut hanya mempunyai seorang Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam yang ditempatkan khas oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai tenaga pengajar sepenuh masa bagi mengendalikan setiap pengisian bercorak keagamaan termasuk kelas Fardu Ain kepada pelatih dalam satu-satu masa.<sup>777</sup>

Berdasarkan temu bual, Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam mengakui beliau berhadapan dengan kesukaran sekiranya memiliki urusan penting yang perlu diselesaikan di luar. Masalah tersebut menyebabkan sesi pembelajaran agama terpaksa ditangguhkan dan masa yang ada diisi dengan aktiviti lain seperti kelas kemahiran menjahit, kraf tangan atau masakan. Meskipun kelas agama digantikan pada waktu yang lain, namun ia telah menjaskan proses penyampaian modul. Kandungan modul akan sukar untuk dihabiskan dalam tempoh masa pelatih yang begitu terhad.<sup>778</sup>

<sup>777</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

<sup>778</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

Masalah membabitkan tenaga pengajar turut dibangkitkan oleh Pengetua TSP. Tenaga pengajar tambahan sememangnya diperlukan bagi mengendalikan slot yang menekankan secara khusus untuk tujuan penghayatan dari aspek rohani memandangkan tenaga pengajar sedia ada hanya memfokuskan kepada proses pembelajaran di dalam kelas. Namun, beliau mengakui bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada kesukaran untuk mendapatkan guru atau penceramah agama tambahan disebabkan ketiadaan dana khas untuk tujuan tersebut.

“Cabaran untuk dapatkan penceramah tetap. Sini ada ustazah tapi lebih kepada pembelajaran, sekarang kita nak dia tanam rohani dari aspek penghayatan pula. Kalau kita pun orang yang sama akan jemu. Kalau kita pun orang luar lebih efektif. Biarlah sebulan sekali tapi muka baru”<sup>779</sup>

Kajian mendapati nisbah antara jumlah penghuni dan tenaga pengajar di TSP sememangnya tidak seimbang dan perkara tersebut menjadi kekangan dalam menjalankan modul agama dengan lebih produktif meskipun bahan pengajaran telah disediakan. Hasil pemerhatian mendapati kekurangan tenaga pengajar menyebabkan segelintir pelatih hanya menghabiskan masa lapang dengan berborak di ruang makan dan berehat memandangkan tenaga pengajar sedia ada terpaksa membatalkan kelas kerana ditugaskan untuk mengendalikan segelintir pelatih lain yang terlibat dengan pertandingan nasyid.<sup>780</sup> Keadaan ini berbeza di Baitul Ehsan dan Darul Wardah. Di BES, meskipun tenaga pengajar berstatus separuh masa, namun jumlah tenaga pengajar didapati mencukupi bagi mengendalikan pelatih yang ramai. Oleh itu, pembahagian tugas dapat berjalan dengan baik dan lebih produktif tanpa berlakunya penangguhan kelas. Menurut Penguasa BES:

“Kita memang tak ada masalah dengan jumlah guru sebab pihak MAIS dah sediakan guru-guru. Guru-guru agama kita juga akan sentiasa

<sup>779</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>780</sup>Pemerhatian di TSP, 14 Mac 2014.

dipantau dan dibuat penilaian bagi memastikan mereka dapat *perform* dengan baik sesuai dengan keupayaan mereka.”

Di Darul Wardah pula, bilangan tenaga pengajar juga dimaklumkan tidak menjadi masalah memandangkan pengambilan pelatih dalam satu-satu masa tidak begitu ramai. Oleh itu, nisbah di antara tenaga pengajar dan pelatih agak seimbang.

Ringkasnya, masalah tenaga pengajar dikenal pasti menjadi isu utama yang dibangkitkan oleh informan di TSP yang memberikan kesan secara langsung kepada pelaksanaan modul keagamaan secara holistik dan konsisten. Meskipun masalah guru dikenal pasti menjadi topik utama yang dibangkitkan di TSP, namun pihaknya masih optimis dan meletakkan harapan yang tinggi dalam aspek penyediaan tenaga pengajar supaya pengendalian kelas agama dapat berjalan dengan sempurna. Realiti tersebut menunjukkan bahawa, peranan guru masih tidak dinafikan sebagai penyumbang utama kepada pelaksanaan pengisian modul keagamaan secara efektif.

Masalah membabitkan kekurangan tenaga pengajar di TSP bukan perkara baharu tetapi pernah dibangkitkan dalam kajian Noor Hafizah dan Fakhrul Adabi.<sup>781</sup> Justeru, aspek tenaga pengajar seharusnya diberikan perhatian kerana mereka merupakan individu penting yang bertanggungjawab sebagai pelaksana bagi menggerakkan segala aktiviti yang terkandung di dalam modul yang telah dirancang. Peranan ini juga sama penting dengan kewujudan para pendakwah yang menjadi antara rukun dalam penyampaian mesej dakwah Islam secara berkesan. Perkara yang sama turut diberikan keutamaan dalam proses penyampaian dakwah Islam yang meletakkan keikhlasan dan kesediaan pendakwah sebagai kunci kejayaan mesej dakwah.

---

<sup>781</sup>Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhrul Adabi Abd. Kadir, “Program Agama.”

### **5.2.2 Masalah Kewangan**

Kajian mendapati masalah kewangan dihadapi di Taman Seri Puteri. Berbalik kepada isu kekurangan tenaga pengajar di TSP, meskipun masalah kewangan tidak dinyatakan secara jelas sebagai satu-satunya punca yang menyukarkan pelaksanaan modul keagamaan, namun kekurangan tenaga pengajar sebenarnya bertitik tolak dari ketiadaan peruntukan khas untuk pembayaran gaji tenaga pengajar tambahan. Perkara ini boleh dilihat melalui perkongsian Pengetua TSP seperti berikut:

“Kekangan kita adalah tenaga pengajar. Dulu ada ambil guru sambilan, tapi mungkin masalah dana dari pihak pusat. Kalau ada lebihan kita akan panggil mereka untuk jalankan kelas... Ada sorang dah berhenti, ada salah faham. Datang tak berbayar, ganggu masa mungkin. Dia pun tak pandai *drive*.<sup>782</sup>”<sup>782</sup>

Walau bagaimanapun, pihak TSP tidak menghadapi masalah kewangan yang kritikal membabitkan urusan penyediaan keperluan pelatih yang lain seperti makan, minum, pakaian dan keperluan asas lain termasuk kos perubatan kerana dibiayai sepenuhnya oleh JKMM.<sup>783</sup> Di BES pula, kajian mendapati aspek kewangan tidak menjadi kekangan kepada pelaksanaan modul keagamaan kepada pelatih. Hal ini kerana, segala kos pentadbiran termasuk pembayaran tenaga pengajar dan penyediaan keperluan asas pelatih seperti rawatan perubatan dan rawatan sepanjang berpantang ditanggung sepenuhnya oleh pihak Zakat Negeri Selangor.<sup>784</sup>

Berbeza dengan BES, DARWA menghadapi masalah yang sama membabitkan kewangan sebagaimana TSP. Memandangkan DARWA dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan masih baru bertapak, maka aspek kewangan diakui belum benar-benar kukuh. Menurut Penasihat DARWA, isu dana merupakan cabaran besar yang terpaksa ditempuhi semasa peringkat awal penubuhan DARWA beberapa tahun yang

<sup>782</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>783</sup>*Ibid.*

<sup>784</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

lalu. Tambahnya lagi, beliau bersama beberapa sukarelawan telah menjalankan pelbagai inisiatif seperti menjalankan kutipan dari masjid ke masjid sepanjang bulan Ramadan melalui pengajuran pelbagai aktiviti bercorak keagamaan bagi menambah mengukuhkan ekonomi DARWA. Kini sumber ekonomi di DARWA dimaklumkan semakin baik berbanding sebelum ini memandangkan urusan bayaran gaji guru termasuk tenaga pengajar telah diambil alih oleh pihak zakat negeri Selangor.<sup>785</sup> Walau bagaimanapun sehingga kini, usaha-usaha mengumpul dana tambahan masih terus berjalan melalui pelbagai sumber seperti mengenakan yuran bulanan bagi setiap pelatih sekiranya berkemampuan, membuat jualan hasil kraf tangan pelatih dan sebagainya.<sup>786</sup> Perkara ini turut diakui oleh tenaga pengajar DARWA:

“DARWA ni nama pun NGO kan. Jadi kita *keep on* mengutip dana la. Kadang-kadang kita pun dapat kes *emergency*. Jadi kita sebagai rumah pemulihan ni takkan lah nak cakap tak boleh kan. MAIS pun akan *refer* kat DARWA juga.”<sup>787</sup>

Berdasarkan dapatan ini, sebagai pusat perlindungan persendirian dan baru bertapak, dilihat lebih berhadapan dengan cabaran yang runcing dari aspek kewangan. Realitinya, keperluan kepada dana tidak boleh dinafikan dalam menjayakan sesuatu objektif berjalan dengan baik. Oleh sebab itu, sejarah menyaksikan perjalanan dakwah Rasulullah SAW turut melibatkan golongan hartawan dan dermawan.

### 5.2.3 Masalah Pengurusan Modul

Kajian mendapati Darul Wardah berhadapan dengan masalah melibatkan pengurusan modul serta belum memiliki satu modul yang didokumentasikan atau distrukturkan untuk kegunaan dan rujukan tenaga pengajar. Proses pengajaran dan pembelajaran

<sup>785</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>786</sup>Pemerhatian di DARWA, 16 Ogos 2013.

<sup>787</sup>Siti Zalina Nor Monir, temu bual, 14 April 2015.

keagamaan dijalankan atas inisiatif guru sendiri dengan menggunakan bahan pengajaran masing-masing namun setelah mendapat persetujuan bersama. Perkara ini diakui oleh Penasihat DARWA sebagaimana berikut:

“Pernah diusulkan. Tidak ada kesepakatan antara rumah-rumah perlindungan. Modul sendiri. Macam saya sedikit sebanyak pakai modul dari ABIM. Tak sempat untuk didokumentasikan sebab semenjak sekian lama saya sendiri mengajar dan urus banyak benda. Sekarang sudah mudah sebab ada guru-guru khas, memang ke arah itu. Ada zikir-zikir sekarang pihak DARWA Johor sedang lakukan. Cuma Sekarang ada rekod mengajar dan guru-guru ada buku sendiri yang dipilih oleh guru.”<sup>788</sup>

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan telah ada usaha ke arah pendokumentasian dan ia masih di peringkat awal. Kenyataan ini menunjukkan pihak DARWA sememangnya menyedari akan keperluan kepada pendokumentasian modul dan telah mula merancang untuk menghasilkan modul keagamaan yang lebih berstruktur. Dapatkan di BES pula, penyediaan modul dalam aspek perancangan, pelaksanaan mahupun penilaian berjalan lancar dan tidak menjadi masalah kerana ia mendapat kerjasama dari kalangan tenaga akademik berpengalaman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).<sup>789</sup> Walau bagaimanapun, seorang tenaga pengajar di BES meluahkan masalah berlaku ketidakselarasan penyampaian pengajaran kepada semua pelatih disebabkan silibus yang terlalu padat dan sukar dihabiskan dalam tempoh sedia ada.<sup>790</sup>

Sebagai rumusan, meskipun terdapat PPW yang belum menyediakan modul lengkap namun pihak pelaksana dilihat masih berusaha melengkapkan modul keagamaan yang komprehensif dan efektif. Pengisian dan pendekatan sedia ada yang diberikan tumpuan juga tidak banyak berbeza dengan saranan Islam. Namun, pengkaji beranggapan pengisian modul sedia ada masih tidak dilaksanakan mengikut prioriti

<sup>788</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>789</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>790</sup>Halimaton Mohd. Ngahim, temu bual, 27 Ogos 2014.

serta mempertimbangkan keperluan pelatih sehingga akhirnya menyebabkan segelintir pelatih ketinggalan dalam sesetengah sesi pengajian yang sepatutnya diikuti khususnya bagi remaja bermasalah hamil luar nikah.

#### **5.2.4 Masalah Kekangan Masa**

Kajian mendapati isukekangan masa dibangkitkan oleh informan di semua pusat perlindungan wanita di Selangor. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, tempoh perlindungan yang ditetapkan bagi pelatih kes kehamilan luar nikah di setiap pusat perlindungan wanita adalah berbeza. Taman Seri Puteri menetapkan tempoh berdasarkan usia kandungan pelatih ketika mendaftar masuk dan pelatih dibenarkan keluar sebaik sahaja selepas bersalin.<sup>791</sup> Baitul Ehsan pula menetapkan tempoh tidak kurang dari enam bulan bagi pelatih sukarela dan tidak lebih dari setahun bagi kemasukan pelatih dengan perintah mahkamah.<sup>792</sup> Manakala DARWA telah menetapkan tempoh selama lapan bulan mengikut perjanjian.<sup>793</sup>

**Jadual 5.2:** Tempoh perlindungan di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor  
(Rekod Pusat Perlindungan Wanita)

Tempoh perlindungan	Minimum	Maksimum
Taman Seri Puteri	1 hari	1 tahun (pelatih perintah mahkamah) Bergantung kepada usia kandungan
Baitul Ehsan	6 bulan	Tidak melebihi setahun Kecuali bagi pelatih kategori rumah perlindungan iaitu hanya 3 bulan. <sup>794</sup>
Darul Wardah	8 bulan	Setahun

<sup>791</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>792</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>793</sup>Nor'ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>794</sup>Pelatih kategori perlindungan tidak termasuk dalam perbincangan kajian ini memandangkan pelatih kategori ini tidak melibatkan remaja hamil luar nikah sebaliknya terdiri daripada wanita saudara baru dan yang berhadapan dengan keganasan rumah tangga. Mereka juga sememangnya ditempatkan di kawasan yang berbeza dengan pelatih hamil luar nikah dan pelatih yang terlibat dengan beberapa masalah moral lain. Selain itu, pengisian yang dijalankan juga sedikit berbeza.

Di Taman Seri Puteri, Pengetua memaklumkan pihaknya telah merangka pelbagai program penambahbaikan seperti menjalankan ujian penilaian pada setiap tiga bulan, walau bagaimanapun, ia agak sukar dilaksanakan kerana tempoh pelatih mendapatkan perlindungan tidak begitu konsisten iaitu majoriti hanya empat bulan sahaja kecuali bagi kes pelatih yang mendapat perintah mahkamah.<sup>795</sup> Tempoh perlindungan sedia ada dikatakan agak terbatas ditambah lagi dengan kemasukan pelatih yang tidak selaras juga menyukarkan pelaksanaan modul secara holistik. Pandangan ini turut disuarakan oleh Timbalan Pengetua TSP:

“Tempoh sedia ada tak memadai. Sebab dalam tempoh tu juga kita berhadapan dengan konflik dan tarik dia, tapi dia menolak. Sebenarnya bergantung pada individu, bukan tempoh menjadi isu”<sup>796</sup>

Menurut tenaga pengajar di TSP juga, beliau menyuarakan pandangan yang dilihat tidak banyak berbeza. Beliau mengakui kesukaran untuk menyelaraskan silibus pengajaran kepada semua pelatih juga disebabkan kemasukan pelatih yang tidak sama, ujar beliau:

“Untuk lebih berkesan mungkin lanjutkan tempoh, tapi sekurang-kurangnya daripada tak reti solat langsung, diorang boleh solat malah secara berjemaah, sebenarnya bergantung pada individu. Jadi objektif TSP kurang sampai, kecuali budak perintah mahkamah tiga tahun insya Allah boleh. Alternatif lain. Mungkin lanjutkan tempoh.”<sup>797</sup>

Selain di TSP, masalah kekangan masa turut dibangkitkan di Baitul Ehsan. Hasil temu bual mendapati bahan pengajaran tidak mampu dihabiskan dengan sempurna kerana masa yang agak terbatas. Pembahagian pelatih mengikut kelas juga menyebabkan ada segelintir pelatih yang ketinggalan dari mengikuti subjek-subjek penting yang

<sup>795</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>796</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

<sup>797</sup>Nor Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014.

seharusnya difahami dan dikuasai oleh mereka berikutan terikat dengan tempoh.<sup>798</sup>

Pandangan di atas turut diakui oleh guru lain di BES:

“Untuk belajar agama, saya rasa tak cukup. Kadang baru nak kenal, baru bertatih tiba-tiba cakap esok dah nak keluar. Saya tanya betulke besok kau nak menyambung kat luar, cari guru nak membaca? Kadang-kadang ada kes berulang masuk balik pun lupa lagi. Ada kes masuk kali pertama sebab khalwat, setahun kemudian masuk lagi bawak anak. Apa kita rasa sebagai orang yang mengajar... Saya rasa setahun kot. Sebab kalau 6 bulan belum apa-apa dah nak kena balik. Ada yang 3 bulan lagi nak balik, dia dah mula hitung hari dah. Belakang buku siap ada kalendar. Fokus pun dah mula hilang.”<sup>799</sup>

Berhubung permasalahan ini, pihak DARWA turut membangkitkan isu masa sebagai sesuatu yang agak mencabar bagi menjalankan proses pemulihan pelatih. Perkara ini dikongsi oleh tenaga pengajar di DARWA:

“Nak pulihkan sikap tak baik dalam tempoh lapan bulan sangat sukar dan mencabar bagi saya.”<sup>800</sup>

Menurut tenaga pengajar lain di DARWA, masa yang ada tidak begitu mencukupi memandangkan pelatih perlu melalui tempoh bersalin dan juga berpantang.<sup>801</sup> Salah seorang pelatih di DARWA turut menyuarakan hasrat untuk melanjutkan tempoh perlindungan kerana bimbang tidak kuat untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran di luar PPW.<sup>802</sup>

Walaupun isu masa dibangkitkan sebagai masalah yang menyulitkan pelaksanaan modul, namun begitu beberapa informan mempunyai pandangan sebaliknya. Pengetua TSP menyatakan pandangan bahawa beliau tidak melihat tempoh sedia ada sebagai suatu masalah besar kerana masa yang ada sudah memadai untuk pelatih merenung dan memperbaiki diri. Manakala peranan seterusnya perlu diambil

<sup>798</sup>Halimaton Mohd. Ngahim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>799</sup>Marfuaton Hassan, temu bual, 28 Ogos 2014.

<sup>800</sup>Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>801</sup>Siti Zalina Nor Monir, temu bual, 14 April 2015.

<sup>802</sup>Pelatih 5, temu bual, 13 Ogos 2014.

alih oleh ibu bapa sekembalinya anak-anak ke pangkuan mereka. Beliau juga berpandangan bahawa pihak TSP tidak memfokuskan sepenuhnya kepada usaha pemulihan sebaliknya memberikan perlindungan sepanjang menghadapi kehamilan dan bersalin.<sup>803</sup> Perkara ini turut dikongsi oleh Pegawai Psikologi pula menyatakan pandangan sebagaimana berikut:

“Bergantung pada individu itu sendiri kalau kita dah bagi tapi dia tak nak terima maka susah juga. Analogi kita suap makanan, tapi dia luahkan *so* tak dapat apa.”<sup>804</sup>

Ketika diminta mengulas mengenai tempoh perlindungan, Pengetua BES mempunyai pandangan tersendiri yang dilihat berbeza dan optimis mengenai tempoh perlindungan sedia ada, ujar beliau:

“Sebenarnya tempoh tidak menjadi isu penting, malah tempoh yang lama akan menjadi *backfire* balik pada pelatih sendiri. Tidak dinafikan tempoh memainkan peranan sebab nak pastikan pelaziman berlaku ia memerlukan tempoh sebenarnya. Cuma mungkin secara peribadi, sebaiknya paling kurang setahun. Tapi saya tengok kes lepas alumni ada yang 4 hingga 5 bulan di sini sekalipun bagus juga. Jadi lebih kepada kekuatan pelatih itu sendiri di samping sokongan keluarga.”<sup>805</sup>

Perkara yang sama turut diakui oleh tenaga pengajar di BES yang berpendapat bahawa meskipun tempoh perlindungan sedia ada agak terhad, namun perubahan sebenar pelatih tidak tertakluk kepada tempoh perlindungan semata-mata:

“Sebenarnya balik pada diri mereka. Kalau rasa 6 bulan tu cukup nak berubah maka cukup. Tapi ada yang 6 bulan tu habiskan masa macam tu saja. Kalau bersungguh-sungguh, gunakan masa yang ada insya-Allah.”<sup>806</sup>

<sup>803</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>804</sup>Nor Hashimah Zaini, temu bual, 20 Jun 2014.

<sup>805</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>806</sup>Tasnim Mohd. Salleh, temu bual, 26 Ogos 2014.

Perkara ini turut disokong oleh seorang tenaga pengajar lain, menurutnya:

“Sebenarnya apa sekalipun 4 bulan atau 6 bulan atau 1 minggu sekalipun semua orang mampu untuk pulih. Cuma bergantung pada kesungguhan mereka untuk menerima perubahan. Sebab itu Allah pun dah berfirman, Allah tak akan mengubah sesuatu kaum melainkan mereka ubah diri mereka sendiri.”<sup>807</sup>

Meskipun perubahan dikatakan turut bergantung kepada kesungguhan pelatih, namun beberapa informan menyifatkan tempoh masa yang mencukupi amat penting dalam proses menyuntik kesedaran pelatih untuk melakukan perubahan. Menurut pengakuan salah seorang tenaga pengajar di BES, pelatih memerlukan sekurang-kurang 10 hingga 12 bulan untuk sebatikan diri dengan apa yang dipelajari supaya dapat meninggalkan BES dengan bekalan iman yang mencukupi, ujarnya lagi:

“Jika ditakdirkan dia tercampak keluar dalam tempoh yang tak mencukupi, dan keadaan iman yang belum kuat maka itu bagi dia susah untuk berdepan dengan realiti sebenar. Kat sini ok la tak ada masalah dengan rakan sebaya, dengan warden, boleh sama-sama sembahyang berjemaah. Kita nak sampai benda jadi biasa bagi mereka terutama berkenaan solat. Sebab kita nak bila mereka dah keluar walau tercampak ke mana sekali pun mereka akan boleh hidup sebab tercampak dengan budaya Islam, membudayakan amalan-amalan Islam supaya mereka boleh lakukan secara berterusan dan istiqamah.”<sup>808</sup>

Berhubung pertambahan masa, perkara ini turut dicadangkan oleh salah seorang tenaga pengajar di BES:

“Bagi saya kurang cukup dari segi pembelajaran sebab masa terhad, kelas pun banyak. Tapi kalau lama-lama pun mcm banyak diorang akan ketinggalan dari sudut persekolahan. Saya rasa mungkin diorang akan lebih memberontak. Untuk tujuan pemulihan, saya rasa tempoh sedia ada memadai, yang dah keluar pun ada yang berubah dan *contact* saya. Kalau nak tambah pun mungkin 8 bulan begitu. Kita kena fikir juga faktor usia dia dan masa.”<sup>809</sup>

<sup>807</sup>Halimaton Mohd. Ngahlim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>808</sup>Kamaruzaman Abidan @ Jaidin, temu bual, 28 Ogos 2014.

<sup>809</sup>Kaminur Nasir, temu bual, 26 Ogos 2014.

Kajian mendapati, setiap PPW memberikan maklum balas yang bervariasi berhubung isu tempoh perlindungan sedia ada. Pengakuan ini perlu diberikan perhatian penting supaya pengisian yang dirancang memfokuskan kepada aspek pembentukan ketahanan jati diri pelatih sebagai persediaan bagi mereka untuk berhadapan dengan realiti kehidupan di luar kelak.

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengambil masa yang agak lama dalam usaha penyampaian dakwah Islam iaitu selama 23 tahun. Hakikatnya tempoh masa juga amat penting dalam proses perubahan tingkah laku sebagaimana yang dianjurkan James O. Prochaska melalui Model Perubahan Tingkah Laku. Menurutnya seseorang individu perlu melalui beberapa fasa dalam melakukan proses perubahan sikap. Salah satu fasa ialah fasa *maintainance* yang menuntut kepada usaha memastikan perubahan tersebut kekal dan pelatih tidak kembali kepada keadaan sebelumnya.<sup>810</sup> Justeru, tempoh yang mencukupi dan bersesuaian lebih-lebih diperlukan bagi memperbaiki akhlak remaja bermasalah hamil luar nikah.

Berdasarkan kepada kenyataan kesemua informan, rata-rata mereka optimis dan percaya bahawa kejayaan pengisian keagamaan sebenarnya tidak bergantung pada tempoh yang dikenakan, tetapi sejauh mana kesediaan pelatih itu sendiri untuk menerima dan menyesuaikan diri seterusnya membantu mereka melakukan perubahan ke arah menjadi hamba dan khalifah Allah yang lebih baik.

Berhubung masalah ini, penelitian semula terhadap tempoh perlindungan perlu dibuat. Hal ini kerana, proses pemulihan memerlukan tempoh yang mencukupi dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa. Perkara yang sama pernah dinyatakan oleh pengarah salah sebuah PPW yang berpandangan bahawa agenda memfokuskan kepada usaha memperbaiki masalah yang ada pada diri individu itu sendiri masalah kehamilan

---

<sup>810</sup>James O. Prochaska, “Applying the Stages of Change”, 10-15.

luar nikah kerana kehamilan luar nikah adalah natijah dari kelakuan individu. Justeru, pemulihan bukan sekadar memberikan perlindungan.<sup>811</sup>

### 5.2.5 Masalah Pelatih

Kajian mendapati masalah pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita turut dikaitkan dengan sikap pelatih. Di Taman Seri Puteri, masalah dikatakan timbul apabila terdapat sebilangan pelatih yang memberontak dan membuat percubaan mlarikan diri dari kawasan PPW dengan menggunakan pelbagai helah.<sup>812</sup> Hasil pemerhatian turut mendapati sebilangan pelatih di TSP kurang menunjukkan minat untuk belajar, tidak fokus, bercakap-cakap sesama sendiri dan kelihatan mengubah-ubah kedudukan semasa sesi pembelajaran agama berlangsung. Namun, terdapat juga segelintir pelatih masih berusaha memberikan tumpuan dan kerjasama.<sup>813</sup> Menurut pengakuan seorang pelatih di TSP, tanggapan pertama yang terlintas di fikirannya semasa memasuki TSP ialah mengenai sikap rakan-rakan pelatih lain yang bermasalah.<sup>814</sup>

Di Baitul Ehsan, kajian mendapati antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak BES ialah mengendalikan sikap pelatih yang digambarkan sebagai kurang adab sesama pelatih dan juga guru terutamanya bagi pelatih baru. Pelatih yang sarat hamil dikatakan sering keletihan dan tertidur di dalam kelas sehingga mengganggu fokus mereka terhadap apa yang sedang diajar, namun pembelajaran masih diteruskan.<sup>815</sup> Menurut tenaga pengajar juga:

<sup>811</sup>“Kes Pembuangan Bayi,” laman sesawang Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat Johor, dicapai 14 Januari 2013, [http://www.iptho.edu.my/articles.php?article\\_id=4](http://www.iptho.edu.my/articles.php?article_id=4)

<sup>812</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>813</sup>Pemerhatian di TSP, Kelas Ibadah, 20 Jun 2014.

<sup>814</sup>Pelatih 1, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>815</sup>Sariah Ramlan, temu bual, 28 Ogos 2014.

“Kalau pelatih tu ingin berubah, dia akan fokus. Tapi kalau pelatih tu jenis bermasalah, masuk pun secara paksa, dia tak fokus, bila kita soal balik dalam kelas dia akan *blur* dan soal kita balik dan main-main. Cuma, kebanyakan yang keluar dari sini sangat sukar nak istiqamah dengan apa yang dia dah dapat di sini kerana *environment* di luar tak membantu dia untuk kekal istiqamah. Dia keluar ke tempat yang sama, kawan dengan orang yang sama. Sebab tu berlakunya kes berulang. Tapi saya rasa adanya rumah ni lebih baik dari tak ada langsung, jika tak ada langsung usaha sebegini maka itu akan mendatangkan mudarat yang lebih besar. Sekurang-kurangnya lepas dah tanggungjawab kita, itu hak dia untuk kembali. Kita mengurangkan mudarat daripada mendatangkan mudarat yang lebih besar.”<sup>816</sup>

Selain itu, seorang tenaga pengajar mempercayai keadaan pelatih yang hamil menjadi salah satu punca mereka pasif dan membataskan pergerakan mereka berbanding remaja yang tidak hamil. Dalam banyak keadaan, pelatih hamil digambarkan sebagai remaja yang sensitif, mudah memberontak, belum matang sepenuhnya serta degil dan berhadapan dengan pergolakan emosi dan tekanan.<sup>817</sup> Masalah membabitkan sikap pelatih bukan sahaja diakui oleh pelaksana tetapi turut diakui oleh salah seorang pelatih di BES:

“Sini campur macam-macam perangai ada, kena sabar lebih sikit, kalau tak *confirm* panjang pagar, lari. Di sini saya ada anak, anak saya pulak buas lari sana sini, dalam keadaan macamni mana larat kejar, jadi saya tahan je la telinga orang cakap apa-apa. Masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Ikutkan hati memang sakit, bila ada yang cakap ‘gi mampus la apa.’ Pernah nak luahkan pada warden, cuma terfikir balik kat sini tahap pemikiran kawan-kawan pun tak sama. Ada yang matang ada yang tak jadi sabar je lah. Ikutkan pun minat juga nak tambah tempoh, tapi anak la kan.”<sup>818</sup>

Selain di BES, pihak Darul Wardah turut mengakui masalah paling ketara yang terpaksa ditangani ialah mengendalikan sikap pelatih terutamanya semasa peringkat awal

<sup>816</sup>Halimaton Mohd. Ngahlim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>817</sup>Tasnim Mohd. Salleh, temu bual, 26 Ogos 2014.

<sup>818</sup>Pelatih 4, temu bual, 25 Ogos 2014.

kemasukan mereka ke DARWA lebih-lebih lagi melibatkan pelatih yang didaftarkan masuk tanpa kerelaan. Perkara ini dikongsi oleh penasihat DARWA:

“Setahun setengah selepas buka DARWA, pernah rasa macam nak tutup rumah kerana masalah macam-macam. Saya masih ingat kes budak 17 tahun dihantar oleh emak lelaki yang menghamilkannya dengan *baby*, dikatakan tiada waris. Siap bawa barang *baby* semua. Pelatih tu datang sini memang degil, makan tak nak basuh pinggan, bila disuruh melawan dengan alasan dalam pantang ada *baby*. Dia tak nak ikut semua aktiviti rumah. *Baby* pun tak nak jaga. Kesilapan saya pada ketika itu ialah benarkan *hand phone*.. sebab tu kita belajar dari pengalaman dan tak benarkan *hand phone*.”<sup>819</sup>

Isu perilaku pelatih turut dibangkitkan oleh tenaga pengajar di DARWA. Pelatih hamil dikatakan sering tidur dan kadangkala berlagak pandai di hadapan guru. Selain itu, terdapat pelatih yang disifatkan ego dan degil serta tidak mahu mengikuti kelas atau sebarang aktiviti terutamanya pelatih hamil akibat dirogol.<sup>820</sup>

“Sini ada kes mangsa rogol. Pelajar tahfiz 15 juzuk, keje di rumah jiran sebelah. Anak majikan yang rogol dengan komplot adik lelaki yang sebaya dengan mangsa. Mangsa tak boleh terima hakikat, jadi kandungan dan kesihatan diri tak nak jaga. Susah sedikit nak *handle* mangsa rogol kerana mereka rasa jadi mangsa dan tidak bersalah. So dia memberontak. Kita tenangkan diri dia dengan sesi kaunseling. Tapi, kes begini tak ramai, 70% kes berzina.”<sup>821</sup>

Menurut Pengurus DARWA, mengendalikan pelatih yang berasal dari pelbagai latar belakang bukan sesuatu yang mudah.<sup>822</sup> Secara umumnya, pelatih di DARWA diklasifikasikan sebagaimana berikut:

“Saya boleh cakap ada tiga kategori pelatih kat sini. Pertama, mulamula masuk memang dengan kesedaran dan keinginan sendiri untuk berubah dan bertaubat, Kedua, peringkat awal cuma nak dapatkan perlindungan tapi lama-kelamaan datang kesedaran untuk bertaubat. Ketiga ni, keras kepala sampailah habis tempoh perlindungan.”<sup>823</sup>

<sup>819</sup> Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014..

<sup>820</sup> Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>821</sup> Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>822</sup> Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>823</sup> Nurhidayah Sumairi, temu bual, 13 Ogos 2014.

Berbalik kepada sikap pelatih, beberapa kajian lepas juga mendedahkan bahawa remaja hamil luar nikah berhadapan dengan pelbagai pergolakan emosi lebih-lebih lagi ketika berada di peringkat awal kehamilan dan mereka begitu mengharapkan sokongan daripada keluarga dan masyarakat.<sup>824</sup>

Berdasarkan pengakuan pelatih dalam kajian ini, ternyata pelatih juga memiliki keimbangan dan kerisauan yang tidak berkesudahan akibat rasa menyesal, bersalah dan juga malu. Justeru, dalam menangani permasalahan ini pihak PPW perlu berperanan secara optimum khususnya dalam merangka pengisian yang boleh menarik minat pelatih serta mencetuskan kesedaran mereka untuk berubah. Hakikatnya, kesediaan pelatih sendiri untuk memajukan diri dan melakukan perubahan adalah jauh lebih penting. Dalam konteks pelaksanaan modul keagamaan, pelatih merupakan individu penting kerana mereka yang akan menerima setiap pengisian dari modul yang telah dirancang. Segala program yang dirancang dan disusun tidak mungkin dapat dijalankan tanpa kerjasama dan penglibatan pelatih.

Realitinya, masalah melibatkan pelatih sendiri merupakan sesuatu yang normal dan tidak mengejutkan. Hal ini kerana setiap pelatih yang mendapatkan perlindungan sudah tentu mempunyai kes dan masalah tersendiri. Merujuk kepada sejarah penyampaian mesej dakwah Baginda Nabi Muhammad SAW di Mekah mahupun Madinah juga dapat disaksikan berhadapan dengan seribu satu tentang dari sasaran.

Apabila membincangkan mengenai salah laku remaja, satu aspek yang tidak boleh diketepikan ialah soal hakikat pertumbuhan remaja itu sendiri yang dikatakan sering mengalami kesulitan akibat perubahan-perubahan yang berlaku dalam diri

---

<sup>824</sup>Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharitol Ahmad Shah, “Adolescent With,” 8-21; Su Xu Vin et al., “Physical and Psychosocial,” 71-80; Faizah Abd. Ghani dan Azian Abd. Aziz, Illegitimate Childbearing Scenario Among Adolescents, 260-265; Nor Jana Saim, “Social Support.”

mereka. Setiap saat dalam kehidupan remaja adalah tempoh yang memberikan tekanan kepada sesetengah remaja dalam banyak keadaan memandangkan remaja perlu membuat penyesuaian pada perubahan yang berlaku dalam diri dengan persekitarannya.<sup>825</sup>

Berdasarkan realiti ini, menjadi tanggung jawab pihak PPW bagi memastikan pelaksanaan modul keagamaan sama ada dari aspek pengisian maupun pendekatan benar-benar diaplikasikan berasaskan kepada keperluan pelatih dengan tidak meninggalkan beberapa aspek penting berkaitan dengan perkembangan pelatih sebagai seorang remaja khususnya dari aspek kematangan jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual. Bagi tujuan tersebut, setiap tenaga pengajar bukan sahaja perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan agama tetapi juga pengetahuan psikologi bagi memudahkan proses memahami perubahan-perubahan tingkah laku yang berlaku pada pelatih, lebih-lebih lagi pelatih yang hamil luar nikah dan pernah berhadapan dengan salah laku seksual.

### **5.2.6 Masalah Ibu bapa dan Keluarga**

Kajian mendapati pusat perlindungan wanita berhadapan dengan masalah membabitkan ibu bapa atau waris pelatih. Ibu bapa dan waris pelatih digambarkan mempunyai tahap kesedaran yang agak rendah berhubung tanggungjawab serta fungsi sebenar pusat perlindungan wanita. Menurut Pengetua TSP, ibu bapa digambarkan bersikap mementingkan diri dan melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak TSP untuk mengendalikan anak mereka dan langsung tidak mengambil peduli disebabkan rasa marah. Tambahnya lagi, sikap tersebut sewajarnya tidak berlaku kerana TSP hanya

---

<sup>825</sup>Hairunnaja Najmuddin, *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*, 32.

memberikan perlindungan sementara sahaja dan akhirnya anak-anak akan pulang ke pangkuhan keluarga juga.<sup>826</sup> Perkara ini turut diakui oleh pelatih di TSP:

“Masa kali pertama tau saya mengandung memang mcm tak terima, lepas tu mak suruh saya masuk tempat ni sebab malu”<sup>827</sup>

Di DARWA pula, di peringkat awal kemasukan pelatih merupakan saat yang dikatakan agak mencabar apabila terdapat ibu bapa yang mengambil kesempatan serta mengingkari syarat-syarat perjanjian yang telah dibuat bersama PPW. Keluhan ini disuarakan oleh Penasihat DARWA sebagaimana berikut:

“Masa mula-mula saya terima kes ni antara masalah ialah campur tangan ibu bapa sampai rasa *down*. Sampai bergaduh dengan saya nak keluarkan anak dia sebab anak dia masuk dah nak bersalin, sebaik saja bersalin nak bawak keluar sedangkan tempoh menghuni kena 8 bulan. Sebab tu kes terlanjur sudah tidak diterima jika mengandung 6 bulan ke atas. Ibu bapa lepaskan kekesalan, kemarahan dan ketidakpuasan hati dengan masalah anak kepada orang lain.”<sup>828</sup>

Di samping itu, segelintir ibu bapa dikatakan kurang jelas tentang peranan sebenar pusat perlindungan wanita dan disifatkan hanya mengambil kesempatan dengan menjadikan DARWA sebagai tempat persinggahan sementara untuk menyembunyikan anak mereka akibat terdesak dan didorong rasa malu kepada masyarakat sekeliling. Penasihat DARWA mengakui pernah menerima panggilan untuk mendapatkan perlindungan purata 5 hingga 8 panggilan dalam sehari bahkan pernah mencecah hingga 18 panggilan sehari.<sup>829</sup> Masalah yang sama turut dikongsi oleh pengurus DARWA yang mengakui bahawa kebanyakan ibu bapa tidak meletakkan kesalahan pada anak mereka sehingga menyebabkan mereka tidak rasa bertanggungjawab untuk menerima kehadiran bayi atau cucu yang bakal dilahirkan. Ujar beliau:

<sup>826</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>827</sup>Pelatih 2, temu bual, 18 Mac 2014.

<sup>828</sup>Hazlina Abdul Razak, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>829</sup>*Ibid.*

“Terdapat kes yang datang dari *family* membuatkan saya amat *stress* sepanjang bertugas di DARWA ni. *Parents* pada mulanya faham tempoh yang perlu dilalui oleh anak mereka selama di DARWA, mereka terdesak sebab anak dah mengandung tujuh bulan, pergi ke banyak rumah perlindungan akhirnya datang ke DARWA dan merayu diterima masuk. Setuju dan faham semua syarat yang ditetapkan oleh pihak DARWA. Kita memang dah dapat rasa kebanyakan kes yang terdesak macam begini memang jenis bermasalah. Bila anak dah bersalin, *parents* pula perintahkan pihak DARWA agar serahkan *baby* pada orang lain dan jangan izinkan dilihat oleh si ibu. Saya rasa kalau macam itu lebih baik bersalin di rumah sebab bersalin di hospital kita ada prosedur tak boleh sesuka hati ambil *baby* dan bawa keluar sesuka hati. Dia mengarah seolah-olah kita bekerja dengannya. Akhirnya, dia mintak izin hendak bawa balik anaknya atas alasan nak sambut raya cina (mereka mualaf), tetapi sebenarnya dia nak larikan terus anak tu. Padahal kita dah letak syarat kalau bawa keluar anaknya lebih awal dari tarikh kita akan kenakan denda. Tapi dia tak sanggup pula. Penalty ikut ustazah. Contoh kalau tempoh asal menghuni 8 bulan, tetapi baru menghuni selama 4 bulan, jadi parent kena bayar penuh baki 4 bulan selebihnya sebagai pengajaran. 4 bulan per/ RM450+RM1000. Itu pun yang tertulis di atas kertas, hakikatnya ada budi bicara ikut kemampuan sebab kita tak nak nanti bila dia tak mampu maka dia akan bertindak dengan lebih buruk seperti buang *baby*. Kalau permohonan di talian, kita pun akan tanya dulu berapa dia mampu bayar.”<sup>830</sup>

Terdapat juga ibu bapa disifatkan tidak meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada DARWA atau dalam erti kata lain memandang rendah dengan kredibiliti DARWA untuk mengendalikan anak mereka. Ibu bapa juga dikatakan terlalu meletakkan harapan yang tinggi agar DARWA menyediakan semua keperluan yang mencukupi serta keselesaan sebagaimana yang telah mereka sediakan di rumah. Ujar tenaga pengajar:

“Masalah dengan ibu bapa sebenarnya *miscommunication* la. Ibu bapa tu terkadang dia nak tahu anak dia ok, so dia *keep on* telefon bertanya. Dia bagi anak dia kat kita tapi langsung tak bagi kita peluang. Sekejap-sekejap telefon tanya keadaan anak dia.”<sup>831</sup>

Sikap ibu bapa dalam mengendalikan masalah yang menimpa anak mereka turut dikongsi oleh seorang pelatih di DARWA. Dalam keadaan tertunduk dan kelihatan kesal beliau meluahkan:

<sup>830</sup>Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>831</sup>Siti Zalina Nor Monir, temu bual, 14 April 2015.

“Keluarga *boyfriend* ada datang jumpa keluarga saya nak minta maaf dan bertanggungjawab, tapi mak saya hina-hina keluarga dia.”<sup>832</sup>

Pengakuan pelatih ini menunjukkan bahawa ibu bapa sememangnya lebih bersikap membela diri dan menyalahkan pihak lain di atas kejadian yang berlaku berbanding mengakui kesilapan diri. Justeru, ia secara tidak langsung memberi kesan kepada keputusan ibu bapa untuk meletakkan anak mereka di pusat perlindungan wanita.

Berbeza dengan TSP dan DARWA, kajian mendapati pihak Baitul Ehsan menyifatkan ibu bapa atau keluarga pelatih kurang menimbulkan masalah, malah rata-rata ibu bapa memberikan komitmen dan kerjasama yang baik kepada pihak pengurusan.<sup>833</sup> Berdasarkan dapatan berikut, ternyata PPW bukan sahaja perlu berhadapan dengan masalah pelatih bermasalah namun juga perlu berhadapan dengan segelintir ibu bapa yang masih tidak memahami dengan baik fungsi sebenar PPW. Keengganahan segelintir ibu bapa untuk mengakui kesilapan diri secara tidak langsung menyebabkan mereka sukar memberikan kerjasama dengan pihak PPW dan menyerahkan sepenuhnya tugas pemulihan kepada PPW. Keadaan ini akan mengganggu proses pengisian keagamaan anak-anak remaja.

Berdasarkan pengakuan informan dari setiap pusat perlindungan wanita berkenaan masalah membabitkan ibu bapa, kajian menyimpulkan bahawa setiap pusat perlindungan tidak menolak kerjasama dari ibu bapa sebagai salah satu daripada faktor terpenting yang membantu mereka melancarkan segala pengisian kepada pelatih termasuk pengisian keagamaan. Berhubung permasalahan ini, ibu bapa dan keluarga pelatih seharusnya memainkan peranan penting, bersikap lebih rasional dan matang serta bertanggungjawab dalam setiap masalah melibatkan anak-anak mereka. Ibu bapa juga perlu mengubah persepsi mereka terhadap fungsi PPW dengan baik selain

<sup>832</sup>Pelatih 6, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>833</sup>Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014.

meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya kepada pihak PPW dalam menjalankan tugas mereka sepanjang tempoh perlindungan. Hakikatnya, tanggungjawab mengisi jiwa anak-anak dengan agama bermula dengan peranan ibu bapa di rumah. Anak-anak yang dibesarkan dengan pemerhatian yang sempurna akan menjadi remaja yang berkeyakinan, mempunyai sahsiah yang positif dan dapat menghindarkan diri dari terjebak dengan perlakuan yang tidak sihat.<sup>834</sup>

### **5.2.7 Masalah Masyarakat**

Kajian mendapati masalah yang berpunca dari sikap masyarakat turut menjejaskan pelaksanaan modul keagamaan. Berhubung permasalahan ini, Pengetua Taman Seri Puteri dengan nada kesal mengakui bahawa pihaknya sentiasa menantikan mana-mana pihak sama ada sukarelawan atau pertubuhan NGO Islam yang bersedia menjalankan program keagamaan secara percuma. Walau bagaimanapun, tawaran-tawaran sedia ada hanya diterima dari sukarelawan yang bukan beragama Islam namun ia ditolak dengan cara yang baik kerana dirasakan kurang sesuai untuk tujuan meningkatkan penghayatan keagamaan pelatih. Masyarakat juga disifatkan sering melabel pelatih sebagai bermasalah, nakal dan tidak memiliki masa depan.<sup>835</sup> Kekesalan tersebut turut diluahkan oleh timbalan pengarah TSP:

“Ramai orang luar tak nak atau rasa berat hati nak buat program bila tau budak-budak pemulihan”<sup>836</sup>

Masalah melibatkan masyarakat bukan sahaja dibangkitkan di TSP, akan tetapi tenaga pengajar di Baitul Ehsan juga mengakui stigma masyarakat merupakan suatu cabaran yang perlu dihadapi oleh pihaknya dalam pemulihan remaja bermasalah. Menurutnya:

<sup>834</sup>Azizi Yahaya et al., *Penyelewengan Tingkah laku Remaja: Punca & Rawatan*, (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 185.

<sup>835</sup>Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014.

<sup>836</sup>Zuraidah Saad, temu bual, 6 Jun 2014.

“Dulu sebelum masuk sini pun saya selalu fikir tak ada apa yang menarik di sini, yang saya tahu hari-hari lalu depan BES ni ada budak bermasalah. Tapi saya cabar diri untuk berdakwah dalam masa yang sama perbaiki diri saya juga. Bila dah mendekati pelatih, sebenarnya diorang bukanlah terlalu jahat seperti mana sangkaan kita pun”<sup>837</sup>

Masalah masyarakat turut memberi kesan kepada pihak Darul Wardah. Kajian mendapati pihak DARWA turut menyuarakan keluhan mengenai reaksi masyarakat terhadap penubuhan DARWA. Segelintir masyarakat disifatkan tidak menyokong dan memandang serong dengan usaha perlindungan sebaliknya menganggap kewujudan DARWA sebagai menggalakkan perlakuan zina.<sup>838</sup>

Berdasarkan dapatan ini, kajian menyimpulkan bahawa masih terdapat segelintir masyarakat yang terikat dengan pemikiran serta persepsi yang kurang jelas terhadap usaha-usaha PPW dalam menyelamatkan remaja hamil luar nikah. Hal ini kerana kes kehamilan luar nikah dilihat sebagai memalukan manakala remaja yang terlibat pula dianggap sebagai liar. Justeru, tanggapan-tanggapan negatif dan stigma yang diberikan oleh masyarakat akan membantutkan pelaksanaan proses rawatan dan pemulihan termasuk program agama.

Dapatan ini bukan perkara baru, bahkan ia pernah dibangkitkan oleh Sofiah Sulaiman et al. yang menyebut bahawa kehamilan melibatkan remaja di kebanyakan negara maju biasanya berlaku di luar perkahwinan dan dalam kebanyakan komuniti dan budaya ia membawa kepada berlakunya stigma sosial.<sup>839</sup> Perkara ini juga telah dinyatakan oleh Siti Hajar et al. bahawa remaja hamil luar nikah salah satu kelompok yang sering kali dilihat sebagai sekumpulan anggota masyarakat yang bermasalah sama ada menjadi mangsa atau pemangsa, mereka biasanya menjadi individu, anggota masyarakat dan/atau komuniti tersisih serta berhadapan dengan pelbagai risiko

<sup>837</sup> Halimaton Mohd. Ngahlim, temu bual, 27 Ogos 2014.

<sup>838</sup> Nor’ashikin Mat Said, temu bual, 13 Ogos 2014.

<sup>839</sup> Sofiah Sulaiman et al., “Obstetric and Perinatal Outcome,” 74-77.

penyisihan sosial.<sup>840</sup> Mereka wajar dibantu dengan apa saja bentuk intervensi. Kewujudan PPW tidak boleh dianggap serong kerana ini sebahagian dari intervensi sosial berbentuk pemulihan dalam institusi.

Masyarakat tidak boleh menghukum sebaliknya memberikan peluang dan sokongan untuk berubah dan kembali ke pangkal jalan. Dalam konteks ini, masyarakat seharusnya mengambil pengajaran dari kisah yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW mengenai sikap seorang alim yang berlapang dada ketika menjawab pertanyaan seorang penjenayah yang menyatakan keinginan untuk bertaubat setelah membunuh 100 orang.<sup>841</sup>

Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa setiap PPW di Selangor masih dibelenggu oleh beberapa masalah yang memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap pelaksanaan modul keagamaan remaja hamil luar nikah secara berkesan dan holistik. Justeru, penilaian dari semasa ke semasa perlu dibuat berhubung isu ini dan tidak boleh dibiarkan. Meskipun sesetengah masalah mungkin dilihat tidak begitu kritikal, namun sekiranya tiada pencegahan di peringkat awal ia pasti akan mengakibatkan pelbagai masalah lain yang lebih kronik di kemudian hari.

Realitinya, penelitian terhadap masalah yang mengekang pelaksanaan bukan sahaja boleh membantu memperbaiki remaja melalui proses pemulihan secara berkesan. Namun, usaha ini juga akan mampu menjimatkan sejumlah besar kos atau perbelanjaan yang terpaksa dilaburkan untuk program intervensi dan pemulihan, ini tidak termasuk kes-kes kehamilan yang berulang.

---

<sup>840</sup>Siti Hajar Abu Bakar et al., “Intervensi Sosial,” 29-44.

<sup>841</sup>Hadis Riwayat Ahmad, “Musnad Ahmad,” Kitāb Bāqī al-Musnad al-Mukathirīn, Bāb Musnad Abī Sa’id al-Khudrī, no. Hadis 11262.

### **5.3 KESIMPULAN**

Setiap pusat perlindungan wanita memiliki masalah tersendiri yang menjadi kekangan kepada pelaksanaan modul keagamaan terhadap pelatih hamil luar nikah. Pelbagai masalah yang telah dikenal pasti memberikan petunjuk bahawa pihak PPW sedang memikul cabaran yang cukup besar dalam menyuburkan nilai-nilai keagamaan dalam jiwa remaja bermasalah seperti remaja hamil luar nikah. Amanah ini sememangnya bukan sesuatu yang mudah kerana perlu dilaksanakan dalam tempoh yang agak terbatas melainkan dengan keazaman, usaha serta izin Allah jua. Justeru, segala luahan dan perkongsian masalah yang telah dibuat tidak boleh dianggap sebagai kritikan yang negatif, sebaliknya dijadikan titik permulaan untuk melakukan penambahbaikan agar penghasilan modul keagamaan yang lebih baik dan berkualiti pada masa hadapan bersesuaian dengan keperluan pelatih.

## **BAB 6 : PENUTUP**

### **6.1 PENGENALAN**

Bab keenam merupakan bab terakhir dalam tesis ini. Perbincangan dimulakan dengan membuat rumusan ke atas semua dapatan bagi setiap objektif kajian yang telah digariskan. Setelah itu, perbincangan ditumpukan kepada implikasi kajian ini terhadap beberapa aspek. Selanjutnya, cadangan penambahbaikan terhadap permasalahan yang telah dikenal pasti membabitkan pelaksanaan modul keagamaan akan dikemukakan. Selain cadangan penambahbaikan, bab ini akan diakhiri dengan beberapa cadangan yang boleh dilakukan dalam kajian-kajian akan datang bagi memperkayakan lagi khazanah penyelidikan dalam bidang yang sama.

### **6.2 RUMUSAN**

Berdasarkan analisis ke atas dapatan kajian yang telah dibuat di bab empat dan bab lima, pengkaji dapat merumuskan seperti berikut:

#### **6.2.1 Pengisian dalam Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor**

Objektif pertama kajian ini ialah mengkaji bentuk pengisian dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Secara umumnya, terdapat tiga bentuk pengisian bercorak keagamaan yang diberikan perhatian oleh pusat perlindungan wanita di Selangor iaitu berhubung dengan pengukuhan akidah, penghayatan ibadah dan pemulihan akhlak pelatih.

Seterusnya pengisian bercorak keagamaan di pusat perlindungan wanita dikendalikan oleh sejumlah tenaga pengajar yang berstatus sepenuh masa di Taman Seri Puteri, manakala tenaga pengajar di Baitul Ehsan dan Darul Wardah pula berstatus separuh masa, iaitu terdiri daripada guru-guru fardu ain yang bertauliah dari sekolah-sekolah berdekatan. Manakala, segala bentuk kegiatan harian yang bercorak kerohanian di luar kelas pula dikendalikan oleh sebahagian tenaga pengajar secara berjadual dengan dibantu dan dipantau oleh beberapa staff seperti pengurus dan warden pusat tersebut.

Bagi memudahkan penyampaian kandungan pengisian, setiap pusat perlindungan wanita, kecuali DARWA menyediakan satu modul bertulis yang dijadikan asas kepada pelaksanaan modul segala aktiviti bercorak keagamaan dan kerohanian. Selain itu, kajian mendapati tenaga pengajar turut menggunakan pakai bahan pengajaran dari luar seperti silibus pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan khususnya yang berkaitan dengan pembelajaran fardu ain. Kaedah penyampaian pengisian juga didapati bervariasi seperti melalui aktiviti perbincangan, sumbang saran, kelas pengajian agama, tazkirah, kuliah, usrah, ceramah dan banyak lagi yang berbentuk lisan dan bukan lisan.

Tidak kurang juga, penilaian yang dibuat secara berkala oleh PPW ke atas pelatih melalui beberapa siri ujian bulanan dan peperiksaan telah dapat membantu pelaksana mengenal pasti kelemahan pelatih dan seterusnya memikirkan kaedah-kaedah baru yang lebih bersesuaian.

Sebagai rumusan, kesemua bentuk kandungan pengisian dalam modul keagamaan yang dijalankan dapat dikatakan berupaya membantu pihak PPW dalam mempersiapkan pelatih hamil luar nikah ke arah menjadi individu Muslim yang memiliki kekuatan dari kedua-dua aspek fizikal dan spiritual. Usaha yang dijalankan

setelah sekian lama sekurang-kurangnya akan menjadi pencetus kepada kesedaran pelatih untuk terus melakukan perubahan meskipun dalam waktu yang agak terbatas. Berdasarkan analisis yang telah dibuat dalam bab empat berhubung pengisian dalam modul keagamaan di PPW, maka secara jelas objektif pertama bagi kajian ini telah tercapai.

### **6.2.2 Pendekatan dalam Modul Keagamaan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor**

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menganalisis pendekatan dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa setiap pusat perlindungan wanita di Selangor memahami keperluan untuk mengaplikasikan keenam-enam pendekatan yang telah diketengahkan oleh Islam khususnya dalam mendekati pelatih bermasalah seksual seperti remaja hamil luar nikah.

Berdasarkan perbincangan di dalam bab empat, enam pendekatan yang dimaksudkan iaitu berbentuk contoh teladan, beransur-ansur, nasihat dan bimbingan, pembiasaan, pengawasan serta hukuman dan ganjaran diimplementasikan secara bervariasi oleh ketiga-tiga PPW di Selangor dengan memanfaatkan lima platform. Lima platform tersebut ialah menerusi proses pengajaran dan pembelajaran, kegiatan harian pelatih, sesi bimbingan dan kaunseling, penguatkuasaan peraturan dan juga diterjemahkan dalam konsep perlindungan PPW itu sendiri.

Meskipun PPW mempunyai autoriti untuk melaksanakan pendekatan tersebut kepada pelatih, namun ia tidak diaplikasikan sewenang-wenangnya. Setiap pendekatan

yang diimplementasikan turut mengambil kira keperluan pelatih serta tidak meletakkan pelatih dalam suasana persekitaran yang menghukum, sebaliknya lebih bermotifkan bimbingan, pencegahan dan pendidikan.

Merujuk kepada pendekatan dalam modul keagamaan sedia ada di PPW, kajian merumuskan bahawa pihak PPW masih boleh mengaplikasikannya secara lebih optimum dengan tidak membataskan ia kepada lima platform sahaja untuk masa-masa akan datang. Berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat di dalam bab empat berhubung pendekatan dalam modul keagamaan di PPW, ternyata objektif kedua yang telah digariskan dalam kajian ini telah tercapai.

### **6.2.3 Masalah dalam Pelaksanaan Modul Keagamaan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor**

Objektif terakhir kajian ini adalah untuk menganalisis bentuk masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita di Selangor. Berdasarkan analisis ke atas dapatkan kajian yang dibincangkan dalam bab lima, kesemua tujuh masalah yang dibangkitkan oleh informan dari ketigatiga pusat perlindungan wanita di Selangor membabitkan tenaga pengajar,kekangan kewangan, pengurusan modul, kekangan masa, pelatih, ibu bapa atau keluarga pelatih serta masyarakat turut menentukan kelancaran dalam pelaksanaan modul keagamaan di PPW.

Hasil analisis menunjukkan masalah kekurangan tenaga pengajar berlaku secara ketara di Taman Seri Puteri. Masalah kekangan kewangan pula dihadapi oleh Taman Seri Puteri dan Darul Wardah. Selanjutnya masalah ketiadaan modul yang

didokumentasikan dikenal pasti berlaku secara ketara di Darul Wardah. Bagi masalah kekangan masa pula, ia dibangkitkan oleh informan dari semua pusat perlindungan wanita di Selangor dalam kajian ini membabitkan tempoh perlindungan yang dikatakan agak terhad. Di samping itu, kajian mendapati pengendalian sikap pelatih yang sememangnya bermasalah turut disifatkan sebagai cabaran penting yang perlu dihadapi serta menjelaskan pelaksanaan modul di semua pusat perlindungan wanita di Selangor. Tidak kurang, ibu bapa atau keluarga pelatih turut dikenal pasti seringkali menjadi satu kekangan dalam pelaksanaan modul keagamaan khususnya di Darul Wardah dan kadangkala juga berlaku di Taman Seri Puteri. Akhirnya ketiga-tiga pusat perlindungan wanita di Selangor dalam kajian ini tidak menolak bahawa peranan masyarakat awam sangat mempengaruhi pelaksanaan modul keagamaan secara lebih efektif dari pelbagai aspek seperti ketiadaan sokongan moral serta stigma yang telah dibentuk terhadap fungsi pusat perlindungan dan nasib pelatih. Berdasarkan kepada rumusan yang dinyatakan dan analisis ke atas dapatan yang telah dibuat di dalam bab lima berhubung masalah dalam pelaksanaan modul keagamaan di PPW, ternyata objektif terakhir yang telah digariskan dalam kajian ini telah terjawab.

Ringkasnya, setiap pusat perlindungan wanita memiliki keunikannya yang tersendiri dalam penyampaian kandungan pengisian bercorak keagamaan. Baitul Ehsan, sebagai sebuah institusi yang berada di bawah pemantauan Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS) dilihat paling agresif dalam merangka pelbagai program bercorak keagamaan. Rutin harian pelatih yang bercorak keagamaan juga lebih padat berbanding Taman Seri Puteri dan Baitul Ehsan.

Di Taman Seri Puteri pula, meskipun kandungan modul secara bertulis dilihat lengkap dan menyeluruh, namun kajian mendapati keseluruhan pengisian tersebut

seringkali tidak dapat disampaikan dengan komprehensif disebabkankekangan masa serta kekurangan tenaga pengajar.

Berbeza dengan Taman Seri Puteri dan Baitul Ehsan, meskipun usia penubuhan Darul Wardah dianggap masih baru dan belum mempunyai satu modul bertulis sebagai panduan, tetapi aspek keagamaan tetap dijadikan asas dan tumpuan bagi pelaksanaan pelbagai kegiatan harian pelatih. Perjalanan bagi setiap aktiviti pula berpandukan kepada jadual waktu yang disediakan dengan dibantu oleh beberapa orang tenaga pengajar. Bahkan setiap tenaga pengajar dikehendaki menyediakan laporan bagi setiap aktiviti yang telah dikendalikan bagi tujuan penilaian.

Berdasarkan kepada realiti pelaksanaan modul keagamaan sedia ada di PPW, kajian ini menyimpulkan bahawa sehingga kini PPW belum merangka satu modul lengkap yang dikhurasikan bagi tujuan pemulihan remaja hamil luar nikah sahaja. Kandungan pengisian serta pendekatan modul sedia ada dilihat lebih bersifat umum dan digunakan bagi mengendalikan semua kes salah laku.

Selanjutnya, meskipun masih terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti, namun kajian mendapati bahawa setiap pusat perlindungan wanita memiliki kekuatannya yang tersendiri. Sebagai contoh, Taman Seri Puteri sebagai sebuah pusat kendalian kerajaan persekutuan sememangnya sudah cukup dikenali memandangkan usia penubuhannya juga telah hampir sedekad yang lalu. Justeru, berbekalkan status tersebut, ia memberikan faedah dari aspek kepercayaan masyarakat bagi menjalankan fungsinya dalam pemulihan remaja. Bagi Baitul Ehsan pula, pusat tersebut mempunyai kelebihan dari aspek perancangan dan penyediaan modul bercorak keagamaan yang kemas dan terancang memandangkan ia dikendalikan oleh pertubuhan agama Islam iaitu MAIS. Akhirnya, Darul Wardah juga dilihat berpeluang untuk menghasilkan modul

keagamaan dengan lebih berkualiti memandangkan setiap anggota yang terbabit dengan penubuhan Darul Wardah terdiri daripada individu-individu yang begitu signifikan dengan sebuah gerakan organisasi Islam iaitu ABIM yang juga berpengalaman dalam lapangan dakwah. Ini bermaksud, dengan kelebihan yang ada pada Darul Wardah, ia akan membantu pihaknya untuk melangkah dengan lebih jauh dalam merangka modul pelaksanaan di masa akan datang.

Apa yang lebih penting, pelaksanaan modul keagamaan sebenarnya bukanlah sesuatu yang mustahil memandangkan kesemua pelatih yang ditempatkan di setiap pusat perlindungan wanita di Selangor adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Justeru, ia merupakan peluang yang sangat baik untuk pihak pusat perlindungan wanita untuk menyusun, merancang dan menjalankan apa jua bentuk pengisian bercorak keagamaan dengan mudah.

### **6.3 IMPLIKASI KAJIAN**

Berdasarkan kepada keseluruhan dapatan yang telah dibincangkan, kajian memberikan implikasi terhadap beberapa perkara. Pertama, dapatan kajian ini menjadi petunjuk bahawa usaha penambahbaikan dalam konteks perancangan dan pelaksanaan modul keagamaan sedia ada di PPW masih perlu diteruskan khususnya dari aspek pemilihan kandungan pengisian dan pendekatan yang lebih bertepatan dan bersesuaian dengan keperluan remaja hamil luar nikah dalam tempoh yang agak terbatas. Seterusnya, dapatan kajian ini juga bakal menyuntik kesedaran pelbagai pihak untuk sama-sama menggalas tanggungjawab secara lebih proaktif bagi menyediakan suatu modul lengkap yang lebih segara dan padat khusus untuk remaja hamil luar nikah saranan berteraskan agama Islam. Tidak kurang juga, kajian ini telah memaparkan bahawa keperluan untuk

mengukuhkan jalinan kerjasama antara sesama PPW demi melahirkan suatu bentuk usaha yang lebih kemas dan berkesan. Perkara ini secara tidak langsung akan memudahkan usaha-usaha pemulihan yang dilakukan dan seterusnya menyuntik kesedaran, pemahaman serta mengubah rasa prejedis masyarakat terhadap fungsi PPW dalam menangani gejala kehamilan luar nikah. Akhirnya, kajian ini telah membuka peluang dan ruang kepada anggota masyarakat umumnya dan menjadi suatu titik tolak ke arah memikirkan suatu bentuk mekanisme pemulihan yang lebih berkesan dan holistik bagi merealisasikan resolusi dari Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah yang diadakan pada 16 Disember 2013 iaitu memberikan penekanan kepada semua agensi agar berusaha membendung jenayah syariah secara holistik merangkumi aspek kedaulatan undang-undang (*al-Hakimiyyah*), pendidikan (*al-Tarbiyyah*), pencegahan (*al-Wiqāyah*), hukuman (*al-'Uqūbah*), dan pemulihan (*al-'Ilājiyyah*) selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dan pelaksanaan transformasi kerajaan.<sup>842</sup>

#### **6.4 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Berdasarkan kepada tujuh masalah yang telah dikenal pasti, maka kajian ini akan mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk perhatian, penilaian serta tindakan beberapa pihak seperti pusat perlindungan wanita, pihak bertanggungjawab, ibu bapa dan keluarga serta masyarakat.

---

<sup>842</sup>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (makalah Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah (SKPJS 2013), anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dengan Kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 16 Disember 2013).

#### **6.4.1 Pusat Perlindungan Wanita**

Berhubung masalah kekurangan tenaga pengajar, pusat perlindungan wanita dicadangkan agar membuat penambahbaikan dari aspek penyediaan tenaga pengajar bukan sahaja dari aspek kuantiti bahkan kualiti supaya proses penyampaian ilmu agama dapat berjalan dengan lancar. Dari aspek kuantiti, nisbah atau bilangan antara tenaga pengajar dan pelatih perlu dipastikan seimbang supaya modul dapat dikendalikan dengan baik dan komprehensif dalam masa yang terhad. Sekiranya masalah kekurangan tenaga pengajar tidak diatasi, ia akan menyebabkan proses pemindahan nilai atau ilmu menjadi sukar.

Dari aspek kualiti pula, kriteria guru yang berkelayakan dan memiliki kesediaan juga penting untuk diperhalusi misalnya dari aspek latar belakang dan kelulusan pendidikan serta pengalaman mengajar. Pusat perlindungan wanita juga dicadangkan supaya mempersiapkan guru serta kakitangan sokongan dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi dengan mewajibkan mereka mengikuti kursus secara berkala. Penguasaan ilmu yang luas dan mencukupi amat diharapkan bukan sahaja ilmu agama, tetapi juga ilmu psikologi. Hal ini kerana, tugas tenaga pengajar dalam konteks pemulihan remaja hamil tidak semudah yang digambarkan. Selain memberikan kefahaman agama, tenaga pengajar perlu memahami dengan baik bagaimana bentuk-bentuk masalah serta perubahan tingkah laku yang begitu kompleks sedang dialami oleh pelatih bermasalah, terutamanya pelatih hamil luar nikah. Bahkan dalam keadaan tertentu guru perlu lebih bersedia dari aspek kekuatan mental dan pemikiran supaya dapat mencetuskan idea yang lebih kritis dan kreatif dalam mengendalikan masalah pelatih. Pihak pusat perlindungan wanita juga boleh mendapatkan kerjasama dari mana-mana pertubuhan berorientasikan pendidikan atau keagamaan bagi membantu

menyediakan tenaga pengajar atau pembimbing yang terlatih dan berpengalaman untuk mengendalikan kes kehamilan luar nikah.

Merujuk kepada masalah pengurusan modul pula, setiap pusat perlindungan wanita dicadangkan perlu membuat penambahbaikan terhadap modul keagamaan sedia ada terutamanya dari aspek penyediaan bahan pengajaran, pengisian dan pendekatan supaya lebih berstruktur dan terancang dengan mengambil kira tempoh perlindungan yang agak terbatas. Penghasilan modul keagamaan yang lebih kemas dan berkualiti boleh diperoleh dengan mendapatkan nasihat atau kerjasama dari pihak yang berkepakaran seperti ahli akademik dan mewujudkan satu unit penyelidikan khas bagi tujuan pemantauan dan penilaian berterusan mengenai pembangunan modul dari semasa ke semasa. Unit tersebut boleh dianggotai oleh sekumpulan individu yang berkepakaran khususnya dalam bidang akademik serta berpengalaman luas dalam aktiviti sosial atau kemasyarakatan membabitkan kelompok remaja bermasalah.

Dalam konteks pelaksanaan sesuatu modul juga, ia sangat terikat dengan masa. Oleh sebab itu, sekiranya pengurusan masa tidak berlaku secara bijak, ia akan menyebabkan modul tidak dapat dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tempoh masa bukan satu-satunya perkara yang menjamin keberkesanan pelaksanaan modul. Sebagai contoh; sejarah merakamkan perjalanan dakwah Nabi Nuh AS telah memakan masa yang cukup lama iaitu selama 950 tahun, namun tidak berjaya sehingga menimbulkan perasaan putus asa dalam hati baginda. Tempoh penyebaran Islam di Mekah dan Madinah juga berjalan selama 23 tahun. Di Madinah, kepelbagaiannya bangsa lebih menyukarkan perjalanan dakwah baginda sehingga mendorong baginda menyusun strategi demi strategi.

Bagi menjimatkan masa, kajian ini juga mencadangkan agar setiap pusat perlindungan wanita mewujudkan organisasi khas membabitkan bekas pelatih atau alumni bagi merangka beberapa program susulan yang boleh dijalankan di pusat perlindungan sebagaimana yang telah dijalankan oleh pihak Baitul Ehsan. Program tersebut boleh dirancang dengan mendapat kerjasama daripada unit penyelidikan serta mana-mana institusi lain yang berautoriti. Melalui program tersebut, bekas pelatih juga boleh dilibatkan semula bagi menggerakkan pelbagai aktiviti bercorak keagamaan khususnya slot-slot yang bermotifkan perkongsian pengalaman dan motivasi. Selain dapat menjimatkan masa, program susulan dianggap penting supaya bekas pelatih tidak terus hanyut sebaik sahaja meninggalkan pusat perlindungan wanita kelak. Pelbagai aktiviti juga boleh dilakukan melalui program seperti kem motivasi, ceramah atau slot perkongsian yang melibatkan bekas pelatih sama ada berbentuk *indoor* atau *outdoor*. Manfaat daripada program tersebut bukan sahaja membina keyakinan bekas pelatih untuk menyumbang ilmu serta pengalaman dengan adik-adik pelatih tetapi juga sebagai bentuk sokongan kepada pelatih yang sedang mendapatkan perlindungan. Al-Quran melalui surah Ad-Dzāriyat, ayat 55 secara jelas mengingatkan bahawa orang mukmin itu perlu saling ingat memperingati demi faedah bersama.

Sehingga kajian ini dibuat, kandungan pengisian dan pendekatan dalam modul keagamaan sedia ada di PPW lebih bersifat umum dan tidak dikhkususkan bagi remaja hamil luar nikah sahaja sebaliknya ia diguna pakai kepada semua pelatih daripada pelbagai kes salah laku. Hal ini telah menyebabkan penyampaian kandungan pengisian sukar untuk dihabiskan dalam tempoh yang agak terhad. Justeru, kajian ini mencadangkan agar modul keagamaan sedia ada di pusat perlindungan wanita dibuat

penelitian semula dengan mengambil kira aspek keselarasan di antara kandungan pengisian dan tempoh perlindungan yang telah diputuskan.

Selain itu, kajian ini juga mencadangkan supaya penambahbaikan dari aspek kandungan pengisian modul keagamaan dibuat dengan merujuk semula kepada perbincangan di dalam bab tiga iaitu berpandukan kepada saranan Islam berhubung teori modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah.

Secara ringkasnya, Islam telah mengemukakan tiga aspek penting dalam pemilihan kandungan pengisian iaitu yang menjurus kepada proses pengukuhan akidah, penghayatan ibadah dan pemulihan akhlak. Namun, bagi kes kehamilan luar nikah, kandungan pengisian yang dicadangkan perlu dihadkan kepada aspek-aspek yang menjadi keutamaan dan keperluan pelatih hamil luar nikah sahaja. Sebagai contoh; bagi tujuan pengukuhan akidah remaja hamil luar nikah, kajian mencadangkan agar keenam-enam Rukun Iman diberikan tumpuan kerana ia sememangnya diperlukan oleh pelatih hamil luar nikah dalam membantu mereka meningkatkan tahap keyakinan dalam beragama. Bagi tujuan penghayatan ibadah pula, Islam mencadangkan agar beberapa ibadah tertentu sahaja diberikan tumpuan iaitu solat, puasa serta beberapa ibadah lain termasuk ibadah sunat yang boleh membantu mendekatkan pelatih kepada Tuhan seperti solat-solat sunat, membaca al-Quran, zikir, wirid dan doa-doa harian bukan bekalan dan pendinding diri pelatih. Hal ini kerana, ibadah-ibadah tersebut telah dinyatakan secara jelas memiliki kelebihan dan hikmah yang cukup besar bagi mengekang masalah melibatkan salah laku seksual.

Manakala, bagi ibadah-ibadah lain yang terkandung dalam rukun Islam seperti menunaikan zakat dan mengerjakan fardu haji serta ibadah-ibadah lain seperti kursus mandi/solat jenazah/sembelihan dan sebagainya memadai diajar secara teori sahaja

sebagai bentuk pendedahan awal tanpa perlu memfokuskan kepada amali. Begitu juga dalam proses pemulihan akhlak, Islam telah mencadangkan agar kandungan pengisian modul hanya memfokuskan kepada topik-topik penting yang boleh membantu pelatih melakukan perubahan khususnya dari aspek pengendalian diri dan seterusnya mengekang keinginan nafsu syahwat yang menyalahi agama. Pada masa yang sama, beberapa adab di dalam Islam serta pendidikan seksual dan reproduktif juga perlu diberikan tumpuan bagi membantu membina jati diri pelatih dan seterusnya menjadi wanita yang lebih bertanggungjawab serta bijak menjaga kehormatan diri.

Penumpuan kepada aspek-aspek tertentu sahaja dilihat berupaya membantu menjimatkan masa pihak pelaksana dalam proses penyampaian kandungan pengisian dan seterusnya menjadikan modul tersebut lebih efektif. Pelatih juga tidak akan membuang masa dengan mempelajari aspek-aspek yang kurang penting sebaliknya lebih berpotensi untuk menguasai ilmu-ilmu menjadi keperluan bagi merawat masalah mereka. Jadual 6.1 adalah ringkasan cadangan bagi penambahbaikan dari aspek pemilihan kandungan pengisian dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah.

**Jadual 6.1:** Pengisian bagi Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah menurut Islam (Rujuk perbincangan di Bab Tiga)

Kandungan Pengisian	Matlama	Kaedah Pelaksanaan
<b>i) Pengukuhan Akidah:</b>		
Beriman kepada Allah	Pupuk rasa takutkan Allah untuk lakukan maksiat dan cintakanNya untuk terus lakukan ketaatan	Teori dan Praktikal  Lisan dan Bukan lisan
Beriman kepada Malaikat	Pupuk rasa takut melakukan maksiat apabila menyedari malaikat sentiasa mengawasi dan mencatat perlakuan sama ada nyata atau tersembunyi	
Beriman kepada Kitab	Menjadikan al-Quran sebagai pedoman hidup dalam melakukan ketaatan dan meninggalkan larangan	
Beriman kepada Rasul	Meyakini adanya utusan dalam kehidupan yang boleh dijadikan ikutan dan contoh teladan	
Beriman kepada Hari Akhirat	Meyakini adanya hari perhitungan amalan baik dan buruk berserta balasannya	
Beriman kepada Qada' dan Qadar	Meyakini setiap sesuatu yang berlaku adalah dengan ketentuan dan izin Allah Menyuntik Rasa berharap kepada Allah dalam melakukan perubahan	
<b>ii) Penghayatan Ibadah:</b>		
Mengucap dua kalimah syahadah	Meyakini tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad pesuruh Allah	Teori dan Amali  Lisan dan Bukan lisan
Solat	Melatih menjadi hamba Allah yang taat; Sebagai Terapi bagi keresahan jiwa yang dilanda masalah	
Puasa	Melatih menjadi hamba Allah yang taat; Mengekang keinginan hawa nafsu (seksual)	
Membaca al-Quran	Mendorong diri agar sentiasa mengingati Allah; Memahami maksud yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran untuk diamalkan dalam hidup	
<i>Qiamullail</i> , zikir, wirid dan seumpamanya	Amalan berbentuk lisan yang membantu mengingati Allah sepanjang masa	
<i>Fiqh</i> Wanita	Mengetahui perkara-perkara berhubung dengan halal haram serta penentuan hukum <i>fiqh</i> berkaitan permasalahan wanita, persediaan menjadi ibu	

**Sambungan Jadual 6.1:** Pengisian bagi Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah menurut Islam (Rujuk perbincangan di Bab Tiga)

Kandungan Pengisian	Matlamat	Kaedah Pelaksanaan
<b>iii) Pemulihan Akhlak:</b>		
Akh�ak Mahmudah dan Mazmumah	Membimbing untuk membezakan antara akhlak baik yang perlu diamalkan serta akhlak keji yang perlu dijauhi.	Teori dan Praktikal
Adab-adab Islam	Membimbing remaja beradab dengan adab-adab Islam dalam seluruh kehidupan	
Pendidikan Seksual; dan Tanggungjawab Reproduktif	Membimbing remaja tentang aspek penjagaan diri & tanggungjawab reproduktif  Mengendalikan keinginan seksual dengan cara yang sewajarnya dengan tidak mengabaikan aspek kesihatan diri	Lisan dan Bukan lisan

Selain mengehadkan kandungan pengisian dalam modul, kajian ini juga mencadangkan agar pusat perlindungan wanita sentiasa mengemas kini pendekatan yang diguna pakai supaya sentiasa relevan dan signifikan dengan keperluan semasa. Keenam-enam bentuk pendekatan praktikal yang telah dijalankan oleh PPW sememangnya sejajar dengan saranan Islam namun ia masih boleh dimanfaatkan dengan lebih optimum lagi supaya tidak terbatas dalam platform tertentu sahaja. Jadual 6.2 adalah ringkasan cadangan bagi aspek pendekatan yang boleh difokuskan dalam modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah.

**Jadual 6.2:** Pendekatan dalam Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah  
(Rujuk perbincangan di Bab Tiga)

Pendekatan	Matlamat	Aplikasi
Contoh Teladan	Membimbing remaja agar membuat pilihan yang bijak siapa individu yang boleh diteladani dalam kehidupan.	
Beransur-ansur	Membimbing remaja melakukan perubahan secara beransur-ansur supaya remaja tidak merasa terbebani.	
Nasihat dan bimbingan	Mendidik remaja menjadi Muslim yang membudayakan amalan nasihat menasihati dan ingat memperingati dalam kebaikan.	
Pembiasaan	Melazimi remaja dengan kegiatan harian yang mendekatkan diri dengan Tuhan.	
Pengawasan	Melatih remaja mendisiplinkan diri supaya hidup sentiasa mengikut peraturan dan lunas-lunas Islam.	
Hukuman dan ganjaran	Memberikan pengajaran kepada remaja bahawa setiap perlakuan sama ada baik atau buruk ada balasan yang menanti/Mencegah remaja dari mengulangi kesilapan yang sama	Setiap pendekatan boleh digunakan dalam semua keadaan mengikut kesesuaian dan keperluan pelatih.
Contoh Teladan	Membimbing remaja agar membuat pilihan yang bijak siapa individu yang boleh diteladani dalam kehidupan.	

Berbalik kepada masalah pengurusan modul, masalah melibatkan ibu bapa boleh ditangani oleh pusat perlindungan wanita dengan mengadakan pertemuan khas bersama ibu bapa secara berkala. Pertemuan tersebut bukan sahaja boleh mengeratkan hubungan baik antara kedua-dua pihak malah menjadi platform penting untuk meningkatkan pemahaman ibu bapa agar lebih jelas mengenai tanggungjawab mereka dalam pendidikan anak-anak secara tidak langsung memperbetulkan pandangan mereka terhadap fungsi pusat perlindungan wanita yang mungkin tidak jelas sebelum ini dalam sesetengah kes yang dilaporkan.

Kajian Norulhuda Sarnon et al. juga memperakui bahawa pertemuan di antara pihak PPW dengan ibu bapa remaja hamil merupakan satu keperluan kerana remaja hamil dikenal pasti begitu mengharapkan sokongan yang kuat dari keluarga bagi

meredakan tekanan yang dirasai selain mengharapkan penerimaan masyarakat.<sup>843</sup>

Begitu juga kajian Azmawaty Mohamad Nor et al., menunjukkan remaja hamil sangat mengharapkan sokongan serta penerimaan daripada keluarga di saat mereka berhadapan dengan tempoh yang cukup getir.<sup>844</sup> Cadangan yang sama turut dipersetujui oleh Puan Rosmawati Zainal berdasarkan pengalaman beliau sendiri selaku pengarah Raudhatus Sakinah. Menurut beliau, untuk memperbaiki anak-anak sememangnya perlu perbaiki ibu bapa dalam masa yang sama.<sup>845</sup> Walau bagaimanapun, Abd Ghafar Don et al., berpandangan dalam apa jua bentuk permasalahan moral remaja kesalahan tidak boleh diletakkan kepada ibu bapa sepenuhnya kerana ibu bapa juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat. Ibu bapa yang soleh juga belum tentu melahirkan anak yang soleh memandangkan pembentukan akhlak yang baik mesti dilingkungi oleh persekitaran yang baik. Justeru struktur sosial sama ada dari segi pendidikan, ekonomi, politik dan undang-undang yang bercirikan Islam mesti dilaksanakan dengan berpaksikan kepada akidah tauhid dan lingkungan pengabdian diri kepada Allah SWT.<sup>846</sup> Oleh itu bagi tujuan intervensi, hasil penelitian Nurulhuda Sarnon et al. mendapati bahawa meskipun remaja perlukan sokongan dari ibu bapa, namun ibu bapa juga perlu diberikan sokongan oleh masyarakat untuk berperanan sebagai agen sokongan sosial secara berkesan.<sup>847</sup>

---

<sup>843</sup>Norulhuda Sarnon et al., “Hamil Luar Nikah,” 121-130.

<sup>844</sup>Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharatol Ahmad Shah, “Adolescent With,” 8-21.

<sup>845</sup>Rosmawati Zainal, *Wacana Ibu Tunggal Remaja/Muda: Antara Realiti dan Tanggungjawab Dakwah*, 15 Mei 2015, (Jumaat), Akademi Pengajian Islam.

<sup>846</sup>Abdul Ghafar Don et al., *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 146.

<sup>847</sup>Norulhuda Sarnon et al., “Hamil Luar Nikah,” 121-130.

#### **6.4.2 Pihak Bertanggungjawab**

Selain pusat perlindungan wanita, pihak-pihak yang berkepentingan sama ada daripada institusi kerajaan, institusi bukan kerajaan, pembuat dasar atau institusi yang berorientasikan keagamaan, pendidikan mahupun kesihatan juga boleh bertindak bagi menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pusat perlindungan wanita khususnya melibatkan kewangan, pengurusan modul dan stigma masyarakat.

Selanjutnya, masalah membabitkan kewangan boleh diatasi sekiranya pihak-pihak yang berkepentingan sama ada daripada institusi kerajaan dan bukan kerajaan, pembuat dasar, atau institusi yang berorientasikan keagamaan, pendidikan mahupun kesihatan membantu mewujudkan tabung khas bagi membantu kelancaran pelaksanaan modul keagamaan untuk remaja hamil luar nikah. Sebagai contoh; hasil sumbangan atau dana terkumpul boleh digunakan untuk tujuan pembayaran gaji tenaga pengajar di pusat-pusat perlindungan yang baru bertapak seperti Darul Wardah.

Seterusnya, dari aspek pengurusan modul, institusi agama berautoriti seperti JAKIM boleh membantu mewujudkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri bagi menghasilkan satu garis panduan dalam penyediaan modul keagamaan berteraskan Islam untuk remaja hamil luar nikah sebagai rujukan pusat perlindungan wanita di seluruh Malaysia. Bagi tujuan pemantauan dan penilaian ke atas perjalanan setiap aktiviti di pusat perlindungan wanita pula, pihak JKMM boleh turut memainkan peranan dengan memastikan semua pusat perlindungan kendalian kerajaan mahupun bukan kerajaan berdaftar secara sah dengan JKMM.

Bukan sekadar itu, pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Institusi Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Majlis Agama Islam atau mana-mana NGO perlu lebih kreatif

dan agresif mewujudkan jaringan kerjasama bagi menggerakkan program intervensi di bandar atau luar bandar sama ada berbentuk pencegahan, pendidikan dan pemulihan supaya kesedaran masyarakat dapat berlaku secara menyeluruh. Sebagai contoh; Kementerian Kesihatan boleh mewujudkan kerjasama dengan institusi agama bagi menjelaskan beberapa perkara penting berhubung penjagaan kesihatan seksual serta tanggungjawab reproduktif menurut perspektif klinikal dan Islam. Setiap pihak bertanggungjawab juga perlu memanfaatkan segala platform dan media sosial sedia ada seperti *facebook*, *instagram*, *twitter* dan sebagainya secara optimum bagi menyampaikan maklumat berhubung keagamaan dan pendidikan seksualiti serta tanggungjawab reproduktif.

#### **6.4.3 Ibu bapa dan Keluarga Pelatih**

Dapatan kajian menunjukkan ibu bapa dan keluarga dikenal pasti memberikan kesan terhadap pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita. Justeru, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk perhatian ibu bapa dan keluarga sendiri. Dari aspek tanggungjawab keibubapaan, ibu bapa dan keluarga perlu memberikan kerjasama dan komitmen terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pusat perlindungan wanita dalam menyelesaikan beberapa permasalahan berhubung pelaksanaan modul keagamaan kepada pelatih secara efektif. Ibu bapa perlu meningkatkan kedulian terhadap fungsi pusat perlindungan wanita seterusnya berlapang dada dan memberikan kerjasama untuk proses pemulihan anak mereka. Sikap mementingkan diri dalam kalangan ibu bapa yang semata-mata mahu menutup malu harus dielakkan.

Hakikatnya, tanggungjawab dalam memperbaiki akhlak remaja hamil luar nikah tidak terletak kepada pusat perlindungan semata-mata. Justeru, ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan ilmu keibubapaan, bersikap lebih optimis serta berusaha menyediakan suasana rumah tangga yang aman, mewujudkan hubungan yang mesra serta memperlihatkan kasih sayang dan perhatian yang wajar terhadap anak-anak. Mereka juga perlu melihat dan mencari punca penyebab kepada kecelaruan tingkah laku serta berusaha mengatasinya. Selain ibu bapa, peranan anggota keluarga yang lain seperti adik-beradik turut penting sebagai sokongan kepada usaha ibu bapa.

Ibu bapa perlu lebih terbuka dan berlapang dada dalam membincangkan isu-isu berhubung seksualiti bersama anak-anak bagi membentuk cara fikir anak-anak menurut kerangka Islam. Seterusnya, ibu bapa hendaklah lebih mengambil berat dan peka dengan pergerakan dan pergaulan anak-anak serta menetapkan batasan yang jelas dalam berkelakuan dan melakukan kawalan yang rasional berdasarkan keperluan dan keadaan.

Ibu bapa juga mesti memberikan sokongan moral secara berterusan kepada anak-anak bermasalah. Ini bermaksud, ibu bapa tidak boleh sama sekali menyisihkan anak-anak dan meletakkan sepenuhnya kesalahan kepada mereka, sebaliknya anak-anak perlu dibantu dalam melakukan perubahan. Berhubung isu ini, pengkaji yakin dan percaya bahawa sekiranya ibu bapa berkemampuan untuk memberikan perlindungan yang sebenar dalam erti kata pendidikan dan perhatian yang sewajarnya, maka menempatkan anak-anak di pusat perlindungan wanita mungkin tidak menjadi pilihan dan boleh mengurangkan masalah melibatkan ibu bapa. Namun, sekiranya ia di luar kemampuan ibu bapa, maka meletakkan anak-anak di rumah perlindungan yang berkelayakan dan diiktiraf merupakan pilihan yang wajar dipertimbangkan. Sekiranya tidak berbuat demikian, ditakuti remaja terus tersebut akan terus hanyut dan hilang arah

tujuan hidup sehingga mendorong mereka untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan dari pihak yang tidak bertanggungjawab.

#### **6.4.4 Masyarakat**

Sehingga kajian ini dijalankan, peranan masyarakat dilihat masih belum berfungsi sepenuhnya dalam menyokong usaha PPW bagi menangani kes kehamilan. Berdasarkan dapatan kajian, sikap segelintir masyarakat dilihat seolah-olah melepaskan tangan serta lebih banyak menuduh jari kepada pihak tertentu sahaja dalam usaha pemulihan remaja hamil luar nikah. Bahkan, segelintir masyarakat juga bersikap prejudis terhadap remaja hamil luar nikah.

Justeru, masalah ini perlu diambil perhatian oleh semua individu selagi bergelar anggota masyarakat. Perkara paling penting ialah masyarakat perlu belajar bagaimana untuk mengubah persepsi buruk atau stigma terhadap kewujudan pusat perlindungan dan remaja hamil luar nikah. Masyarakat harus berlapang dada dan memberikan ruang serta kepercayaan kepada pusat perlindungan wanita untuk membantu remaja kembali semula lapangan masyarakat sebagai seorang individu yang lebih baik dari sebelumnya.

Salah satu usaha yang boleh dibuat oleh setiap anggota masyarakat ialah dengan mewujudkan suasana persekitaran yang sihat dan positif serta saling menyokong setiap usaha yang sedang dijalankan oleh pusat perlindungan wanita sama ada berbentuk material atau pemberian kata-kata semangat. Ia secara tidak langsung akan membantu meningkatkan kredibiliti pusat perlindungan wanita sebagai sebuah institusi yang sangat signifikan dalam menjalankan intervensi bagi remaja bermasalah termasuk remaja hamil luar nikah.

Kesimpulannya, proses penambahbaikan kualiti dalam pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita diharapkan akan menjadi lebih mudah dan berkesan sekiranya kesemua pihak seperti pusat perlindungan wanita, beberapa pihak-pihak bertanggungjawab, ibu bapa dan keluarga serta anggota masyarakat bersama-sama memikul tanggungjawab dan bergerak menjalankan fungsi masing-masing dengan mempertimbangkan beberapa cadangan yang telah dikemukakan. Cadangan ini dianggap penting ke arah pelaksanaan modul keagamaan remaja hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita secara lebih optimum dan efektif.

## **6.5 KAJIAN AKAN DATANG**

Berdasarkan Jadual 6.1 dan 6.2 yang dikemukakan dalam sub-topik 6.4.1, ia hanyalah ringkasan cadangan bagi penambahbaikan kualiti dalam pelaksanaan modul keagamaan sedia ada di PPW. Cadangan tersebut dikemukakan dengan berpandukan kepada teori modul keagamaan menurut saranan Islam sebagaimana yang dibincangkan dalam bab tiga tesis ini. Justeru, pengkaji akan datang boleh memanfaatkan cadangan daripada kajian ini bagi membina satu modul keagamaan yang lengkap khusus untuk pemulihan remaja hamil luar nikah dan seterusnya diuji keberkesanannya ke atas para pelatih di pusat perlindungan wanita.

Kajian kes kualitatif ini hanya melibatkan tiga buah pusat perlindungan wanita sekitar Selangor. Sehubungan itu, pengkaji akan datang dicadangkan supaya meluaskan skop kajian dengan menggunakan metodologi yang sama bagi melihat pula perbandingan dari aspek pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita kendalian kerajaan dan bukan kerajaan atau persendirian yang terdapat di seluruh Malaysia dengan menggunakan kajian kualitatif.

Seterusnya, memandangkan kajian ini hanya membabitkan pelaksanaan modul keagamaan ke atas remaja perempuan yang hamil, maka kajian akan datang dicadangkan supaya membuat penerokaan ke atas pengalaman dan luahan perasaan yang dirasai oleh pasangan remaja tersebut atau mana-mana remaja lelaki yang pernah terlibat dengan perlakuan seks sebelum nikah sehingga mengakibatkan kehamilan. Kajian ini penting bagi membantu memastikan proses pemulihan akhlak melalui pelaksanaan modul keagamaan dapat dirangka dengan lebih holistik dan efektif, tidak hanya tertumpu kepada sebelah pihak sahaja.

Akhirnya, kajian kes kualitatif ini dijalankan hanya bertujuan untuk menemui pihak pelaksana berhubung aspek pelaksanaan modul keagamaan di pusat perlindungan wanita di Selangor. Sehubungan itu, beberapa kajian lanjutan dicadangkan agar meneroka pula pengalaman dan persepsi pihak pelaksana secara lebih mendalam bagi mengetahui bagaimana pula mereka mengendalikan kes-kes melibatkan kehamilan remaja di luar nikah yang begitu kompleks di pusat perlindungan wanita.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

A. M. Hardjana. *Penghayatan Agama: Yang Otentik dan Tidak Otentik*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 1993.

‘Abd al-Jabbār Muḥammad Maḥmūd Abū Ṣiyām. “*Al-Tarbiyat al-Ruhīyyāt fī al-Islām*.” Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Jordan. 1994.

Ab. Aziz Mohd. Zin. *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

\_\_\_\_\_. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

\_\_\_\_\_. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999.

Ab. Aziz Yusof. *Pembangunan Holistik Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.

Abdul Ghafar Don dan Badlihisham Mohd.Nasir. “Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka.” *Jurnal al-Hikmah*, 4 (2012): 15-22.

Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali. *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008.

Abdul Ghafar Don et al. *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Abdul Halim El-Muhammady. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1991.

Abdullah Sani Yahaya. *Mengurus disiplin pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional, 2005.

Abdullah Syukur. *Studi Implementasi: Latar belakang Konsep Pendekatan dan Relevansinya dalam Pembangunan Daerah*. Persadi: Ujung Pandang, 1987.

Abdul Rahman Md. Aroff. *Pendidikan Moral: Teori Etika Dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 1999.

Achmad Chodjim. *Menerapkan Keajaiban Surah Yasin dalam Kehidupan Sehari-hari*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, 2008.

- Adibah Abdul Rahim. "General Overview on The Study of Islamic Ethics," dalam *Islamic Ethics and Character Building*, ed. Fatimah Abdullah. Kuala Lumpur: IIUM Press, 2014.
- Afiff Abdul Fattah Thayyarah. *Jiwa Agama Islam 2*, (terj.) M. Abdai Rathomy. Singapura Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1985.
- Afzalur Rahman. *Islam: Ideology and the Way of Life*. Kuala Lumpur: A.S. NOORDEEN, 1995.
- Ahmad Esa, Zalina@Siti Aishah Abd Aziz dan Nurul Haerani Mohamad. "Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja," *Jurnal Kajian Pendidikan* 4, no. 1, (Jun 2014).
- Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Sa'ari. "Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam." *Jurnal Usuluddin*, 29 (Januari-Jun 2009).
- Aḥmad Ibn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Qudāmah al-Maqdisi. *Mukhtaṣar Minhāj al-Qāṣidīn*. Damsyiq: Maktabah Dār al-Bayān, 1978.
- Ahmad Munawar Ismail et al. "The Development of Human Behaviour: Islamic Approach." *Jurnal Hadhari* 3, no.2 (2011), 103-116.
- Ahmad Murshidi Mustapha dan Nik Yusri Musa. "Salah laku Seks: Kajian Melalui Kisah Nabi Yusuf dan Nabi Lut dalam al-Quran." (makalah, Regional Conference on Values and Humanities (RECOVH) 2012, Dewan Terbuka Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 02 – 03 Disember 2012).
- Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus. *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003.
- Aisha Bewley. *A Glossary of Islamic Terms*. London: Ta-Ha Publishers, 1998.
- Akta Kanak-Kanak, 2001 (Akta No. 611, 2001).
- Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta No. 506, 1993).
- Alan Spooner. *The Oxford School Thesaurus*. Berlin: Oxford University Press, 1996.
- Al-Asfahāni, Al-Raghīb. *Mu'jām Mufradāt Alfāz al-Qurān*, Tahqiq Ibrāhīm Shams al-Dīn. Beirut: Dār al- Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

- Al-‘Asqalāni, Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar. *Fath al-Bāri bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Īmān, Bāb Buniya al-Islām ‘alā al-Khamṣī, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd Allāh Ibn Bāz, Juz 1. Beirut: Dār al-Ma’rifat, t.t.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1995.
- \_\_\_\_\_. *The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1976.
- \_\_\_\_\_. *Ma’na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, terj. Muhammad Zaini Uthman. Kuala Lumpur: ISTAC, 2002.
- Al-Baihaqi, Aḥmad Al-Ḥusainī Alī Mūsa Abū Bakar. *Sunan al-Baiḥāqī al-Kubrā*, c.1, Jil.10. Makkah Al-Mukarramah:Dār al- Bāz, 1994.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah. “Ṣahīḥ al-Bukhari,” dalam Mawsū’at al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Damaghānī, Al-Husayn Ibn Muḥammad. *Qāmūs al-Qur’ān: İslāḥ al-Wujūh al-Naẓāir fī al-Qurān*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz Sayyid al-Ahāl. Beirut: Dār al-‘Ilm lil Malāyīn, 1977.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Tahqīq ‘Alī Muḥammad Muṣṭafā dan Sa’īd al-Muḥāsīnī, Juz. 1. Dimasyq: Dār al-Fayhā’, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Tahqīq ‘Alī Muḥammad Muṣṭafā dan Sa’īd al-Muḥāsīnī, Juz. 2. Dimasyq: Dār al-Fayhā’, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Tahqīq ‘Alī Muḥammad Muṣṭafā dan Sa’īd al-Muḥāsīnī, Juz 3. Dimasyq: Dār al-Fayhā’, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Minhāj al-Ārifīn*. Kaherah: Maṭba’ah al-Bābi al-Ḥalabī wa Awlādih, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Ayyuhā al-Walād*. Kaherah: Dār al-Tawzī’ wa al-Nasr al-Islāmiyyah, 1993.
- \_\_\_\_\_. *Kitāb al-Arba’īn fī Uṣūl al-Dīn fī al-‘Aqāid wa Asrār al-‘Ibādat wa al-Akhlāq*. Dimasyq: Dar al-Qalam, 2003.
- \_\_\_\_\_. *Bidāyat al-Hidāyah*. www.al-mostafa.com (pdf).
- Al-Ghazzāli, Muhammad. *Khuluq al-Muslim*. Kuwait: Dār al-Bayān, 1970.

- Al-Jawziyyah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn Qayyim. *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rab al-'Ālamīn*, Masyhūr Ibn Hassan ‘Alī Salmān Abū ‘Ubaydah, Tahqīq, Jil.1, 41. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawziy, 2008.
- \_\_\_\_\_. *Zād al-Ma'ād*, juz. 4.(tahqiq) Shu'ayb Arnāuṭ dan Abdul Qādir Arnāuṭ. Beirut: al-Risālah Publishers, 1998.
- \_\_\_\_\_. *al-Jawāb al-Kāfi li Man Sāala 'an al-Dawā'i al-Shāfi*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987.
- Al-Khin, Muṣṭafā., et al. *Al-fiqh al-Manhājī 'alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi'i*, Jil.1. Damsyiq: Dār al-Qalam, 2003.
- Al-Mawdūdi, Abu 'A'lā'. *Mabādi' al-Islām*. al-Maktabah al-Islāmi, 1977.
- \_\_\_\_\_. *Four Key Concepts of the Qur'an*, Tarik Jan (terj.). UK: The Islamic Foundation, 2006.
- Al-Mīdāni, 'Abd al-Rahmān Hassan Ḥabannakah. *Al-akhlāq Al-Islāmiyyah wa Asusuhā*, cet. 5, Juz. 1. Jeddah: Dār al-Bashīr, 1999.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Madkhāl li Ma'rifat al-Islām : Muqāwamatuhu, Khaṣāisuhu, Ahdāfuhu, Maṣādiruhu*. Kaherah: al-Maktabah al-Wahbah, 1996.
- \_\_\_\_\_. *Fiqh al-Jihād: Dirāsa Muqāranah li Ahkāmihi wa Falsafatihi fī Daw'i al-Qur'ān wa al-Sunnah* Juz. 1. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2009.
- \_\_\_\_\_. *Al-'Ibādat fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah. 1995.
- \_\_\_\_\_. *Al-Khaṣāis al-'Āmmah li taṣawwur al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1977.
- \_\_\_\_\_. *Kemanisan Iman*, (terj) Mahmud Ahmad. Kuala Lumpur: JAKIM, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Flexibility Islam, Prinsip, Akidah, Keutamaan, Sumber* (terj.) Muhammad Zaini Yahya. Selangor : Syabab Book Link, 2012.
- Al-Rajhī, 'Abd al-'Azīz Ibn 'Abd Allāh. *Syarḥ al-'Ubūdiyyah li Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah*. Riyadh:Dār al-Faqīlah, 1998.
- Al-Shāṭibī, Abī Ishāq Ibrāhim bin Mūsā bin Muḥammad al-Lakhāmī. *Al-Muwāfaqāt*, Jil. 2. Saudi: Dār Ibn 'Affān, 1997.
- Al-'Uthaymīn, Muḥammad Ibn Ṣalīḥ, *Sharḥ al-Arba'iñ al-Nawawiyah*, cet. 3, Riyad: Dar Thurayya. 2004.

Al-Za'balāwī, Muḥammad Sayyīd Muḥammad. *Tarbiyatul Murāhiq Bayna al-Islām wa 'Ilm al-Nafs*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah wa al-Nashr wa al-Tawzi', 1994.

Amini Amir Abdullah, Siti Zobidah Omar dan Bilal Sambur. "Islam as The Natural Religion (*Dīn al-Fiṭrāh*) of Humankind." *Jurnal YADIM* 8. (Jun 2006), 26.

Anas Aḥmad Karzūn. *Manhāj al-Islām fī Tazkiyat al-Nafs wa Atharuhu ilā al-Da'wah ilā Allāh Ta'ālā*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2003.

Anisah Ab. Ghani. "Hukum Menggugurkan Kandungan dan Membekalkan Bahan Konstraseptif Kepada Penzina Remaja dari Perspektif Islam." *Jurnal Fiqh*, no. 6 (2009), 67-86.

Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap, "Hukuman bagi Kesalahan Seksual di Bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan kepada Hukuman yang Lebih Berat." *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 16 (2012), 29-42.

Arief Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar. *Membentuk Jati Diri remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2003.

Ary Ginanjar Agustian. *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ: Emotional Spiritual Quotient: the ESQQ Way 165, 1 Ihsan, Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Jakarta: Arga Publishing, 2001.

Asmawati Suhid. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2009.

'Awdah, 'Abd al-Qadīr. *Al-Tasyrī' al-Jinā'i al-Islāmī*, Juz 1. Beirut: Dār al-Kātib al-'Arabi, t.t.

Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. "Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini." *Jurnal YADIM* 9 (Januari 2007), 24-25.

Azimah Soebagijo. *Pornografi: Dilarang tapi Dicari*. Jakarta: Gema Insani, 2008.

Azizah Kamis (Pengetua, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Mac 2014/6 Jun 2014.

Azizi Yahaya dan Halimah Ma'alip. *Estim Kendiri Remaja*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, UTM 2010.

Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif. *Membentuk identiti Remaja*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2006.

Azizi Yahaya et al. *Penyelewengan Tingkah laku Remaja: Punca & Rawatan*. Johor Bahru: UTM Press, 2012.

Azizi Yahaya. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS Publications, 2006.

Azizi Yahaya. *Tip Menangani Buli di Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., 2007.

Azrina Muhammud. "Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salah Laku." Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2012.

Azmawaty Mohamad Nor, Melati Sumari dan Shanina Sharatol Ahmad Shah, "Adolescent With an Unwanted Pregnancy: An Experience." *Counseling, Psychotherapy and Health* 8 (2013), 8-21.

Azmi Abdul Malek. *Berita Harian*. 29 Oktober 2015.

Badea Abu Al-Naja. *Makkah Charity Sets Up Home for Children Born Out of Wedlock*. Washington: Tribune Content Agency LLC, 2011.

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 23 Jun 2014.

Bahagian Statistik, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014.

Bahagian Perundangan dan Advokasi. Makalah, *Konvensyen Mengenai Hak Kanak kanak*. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, t.t. (pdf)  
[http://www.unicef.org/malaysia/CRC\\_JKMbooklet-Malay.pdf](http://www.unicef.org/malaysia/CRC_JKMbooklet-Malay.pdf).

Bandura, Albert. *Social Learning Theory*. New York: General Learning Press, 1971.

*BBC English Dictionary*. London: Harpercollins Publishers, 1993.

Betty Kirkpatrick MA. *Rogert's Thesaurus Of English Word And Pharases*. London: Longman, 1987.

Brown Sarah, S. dan Eisenberg Leon. *Best Intentions: Unintended Pregnancy and the Well-being of Children and Families*. National Academies Press, 1995.

Burrhus Frederic Skinner. *The Shaping of a Behaviourist*. New York: Knopf Inc, 1979.  
*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, Third Edition. New York: Cambridge University Press, 2008.

Soanes, Catherine. dan Stevenson, Angus. *Concise Oxford English Dictionary*. New York: Oxford University Press, 2006.

- Cecep Heriana, Heri Hermansyah dan Solihat. "Faktor-Faktor yang Berhubungan dengan Kehamilan Pranikah di Kalangan Pelajar di Desa Setianagara Kecamatan Cilimus Kabupaten Kuningan, 2008. (Pdf). <http://www.stikku.ac.id/wp-content/uploads/2011/02/ARTIKEL-ILMIAH.pdf>
- Charles Issawi. *Filsafah Islam Tentang Sejarah*. Ali Mukti, (Terj.) Jakarta: Tinta Mas, 1962.
- Che Hasniza Che Noh. *Hubungan Keluarga dari Aspek Komunikasi dan Gaya Keibubapaan*. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), 2009.
- Che Zarrina Sa'ari. "Penyakit Gelisah (*Anxiety/Al-Halu'*) dalam Masyarakat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Psiko-Spiritual Islam." *Jurnal Usuluddin* 14 (Disember 2001), 1-22.
- Conger, J. J. "Hostage to the Future Youth, Values and The Public Interest." *American Psychologist* 43 (1988).
- Corry, Martina. *Post Natal Depression: A Guide for Mothers and Families*. Ireland: Aware Publications, 1991.
- Creager dan Murray. *The International Encyclopedia of Education*. Oxford: Pergamon Press Ltd, 1985.
- Dadang Kahmad. *Sosiologi Agama*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya, 2002.
- David Weir. "Islam, Belief System and Organization," dalam *Belief and Organization*, (ed.) Case, P. et al. t.tp: Palgrave Macmillan, 2012.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Didin Hafidhuddin. *Dakwah Aktual*. Jakarta: Gema Insani Press, 1998.
- Edwin Michael, Afy Roshezry Abu Bakar dan Ira Meilita Ibrahim, "Kesan Kafe Siber Terhadap Golongan Remaja di Pulau Pinang." *Malaysian Journal Of Youth Studies*, 5 (2011).
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997, (Akta No. 559, 1997).
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 (1995).
- Esah Sulaiman. *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2004.
- Fadriati. "Prinsip-prinsip Metode Pendidikan Islam dalam Al-Quran." *Jurnal Ta'dib* 15, no.1 (Jun 2012), 10.

- Faizah Abd Ghani, Azlina Mohd. Kosnin dan Azian Abd Aziz, "Phenomena of Love, Nafs And Illicit Sexual Behaviors Amongst Teenagers In South Malaysia." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 143(2014), 732-736.
- Faizah Abd. Ghani dan Azian Abd. Aziz. "Illegitimate Childbearing Scenario Among Adolescents." *Research Journal in Organizational Psychology and Educational Studies* 2, no. 5 (2013), 260-265.
- Federal-Chambers Advanced English Dictionary*. Singapore: Federal Publications Sdn. Bhd., 2000.
- Farah Mohd. Fauzi (Kaunselor Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Jun 2014.
- Farahwahida Mohd. Yusof dan Norazila Sugiman. "Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks." *Journal of Education Psychology and Counselling* 1 (Mac 2011), 94-114.
- Fariza Md. Sham dan Idris Zakaria. "Peranan Dakwah dalam pembangunan Modal Insan: Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia."(Makalah, Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 26-27 Julai 2006), 243-246.
- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd. Jurairi Sharifudin. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM, 2013.
- Fathi Yakan. *Al-Islām wa al-Jins*, cet. 2. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1975.
- Fatimah Abdullah, Khaidzir Ismail dan Suraiyah Harun, "Menjadi Ibu di Usia Remaja: Kes Ibu Tanpa Nikah di Sebuah Rumah Perlindungan." *Jurnal Sarjana* (2013), 12-14.
- Fatimah Sham. (Wacana Ibu Tunggal Remaja/Muda: Antara Realiti dan Tanggungjawab Dakwah", Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 15 Mei 2015).
- Fauziah Ibrahim et al. "Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera." 84-93. (Pdf).
- Fauziah Mohd Sa'ad. "Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din ke atas Konsep Kendiri,

- Kemurungan dan Daya Tahan Remaja Hamil Luar Nikah.” Tesis kedoktoran Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.
- Fazilah Idris et al. “A Path Analysis Approach on the Effects of Faith-Based Behavior on Religious Delinquent Behavior Among Youth.” *Research Journal of Applied Sciences* 8, no. 1, (2013), 89-95.
- Franklin, Cyhthia dan Corcoran, Jacqueline. “Preventing Adolescent Pregnancy: A Review of Programs and Practices.” *Social Work* 45, no. 1 (January 2000).
- Garza, Nicole. “Risk Factors that Lead to Juvenile Delinquency.” Dissertasi Sarjana Sains, Universiti Texas-Kingsville, 2011.
- H. Jalaluddin. *Psikologi Agama*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 1996.
- H. M. Amin Syukur. “Terapi Zikir.” (Makalah, *Wacana Psikoterapi Islam*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 14 Julai 2012).
- Hairunnaja Najmuddin. *Memahami dan Membimbang Remaja Nakal*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003), 37.
- Halilah Sarjuni (Guru Pembimbang, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.
- Halimaton Mohd. Ngahim (Guru Pembimbang, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.
- Harlina Halizah Siraj dan Noralina Omar. *Berbicara Mengenai Kesihatan Reproduktif Remaja: Panduan untuk Ibu bapa dan Guru*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2007.
- Harlina Halizah Siraj. “Buang bayi, ke mana hilangnya Naluri Kemanusiaan.” (Rancangan ‘Tabayyun: Merintis Pencerahan,’ Astro Oasis, 16 Disember 2015, Pukul 10 hingga 11 malam).
- Haron Din. *Manusia dan Islam*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., 2003.
- Hasan Bahrom. “Remaja, Kemiskinan dan Juvana Suatu Realiti?.” (Makalah, seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia, 4-6 September 2004).
- Hasan Langgulung. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

- Hashim Bedu et al. "Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran." (Makalah, Seminar Kaunseling Keluarga, 2008), 51-62.
- Hasnan Kasan. *Pendidikan Remaja Muslim*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2008.
- Hazlina Abdul Razak, (Penasihat, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014).
- Henry, Rebecca. dan Fayorsey, Clara. *Coping with Pregnancy Experiences of Adolescents in Ga Mashi*, Accra. USA: ORC Macro, 2002.
- Hisham Dzakiria. *Pragmatic Approach to Qualitative Case Study Research, Learning by Doing: A Case of Distance Learning Research in Malaysia*. Sintok: UUM Press, 2008.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arāb*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif, 2008.
- Ibn Ḥazm. *Al-Akhlaq wa al-Siyār fī Mudāwāt al-Nufūs*. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah. 1978.
- Ibn Khaldūn. *Muqaddimah*. Beirut: al-Maṭba’at al-Adabiyyah, 1879.
- Ibn Muḥammad Miskāwayh, Abū Āli Aḥmad. *Tahdhīb al-Akhlaq wa Tathīr al-A’rāq*. Beirut: Mansyūrat Dār Maktabah al-Hayāt, t.t.
- Ibn Kathīr al-Dimasyq, Imām al-Jalīl al-Hafiz ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā’īl. *Tafsīr al-Qur’ān al-Āzīm*, Kaherah: Muassasah Qurṭubah, 2000.
- Ilika, Amobi. dan Anthony, Igwegbe. "Unintended Pregnancy among Unmarried Adolescents and Young Women in Anambra State, South East Nigeria." *African Journal of Reproductive Health* 8, no.3 (Disember 2004), 99.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. *Kajian Gejala Sosial di Kalangan Belia Malaysia*. 2010.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). "Mencegah Jenayah Mengislah Ummah." (Makalah, Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah (SKPJS 2013), Dewan Datuk Institut Latihan Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 16 Disember 2013).
- Jamaludin Ahmad. *Modul Motivasi Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.

James D.Rusell. *Modular Instruction: A Guide To The Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. United States: Publishing Company, 1974.

James O. Prochaska. "Applying the Stages of Change", *Psychotherapy in Australia* 19, no. 2 (Februari 2013), 10-15.

Jas Laile Suzana Jaafar dan Haslina Muhammad. "Pengaruh Media ke atas Aktiviti Seksual Remaja yang Melakukan Seks Sebelum Nikah." dalam *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*, ed. Mohd. Fauzi Yaacob. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd., 2009.

Jas Laile Suzana Jaafar. *Psikologi Remaja dan Masalah-masalah Psikososial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2011.

Jawiah Dakir, Siti Rugayah Tibek dan Adawiyah Ismail. "Bimbingan Agama dan Metodologi Dakwah di Institusi Pemulihan: Kajian Kes di Penjara Wanita Kajang, Selangor." *Jurnal ILIM* 2 (2009), 9-20.

Jianghongliu, Patrick Leung dan Amy Yang. "Breastfeeding and Active Bonding Protects Against Children's Internalizing Behavior Problem." *Nutrients* 6, no. 1, (January 2014), 76-89.

John W. Santrock. *Adolescence 10<sup>th</sup> ed.* Boston, Mass. : McGraw-Hill, 2005.

Kalaiyarasi Kathiraveloo. "Potrayal of Women in Women's Magazine Advertisement: Comparison Between Her World and Wanita." Disertasi Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia, Selangor, 2001.

Kamaruddin Husin. *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1988.

Kamaruzaman Abidan @ Jaidin (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.

Kamdi Kamil. "Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia Secara Bermodul untuk Murid-Murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima." Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1991.

Kaminur Nasir (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.

*Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Kanun Keseksaan (Akta 574).

- Kathryn Kost dan Stanley Henshaw. *U.S. Teenage Pregnancies, Births and Abortions, 2010: National and State Trends by Age, Race and Ethnicity*. Guttmacher Institute, May 2014.
- Khadijah Alavi et al. "Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja." *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 131-140.
- Khairani Omar et al. "Adolescent Pregnancy Outcomes and Risk Factors in Malaysia." *International Journal of Gynecology and Obstetrics* 111 (2010), 220–223.
- Khadijah Haidi Khalid. *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994.
- Khairul Hamimah Mohd. Jodi. "Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Modul Pembangunan Wanita Bermasalah di Malaysia: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur." Tesis kedoktoran Usuluddin, Universiti Malaya, 2013.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et al. "Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan Banduanita di Penjara." *Jurnal Usuluddin*, 35 (Januari-Jun 2012), 99-116.
- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar: Satu Kajian Kes." *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1, no. 2, (2009).
- Li Ping Wong. "Qualitative Inquiry into Premarital Sexual Behaviours and Contraceptive Use Among Multi-ethnic Young Women: Implications for Education and Future Research." Public Library of Science (PLOS) 7, NO. 12 (December 2012), 1-10.
- Luella Cole. *The seven stages of boy and girl relationship: psychology of adolescence*, 4<sup>th</sup> Edition. New York: Rinehart and Company, Inc, 1955.
- Lukmanul Hakim Hanafi et al. "Konflik Pengguguran Janin Berkeluarga dan Tidak Berkeluarga di dalam Masyarakat: Hukum, Fatwa, Undang-Undang dan Penyelesaiannya." *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37, (Jun 2011), 57-80.
- M. Puvenesvary et al. *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*, Sintok: Universiti Utara Malaysia Press, 2011.
- Mahmood Nazar. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Mahmoud M. Ayoub. *Islam, Iman & Amal*. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa, 1996.

- Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari. "Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia." *Global Journal Al-Thaqafah* 2, no. 1, (June 2012).
- Malaysian Child Resource Institute, *Laporan Mengenai Status Hak Kanak-kanak di Malaysia*, Kuala Lumpur: Child Rights Coalition Malaysia, 2012.
- Marfuaton Hassan (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.
- Maryam Ahmadian, Hanina H. Hamsan, Haslinda Abdullah, Asnarulkhadi Abu Samah dan Amna Md. Noor. "Risky Sexual Behavior among Rural Female Adolescents in Malaysia: A Limited Role of Protective Factors." *Global Journal of Health Science* 6, no. 3 (2014), 165-174.
- Masganti Sit. *Psikologi Agama*. Medan: Perdana Publishing, 2011.
- Maslow, A. H. "A Theory of Human Motivation." *Psychological Review* 50 (1943), 370-396.
- Md. Noor Saper. "Pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah Al-Nafs' dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja." Tesis kedoktoran Kaunseling, Universiti Utara Malaysia, 2012.
- Mee-Lian Wong et al. "Premarital Sexual Intercourse Among Adolescents in an Asian Country: Multilevel Ecological Factors." *Pediatrics: Official Journal of the American Academy of Pediatrics* 124, no.1 (2009), 44-52.
- Merry Magdalena. *Melindungi Anak dari Seks Bebas*. Indonesia: Grasindo, 2010.
- Mia Zolna dan Laura Lindberg. *Unintended Pregnancy: Incidence and Outcomes among Young Adult Unmarried Women in the United States, 2001 and 2008*. New York: Guttmacher Institute, April 2012.
- Michael L. Jaffe. *Adolescence*. New York: John Wiley and Sons, Inc, 1998.
- Modul Transformasi Ehsan 1957*, Sabak Bernam: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Majlis Agama Islam Selangor & Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.
- Mohamad Quraish Shihab. *Wawasan al-Quran: Tafsir Tematik Atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan, 1996.
- Mohammad Abu Bakar. "Islam sebagai Budaya dan Peradaban: Ke mana? Di mana?" *Jurnal Pemikir*, 39 & 40, (2005), 271.

- Mohamad Kamil Ab. Majid, “Pemikiran Kerohanian Yūsuf al-Qaraḍāwī: Analisis Siri Bukunya *al-Tariq ilā Allāh*.” Tesis kedoktoran Usuluddin, Universiti Malaya, 2011.
- Mohd. Al-Adib Samuri dan Noor Aziah Mohd. Awal. “Hukuman terhadap Pesalah Kanak-kanak di Malaysia: Pencegahan atau Pemulihan?” *Jurnal Undang-undang* 13 (2009), 35-54.
- Mohd. Anas Zubedy. “The Human Being in Islam.” (Makalah, Seminar on the Human Being: Perspectives from Different Spiritual Traditions, Kuala Lumpur: Aliran Kesedaran Negara, 1991).
- Mohd. Jamil Yaacob. *Komunikasi Kesihatan Berkesan*. Batu Caves: Professional Publishing Sdn. Bhd., 2011.
- Mohd. Makhi Adnan (Penguasa, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.
- Mohd. Nasir Ripin dan Nur Izzatul Afifah Che Ab. Rahim. *Metode Pembinaan Akhlak Menurut Ibn Hazm dalam Kitab Al-Akhlaq Wa As-Siyar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Mohd. Nor Mamat. “Media Massa: Dedah Aurat, Pengaruhi Fikiran dan Gaya Hidup.” *Muslimah*, Februari, 1999.
- Mohd. Rosmizi Abd. Rahman et al. *Agama-agama di Dunia*, cet. 3. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia USIM, 2013.
- Mohd. Sani Badron. *Ibn Al-'Arabi's Conception of Religion*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2013.
- Mohd. Zaliridzal Zakaria dan Dini Farhana Baharuddin. “Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia.” (Makalah, Konvensyen Kaunseling Kebangsaan, PERKAMA, 22-23 Jun 2011).
- Mohd. Zariat Abdul. Rani. “Islam sebagai ‘al-Dīn’: Beberapa Pengamatan terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas,” *Jurnal AFKAR* 4 (Mei 2003), 32-43.
- Muhammad ‘Abd Allāh Darrāz. *Al-Dīn: Buḥūth Mumahhadatu li Dirāsatī Tārikh al-Adyān*. Kuwayt: Dār al-Qalam, 1990.
- Muhammad al-Mahdi. *Understanding the Concept of Khalifah; Khalifah* No. 1. Ampang: The Khalifah Institute, 2004.

- Muhammad al-Mighwar. *Psikologi Remaja*. Bandung: Pustaka Setia Bandung, 2006.
- Muhammad al-Mubarak. *Sistem Islam Akidah dan Ibadat*. (terj) Ismail Mohd. Hassan. Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, t.t.
- Muhammad Bukhari Lubis. "Argumen Kesetaraan Gender: Analisis Menurut Perspektif al-Quran." *SARI* 24 (2006), 49-58.
- Muhammad Quṭb. *Al-Insān bayna al-Māddiyah wa al-Islām*. Beirut: Dār al-Shurūq, 1989.
- \_\_\_\_\_. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Juz. 1, Cet. 14. Beirut: Dār al-Shurūq, 1993.
- Muhammad Quṭb. "Asas Pembangunan Islam," dalam *Islam dan Pembangunan Persatuan Sains Sosial*, ed. Ismail R. Al-Faruqi. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Muhammad Saiful Islami Mohd. Taher dan Siti Aisyah Yusof. "Memahami Konsep Berzikir berdasarkan al-Quran," dalam *Psikospiritual Islam*, ed. Mohd. Shahril Othman et al. Kuala Terengganu: UNISZA, 2014.
- Muhammad Syukri Salleh. "Prinsip-Prinsip Pembangunan berteraskan Islam," dalam *Pembangunan dari Perspektif Islam*, ed. Muhammad Hisyam Mohamad. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2007.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1977.
- \_\_\_\_\_. *Peradaban dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1976.
- Muhammad Waṣfi. *Al-Qurān wa Al-Ṭib*, Tahqiq, al-Tajabi Bassām ‘Abd al-Wahhāb, cet.1. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, t.t.
- Muslim, Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. "Sahih Muslim." Dalam Mawsūat al-Hadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Mustafa Daud. *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. T.t.
- Muṣṭafā Masyhūr, *Zād ‘Alā Al-Ṭāriq: Bekalan di Sepanjang Jalan Da’wah*, (terj.), Ahmad Hasan Mohd. Nazam dan Mohd. Nizam Mohd. Ali. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2003.

- Nabih Abdul Rahman. “*Manusia dalam Tiga Dimensi*” *Al-Insan : Ar-Rūh wa al-‘Aql wa Al-Nafs*, terj. Tajuddin. Arau: Pustaka Islamiyah, 1990.
- Nāsih ‘Ulwān, ‘Abd Allāh. *Tarbiyat al-Awlād fī al-Islām*, Juz. 1 & 2, Kaherah: Dār al-Salām, 1976.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd. Hoesni, Fauziah Ibrahim dan Mohd. Suhaimi Mohamad. “Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta dan Nafsu.” *Journal of Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012).
- Nazni Noordin et al. “The Voice of Youngsters on Baby Dumping Issues in Malaysia.” *International Journal of Trade, Economics and Finance* 3, no. 1 (February 2012), 66-72.
- Nik Azis Nik Pa. “Pembinaan Modul Pengajaran bagi Pengembangan Nilai dalam Matematik Sekolah.” (Makalah, Bengkel Pengembangan Nilai dalam Pendidikan Matematik, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1-2 Ogos 2009).
- \_\_\_\_\_. *Isu-Isu Kritikal Dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.
- \_\_\_\_\_. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Nik Jasni Che Jaafar. “*Gejala buang bayi rentetan masalah sosial*.” *Utusan Borneo*, Disember, 2011.
- Nor’ashikin Mat Said (Pengurus, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014).
- Nor Azura Sumailan (Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.
- Nor Azzah Kamri. “Application of Akhlaq Education in Implementing Code of Ethics in an Organization: An Empirical Case.” *Jurnal Usuluddin* 29 (Jan-Jun 2009), 173-174.
- Nor Hashimah Zaini (Pegawai Psikologi, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Jun 2014.
- Noor Huda Tajudin (Kaunselor Sambilan, Unit HEP dan Kaunseling Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.

- Nor Jana Saim. "Social Support, Coping, Resilience and Mental Health in Malaysian Unwed Young Pregnant Women and Young Mothers Their Experiences While Living in a Shelter Home." Tesis kedoktoran Psikologi, Umeå University, Sweden. 2013.
- Nor Jana Saim et al. "Listen to the Voices of Unwed Teenage Mothers in Malaysian Shelter Homes: An Explorative Study." *Global Journal of Health Science* 5, no.5 (2013), 20-30.
- Norhasmah Mohd. Zain, Low Wah Yun dan Sajaratulnisah Othman. "Risk Factors that Influence Unwanted Pregnancy Among Unmarried Mothers in Malaysia." *Journal of Community Health Supplement* 1, 2012.
- Norshidah Nordin, Rohaya Abd. Wahab dan Farhana Wan Yunus. "Psychological Well-Being of Young Unwed Pregnant Women: Implications for Extension Education and Programs." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 68 (2012 ), 700-709.
- Noor Hafizah Mohd Haridi dan Fakhrul Adabi Abd. Kadir. "Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Malaysia: Analisis Persepsi Pelatih Terhadap Pelaksanaan." *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1, no. 1 (2015), 87-100.
- Nooraini Othman dan Salasiah Khairullah. "Eksplorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan." *International Journal Of Islamic Thought* 4 (December 2013), 48-57.
- Nor Azah Ab. Aziz. "Pengawalan Diri ke Atas Pelayaran Laman Web Pornografi Pada Peringkat Remaja di Lembah Klang, Malaysia dari Sudut Psiko-spiritual Islam." Tesis kedoktoran Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2009.
- Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, 2010.
- Norulhuda Sarnon et al. "Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga." *Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 1 (2012), 121-130.
- Nurdin Usman. *Konteks Implementasi Berbasis Kurikulum*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, 2002.

Nurhidayah Sumairi (Guru Agama, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah),

dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014).

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.

*Oxford English Dictionary*. 11th Edition. New York: Oxford University Press, 2006.

Paizah Ismail. *Status Wanita dalam Undang-undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004.

\_\_\_\_\_. “Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia.” *Jurnal Fiqh*, no. 10 (2013), 78.

Pamlet Bahagian Unit al-Riqab. Selangor: Majlis Agama Islam Negeri Selangor, 2012.

Pamlet Darul Wardah. Selangor: Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah, 2014.

Pamlet Taman Seri Puteri Cheras. Kajang: Taman Seri Puteri Cheras, 2013.

Pelatih 1 (Pelatih Taman Seri Puteri Cheras) dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

Pelatih 2 (Pelatih Taman Seri Puteri Cheras) dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

Pelatih 3 (Pelatih Baitul Ehsan) dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2014.

Pelatih 4 (Pelatih Baitul Ehsan dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.

Pelatih 5 (Pelatih Darul Wardah) dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014.

Pelatih 6 (Pelatih Darul Wardah) dalam temu bual dengan pengkaji, 13 Ogos 2014.

Priscilla Ndidi Asonye. “Experiences and Perceptions of Pregnant unmarried Adolescents in Nigeria.” Tesis kedoktoran Kesihatan Awam, Walden University, Nigeria. 2014.

Priscilla K. Coleman. “Resolution of Unwanted Pregnancy During Adolescence Through Abortion Versus Childbirth: Individual and Family Predictors and Psychological Consequences.” *Journal Youth Adolescence* 35 (2006), 903-911.

Rabiah Abdul Latiff, Wan Shahrazad Wan Sulaiman dan Suzana Hoesni. “Pengaruh Tekanan Keibubapaan terhadap Kemurungan Postpartum dalam Kalangan Wanita Baru Bersalin.” *Journal of Psychology and Human Development* 1. no. 1 (Jun 2013) 12-21.

- Rachel M. Shattuck dan Rose M. Kreider. "Social and Economic Characteristics of Currently Unmarried Women With a Recent Birth: 2011." *American Community Survey Reports*, Issued May 2013.
- Raihanah Abdullah. "Permasalahan Moral Masyarakat Islam dari Perspektif Undang-undang." *Jurnal Syariah* 6 (1998).
- Ramli Awang. *Dialog Antara Agama dari Perspektif al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press, 2008.
- \_\_\_\_\_. *Falsafah Sains dan Pembangunan ke Arah Dimensi Baru*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 2003.
- Rekod Bahagian Seksyen Kemasukan. Selangor: Sabak Bernam: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, 2013.
- Rekod Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, 2014.
- Rekod Kemasukan Darul Wardah. Selangor: Rumah Perlindungan dan Pemulihan Wanita Darul Wardah, 2014.
- Robert E. Stake. *The Art of Case Study Research*. California: Sage Publication, Inc.1995.
- Robert K. Yin. *Case Study Research: Design and Methods, 2<sup>nd</sup> Edition*. London: SAGE Publications, 1994.
- Roslee Ahmad et al. "Amar Makruf Nahi Mungkar Approach to Handle Sexual Misbehavior and awareness for Pregnancy Female Inmates in Taman Seri Puteri Cheras, Selangor." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 97 (2013), 160-166.
- Rohana Hamzah. *Mengenali Manusia: Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: Penerbit UTM Press, 2010.
- Rokiah Ahmad. *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM, 2007.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Ahmad Jazimin Jusoh dan Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, "Strategi Intervensi Menangani Penyelewengan Tingkah Laku Seksual Berdasarkan Model Al-Ghazālī." (Makalah, Persidangan Kaunseling Kebangsaan, Universiti Perguruan Sultan Idris, 3-5 November 2009).

- Stewart, Charles. dan Cash, William. *Interviewing: Principles and Practices* (10<sup>th</sup> ed), Boston: McGraw Hill, 2003.
- Rosmawati Zainal. (Wacana, “Ibu Tunggal Remaja/Muda: Antara Realiti dan Tanggungjawab Dakwah,” Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, 15 Mei 2015).
- Rozumah Baharudin dan Rumaya Juhari. *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang: Penerbit UPM, 2002.
- Ruth A. Lawrence. “Supporting Breastfeeding/Early Childhood Social and Emotion Development,” *Encyclopedia on Early Childhood Development* (2008), 1-5.
- S. Abdul Shukor and Ahmad Jamal. “Developing Scales for Measuring Religiosity in the Context of Consumer Research.” *Middle-East Journal of Scientific Research* 13 (2013), 69-74.
- S. Balic. “Introduction,” in ‘Alija ‘Ali Izetbegovic, *Islam between East and West*. Indiana: American Trust Publications, 1984.
- Saedah A. Ghani et al. “Muslim Adolescent Moral Values and Coping Strategies Among Muslim Female Adolescents Involved In Premarital Sex.” *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 114 ( 2014 ), 637-643.
- Sa’id Hawwā. *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, c. 10. Kaherah: Dār al-Salām, 2009.
- Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2005.
- Said Ibrahim. *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jemaah*. Kuala Lumpur: Darul Ma’rifah, 2000.
- Salasiah Hanin Hamjah et al. “Factors Relating to Premarital Pregnancy Amongst Muslim Adolescents in Malaysia.” *Research Journal of Medical Sciences* 6, no. 6 (2012), 266-271.
- Salhah Abdullah et al. “Relationship of Parent and Peer Attachment with Coping Strategy Among Teenagers Pregnancy.” *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 114 (2014) 334-338.
- Salisu Shehu. “Toward an Islamic Perspective of Developmental Psychology.” *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15, no.4 (1998), 41-70.
- Sally C. Curtin et al. “Pregnancy Rates for U.S. Women Continue to Drop.” *National Center for Health Statistics*, no. 136 (Disember 2013), 1-8.

- Salmi Ahmad Sudan. "Premarital Sex Among School-Going Malay Female Teens: A Case Study in Selangor." Tesis kedoktoran Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor. 2013.
- Salamatussaadah Abd. Ghadur dan Nor Ba'yah Abdul Kadir. "Hubungan Romantik dan Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan." *Jurnal E-Bangi* 4, no. 1 (2009), 106-113.
- Samarudin Rejab dan Nazri Abdullah. *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1982.
- Sanerya Hendrawan. *Spiritual Management: From Personal Enlightenment Towards God Corporate Governance*. Bandung: PT Mizan Pustaka, 2009.
- Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi, Edisi Keempat*. Nilai: USIM, 2014.
- Sariah Ramlan (Guru Pembimbing Jawi, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.
- Seyyed Hossein Nasr. *A Young Muslim's Guide to the Modern World*. Petaling Jaya, Mekar Publishers, 1994.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. "Pengenalan Pengajaran Individu dengan Tumpuan Khas kepada Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran." *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 3, no. 1, (1981), 54-62.
- Shveta Kalyanwala et al. "Abortion Experiences of Unmarried Young Women In India: Evidence from a Facility-Based Study In Bihar and Jharkhand." *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 36, no 2, (June 2010), 62-71.
- Sidek Baba. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2006.
- Sidek Mohd. Noh dan Jamaludin Ahmad. *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2005.
- Siti Balqis Mohd Azam, Haris Abdul Wahab dan Siti Hajar Abu Bakar Ah. "Ciri-Ciri Pemulihan Teraputik Berkesan untuk Anak Gadis Hamil Luar Nikah." *Jurnal Sarjana* 28, no. 1 (June 2013), 181-194.
- Siti Haida Mohd. Ijam (Kaunselor Pelatih, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 Jun 2014.

- Siti Hajar Abu Bakar et al. "Intervensi Sosial Untuk Komuniti Tersisih: Ke Arah Pembangunan Ummah." *Jurnal Hadhari* 4, no. 2 (2012) 29-44.
- Siti Khatijah Ismail dan Mohd. Badrol Awang, "Pengguguran dan Justifikasi Perundangan Mengikut Undang-Undang Islam Dan Peruntukan Seksyen 312 Kanun Keseksaan." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 6 (Julai 2013), 13-24.
- Siti Norlina Muhamad dan Mohd. Nasir Ripin. "Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh." (Makalah, Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca-modenisme (SIVIC2004, 2004).
- Siti Nor Yaacob et al. "Factors related to sexual knowledge among Malaysian Adolescents." *Jurnal Kemanusiaan* 16 (Dis 2010).
- Siti Rohani Mahat. "Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja." Disertasi Sarjana Pendidikan Psikologi Universiti Teknologi Malaysia, Johor. 2013.
- Siti Uzairiah Mohd. Tobi, *Qualitative Research and Nvivo 10 Exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2014.
- Siti Zalina Nor Monir (Guru Agama, Rumah Perlindungan dan Pemulihan Darul Wardah), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 April 2015.
- Sofiah Sulaiman et al. "Obstetric and Perinatal Outcome in Teenage Pregnancies." *SAJOG* 19, no. 3 (September 2013), 74-77.
- Song Huat Cheng dan Bicheng, *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd., 1998.
- Statistik Kelahiran bayi di Taman Seri Puteri 2011-2013, Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2011-2013.
- Statistik Pembuangan Bayi di Malaysia 2010-2014, Bahagian Siasatan Jenayah Seksual/Kanak-kanak, Polis Diraja Malaysia Bukit Aman Kuala Lumpur, 2014.
- Steven Eric Krauss @ Abdul Lateef Abdullah et al. "The Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI)'s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims." *Pertanika Journal Social Sciences and Humanities* 13, no. 2, (2005), 131-145.
- Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

*Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain) Taman Seri Puteri Cheras.*

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014.

Su Xu Vin et al. "Physical And Psychosocial Impacts of Pregnancy on Adolescents and Their Coping Strategies: A Descriptive Study in Kuala Lumpur, Malaysia." *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 14, no. 3 (2014), 71-80.

Tasnim Mohd. Salleh (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji 26 Ogos 2014.

Thomas J. Mowen. "Shifting Parenting Styles and the Effect on Juvenile Delinquency." Master of Arts, College of Arts and Sciences Department of Sociology University of Louisville, 2011.

Thomas Patrick Hughes. *Dictionary of Islam*. New Delhi: Cosmo Publications, 1982.

Travis Hirschi. *Causes of delinquency*. Berkeley: University of California Press, 1969.

Totok Jumantoro. *Psikologi Dakwah Dengan Aspek-aspek Kejiwaan yang Qur'ani*, Penerbit Amzah, 2001.

Umadevi Rajah Rendram. *Woman's Aid Organisation Annual Statistic 2013*. Selangor: Petaling Jaya, 2013.

Wendy H. Oddy et al., "The Long-Term Effects of Breastfeeding on Development," *Contemporary Pediatrics* (2012), 58-78.

W.S. Turambi. *Remaja Harus Mengetahuinya*. Singapore: Southeast Asia Publishing House, 1996.

Westa. *Psikologi Pengajaran*. Jakarta: Media Abadi, 1985.

Wickneswaran A/L Kaliaperumal. *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), 2005.

Witte, Kim. "Preventing Teen Pregnancy Through Persuasive Communications: Realities, Myths and the Hard-Fact Truths." *Journal of Community Health* 22, no. 2 (2 April 1997), 137.

World Health Organization (WHO). *Guidelines on Preventing Early Pregnancy and Poor Reproductive Outcomes*. Switzerland: WHO, 2011.

Yatimin. *Etika Seksual dan Penyimpangannya dalam Islam: Tinjauan Psikologi Pendidikan dari sudut pandang Islam*. Jakarta: Penerbit Amzah, 2008.

Yazid Abdul Qadir Jawas. *Syarah 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2006.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad. *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Pahang:

PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2004.

Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan. "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka." *Journal of Education Psychology & Counselling* 1 (Mac 2011), 115-140.

Zaizul Ab. Rahman. "Faktor Dorongan Jenayah Rogol di Malaysia dan Program Pemulihannya: Kajian di Penjara Sungai Udang, Melaka." Tesis kedoktoran Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 2012.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. "Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri." *Jurnal Hadhari*, Edisi Khas (2012), 155-172.

Zakaria Stapa. "Menangani Persoalan Penyakit Sosial Melalui Pendidikan Kerohanian Islam." *Jurnal YADIM* 7 (Oktober 2005), 30-38.

\_\_\_\_\_. *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001.

Zakiah Daradjat. *Ilmu Jiwa Agama*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1970.

\_\_\_\_\_. *Peranan Agama dalam Kesehatan Mental*. Jakarta: PT Gunung Agung, 1980.

Zakiyah Jamaludin, Md. Zawawi Abu Bakar dan Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. "Adolescent Pregnancy: Factors and Solution in Islamic Perspective." *Advances in Natural And Applied Sciences* 7, no. 4 Special Edition, (2013), 373-376.

Zaydān, 'Abd al-Karīm. *Uṣūl al-Da'wah*. t.tp. Al-Manar, 1976.

Zulkiple Abd. Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor. "Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap Beberapa Pandangan al-Imām al-Ghazālī."(Makalah, National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia 8-9 Ogos 2006,), 1-19.

Zuraidah Saad (Timbalan Pengetua, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014/6 Jun 2014.

## Laman Sesawang

- “9,496 Kes Jenayah Libatkan Warga Asing.” Laman sesawang *Berita Utusan Online*, dicapai 27 Julai 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/9-496-kes-jenayah-libatkan-warga-asing-1.24437>
- “152, 182 Orang Anak Luar Nikah 2008-2010.” Laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 16 Julai 2012,  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan\\_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa\\_03.htm&arc=hive#ixzz3Ilyic53X](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1116&pub=utusan_malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive#ixzz3Ilyic53X)
- “Ada Ibu Bapa Tak Terima Anak Hamil Luar Nikah.” Laman sesawang *Berita Sinar*, dicapai 09 Oktober 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ada-ibu-bapa-tak-terima-anak-hamil-luar-nikah-1.446391>
- “Adolescent Pregnancy.” Laman sesawang *World Health Organization* (WHO), dicapai 13 Jun 2013, <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs364/en/>
- “Adolescent Pregnancy: Issues in Adolescent Health and Development.” Laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 11 Mac 2012,  
[http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/topics/maternal/adolescent\\_pregnancy/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/topics/maternal/adolescent_pregnancy/en/)
- “Aspek Pendidikan Juvana Tak Diabai.” Laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 2 April 2014,  
[http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Aspekpendidikanjuvanatakdiabai\\_Article/article\\_print](http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/Aspekpendidikanjuvanatakdiabai_Article/article_print)
- “Bayi Lelaki Bertali Pusat ditinggalkan atas Bonet Kereta.” Laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 03 November 2014, <http://www.bharian.com.my/node/17643?df>
- “Buang Bayi dalam Sungai.” Laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 10 Jun 2015, <http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/Buangbayidalamsungai/Article>
- “Dasar Kanak-kanak Negara.” Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, dicapai 11 November 2014,  
[http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/index.php?option=com\\_content&view=article&id=673:dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara&catid=35:dasarpelan-tindakan&Itemid=884&lang=en](http://www.jkm.gov.my/oldsite16082013/index.php?option=com_content&view=article&id=673:dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara&catid=35:dasarpelan-tindakan&Itemid=884&lang=en)

“Gadis Mengaku Buang Bayi dalam Tandas.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 25 Oktober 2012

[http://www.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140508/ma\\_02/Gadis-mengaku-buang-bayi-dalam-tandas](http://www.utusan.com.my/utusan/Mahkamah/20140508/ma_02/Gadis-mengaku-buang-bayi-dalam-tandas)

“Hukum Menggugurkan Kandungan.” Laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 02 Mei 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/hukum-menggugurkan-kandungan>

“JAIP Perlu Siasat Gambar Luah Pelajar.” Laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 12 Jun 2014,

[http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JAIPperlusiasatgambarluahpelajar/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/JAIPperlusiasatgambarluahpelajar/Article/index_html)

“Kanak-kanak 11 Tahun Lahirkan Bayi.” Laman sesawang *Berita Utusan Malaysia*, dicapai 5 September 2015,

<http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/kanak-kanak-11-tahun-lahirkan-bayi-1.120865>

“Kes Remaja Hamil Luar Nikah: Satu Kelahiran Setiap Hari.” Laman sesawang *Mstar Online*, dicapai 13 Jun 2013,

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar\\_berita/20120922100653&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/22/mstar_berita/20120922100653&sec=mstar_berita)

“Kerajaan Sedia Rumah Perlindungan Gadis Hamil Luar Nikah Sejak 1975.” Laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 12 Julai 2013,

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)

“Kes Pembuangan Bayi.” Laman sesawang *Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat Johor*, dicapai 14 Januari 2013,

[http://www.iptho.edu.my/articles.php?article\\_id=4](http://www.iptho.edu.my/articles.php?article_id=4)

Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*, dicapai 10 Jun 2012,

<http://sel.jkmselangor.gov.my/index.php/menu/institusi-kebajikan-masyarakat-negeri-selangor/102-taman-seri-puteri-cheras>

Laman sesawang *Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*. Dicapai 04 Februari 2015, <http://www.kpwkm.gov.my/>

Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, <http://prpm.dbp.gov.my/>

- Laman sesawang *UKM News Portal*. Dicapai 02 Disember 2012,  
<http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyeleidikan/345.html>
- Laman sesawang *New Straits Times*. Dicapai 11 Ogos 2015  
<http://www2.nst.com.my/nation/general/more-unwed-teen-pregnancies-1.461045>
- Laman sesawang *United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF)*.  
Dicapai 14 November 2015,  
[http://www.unicef.org/malaysia/about\\_visionandmission.html](http://www.unicef.org/malaysia/about_visionandmission.html)
- Laman sesawang *OrphanCARE*. Dicapai 02 Jun 2012,  
<http://www.orphancare.org.my/index.php/baby-hatch/>
- Laman sesawang *Rumah Puteri Arafiah*. Dicapai 07 Julai 2014,  
<http://rumahputeriarafiah.blogspot.com/>
- Laman sesawang *Baitul Islah*. Dicapai 05 Mei 2014,  
<http://pkbais.blogspot.com/p/mengenali-kami.html>
- Laman sesawang *Dar Saadah*. Dicapai 07 Julai 2014,  
<http://darassaadah.blogspot.com/p/sejarah-penubuhan.html>
- Laman sesawang *Pertubuhan Kebajikan Baitul Fiqh (PKBF)*. Dicapai 09 Jun 2014,  
<https://sites.google.com/a/baitulfiqh.org/web/pengetahuan>
- Laman sesawang *Raudhatussakinah*. Dicapai 05 Mei 2014,  
<http://raudhatussakinah.wordpress.com/>
- Laman sesawang *Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*. Dicapai pada 17 Jun 2014,  
<http://www.mais.gov.my/>
- Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*. Dicapai 12 Mac 2014,  
[http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan\\_perlindungan\\_kanak-kanak\\_ppkk\\_dan\\_pusat\\_aktiviti\\_kanak-kanak\\_pakk&lang=bn](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan_perlindungan_kanak-kanak_ppkk_dan_pusat_aktiviti_kanak-kanak_pakk&lang=bn)
- Laman sesawang *Kementerian Kesihatan Malaysia*. Dicapai 9 Januari 2013,  
<http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/akibat-seks-luar-nikah>
- Laman sesawang *Sinar Harian*. Dicapai 02 Jun 2015,  
<http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/potong-bayi-pelaku-individu-dekatdengan-bayi-1.392168>
- Laman sesawang *Department of Social Services State of California, Health and Human Services Agency*, dicapai 12 Mei 2013, <http://www.babysafe.ca.gov/>

“Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja amat Membimbangkan.” Laman sesawang *The Borneo Post*, dicapai 07 Mei 2015,  
<http://www.theborneopost.com/2015/03/26/masalah-sosial-dalam-kalangan-remaja-amat-membimbangkan-kata-lawson/>

“Maternal, New born, Child and Adolescent Health.” Laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 02 Mei 2013,  
[http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/topics/maternal/adolescent\\_pregnancy/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/topics/maternal/adolescent_pregnancy/en/)

“Mayat Bayi dipotong 15 dalam Loji Kumbahan.” Laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 20 Mei 2015, <http://www.bharian.com.my/node/55590>

“Pelajar Buang Bayi Baru Lahir dalam Tali Air.” Laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 28 November 2012,  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20121025/je\\_09/Pelajar-buang-bayi-baru-lahir-dalam-tali-air](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20121025/je_09/Pelajar-buang-bayi-baru-lahir-dalam-tali-air)

“Pembuangan Bayi.” Laman sesawang *Kementerian Kesihatan Malaysia*, dicapai 02 Januari 2013,  
<http://www.myhealth.gov.my/index.php/my/pembuangan-bayi>

“Peningkatan Kes Kanak-kanak, Remaja Hamil Membimbangkan.” Laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 09 Oktober 2015,  
<http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/peningkatan-kes-kanak-kanak-remaja-hamil-membimbangkan-1.122227>

“Pendidikan Seks di Sekolah Tidak Perlu-DrMahathir.” Laman sesawang *Berita Utusan*, dicapai 18 Jun 2011,  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0420&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_24.htm#ixzz3pH9zWI4l](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0420&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_24.htm#ixzz3pH9zWI4l)

“Preventing Teen Pregnancy: An Update in 2009.” Laman sesawang *Centers for Disease Control and Prevention*, dicapai 08 Mac 2011,  
<http://www.cdc.gov/reproductivehealth/AdolescentReproHealth/AboutTP.html>

Program Kesedaran Menangani Kehamilan Luar Nikah.” Laman sesawang *Berita Astro Awani*, dicapai 12 Jun 2014,  
<http://www.astroawani.com/video-malaysia/program-kesedaran-menangani-kehamilan-luar-nikah-56402>

“Purata 18, 000 Remaja Hamil Setiap Tahun.” Laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 29 Oktober 2015, <http://www.bharian.com.my/node/92792>

“Pusat Jagaan Generasiku Sayang di Setiap Negeri.” Laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 01 Januari 2016, <http://www.hmetro.com.my/node/89210>

“Pusat Jagaan.” Laman sesawang *Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*, dicapai 10 Januari 2016,

[http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pusat\\_jagaan&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pusat_jagaan&lang=bm)

“Save Heaven’ Lindungi Bayi Luar Nikah.” Laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 14 Mac 2015,

[http://www2.hmetro.com.my/articles/SafeHaven\\_8217\\_lindungibayiluarnikah\\_Article/](http://www2.hmetro.com.my/articles/SafeHaven_8217_lindungibayiluarnikah_Article/)

“Seks Suka Sama Suka, 60 Peratus Kategori Bawah Umur Lakukan dengan Kerelaan.” Laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 03 Februari 2016,

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/seks-suka-sama-suka-1.185858>

“Tangkapan Kes Berkaitan Zina Lebih Banyak daripada Arak, Laman sesawang *Selangor Kini*, dicapai 02 Jun 2013,

<http://bm.selangorku.com/74663/tangkapan-kes-berkaitan-zina-lebih-banyak-daripada-arak/>